

ABSTRAK

Kes kemalangan jalan raya merupakan antara tuntutan paling besar daripada kes-kes kecuaian yang dibicarakan di mahkamah Malaysia. Proses penyelesaiannya dikritik oleh sebahagian pengkaji kerana litigasinya mengambil masa yang panjang. Pembayaran ganti rugi oleh syarikat insurans pula tidak menyeluruh kepada semua golongan mangsa. Rentetan dari itu, cadangan pindaan undang-undang dikemukakan oleh sebahagian pengkaji termasuk pembaharuan berdasarkan skim liabiliti tanpa salah yang dilaksanakan di sebahagian negara lain. Pindaan Akta Undang-undang Sivil 1956 juga telah dilakukan untuk memperbaiki sebahagian aspek dalam penyelesaian kes. Namun ia masih tidak mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul. Justeru itu kajian ini dikemukakan untuk mengutarakan penyelesaian sebenar terhadap kes kemalangan jalan raya berdasarkan perundangan Islam. Persamaan dan perbezaan di antara perundangan Islam dan undang-undang di Malaysia dilakukan bagi mencari prospek penyelesaian terhadap permasalahan tersebut. Perbandingan ditumpukan kepada tiga aspek iaitu penentuan liabiliti, penetapan kuantum ganti rugi dan penanggungan liabiliti. Kajian ini mengguna pakai metode kepustakaan dan temu bual berstruktur dengan persampelan purposif. Analisis data pula dilakukan secara induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapatkan bahawa pembuktian kecuaian bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia adalah rumit kerana pembuktian elemennya banyak bergantung kepada unsur kebolehramalan. Penetapan kuantum ganti rugi pula dibuat berdasarkan jangkaan, terutamanya bagi ganti rugi pada masa hadapan. Undang-undang yang tidak jelas ini menggalakkan rayuan berpanjangan daripada pihak-pihak yang berlitigasi. Ianya menyumbang kepada kelewatan penyelesaian kes. Hasil kajian sebaliknya mendapatkan bahawa dalam perundangan Islam pula, secara asasnya kaedah penentuan

liabiliti disandarkan kepada bentuk perbuatan. Justeru itu, penentuan liabiliti adalah jelas dan lebih mudah kerana pembuktian kecuaian tidak dituntut dalam semua keadaan. Penetapan kuantum ganti rugi berdasarkan perundangan Islam juga lebih mudah dilakukan kerana berpandukan kepada diat sebagai nilai siling bagi pelbagai bentuk kehilangan dan kecederaan diri. Seterusnya, skop tanggungan liabiliti ‘*āqilah* dan *bayt al-māl* dalam perundangan Islam adalah lebih luas kerana merangkumi semua golongan mangsa yang dicerobohi haknya secara salah. Akhirnya, hasil kajian merumuskan bahawa konsep dalam perundangan Islam wajar diaplikasikan bagi mempercepatkan penyelesaian kes kemalangan di Malaysia dan sekali gus memberikan pembelaan hak mangsa secara menyeluruh. Diharap kajian ini dapat memberikan sumbangan signifikan kepada penggubal undang-undang dalam usaha menambahbaik proses penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia.

ABSTRACT

The majority of negligence cases being adjudicated in the Malaysian courts are cases involving road accidents. The settlement process is being criticized by some analysts due to the fact that the litigation process is time consuming. Compensation payouts by insurance companies do not cover all kinds of victims. As a consequence, a proposal to amend the law has been suggested by some researchers including a renewal based on the no-fault liability scheme as practised by other countries. An amendment to the Civil Law Act 1956 has been done in order to improve some aspects in solving of cases. However, it is not able to solve the various problems that arise. Hence, this study puts forward the solution to road accident cases based on Islamic law. The similarities and differences between Islamic law and the law in Malaysia were analysed in order to find the solution to this problem. The comparisons focus on three aspects, which are, determining liability, quantum of compensation and burden of liability. This study employs the library method and a structured interview on a purposive sample. The data analysis was done inductively, deductively and comparatively. The findings show that in Malaysia, it is very complex to prove negligence in cases of road accidents because proving a case depends on the elements to be proven. The quantum of compensation is done based on estimation, especially for cases regarding future loss. These laws which are unclear result in long periods of appeals from the litigation parties. This contributes to late settlement of cases. The findings of this study show otherwise in Islamic law where basically, the method of determining liability is based on the type of action. Therefore, the act of determining liability is clear and also easier because evidence of negligence is not applicable in all situations. The quantum of compensation according to Islam is based on the use of *diat* as the ceiling value for various types of losses and self-injuries. Also, the scope for burden of liability on '*aqilah* and *bayt al-mal*' in Islamic law

is wider as it covers all victims whose rights were wrongly assaulted. Finally, the findings of this study concludes that the Islamic law concept should be applied in order to expedite the settlement of accident cases in Malaysia and to give an overall protection of rights to the victims. It is hoped that this study will contribute significantly to the lawmakers in their efforts to enhance the settlement process of road accidents in Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t., selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammd s.aw., ahli keluarga dan para sahabatnya yang soleh. Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurniaNya penulisan tesis ini dapat disempurnakan. Syukur kepadaNya kerana melalui perjuangan ilmiah ini, banyak hikmah kehidupan yang tidak ternilai dapat penulis pelajari.

Penyelidik ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali dan Dr. Siti Zubaidah Ismail, selaku penyelia atas bimbingan, idea, galakan dan nasihat yang tidak ternilai sepanjang tempoh kajian ini. Segala ilmu, masa dan perhatian yang diberikan sangat dihargai dan hanya Allah yang dapat membalasnya dengan sebaik-baik ganjaran. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan buat Datin Dr. Paizah Ismail dan Dr. Luqman Abdullah yang tidak lokek untuk berkongsi ilmu dan idea dengan penulis. Begitu juga dengan semua pensyarah di Jabatan Fiqh dan Usul, terutamanya Dr. Ridzwan bin Ahmad selaku Ketua Jabatan yang banyak membantu dan memberikan sokongan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pakar dalam bidang kajian seperti Dr. Hashim bin Mehat, Dr. Abdul Basir bin Haji Mohamad, Dr. Abdul Halim el-Muhamady, Dr. Md Khalil bin Ruslan dan Dr. Lukman Abdul Mutalib atas kesudian meluangkan masa untuk ditemu bual oleh penulis. Tidak dilupakan juga, Dato' Sheikh Abdul Halim bin Abdul Kadir, selaku Yang di Pertua Persatuan Ulama dan Puan Farah Nina binti Zainal Abidin yang merupakan seorang peguam berpengalaman atas input berharga yang dikongsikan bersama penulis melalui temu bual yang dijalankan.

Kajian ini tidak dapat disempurnakan tanpa bantuan pelbagai pihak. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaya kerana sudi menaja pengajian penulis sehingga kajian ini dapat disempurnakan. Setulus penghargaan buat Puan Nur Hafiza binti Hamzah, Puan Firdaus binti Md Tahir dan Puan Hjh. Rohani binti Hj. Mohamed Said sebagai pembaca pruf dan penterjemah atas khidmat profesional yang diberikan. Sekalung penghargaan buat Ustaz Mohd Dzul Khairi bin Mohd Noor atas bantuan *takhrij* hadith. Tidak dilupakan juga, semua kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya khususnya Pemangku Pengarah, Prof. Dato' Dr Mohd Yakub @ Zulkilfi Hj. Mohd Yusoff, Puan Noriah binti Salleh, Puan Fadzlina, Puan Zainon binti Adon dan Puan Norazah binti Ithnin. Jutaan terima kasih diucapkan atas kerjasama dan bantuan yang diberikan.

Penghargaan yang teristimewa dirakamkan buat suami tercinta Mohd Hafiz bin Habil yang sentiasa berada di sisi dalam jatuh bangun penulis menyempurnakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan buat ibu dan ayah, Abdul Khalil bin Affandi dan Noor Be binti Musa, serta ibu dan bapa mertua, Habil bin Hassan dan Robiah binti Yaakob atas sokongan, kasih sayang dan doa yang tidak pernah putus untuk kejayaan penulis. Buat anak-anak permata hati Muhammad Dzulfikri, Hanis Khadijah dan Kauthar Sofiyyah yang lahir dalam tempoh perjuangan ilmiah ini, terima kasih kerana memberikan kerjasama yang terbaik. Semoga semangat dan kecekalan menuntut ilmu, meresap dan sebatи ke dalam jiwa kalian. Buat adik-adik dan kaum keluarga tersayang, jutaan terima kasih diucapkan atas sokongan, bantuan dan doa yang dipanjatkan.

Akhirnya, buat sahabat-sahabat seperjuangan Khadijah, Fahimah, Raihana, Mazni, Asyikin, Nurul Huda, Bahiyah Ahmad, Wahida dan Najibah terima kasih atas sebuah persahabatan dan inspirasi yang diberikan. Tidak dilupakan juga buat semua yang telah menyumbang kepada kejayaan penulis dalam apa jua bentuk walaupun tidak dinyatakan namanya di sini. Penulis memanjatkan doa agar Allah memberkati, merahmati dan memberikan ganjaran yang sebaik-baiknya buat kalian.

Jazakumullah khair al-jaza'.

Shahidra binti Abdul Khalil

Jabatan Fiqh dan Usul,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
50603, Kuala Lumpur.
shahidra@um.edu.my
syahidahalil@gmail.com

DAFTAR KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI STATUT	xix
SENARAI KES	xx

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Skop Kajian	10
1.6 Ulasan Literatur	11
1.6.1 Penentuan Liabiliti	15
1.6.2 Penetapan Ganti Rugi	18
1.6.3 Penanggungan Liabiliti	21
1.7 Kepentingan Kajian	23
1.8 Metodologi Penyelidikan	25
1.8.1 Metodologi Pengumpulan Data	25
1.8.2 Metodologi Analisis Data	27

BAB 2: LIABILITI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA BERDASARKAN UNDANG-UNDANG DAN AMALAN DI MALAYSIA

2.1	Pendahuluan	29
2.2	Kecuaian sebagai Asas Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya	29
2.2.1	Wujud Kewajipan Berjaga-jaga	30
2.2.2	Pelanggaran Kewajipan Berjaga-jaga	33
2.2.3	Kerosakan Adalah Akibat Pelanggaran Tanggungjawab Berjaga-jaga	37
2.3	Pembahagian Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia	43
2.3.1	Tanggungan Bersama di Antara Pelaku-pelaku Tort	43
2.3.2	Kecuaian Sertaan Mangsa	47
2.4	Penutup	51

BAB 3: GANTI RUGI DAN PENILAIANNYA BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA DI MALAYSIA

3.1	Pendahuluan	52
3.2	Ganti Rugi bagi Kes-Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia	52
3.2.1	Ganti Rugi Am	55
3.2.2	Ganti Rugi Khas	69
3.2.3	Bunga dan Kos	71
3.3	Penetapan Kuantum Ganti Rugi bagi Kes-kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia	74
3.3.1	Penetapan Nilai Ganti Rugi	76
3.3.2	Penetapan Tahun Perolehan	88
3.4	Penutup	96

BAB 4: PENANGGUNG LIABILITI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA DI MALAYSIA

4.1	Pendahuluan	98
4.2	Penanggung Liabiliti dan Skop Tanggungan	98
4.2.1	Syarikat Insurans	98
4.2.2	Pemandu Cuai	103
4.2.3	Biro Penanggung Insurans Motor (BPIM)	104

4.3	Dalihan-dalihan oleh Penanggung Liabiliti	107
4.3.1	Tamat Tempoh Masa Tuntutan	107
4.3.2	Syarat-syarat Lain Yang Dibenarkan Undang-undang	109
4.4	Penutup	120

BAB 5: KONSEP LIABILITI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

5.1	Pendahuluan	121
5.2	Asas Pembentukan Liabiliti Bagi Kes Kemalangan Jalan Raya dalam Perundangan Islam Menurut Sarjana Muslim	122
5.2.1	Pencerobohan Hak (<i>al-Ta'addī</i>)	122
5.2.2	Kerosakan (<i>al-Darar</i>)	127
5.3	Asas Pengenaan Liabiliti Terhadap Pihak-pihak Yang Terlibat	130
5.3.1	Asas Liabiliti Pelaku Secara Langsung (<i>al-Mubāsyir</i>)	131
5.3.2	Asas Liabiliti Pelaku Secara Tidak Langsung (<i>al-Mutasabbi</i>)	132
5.4	Penentuan Liabiliti bagi Beberapa Orang Pelaku	135
5.5	Pembahagian Liabiliti di Antara Pihak-pihak Yang Terlibat Dalam Kemalangan	137
5.6	Kecuaian Sertaan (<i>Fi'l al-Mutadarrar</i>)	139
5.7	Penutup	143

BAB 6: GANTI RUGIBAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

6.1	Pendahuluan	145
6.2	Ganti Rugi bagi Kes Kemalangan Jalan Raya	146
6.2.1	Kematian dan Kecederaan	147
6.2.2	Kerosakan Harta Benda dan Kerugian Material	155
6.3	Kaedah Penetapan Ganti Rugi	156
6.3.1	Penetapan Nilai Ganti Rugi Berdasarkan Nas Syara'	156
6.3.2	Penetapan Ganti Rugi Berdasarkan Pertimbangan Hakim	168
6.3.3	Penetapan Ganti Rugi Berdasarkan Prinsip dalam Nas Syarak	168
6.4	Penutup	171

BAB 7: PENANGGUNG LIABILITI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM SEMASA

7.1	Pendahuluan	173
7.2	Konsep Tanggungan Liabiliti bagi Kes-Kes Kemalangan Jalan Raya	174
7.3	Penanggung Liabiliti Menurut Fiqh	178
7.3.1	<i>Āqilah</i>	179
7.3.2	<i>Bayt al-Māl</i>	184
7.3.3	Pelaku Salah	190
7.4	Penanggung Liabiliti Berdasarkan Realiti Semasa di Malaysia	192
7.4.1	Takaful Sebagai Alternatif kepada <i>Āqilah</i> Dan Isu-isu Fiqh Berbangkit	192
7.4.2	Institusi Semasa Yang Memainkan Peranan <i>Bayt Al-Māl</i> Sebagai Penanggung Liabiliti	198
7.5	Penutup	201

BAB 8: PENYELESAIAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA: ANALISIS PERBANDINGAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA DAN PERUNDANGAN ISLAM

8.1	Pendahuluan	202
8.2	Penentuan Liabiliti	203
8.2.1	Elemen Liabiliti	203
8.2.2	Pembahagian Liabiliti	213
8.2.3	Konsep Penentuan Liabiliti Menurut Perundangan Islam bagi Mempercepatkan Penyelesaian Kes	216
8.3	Penetapan Kuantum Ganti Rugi	222
8.3.1	Bentuk Kerosakan Yang Diberikan Ganti Rugi	222
8.3.2	Kaedah Penetapan Kuantum Ganti Rugi	225
8.3.3	Penetapan Ganti Rugi Menurut Perundangan Islam bagi Mengelakkan Rayuan Berpanjangan	235
8.4	Penanggungan Liabiliti dan Pembayaran Ganti Rugi	240
8.4.1	Konsep Tanggungan Liabiliti	241
8.4.2	Skop Tanggungan Liabiliti Pihak-pihak Yang Bertanggungan	242

8.4.3 Perlindungan Komprehensif Terhadap Mangsa Melalui Pengupayaan Institusi Penanggung Liabiliti	247
8.5 Penutup	250
BAB 9: PENUTUP	
9.1 Pendahuluan	251
9.2 Rumusan dan Dapatan Kajian	252
9.2.1 Analisis Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia	252
9.2.2 Analisis Penyelesaian Kes-kes Kemalangan Jalan Raya Berdasarkan Perundangan Islam	255
9.2.3 Perbandingan Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-Undang Malaysia dan Perundangan Islam	259
9.2.4 Pembaharuan Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia Berlandaskan Perundangan Islam dalam Aspek-Aspek Tertentu.	264
9.3 Implikasi Kajian	269
9.3.1 Pihak Penggubal Undang-Undang	269
9.3.2 Pihak Kerajaan dan Pelaksana	270
9.3.3 Badan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri	271
9.4 Cadangan Kajian Akan Datang	272
9.5 Penutup	272

BIBLIOGRAFI	273
--------------------	-----

SENARAI JADUAL

Jadual 6.1:	Nilai Diat Semasa Berdasarkan Nilai Emas dan Perak bagi Pelbagai Jenis Kehilangan dan Kecederaan Anggota Tubuh	149
Jadual 8.1:	Elemen-Elemen Liabiliti Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	202
Jadual 8.2:	Pembuktian Liabiliti Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	203
Jadual 8.3:	Faktor Yang Menentukan Kewujudan Hubungan Sebab Akibat Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	208
Jadual 8.4:	Cadangan Pembuktian Elemen Wujud Kewajipan Berjaga-jaga Berdasarkan Konsep dalam Perundangan Islam	218
Jadual 8.5:	Bentuk Kerosakan Yang Diperuntukkan Ganti Rugi Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	222
Jadual 8.6:	Kaedah Penetapan Kuantum Ganti Rugi Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	224
Jadual 8.7:	Pertimbangan Hakim dalam Menetapkan Ganti Rugi Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	226
Jadual 8.8:	Kuantum Ganti Rugi bagi Kehilangan dan Kecederaan Anggota Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	227
Jadual 8.9:	Perbandingan Kuantum Ganti Rugi dalam Penghakiman Kes Tin Fhui Sze v Teoh Tun Ching & Ors [2011] MLJU 883 dengan Perundangan Islam	229
Jadual 8.10:	Perbandingan Kuantum Ganti Rugi dalam Penghakiman Yee Kah Bao dan Satu Lagi Iwn Lau Choon Hong [2013] 9 MLJ 270 dengan Perundangan Islam	232
Jadual 8.11:	Penanggung Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia dan Perundangan Islam	240
Jadual 8.12:	Skop Tanggungan Penanggung-penanggung Liabiliti di Malaysia dan Perundangan Islam	241
Jadual 9.1:	Sumber Panduan bagi Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya dalam Perundangan Islam	255
Jadual 9.2:	Prinsip Penentuan dan Pembahagian Liabiliti Menurut Perundangan Islam	256
Jadual 9.3:	Persamaan dan Perbezaan Undang-Undang Malaysia dan Perundangan Islam dalam Aspek-aspek Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya	258
Jadual 9.4:	Ciri-ciri Umum Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam dalam Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya	262

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1:	Ganti Rugi bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia	54
Rajah 3.2:	Kaedah Penetapan Kuantum Ganti Rugi di Malaysia	75
Rajah 7.1:	Pembahagian Harta <i>Bayt al-Māl</i> di Zaman Awal Pemerintahan Islam	185
Rajah 7.2:	Perbandingan Kedudukan Baitulmal di Malaysia Berbanding <i>Bayt Al-Māl</i> di Zaman Pemerintahan Islam	198
Rajah 8.1:	Perbandingan Konsep Pembahagian Liabiliti di antara Beberapa Orang Pelaku Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam	213
Rajah 8.2:	Perbandingan Konsep Liabiliti Menurut Undang-undang di Malaysia, Perundangan Islam dan Skim Liabiliti Tanpa Salah	219
Rajah 9.1:	Aspek Yang Abstrak dalam Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia	253
Rajah 9.2:	Cadangan Pembaharuan Aspek-aspek Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya Semasa Berdasarkan Konsep dalam Perundangan Islam	265
Rajah 9.3:	Cadangan Pembaharuan Aspek Penanggungan Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya Semasa Berdasarkan Konsep dalam Perundangan Islam	267

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أ	' (a,i,u)	القراءة	<i>al-Qirā'ah</i>
2.	ب	B	بعثَ	<i>ba'atha</i>
3.	ت	T	تابَ	<i>Tāba</i>
4.	ث	Th	ثوابَ	<i>Thawāba</i>
5.	ج	J	جعلَ	<i>ja'ala</i>
6.	ح	H	حلَّ	<i>Halaba</i>
7.	خ	Kh	خطَبَ	<i>Khataba</i>
8.	د	D	دفعَ	<i>dafa'a</i>
9.	ذ	Dh	ذهبَ	<i>Dhahaba</i>
10.	ر	R	رجَعَ	<i>raja'a</i>
11.	ز	z	زرَعَ	<i>zara'a</i>
12.	س	s	سمَعَ	<i>sami'a</i>
13.	ش	sh	شَفَعَ	<i>shafa'a</i>
14.	ص	ṣ	صَدَدَ	<i>ṣa'ada</i>
15.	ض	ḍ	ضَلَلَ	<i>Dalala</i>
16.	ط	ṭ	طَلَعَ	<i>ṭala'a</i>
17.	ظ	ẓ	ظَفَرَ	<i>Zafara</i>
18.	ع	'(a,i,u)	علَيْهِ	<i>'alayh</i>
19.	غ	gh	غَفَرَ	<i>Ghafara</i>
20.	ف	f	فَلَحَ	<i>Falahā</i>
21.	ق	q	قَلَمَ	<i>Qalama</i>
22.	ك	k	كَتَبَ	<i>Kataba</i>
23.	ل	l	لَعِبَ	<i>la'iба</i>
24.	م	m	مَنَعَ	<i>mana'a</i>
25.	ن	n	نَالَ	<i>Nāla</i>
26.	و	w	وَعَدَ	<i>wa'ada</i>
27.	ه	h	هَدَمَ	<i>Hadama</i>
28.	ي	y	يَعْلَمُ	<i>ya'lamu</i>

Vokal Panjang

No.	<i>Huruf Arab</i>	<i>Huruf Rumi</i>	Contoh	
			<i>Tulisan Arab</i>	<i>Tulisan Rumi</i>
1.	/	ā	قَالَ	qāla
2.	أُو	ū	مُؤْسَى	mūsā
3.	إِي	ī	إِيمَانٌ	īmān

Vokal Pendek

No.	<i>Huruf Arab</i>	<i>Huruf Rumi</i>	Contoh	
			<i>Tulisan Arab</i>	<i>Tulisan Rumi</i>
1.	----- (فتحة)	a	نَصَرٌ	naṣara
2.	----- (كسرة)	i	نَاصِرٌ	nāṣira
3.	----- (ضمة)	u	يَنْصُرُ	yansuru

Diftong

No.	<i>Huruf Arab</i>	<i>Huruf Rumi</i>	Contoh	
			<i>Tulisan Arab</i>	<i>Tulisan Rumi</i>
1.	أُو	aw	أُوَابَ	awwāba
2.	أَيْ	ay	أَيَامٌ	ayyāma
3.	إِي	iy	إِيَّاكَ	iyyāka

Catatan:

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu seperti perkataan ulama, ilmiah, al-Quran, hadith dan lain-lain.

SENARAI SINGKATAN

Bil	Kependekan	Kepanjangan
1.	ALL E.R	All England Reports
2.	AMR	All Malaysia Reports
3.	Anor	Another
4.	Bil.	Bilangan
5.	BPIM	Biro Penanggung Insurans Motor
6.	Cet.	Cetakan
7.	CLJ	Current Law Journal
8.	Dr.	Doktor
9.	DW	Defendant's Witness
10.	Ed.	Editor
11.	Et. al	Lain-lain pengarang bersama
12.	H	Hakim
13.	HMA	Hakim Mahkamah Agung
14.	HMR	Hakim Mahkamah Rayuan
15.	Ibid.	Ibidem: pada tempat yang sama
16.	j.	Jilid/ juzuk
17.	JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
18.	LNS	All Unreported Cases
19.	LTS	Liabiliti Tanpa Salah
20.	lwn	Lawan
21.	MLJ	Malayan Law Journal
22.	MLJU	Malayan Law Journal Unreported
23.	MMD	Mallal's Monthly Digest
24.	Ors	Others
25.	PIAM	Persatuan Insurans Am Malaysia
26.	PIR	Personal Injury Reports
27.	PW	Plaintif's Witness
28.	QB	Queen's Bench
29.	RIMV	Registrar Inspector of Motor Vhicle
30.	[sic!]	Seperti dalam teks asal
31.	SOCSO	Social Security Organisation
32.	Supra	Lihat teks yang sama di atas atau halaman sebelumnya
33.	PERKESO	Persatuan Keselemanan Sosial
34.	r.a	<i>Rađiya Allāh 'Anh/Rađiya Allāh 'Anhā</i>

35.	s	Seksyen
36.	s.a.w	<i>Sallallah ‘alaihi wa Sallam</i>
37.	SP	Saksi plaintif
38.	terj.	Terjemahan
39.	t.t	Tanpa Tahun
40.	t.tp	Tanpa tempat penerbit
41.	v	versus

SENARAI STATUT

Akta Undang-undang Sivil 1956, (Akta 67)

Akta Had Masa 1953 (Akta 254)

Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Akta Kerja 1955 (Akta 265)

Akta Perusahaan 1967 (Akta 177)

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (AMK)

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M

Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 (KMP)

SENARAI KES

- Abdul Ghaffar bin Md Amin v. Ibrahim bin Yusoff & Anor [2008] 3 MLJ 771
- Abdul Jalil Abdul Wahab v Liew Foong [1990] 1 CLJ 729
- Abdul Malek bin Idrus & Ors v Tan Jee Han [2013] 10 MLJ 865
- Abdul Wahab bin Jam Jam v Abdul Wahab bin Abdullah & Anor [2008] 7 MLJ 277
- Ahmad Nordin bin Hah Maslan & Anor v Eng Ngak Hua & Ors [1985] 2 MLJ 431
- Ahmad Sandara Lela Putera & Anor v. Queensland Insurance Co. Ltd. [1975] 1 MLJ 269
- Amrik Singh a/l Piara Singh v Mohd Fairudz b Abd Malek [2008] 1 PIR [1]
- Anantha Kiruisan PSR @ Anantha Krishnan & Anor v Teoh Chu Chong [2008] 4 MLJ 672
- Ang Soong Seng & Anor v Noraini Bte Doralik & Anor [2003] 5 MLJ 456
- Appalasamy a/l Bodoyah v Lee Mon Seng [1996] 3 CLJ 71
- Azami bin Ahmad dan satu lagi lwn Mohd Yunan bin Che Ya [2009] 9 MLJ 767
- Azizi bin Amran v Hizzam bin Che Hassan [2006] 4 MLJ 555
- Baharuddin b Sulong & Anor v Hiew Chong Choo [2008] 1 PIR [40]
- Balvinder Kaur v Omparkash Singh & Ors [1995] MLJU 83
- Baskaran v. Techeera (M) Sdn. Bhd. [1992] MMD April 461
- Capital Insurance Berhad v. Kasim Mohd Ali [1996] 3 CLJ 19
- Chan Chin Ming & Anor v Lim Yok Eng [1994] 3 MLJ 233
- Chang Chong Foo & Anor v Shivanathan [1992] 2 MLJ 473
- Chang Kan Nan v Ludhiana Transport Syndicate [1950] MLJ 299
- Che Wil v. Mahmood bin Ismail [1982] 2 MLJ 354
- Chin Hooi Nan v Comprehensive Auto Restoration Service Sdn Bhd & Anor [1995] 2 MLJ 100
- Chong Sin Sen v Janaki a/p Chellamuthu [1997] 5 MLJ 411
- Chua Kim Suan & Anor v Government of Malaysia & Anor [1994] 1 MLJ 394
- Ch'ng Chong Song v Lok Chen Chong & Yong Ah Jun [1991] 1 CLJ 515
- Dirkje Piaternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors [1990] 3 MLJ 103
- Donoughe v Stevenson [1932] AC 562

- Dr Yusuff bin Hj Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor [1997] 5 MLJ 530
- Esah bte Ishak & Anor v. Kerajaan Malaysia & Anor [2006] 6 MLJ 1
- Fakruddin b Zainal Ariffin v Kerajaan Negeri Pahang & Anor [2008] 1 PIR [14]
- Hacharan Singh Saudagar Singh v Hassan Ariffin [1990] 2 CLJ (Rep) 99
- Halijah lwn Velaitham [1966] 1 MLJ 192
- Hamizan bin Abd Hamid v Wong Kok Keong & Anor [1994] 4 CLJ 122
- Hazimah Muda & Anor v Ab Rahim Ab Rahman & Anor [2001] 5 CLJ 511
- IB Drennan v RF Geer [1975] 23 MLJ 77
- Ibrahim bin Ismail & Anor v. Hasnah bte Puteh & Anor and Another Appeal [2004] 1 CLJ 797; [2004] 1 MLJ 525
- Jag Singh v. Toong Fong Omnibus Co Ltd [1962] 1 MLJ 78
- Jasi Alam v Nohya Bin Mustar & Anor [1975] 1 MLJ 166
- Jayakumar s/o Kupusamy & Anor v Chen Kit Hong & Anor [1984] 1 MLJ 376
- Joremi bin Kimin & Anor v Tan Sai Hong [2001] 1 MLJ 268
- Jos ak Alam v Zulimi bin Lifat & Anor and another appeal [2014] 9 MLJ 139
- Kamala a/p Gopal v Rajendran a/l Ramasamy & Anor [1989] 1 CLJ 1075
- Kanan a/l Subramaniam dan satu lagi lwn Aman Syah Abadzyuid [2002] 7 MLJ 561
- Kasirin Kasmani v. The Official Administrator & Anor [1991] 2 CLJ 800
- Kerajaan Johor Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors [1998] 2 MLJ 158
- Khairul Anwar bin Abd Aziz & Anor v Pakiam a/p Vitilingam & Anor [2010] 7 MLJ 372.
- Lai Moi Lan & 6 Ors v Mahari b Maskop & Anor [2008] 1 PIR [16]
- Lau Ee Ee v Tang King Kwong [1986] 1MLJ 308.
- Lau Ping Siong & Anor v Nador ak Tawi [2013] 10 MLJ 278
- Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein [1999] 5 MLJ 172
- Lee Tai Kau & Anor v Rajanderan a/l Manickam & Anor [1996] 1 CLJ 589
- Lim Kong Yeng v Yap Wee Ying [1982] CLJ (Rep) 529
- Lim Yoke Kong v. Sivapiran Sabapathy [1992] 1 CLJ 184
- Liong Thoo v Sawiyah & Ors [1982] 1 MLJ 286
- Loh Chee Keong v Syarikat Bee Huat Sdn Bhd & Anor [1982] 2 MLJ 184
- Mahamad bin Mahamad Said & Anor v Perianayagam & Anor [1972] 1 MLJ 67

Marimuthu Velappan v. Abdullah Ismail Civil Appeal No. 12-9-05

Mary Colete John v. South East Asia Insurance Berhad [2004] 7 CLJ 314

Mohd Rezal b. Hashim v Wong Kwai Chuen [2008] 1 PIR [7]

Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan Bin Ahmad [1994] 2 MLJ 187

Mohamed Hassan b Abd Kadir & Anor v Loh Kian Huat & Anor [2008] 1 PIR [17]

Mohd Salleh Kasim v. Taisho Marin & Fire Insurance [1999] 5 CLJ 302

Mohd Sarani bin Rasman v. Pan Global Insurance Sdn. Bhd [2001] 1 LNS 206

Mohd Zukhairi Abd Ghapar v Quek Chiam Kee [2004] 5 MLJ 6

Multar v. Lim Kim Chee & Anor [1982] 1 MLJ 184

Muniyandi a/l Periyan & Anor v Eric Chew Wai Keat & Anor [2003] 3 MLJ 527

Murtadza v Chong Swee Pian [1980] 1 MLJ 216

New India Assurance Co. Ltd v. Simirah [1966] 2 MLJ 1

Ng Peng Hong v Ng Shaw Ching & Anor [2000] 6 MLJ 403

Ngooi Ku Siong & SL lwn Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30

Neo Kim Soon v Subramaniam a/l Ramanaidu & Anor [1995] 3 MLJ 435

Noor Famiza bte Zabri & Anor v. Awang bin Muda & Anor [1994] 1 MLJ 599

Noor Hisham b Mohd Wahi v Mohamad Harbi b Mohamed [2008] 1 PIR [46]

Noorianti Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge [1990] 2 CLJ (Rep) 545

Noraini bte Omar & Anor v. Rohani bin Said [2006] 3 MLJ 150.

Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324

Parimala A/P Muthusamy & Ors v Projek Lebuhraya Utara-Selatan [1997] 5 MLJ 488

Periasamy Subbiah lwn Siew Peng Whye dan satu lagi [1998] 5 CLJ 557

Pigney v Pointers Transport Services Ltd [1957] 2 All ER 807; [1957] 1 WLR 1121

Raja Mohktar bin Raja Yaacob v Public Trustee, Malaysia [1970] 2 MLJ 151

Raja Zam Zam v Vaithiyanathan [1965] 2 MLJ 252

Rajinder Singh s/o Balwang Sigh v. Koay Teong Chooi [1994] 3 CLJ 643

Ramli Shahdan & Anor v. Motor Syarikat insurans's Bureau of West Malaysia & Anor [2006] 1 CLJ 224

Rosilawati bt Ismail v Nor Baizura bt Dziyaudin & Anor [2008] 1 PIR [12]

Rubaiddah Bte Dirin v Ahmad Bin Ariffin [1997] 1 MLJ 677

Santhanaletchumy A/P Subramaniam v Zainal Bin Saad & Anor [1994] MLJU 422

- Saripah bt Mahmud v Govindaraju a/l Venkatachalam & Anor [2011] MLJU 630
- Shahrizam bin Damsah v Mahathir bin Mohd Isa & Anor [2013] MLJU 1228.
- Siti Nurhasfeezan bt Abdul Khir v Ahmad Helmy b Abd Rahman & Anor [2008] 1 PIR [48]
- Sivakumaran & Ors v Yu Pan & Anor [1995] 1 MLJ 12
- Sodah bt Haji Saad v Saleh bin Bakar & Anor [2009] MLJU 61.
- Soh Hau Huat v Mohd Nor Taya & Anor [1992] 3 CLJ 600
- Sri Jaya Transport Co (PTM) Bhd v Ang Chai Hai & Ors [1974] 2 MLJ 92
- Sukatno v Lee Seng Kee [2009] 3 MLJ 306
- Sundram v Arujunan & Anor [1994] 3 MLJ 361
- Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor [2001] 2 MLJ 275
- Takong Tabari v. Govt. Of Sarawak & Ors [1998] 4 MLJ 512.
- Tahan Insurance Malaysia Bhd v. Ong Choo Tian & Anor [2004] 7 CLJ 270
- Tan bin Hairuddin & satu lagi lwn Bayeh Belalat [1990] 1 CLJ (Rep) 529.
- Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow [1995] 3 MLJ 89.
- Tan Cheong Seng lwn Lee Lai Seng dan 1 lagi [1994] 3 CLJ 163
- Tan Guan Cheng & Anor V Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co. Ltd. [1971] 1 MLJ 49
- Tan Keng Hong & Anor v. New India Insurance Co. Ltd [1978] 1 MLJ 97
- Tan Kheng Kuan v Lim Chen Teik & Ors [1965] 1 MLJ 116
- Tan Kim Chuan & Anor v. Chandu Nair [1991] 2 MLJ 42
- Tan Kwee Low v Lee Chong & Anor [1960] 1 MLJ 212
- Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad [1985] 1 MLJ 50
- Tham Yew Heng & Anor V Chong Toh Cheng [1985] 1 MLJ 408
- Thangavelu v Chia Kok Bin [1981] 2 MLJ 277
- The People's Insurance Co. (M) Sdn. Bhd v. V. Narayani a/p Raman [2002] 1 LNS 281
- Thrimalai & anor v Mohamed Masry bin Tukimin [1987] 1 MLJ 153
- Tin Fhui Sze v Teoh Tun Ching & Ors [2011] MLJU 883
- Ting Jie Hoo v Lian Soon Hing Shipping Co [1990] 2 MLJ 56
- United Plywood & Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi [1970] 2 MLJ 237
- Ward v James [1966] 1 QB 273

- Wong Chin Yong v Haidawati Bte Bolhen & Anor [1994] MLJU 80
- Wong Li Fatt William v Haidawati binte Bolhen & Anor [1994] 2 MLJ 497
- Woon Tan Kan & 7 YL v Asian Rare Earth Sdn. Bhd. [1993] 1 AMR 7: 244
- Wong Yee Cheong & Anor. v. Toh Seng Chuan [1988] 2 CLJ 624
- Yasin bin Wahab v Loo Kok Wai [1980] 2 MLJ 43
- Yee Hup Transport & Co & Anor v Wong Kong [1967] 2 MLJ 93
- Yee Kah Bao dan satu lagi lwn Lau Choon Hong [2013] 9 MLJ 270
- Yeo Kim Kuan v Hamid [1968] 2 MLJ 188
- Zamri bin Md Som & Anor v Nurul Fitriyatton Idawiyah binti Nahrawi [2001] MLJU 380
- Zulkifli Ayob v Velasini K Madhavan & Anor [2000] 1 CLJ 1

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Kemalangan jalan raya di Malaysia boleh diselesaikan melalui tindakan sivil dan jenayah. Tuntutan ganti rugi boleh diperolehi oleh mangsa melalui tindakan sivil. Litigasi sivil di mahkamah dilakukan bagi menentukan liabiliti ke atas pihak-pihak, menetapkan kuantum ganti rugi yang berhak diterima mangsa dan menguatkuasakan obligasi pembayaran ganti rugi ke atas pihak yang berliabiliti.

Proses penyelesaian ini dibuat dengan merujuk kepada undang-undang bertulis dan undang-undang kes. Rujukan undang-undang pula tidak khusus kepada statut tertentu, sebaliknya terkandung dalam beberapa akta seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Undang-undang Sivil 1956 dan Akta Had Masa 1953. Selain statut, terdapat perundangan subsidiari¹ yang berkaitan dengan lalu lintas dan jalan raya yang menjadi sumber perundangan atau rujukan dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya. Ini termasuklah kaedah-kaedah dan peraturan yang dibuat selari dengan akta-akta di atas.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 menetapkan kewajipan yang perlu dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalan raya dalam pelbagai aspek.² Akta memperuntukkan hukuman

¹ “Perundangan subsidiari bererti apa-apa perisytiharan, kaedah, peraturan, pemberitahuan, undang-undang kecil atau suratcara lain yang dibuat di bawah mana-mana Akta, Enakmen, Ordinan atau kuasa sah, yang lain dan yang mempunyai kesan perundangan”. Seksyen 3, Akta Tafsiran 1948 Dan 1967 (Akta 388).

² Kewajipan-kewajipan undang-undang dinyatakan dalam Bahagian II- Pengelasan, Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan –kenderaan Motor dan Pemandu khususnya pada seksyen 39 sehingga 55 yang memperuntukkan berkenaan memandu dan kesalahan yang berkaitan dengannya. Begitu juga dengan Bahagian III – Jalan yang merangkumi seksyen 67 sehingga 88 yang menyentuh kewajipan dan peraturan berkenaan jalan termasuk lebuhraya.

bagi setiap pelanggaran kepada peruntukannya.³ Bagi litigasi sivil, pelanggaran kepada kebanyakan peruntukannya tidak menimbulkan liabiliti secara automatik. Tetapi ia boleh membuktikan kewujudan kecuaian di pihak pelaku tort.⁴ Bagi litigasi sivil, akta ini memperuntukkan perlindungan kepada pihak mangsa melalui Bahagian IV yang mewajibkan pengambilan insurans ke atas semua pemilik kenderaan.

Akta Undang-undang Sivil 1956 merupakan rujukan utama bagi litigasi sivil di Malaysia khususnya dalam aspek penentuan liabiliti dan penetapan kuantum ganti rugi. Peruntukan dalam Akta 1956 jelas menyebut kecuaian sebagai asas pembentukan liabiliti dan pembahagiannya ke atas beberapa pelaku tort dan mangsa sendiri.⁵ Bagi penetapan kuantum ganti rugi pula, akta ini memperuntukkan kaedah penetapan kuantum bagi ganti rugi tertentu.⁶

Akta Had Masa 1953 pula dirujuk berkenaan tempoh masa tindakan yang sah. Akta ini menetapkan bahawa sebarang tindakan sivil mesti dilakukan dalam tempoh enam tahun daripada tarikh tindakan terakru.⁷ Tuntutan ganti rugi oleh keluarga si mati pula hendaklah dibawa dalam tempoh tiga tahun selepas kematian si mati.⁸

³ Bagi kes kemalangan jalan raya, hukuman bagi kesalahan menyebabkan kematian diperuntukkan melalui seksyen 43 (1). Bagi kemalangan melibatkan kecederaan pula, hukuman diperuntukkan melalui seksyen 41(1) dan 42(1).

⁴ Pelanggaran undang-undang dan peraturan semata-mata sama ada dalam Akta 1987 mahupun undang-undang subsidiari yang dibuat melainnya tidak menimbulkan liabiliti sivil secara automatik. Ini jelas dinyatakan dalam seksyen 68 (3) berkenaan Kod Lebuhraya berikut: “Kegagalan di pihak mana-mana orang bagi mematuhi mana-mana peruntukan kod lebuhraya tidak dengan sendirinya menyebabkan orang itu berliabiliti ke atas apa-apa jenis prosiding jenayah, tetapi dalam apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, sesuatu kegagalan sedemikian boleh dijadikan asas oleh mana-mana pihak dalam prosiding itu sebagai membuktikan atau menafikan apa-apa liabiliti yang menjadi soal dalam prosiding itu.”

⁵ Ini dinyatakan melalui beberapa seksyen iaitu seksyen 7(1), 10(1)(a) dan seksyen 12(1).

⁶ Perbincangan lanjut dalam bab tiga.

⁷ Seksyen 6(1) Akta 1953 menyatakan seperti berikut: “Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, tindakan berikut tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh kausa tindakan itu terakru, iaitu— (a) tindakan yang berasaskan kontrak atau tort; (b) tindakan untuk menguatkuasakan suatu ikatan; (c) tindakan untuk menguatkuasakan suatu award ; (d) tindakan untuk mendapat kembali apa-apa jumlah wang menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis selain daripada penalti atau pelucutahan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucutahan.”

⁸ Sebagaimana yang djelaskan melalui Akta 1956 melalui seksyen 7(5) berikut: “Tidak lebih dari suatu tindakan akan diambil untuk dan berhubung dengan tajuk perkara yang sama tentang aduan, dan setiap tindakan tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tiga tahun selepas kematian si mati.”

Selain yang diperuntukkan dalam statut di atas, penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia dibuat dengan merujuk kepada keputusan kehakiman atau undang-undang kes. Dinamakan sebagai undang-undang kes kerana ia terbentuk dan berkembang melalui keputusan kes-kes mahkamah.⁹ Di Malaysia, undang-undang kes berkembang daripada keputusan-keputusan kehakiman yang diwarisi daripada undang-undang komon Inggeris.¹⁰ Rujukan terhadapnya bagi penyelesaian kes-kes semasa walau bagaimanapun telah berubah dalam aspek-aspek tertentu berdasarkan pindaan pada Akta Undang-undang Sivil pada tahun 1984.¹¹

Keputusan kehakiman bagi kes-kes terdahulu bersifat mengikat berdasarkan doktrin *stare decisis*.¹² Bagi penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa, ini bermaksud Mahkamah Sesyen terikat dengan keputusan duluan Mahkamah Tinggi dan ke atas. Mahkamah Tinggi pula terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan pula terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan sebelumnya atau Mahkamah Persekutuan yang mempunyai bidang kuasa menyelaras.¹³

Aspek dalam penentuan liabiliti yang dibuat merujuk kepada keputusan duluan antaranya ialah maksud kecuaian dan elemen-elemennya serta penetapan kadar liabiliti ke atas pihak-pihak yang terlibat. Dalam aspek ganti rugi pula, bentuk ganti rugi yang

⁹ Ronald W. Eades, “Attempts to Federalize and Codify Tort Law”, *Tort and Insurance Law Journal* 36, Issue 1 (2000), 2.

¹⁰ Amalan merujuk kepada kes-kes terdahulu dalam litigasi undang-undang komon bermula pada tahun 1951. K.S Dass, *Quantum of Damages in Personal Injury, Parliament v Common Law: A Critical Examination of the Effects of the 1984 Amendments to the Civil Law Act 1956* (Selangor : Legal Circle Books Sdn Bhd), 28 - 29.

¹¹ Melalui pindaan, kaedah penetapan ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan dan kehilangan saraan telah ditetapkan. Justeru, kuasa budi bicara mahkamah yang luas yang diberikan melalui undang-undang komon, telah dihadkan. Penetapan kuantum bagi ganti rugi berkenaan perlu dibuat berpandukan peruntukan. Leslie Chew, Colin Ong dan KC Vohrah, “A Comparative Analysis of Various Aspects in The Law of Personal Injuries in Brunei, Malaysia and Singapore”, [2008] 3 MLJ i, vii.

¹² Prinsip undang-undang Inggeris di mana keputusan duluan adalah berautoriti dan mengikat. Ia mesti diikuti dalam kes-kes terkemudian yang mempunyai fakta persoalan yang sama atau hampir sama. Mohd Radzali Masrum, *Maksim dan Ungkapan Undang-undang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 356.

¹³ Nuraisyah Chua Abdullah, *Question & Answers on Malaysian Courts*, 29. Hierarki ini bermula dengan penubuhan Mahkamah Rayuan di Malaysia selepas Mahkamah Agung dimansuhkan pada tahun 1994. Ini ditegaskan dalam kes Abdul Ghaffar bin Md Amin v. Ibrahim bin Yusoff & Anor [2008] 3 MLJ 771 dan Anantha Kiruisan PSR @ Anantha Krishnan & Anor v Teoh Chu Chong [2008] 4 MLJ 672.

berhak dituntut dan kaedah penetapan kuantum secara dasarnya adalah berpandukan kepada undang-undang kes, kecuali pada sebahagian ganti rugi yang ditetapkan melalui Akta 1956.

Dalam kajian ini, penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perspektif Islam merujuk kepada perundangan Islam iaitu fiqh. Di samping itu, Majallah Ahkam al-‘Adliyyah yang merupakan undang-undang sivil Islam yang telah dikodifikasi juga dirujuk.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Tuntutan ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya merupakan tuntutan paling banyak dikemukakan bagi kes kecuaian yang dibicarakan di mahkamah.¹⁴ Ia menjadi beban kepada mahkamah kerana mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan¹⁵ iaitu sehingga berpuluhan tahun bagi sesetengah kes.¹⁶ Kelewatan ini turut membebankan mangsa yang memerlukan wang dalam kadar segera selepas kemalangan berlaku bagi menampung kerugian yang dialami.

Kelewatan dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya ini dikaitkan dengan pelbagai faktor. Antaranya penyediaan laporan polis, laporan perubatan mangsa,¹⁷ pertelingkahan antara syarikat-syarikat insurans tentang liabiliti masing-masing,¹⁸ pihak

¹⁴ S. Santhana Dass, *Personal Injury Claims* (Selangor: Alpha Sigma Sdn Bhd, 2000), 280 .

¹⁵ P.Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga dalam Undang-undang Insurans Motor” dalam Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988),113; Kandiah Chelliah, “The Need for an Accident Claims Court/Tribunal for Fatal/Personal Injury Claims” [1995] 3 CLJ lxix (Aug); Harun Mahmud Hashim, *Motor Vehicle Accident Claims – The Case for No-Fault Liability* (Kuok Foundation Berhad, 1995), 9.

¹⁶ Sebagai contoh, kes Ng Peng Hong v Ng Shaw Ching & Anor [2000] 6 MLJ 403 yang mengambil masa penyelesaian selama 22 tahun.

¹⁷ Mangsa perlu menunggu sehingga beberapa tahun untuk kecederaan dan kesannya stabil sebelum laporan perubatan dikeluarkan. Rujuk Zaleha binti Zamri, “No-Fault Liability”, 19 – 21 Oktober 1977, 2; Param Cumaraswamy, “No-Fault Liability”, 7 - 9.

¹⁸ Baduyah bt. Obeng, “Insurans Motor: Perlindungan Kepada Pengambil Insurans dan Pihak Ketiga” Disertasi Sarjana, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, 1995, 22.

peguam dan pihak mahkamah.¹⁹ Semua ini berkait dengan tiga aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya. Pertama, penentuan liabiliti atau siapakah yang cuai dalam kemalangan yang berlaku. Kedua, penetapan kuantum ganti rugi yang adil dan munasabah. Ketiga, penanggungan liabiliti iaitu siapakah pihak yang perlu menjelaskan ganti rugi yang diputuskan.

Dalam aspek penentuan liabiliti, prinsip liabiliti berasaskan kesalahan dikritik sebagai salah satu punca kelewatan penyelesaian kes kemalangan jalan raya.²⁰ Ini kerana ia menuntut pembuktian kecuaian yang membebankan mangsa.²¹ Jika kecuaian gagal dibuktikan, pihak mangsa tidak akan mendapat apa-apa ganti rugi.²² Dalam aspek penetapan ganti rugi pula, ketiadaan undang-undang yang seragam adalah faktor utama kepada kelewatan mangsa mendapatkan tuntutan ganti ruginya.²³

Sebelum pindaan Akta 1956, penetapan kuantum dibuat berdasarkan undang-undang kes. Kuasa budi bicara diberikan kepada mahkamah menyebabkan jurang perbezaan yang besar dalam kuantum yang diputuskan. Selepas pindaan Akta 1956 pula, kaedah tetap bagi penetapan kuantum ganti rugi bagi kehilangan pendapatan masa hadapan²⁴ dan kehilangan penyaraan²⁵ telah diperuntukkan di dalam akta. Kaedahnya berbeza dengan amalan mahkamah berdasarkan undang-undang kes sebelumnya. Selain itu, beberapa perkara yang menjadi pertimbangan mahkamah juga dipinda melalui peruntukan. Namun, pindaan ini mengundang perbezaan interpretasi mahkamah pula berhubung kaedah yang perlu digunakan.²⁶ Justeru itu pindaan ini tidak menyelesaikan

¹⁹ Param Cumaraswamy, “No Fault Liability”, 9.

²⁰ Ibid, 8; Harun Mahmud Hashim, *Motor Vehicle Accident Claims*, 8.

²¹ P.Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga, 112.

²² Salleh Buang, “Ulasan Ke atas Kertas Kerja”, 13.

²³ Ibid, 15 - 18.

²⁴ Seksyen 28A Akta Undang-undang Sivil 1956.

²⁵ Seksyen 7 Akta Undang-undang Sivil 1956.

²⁶ S.Santhana Dass, “Chan Chin Min v. Ibrahim Ismail – The Unsettled Dispute as To Whether The Court Has The Authority To Reduce The Statutory Multiplier In Dependency Claims”, [2006] 3 CLJ i.

masalah jurang perbezaan kuantum ganti rugi yang diputuskan oleh mahkamah.²⁷

Perbezaan interpretasi dan kaedah yang digunakan oleh mahkamah ini, mengundang rayuan berterusan oleh pihak-pihak yang terlibat.²⁸

Dari aspek penanggungan liabiliti pula, undang-undang dikritik kerana tidak melindungi semua golongan mangsa. Ini kerana Akta Pengangkutan Jalan 1987 memperuntukkan batasan-batasan tertentu terhadap kewajipan syarikat insurans dalam menjelaskan ganti rugi.²⁹ Hal ini menyebabkan golongan mangsa yang tidak dilindungi insurans gagal mendapatkan ganti rugi daripada syarikat insurans. Dalam situasi ini, pemandu yang cuai bertanggungan menjelaskan ganti rugi sendiri. Malangnya, golongan mangsa yang tidak dilindungi oleh undang-undang ini akan terbiar tanpa ganti rugi sekiranya pemandu cuai tidak mampu membayar ganti rugi. Ini kerana golongan yang tidak dilindungi undang-undang ini juga, tidak layak mendapatkan ganti rugi daripada Biro Pemberi Insurans Motor (selepas ini disebut BPIM).³⁰

Cadangan dikemukakan bagi masalah-masalah yang dibangkitkan di atas. Bagi aspek penanggungan liabiliti, perlindungan undang-undang dicadangkan agar diperluaskan kepada mangsa kemalangan yang tidak dilindungi.³¹ Pindaan juga dicadangkan terhadap terma dan syarat perlindungan, supaya hak mangsa lebih terjamin.³² Selain itu, usaha lain juga dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara. Pertama,

²⁷ Charles Nicholson, “The Law of Damages”.

²⁸ Dalam kes Ng Peng Hong v Ng Shaw Ching & Anor [2000] 6 MLJ 403 semua pihak yang terlibat mengemukakan rayuan. Kemalangan telah berlaku pada 5 September 1978 dan rayuan bagi kes ini diputuskan pada 2 Mei 2000. Y.A Hakim dalam penghakiman beliau menyatakan ”*This court is also tied by the fact that whatever result of this appeal, there cannot be a retrial for the simple fact that it is now 22 years after the event*”.

²⁹ P.Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga,” 90.

³⁰ Ibid, 112.

³¹ P.Balan mencadangkan agar seksyen 91 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda untuk mewajibkan perlindungan ninsurans bagi semua penumpang. Ibid.

³² Baduyah Obeng mencadangkan pindaan terhadap seksyen 95 Akta Pengangkutan Jalan dengan memperuntukkan bahawa apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui dalam polisi adalah tidak berupaya sama sekali untuk menggugat hak pihak ketiga untuk menguatkuasakan penghakiman terhadap insurer berhubung dengan liabiliti yang wajib dilindungi di bawah Akta 1987. Baduyah Obeng (1998), “Hak Pihak Ketiga untuk Membuat Tuntutan dan Menguatkuasakan Penghakiman yang Diawardkan Kepadanya Terhadap Syarikat Insurans Motor (Insurer)”, [1998] 1 CLJ Supp xxiii.

kajian tentang pelaksanaan Skim Liabiliti Tanpa Salah (*No Fault Liability*). Kertas Preliminari (*Preliminary Issue Paper*) pernah dikemukakan pada tahun 2007.³³ Skim liabiliti tanpa salah dicadangkan bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat dengan kemalangan jalan raya menerima ganti rugi dengan cepat, tanpa mengambil kira pihak yang cuai atau tidak.³⁴ Melalui skim ini, perlindungan yang komprehensif ditawarkan bagi semua pihak yang terlibat dengan kemalangan. Kajian cadangan pembaharuan ini, mendapat reaksi positif³⁵ dan negatif³⁶ daripada masyarakat. Namun, cadangan pembaharuan ini tidak dilanjutkan.

Seterusnya pada September 2013 pula, Jabatan Peguam Negara menjalankan tinjauan umum bagi memperbaiki aspek pemberian ganti rugi. Borang Soal Selidik Cadangan Pindaan Kepada Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67): Pemberian dan Pengiraan ganti Rugi Bagi Kecederaan Diri dan Kemalangan Maut, dikemukakan di laman rasminya. Kajian ini dibuat berdasarkan dapatan awal oleh Jabatan Peguam Negara bahawa terdapat peruntukan dalam Akta Undang-undang Sivil 1956 yang boleh diperbaharui selaras dengan perkembangan semasa dari segi ekonomi dan sosial. Sebanyak 19 soalan dikemukakan bagi meninjau pandangan umum tentang kecukupan nilai kuantum ganti rugi, keperluan kepada penyeragaman nilai ganti rugi am, keperluan kepada perluasan golongan yang berhak ke atas ganti rugi bagi kemalangan maut dan kesesuaian pengekalan syarat-syarat bagi tuntutan ganti rugi tertentu berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam Akta Undang-undang Sivil 1956. Kajian tidak dibuat

³³ Idrus bin Harun, Opening Remarks for Public Lecture by Mr David Cochrane on “No-Fault Liability in New Zealand : Lessons for Malaysia” di Putrajaya International Convention Centre, 12 November 2007, 2; PIAM Annual Report, Persatuan Insurans Am Malaysia, <http://www.piamp.org.my/annual/2007/b005.htm>, dicapai pada 22/1/2009.

³⁴ Ini kerana pemberian ganti rugi atau pampasan melalui skim ini tidak melibatkan proses mahkamah.

³⁵ Antara pihak yang menyokong pelaksanaan skim ini ialah Pihak Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). National Consumer Complaints Center (NCCC), <http://nccc.org.my>, capaian pada 19/1/2009; “FOMCA Di Pentas Media : Memorandum- Implementation Of The No-Fault Liability Scheme In Malaysia”, laman web Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, <http://www.fomca.org.my/english>, capaian pada 19/1/2009.

³⁶ Antara pihak yang membantah pelaksanaan skim ini ialah Badan Peguam Malaysia (The Malaysian Bar). Richard Wee Thiam Siang (2007): “Lawyers unanimously not supporting the No-Fault Liability Scheme”, The Malaysian Bar, <http://www.malaysianbar.org.my>, capaian pada 19/1/2009.

berkenaan amalan penetapan kuantum yang dibuat berdasarkan undang-undang kes yang diwarisi daripada undang-undang komon. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini belum dikemukakan.

Daripada cadangan pindaan dan kajian yang dilakukan oleh Jabatan Peguam Negara, dapat difahamkan bahawa penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia perlu penambahbaikan. Kajian tentang Skim Liabiliti Tanpa Salah khususnya, menunjukkan bahawa prospek pembaharuan yang diusahakan merangkumi skim penyelesaian yang jelas berbeza dengan amalan semasa. Ini menandakan keterbukaan kerajaan dan sebahagian masyarakat untuk menerima pembaharuan daripada sumber perundangan yang lain daripada undang-undang komon yang diwarisi.

Atas asas ini, kajian ini dilakukan untuk melihat konsep penentuan liabiliti, penetapan kuantum ganti rugi dan perlindungan hak mangsa menurut perundangan Islam. Perbandingan di antara undang-undang Malaysia dan perundangan Islam dilakukan dalam aspek-aspek tersebut bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan. Seterusnya, perbezaan di antara keduanya dibincangkan lanjut sebagai satu sumber pembaharuan dalam sistem penyelesaian kes semasa.

1.3 Persoalan Kajian

Permasalahan yang cuba dirungkaikan di dalam kajian ini disimpulkan dalam lapan soalan utama. Berkennaan penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang di Malaysia, terdapat tiga soalan utama. Pertama, apakah maksud kecuaian yang boleh menimbulkan liabiliti ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan jalan raya menurut undang-undang di Malaysia? Kedua, apakah ganti rugi yang diperuntukkan bagi liabiliti yang timbul dan bagaimanakah kaedah penetapan kuantum ganti rugi dilakukan? Ketiga, siapakah yang bertanggungan menjelaskan ganti

rugi yang diputuskan? Soalan-soalan ini masing-masing dibincangkan dalam bab dua, tiga dan empat. Kesemua persoalan ini dibincangkan bagi memenuhi objektif pertama.

Bagi konsep penyelesaian menurut perundangan Islam pula, soalan pertama ialah bagaimana liabiliti ditentukan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan jalan raya? Soalan kedua, apakah bentuk ganti rugi yang berbangkit daripada kemalangan jalan raya dan bagaimana nilai ganti rugi ditentukan? Ketiga, apakah pihak-pihak yang bertanggungan menjelaskan pembayaran? Soalan-soalan ini masing-masing dibincangkan dalam bab lima, enam dan tujuh. Kesemua persoalan ini dibincangkan bagi memenuhi objektif kedua.

Seterusnya, apakah persamaan dan perbezaan undang-undang Malaysia dan perundangan Islam dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya. Persoalan ni dibincangkan bagi memenuhi objektif ketiga. Akhirnya, bagaimanakah penyelesaian menurut perundangan Islam terhadap masalah berbangkit dalam sistem penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa. Persoalan ini dibincangkan bagi memenuhi objektif keempat.

Perbincangan bagi memenuhi objektif ketiga dan keempat ini dibuat di dalam bab lapan. Persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua perundangan dikenal pasti terlebih dahulu dan diikuti dengan subtopik yang mencadangkan penambahbaikan kepada penyelesaian semasa, sejurus selepas perbincangan perbandingan bagi setiap aspek penyelesaian kes kemaalangan jalan raya tersebut. Perbincangan berkenaan objektif keempat tidak dibuat dalam bab berasingan. Susunan sebegini dibuat bagi mengelakkan pengulangan fakta, selain menjadikan justifikasi dan jawapan kepada objektif keempat lebih jelas.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif berikut:

1. mengkaji penyelesaian kes-kes kemalangan jalan raya berdasarkan undang-undang dan amalan di Malaysia.
2. mengurai konsep penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa menurut perspektif Islam.
3. membandingkan persamaan dan perbezaan di antara undang-undang di Malaysia dan perundangan Islam dalam menyelesaikan kes kemalangan jalan raya.
4. mengemukakan penyelesaian bagi masalah berbangkit dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa menurut perundangan Islam.

1.5 Skop Kajian

Penumpuan dan skop kajian ini adalah pada aspek penentuan liabiliti, penetapan kuantum ganti rugi dan penanggungan liabiliti. Berkaitan penyelesaian menurut undang-undang Malaysia, perbincangan fokus kepada undang-undang tort kecuaian sahaja. Bentuk kemalangan yang dibincangkan dalam kajian ini hanyalah kemalangan yang berlaku tanpa niat atau secara tidak sengaja. Justeru obligasi undang-undang yang dibincangkan hanyalah ganti rugi dan lain-lain yang diperuntukkan buat mangsa.

Perbincangan mengenai perundangan Islam pula, fokus kepada konsep penyelesaian yang dibincangkan dalam fiqh. Kajian tidak membincangkan pelaksanaan ganti rugi diat bagi kes kemalangan jalan raya yang ditetapkan di mana-mana negara Arab. Perbincangan berkenaan liabiliti, ganti rugi yang berbangkit daripadanya dan penanggung liabiliti, dibincangkan dalam konteks kesalahan tidak sengaja (*al-khata'*) sahaja.

1.6 Ulasan Literatur

Dalam undang-undang moden, perbincangan berkenaan kemalangan jalan raya dan liabiliti yang timbul daripadanya dibincangkan di bawah undang-undang tort kecuaian (*negligence*).³⁷ Ini kerana kemalangan jalan raya biasanya berlaku akibat kecuaian. Dalam literatur fiqh khususnya kitab klasik pula, kemalangan jalan raya tidak dibincangkan secara berpusat di bawah topik khusus seperti kecuaian. Perbincangan berkenaan kemalangan jalan raya yang disebut dengan istilah *jināyah al-rākib*³⁸ (jenayah penunggang), *jināyah al-bahā'īm* (jenayah haiwan tunggangan)³⁹ dan *al-iṣṭidam* (pertembungan),⁴⁰ dibincangkan secara berselerak dalam pelbagai bab. Kebanyakannya dibincangkan oleh para fuqaha' klasikal sebagai contoh dalam perbincangan undang-undang jenayah.⁴¹ Mereka meletakkan perbincangannya sama ada dalam *kitāb al-jināyāt*,⁴² *kitāb al-diyyāt*,⁴³ *kitāb al-qisāṣ*,⁴⁴ *kitāb al-jirāh al-‘amd*,⁴⁵

³⁷Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian di Malaysia*, terj. Asiah Mohd Yusof (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999); Norchaya Talib, *Law of Torts in Malaysia*, c. 2, (Selangor : Sweet & Maxwell Asia, 2003).

³⁸*Jināyah al-rākib* ini dibincangkan sebagai satu bab di bawah kitab al-diyyāt oleh al-Sarakhsī. al-Sarakhsī, Syams al-Dīn (t.t), *al-Mabsūt*, j. 27, Beirut: Dār al-Ma'rifah.

³⁹*Jinayah al-bahā'īm* merujuk kepada perlakuan haiwan tunggangan yang mendatangkan kemudharatan kepada pengguna jalan yang lain. Antara jenis haiwan tunggangan yang dinyatakan dalam kitab-kitab fiqh klasikal adalah seperti unta, kuda, keldai dan gajah. Dari pada sorotan terhadap kitab-kitab fiqh klasikal ini, bentuk kenderaan lain yang ada disebut selain daripada haiwan tunggangan adalah kereta (*sayyarat*). Ini hanya disebut oleh Imam al-Nawawi sahaja. al-Nawawī, *al-Majmū‘: Sharḥ al-Muhadhdhab* (Al-Qāhirah: Maṭba‘at al-‘Āsimah, 1966).

⁴⁰*Iṣṭidam* ialah pertembungan yang berlaku di antara pengguna-pengguna jalan raya seperti dua penunggang, dua pejalan kaki serta penunggang dan pejalan kaki yang bergerak mahupun berhenti melibatkan sama ada lelaki, wanita hamil, hamba mahupun kanak-kanak kecil. Perbincangan fuqaha' klasikal berkenaan *iṣṭidam* ini biasanya dilanjutkan pula kepada *iṣṭidam al-safīnatān* atau pertembungan di antara dua kapal.

⁴¹Di samping itu, terdapat juga fuqaha' yang lari dari penyusunan biasa ini apabila membincangkan persoalan kemalangan jalan raya ini di bawah kitab atau bab seperti *kitab al-ashribah wa ghayruha*. Terdapat juga segelintir fuqaha' yang membincangannya di bahagian muamalat seperti dalam *bab al-‘ariyah* di bawah *kitab al-syarīkah* dan *bab al-ghash*. Al-Buhūti, Manṣūr ibn Yūnus (2003), *Kashshāf al-Qinā‘ an Matn al-Iqnā‘* (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003).

⁴² al-Shaykh Nizām et. al, *al-Fatāwā al-Hindīyyah fī madhhāb al-Imām al-a‘zām Abī Ḥanīfah al-Nu‘mān* (Beitut : Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabi, 2002).

⁴³ Kitab mazhab Hanafi seperti al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, j. 27; Al-Mawṣīlī, ‘Abd Allāh Ibn Maḥmūd (1998), *al-Ikhtiyār li Ta‘līl al-Mukhtār*, (Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), j. 5; Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm, *al-Baḥr al-rā'iq sharḥ kanz al-daqā'iq fī furū‘ al-Ḥanafiyah lī ‘Abd Allāh ibn Aḥmād ibn Maḥmūd al-mā'rūf bi Hāfiẓ al-Dīn al-Nasāfi* (Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997), j. 8; Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amin ibn ‘Umar (1966), *Hāshiyat Radd al-Mukhtār ‘alā al-durr al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Abṣār fī Fiqh Madhhāb al-Imām Abī Ḥanīfah al-Nu‘mān* (Miṣr : Muṣṭafā al-Bāb al-

*kitāb al-hudūd wa al-diyyāt*⁴⁶ mahu pun *kitāb al-dimā*⁴⁷. Perbincangan dalam kitab fiqh klasik menjadi kerangka asas bagi perbincangan kes kemalangan jalan raya semasa dalam tesis ini.

Kajian berkenaan perundangan sivil atau tort Islam sebagai satu disiplin ilmu yang tersusun mula dibincangkan oleh Wahbah al-Zuhaylī pada tahun 1970 menerusi bukunya *Nażariyyat al-Dāmān aw Aḥkām al-Mas’uliyyah al-Madaniyyah wa al-Jina’iyah fi al-Fiqh al-Islami Dirasah Muqaranaḥ*.⁴⁸ Dalam buku ini, ganti rugi menurut perundangan Islam dibincangkan merangkumi liabiliti yang timbul akibat perbuatan salah ke atas tubuh badan (*al-mas’uliyyah al-jina’iyah*) dan perbuatan ke atas harta benda dan kontrak (*al-mas’uliyyah al-madaniyyah*). Ini berbeza dengan penulisan klasik yang membincangkannya secara berasingan dalam pelbagai bab. Kajian ini membuat analisis perbandingan antara mazhab fiqh dan perbandingan umum dalam aspek tertentu dengan undang-undang Mesir dan Syria. Kajian ini membantu penulis memahami perundangan sivil Islam secara menyeluruh.

Ḩalabi, 1966, c.2). Kitab mazhab Maliki pula seperti Mālik bin Anas, *al-Mudawwanah al-kubrā* (Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1994). Kitab dalam mazhab Syafi’I pula seperti Mawardi, ‘Alī ibn Muḥammad, *al-Ḥāwi al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī : wa huwa sharḥ Mukhtaṣar al-Muzānī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1999); Ibn Ḥajar al-Haytami, Aḥmad ibn Muḥammad, *Tuḥfat al-Muḥṭāj bi Sharḥ al-Minhāj* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2001). Kitab dalam mazhab Hanbali pula seperti al-Mardawi, ‘Alī ibn Sulaymān, *al-Insāf fī Ma‘rifat al-Rājiḥ min al-Khilāf ‘alā Madhhāb al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1998); Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn ‘Abd Allāh ibn Aḥmad, *al-Kāfi fī fiqh al-Imām al-Mubajjal Aḥmad ibn Ḥanbal* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985, c.4); Ibn Qudāmah, ‘Umdat al-fiqh, ‘alā Madhhāb ḥibr al-ummah wa Nāshir a‘lām al-Sunnah al-‘ālim al-rabbānī wa-al-siddīq al-thānī Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal al-Shaybānī, (Beirut: Dar al-`Ibad, t.t).

⁴⁴Ibn Qudamah *al-Kāfi fī fiqh al-Imām al-Mubajjal Aḥmad ibn Ḥanbal*.

⁴⁵Al-Syāfi‘ī, Muḥammad ibn Idrīs, *Mawsū‘at al-Imām al-Shāfi‘ī al-kitab al-Umm*, c. 2 (Beirut: Dār Qutayba., 2003).

⁴⁶Ibn Ḥanbal, Aḥmad ibn Muḥammad (2004), *Masā'il al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal wa-Ishaq ibn Rahawayh* (Madinah:Wizārat al-Ta‘līm al-‘Āli, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, ‘Imādat al-Baḥth al-‘Ilmī, 2004).

⁴⁷Muḥammad ibn Aḥmad, *Sharḥ manḥ al-Jalīl ‘alā Mukhtaṣar al-‘Āllāmah Khalīl* (Beirut : Dār al-Fikr, 1984).

⁴⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *Nażariyyat al-Dāmān aw Aḥkām al-Mas’uliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā’iyah fi al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqaranaḥ* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998, c.2).

Kajian berikutnya mengenai undang-undang tort atau sivil Islam dilakukan oleh Liaquat Ali Khan Niazi pada tahun 1988. Menerusi bukunya *Islamic Law of Tort*,⁴⁹ perbincangan mengenai perundangan sivil Islam disusun mengikut susunan topik atau bab dalam undang-undang tort. Usaha beliau ini diakui mempunyai kekurangan. Ini kerana perbincangan bagi setiap sub topik bersifat ringkas dan kurang mendalam. Namun, ia memberikan sumbangan yang besar kerana memulakan langkah untuk perbincangan lanjut kepada perbincangan perundangan Islam mengikut kerangka tort moden.

Literatur seumpamanya, kemudian dihasilkan oleh Abdul Basir Mohamad melalui tesis yang telah diterbitkan dengan tajuk Undang-undang Tort Islam.⁵⁰ Perbincangannya lebih mendalam berbanding Liaquat kerana perbincangan menurut mazhab-mazhab fiqh turut diperincikan. Kemalangan jalan raya dalam tulisannya, dibincangkan di bawah topik kecuaian. Contoh-contoh pelanggaran dalam kitab fiqh klasik dibincangkan implikasinya menurut pandangan mazhab-mazhab fiqh. Di dalam bukunya, konsep dalam undang-undang tort moden yang berkaitan seperti tanggungan tegas dan tanggungan beralih dibincangkan menurut perspektif perundangan Islam.

Siti Zubaidah Ismail kemudian, memperhalusi perbincangan berkenaan kecuaian menurut perundangan Islam.⁵¹ Tesis beliau, membincangkan konsep kecuaian dalam tiga topik terpilih iaitu bidang perubatan, kecuaian pekerja dan kemalangan jalan raya. Perbincangan yang dilakukan adalah bersifat konseptual, namun analisis dibuat berdasarkan keadaan semasa di Malaysia. Diat yang diperuntukkan dalam perundangan Islam, dinilai mengikut Ringgit Malaysia semasa. Begitu juga dengan 'āqilah sebagai penanggung liabiliti yang dibincangkan alternatifnya mengikut realiti di Malaysia.

⁴⁹ Liaquat Ali Khan Niazi, *Islamic Law of Tort* (Lahore: Research Cell Dayal Sigh Trust Library, 1988).

⁵⁰ Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang Tort Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009).

⁵¹ Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam" (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005).

Perbincangan khusus berkenaan penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa mengikut perundangan Islam pula, dikompilasikan dalam *Majallah Majma' Fiqh al-Islami*.⁵² Buku ini menghimpunkan kertas kerja,⁵³ transkrip perbincangan dan keputusan bagi persidangan *Majma' al-Fiqh al-Islāmī*, bagi kali kelapan pada tahun 1993.⁵⁴ Perkara yang dibincangkan dalam kertas kerja dan perbincangan meliputi ketiga-tiga aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya iaitu penentuan liabiliti, penetapan kuantum ganti rugi dan penanggungan liabiliti menurut perundangan Islam. Namun, kesemua lima keputusan yang dibuat melalui persidangan ini lebih fokus kepada aspek penentuan liabiliti.

Daripada perbincangan yang dimuatkan dalam buku ini juga, dicatitkan komentar daripada ahli persidangan yang menuntut agar kajian khusus dibuat berkenaan undang-undang jalan raya semasa yang diamalkan di mana-mana negara umat Islam. Kajian perbandingan yang mendalam ini diharap dapat mengemukakan penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam yang praktikal dengan realiti semasa.⁵⁵ Rentetan daripada itu, cadangan penyelesaian kes yang tepat menurut perundangan Islam juga dapat dikemukakan kepada negara masing-masing.⁵⁶

Namun, daripada sorotan literatur yang dibuat, belum banyak kajian yang dibuat sebagaimana yang dibangkitkan dalam persidangan Majma' Fiqh Islami tersebut. Perbincangan perbandingan yang holistik menyentuh tiga aspek utama penyelesaian kes kemalangan jalan raya iaitu penentuan liabiliti, penetapan ganti rugi dan

⁵² *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), j. 2.

⁵³ Antara pengkaji yang telah membentangkan kertas kerja persidangan ini ialah Muḥammad Tāqī al-‘Uthmānī dengan kertas kerjanya yang bertajuk *Qawā‘id wa Masā’il fī Hawādith al-Sair*, ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh, ‘Abd al-Qādir Muḥammad al-‘Umārī dan Muḥammad ‘Atā al-Sīd Sīd Aḥmad dengan kertas kerja mereka bertajuk *Hawādith al-Sair*.

⁵⁴ Persidangan Majma' al-Fiqh al-Islami kali ke 8 bertempat di Bandar Sri Begawan, Brunei Darus Salam daripada 21 – 27 Jun 1993.

⁵⁵ Komentar ini disuarakan oleh al-Sheikh Khālid al-Madhkūr, *Majallah Majma' Fiqh Islāmī*, 351.

⁵⁶ Komentar disuarakan oleh Dr ‘Umar Jāh, *Majallah Majma' Fiqh Islāmī*, 362.

penanggungan liabiliti juga masih belum dilakukan secara berpusat. Kebanyakan literatur lepas memfokuskan kepada satu-satu aspek penyelesaian berikut:

1.6.1 Penentuan Liabiliti

Dalam kitab fiqh klasik, perbincangan berkenaan kemalangan di jalan dimulakan dengan perbincangan berkenaan klasifikasi jalan kepada jalan awam muhupun persendirian.⁵⁷ Ini berikutnya hak penggunaan jalan-jalan tersebut dan liabiliti yang tiumbul daripadanya adalah berbeza. Jalan raya atau jalan awam adalah hak bersama dan penggunaannya diharuskan dengan syarat menjaga keselamatan pengguna yang lain. Kewajipan berjaga-jaga ini diperincikan oleh para fuqaha dalam tulisan mereka.⁵⁸ Daripada perbincangan dan contoh yang dikemukakan, kemalangan jalan raya pada zaman mereka yang menggunakan haiwan tunggangan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, kemalangan yang berlaku akibat kecuaian. Kedua, kemalangan yang berlaku di luar kawalan. Dalam hal ini, liabiliti hanya dipikulkan ke atas penunggang haiwan yang cuai sahaja.⁵⁹ Perlakuan haiwan yang di luar kawalan penunggang pula tidak dikenakan liabiliti.⁶⁰

Dalam konteks semasa, kewajipan berjaga-jaga dalam penggunaan jalan raya menurut pandangan sarjana kontemporari termasuklah undang-undang dan peraturan

⁵⁷Biasanya para fuqaha' klasikal menyusun perbincangan mereka berkenaan kemalangan jalan dengan jalan persendirian terlebih dahulu sebelum melanjutkan perbincangan yang lebih kompleks berkenaan kemalangan yang berlaku di jalan awam.

⁵⁸ Sesuai dengan keadaan di zaman mereka, perbincangan dibuat berkenaan perbuatan pengguna jalan yang boleh mendatangkan mudarat ke atas pengguna jalan yang lain. Antaranya seperti menggali lubang, meletakkan kayu atau batu di atas jalan, membawa peralatan yang berbahaya dan membina binaan yang condong di atas jalan. al-Sarakhsi, *al-Mabsüt*, 26: 188 – 190. ‘Alā’ al-Dīn al-Kasāñī (1982), *Badā‘i‘ al-Šanā‘ fī Tartīb al-Syarā‘i‘* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi) 7: 272.

⁵⁹ Contohnya pihak yang bergerak dipikulkan liabiliti berbanding yang berhenti. Begitu juga dengan pihak yang berada di belakang berbanding di hadapan.

⁶⁰ Contoh yang dibincangkan ialah seperti apabila haiwan tunggangan bertindak balas secara spontan terhadap perlakuan orang lain yang mencucuk (*al-nakhis*) haiwan tersebut atau ia bertindak melarikan diri ketakutan terhadap sesuatu yang melintasinya di jalan, perlakuan haiwan dengan kaki belakangnya serta percikan debu dan batu-batuhan kecil akibat hentakan kaki haiwan yang tidak dapat dielakkan. al-Kasāñī, *Badā‘i‘ al-Šanā‘i‘*, 7: 272; al-Mawṣili, ‘Abd Allāh Ibn Maḥmūd, *al-Ikhtiyār li Ta‘līl al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 5: 52, Ibn Nujaim, *al-Baḥr al-rā‘iq*, 8: 406.

lalu lintas yang digariskan oleh kerajaan.⁶¹ Pemandu yang cuai dalam mematuhi undang-undang dan peraturan ini, boleh dikenakan hukuman takzir walaupun tidak mendatangkan kemudarat kepada pengguna jalan yang lain.⁶² Walau bagaimanapun, liabiliti sivil hanya timbul apabila berlaku perbuatan salah di pihak pemandu. Dalam erti kata lain, liabiliti tidak boleh ditanggungkan secara mudah tanpa melihat kepada faktor kemalangan di samping suasana yang menyebabkannya berlaku terlebih dahulu. Justeru itulah, Muhammad 'Ata menyimpulkan bahawa penentuan liabiliti dalam perundangan Islam adalah berdasarkan prinsip "tiada liabiliti tanpa kesalahan."⁶³ Kesimpulan ini disokong oleh beberapa sarjana terkemudian seperti Sayed Sikandar Shah Haneef⁶⁴ dan Siti Zubaidah Ismail.⁶⁵ Kedua-dua mereka menegaskan bahawa liabiliti sivil dalam perundangan Islam iaitu diat hanya timbul dalam kes kemalangan akibat kecuaian. Kemalangan yang berlaku di luar kawalan, tidak dikenakan liabiliti. Bentuk kemalangan di luar kawalan ini dalam konteks semasa, seterusnya diperincikan dalam perbincangan mereka.

Dalam konteks kajian perbandingan berkenaan penentuan liabiliti pula, Muslehuddin melalui bukunya *Concept of Civil Liability in Islam and The Law of Torts* menegaskan bahawa liabiliti dalam perundangan Islam berbeza dengan undang-undang tort moden.⁶⁶ Beliau menegaskan bahawa liabiliti dalam perundangan Islam ditentukan berdasarkan prinsip "tiada liabiliti tanpa kerosakan." Menurutnya, liabiliti dalam perundangan Islam bukan liabiliti tegas (*strict liability*) mahu pun liabiliti berasaskan

⁶¹ Mohammad 'Ata-Alsid Sid-Ahmad, "Traffic Accident in Islamic Law", *IJUM Law Journal* 4, no. 1 & 2 (1994), Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi", Mohd Ridzuan Mat Noor, "Kemalangan Jalan Raya di Malaysia: Analisis Berasaskan Hukum Jenayah Islam", (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Unievrsti Malaya, 2004).

⁶² Keputusan persidangan Majma' al-Fiqh al-Islāmī. "Qarār Ḥawādith al-Sair" dalam Majallah Majma' al-Fiqh al-Islāmī. Muhammad 'Ata-Alsid Sid-Ahmad, "Traffic Accident in Islamic Law". Sayed Sikandar Shah Haneef , *Homicide in Islamic Legal Structure and The Evidence Requirements* (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2000), 58.

⁶³ Mohammad 'Ata-Alsid Sid-Ahmad, "Traffic Accident in Islamic Law ", 43.

⁶⁴ Sayed Sikandar Shah Haneef ,*Homicide in Islamic Legal Structure*, 58.

⁶⁵ Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi," 55.

⁶⁶ Muhammad Muslehuddin, *Concept of Civil Liability in Islam and The Law of Torts* (Lahore: Islamic Publications Ltd, 1982).

kesalahan (*fault liability*) seperti mana dalam undang-undang tort.⁶⁷ Pandangan ini juga diutarakan oleh Liaquat Ali Khan Niazi.⁶⁸ Pandangan ini walau bagaimanapun dikritik oleh Siti Zubaidah Ismail sebagai satu pandangan yang simplistik.⁶⁹ Seperti yang telah dinyatakan di atas, beliau lebih bersetuju dengan kesimpulan bahawa penentuan liabiliti bagi kes kemalangan jalan raya dalam perundangan Islam adalah liabiliti berdasarkan kesalahan.

Melalui sorotan literatur di atas, didapati wujud dua kesimpulan berkenaan konsep liabiliti menurut perundangan Islam. Pertama, liabiliti berdasarkan kerosakan dan kedua, liabiliti berdasarkan kesalahan. Dalam kajian ini, kedua-dua kesimpulan ini diterima oleh penulis. Ini kerana kedua-dua kesimpulan ini digunakan oleh para penulis terdahulu dalam konteks yang berbeza. Secara keseluruhannya, perbincangan mereka tidak bercanggah antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, kesimpulan bahawa liabiliti dalam perundangan Islam adalah berdasarkan kepada kesalahan perlu diperincikan.⁷⁰ Ini kerana, melalui sorotan terhadap literatur undang-undang tort moden, prinsip liabiliti berdasarkan kesalahan mempunyai maksud tersendiri.⁷¹ Perincian kepada elemen-elemen kecuaian (*fault*) dalam undang-undang tort moden, mempunyai beberapa perbezaan dengan perundangan Islam. Antaranya seperti maksud tanggungjawab berhati-hati dan kayu ukurnya yang berbeza dengan konsep dalam perundangan Islam.⁷² Dalam konteks penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia juga, prinsip liabiliti berdasarkan kesalahan dikritik sebagai punca utama dalam kelewatan penyelesaian kes. Perbincangan mengenai masalah yang timbul daripada prinsip ini di Malaysia dilakukan

⁶⁷ Ibid, 53.

⁶⁸ Liaquat Ali Khan Niazi, *Islamic Law of Tort*.

⁶⁹ Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi," 16.

⁷⁰ Istilah ini digunakan antaranya oleh Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi", 55.

⁷¹ Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort* (Selangor : Sweet & Maxwell Asia, 2006), 10; K.M Stanton, *The Modern Law of Tort* (London : Sweet and Maxwell, 1994).

⁷² Antara literatur yang membincangkannya ialah R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability and damages in Tort*, (Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1986).

oleh Param Cumaraswamy⁷³ dan Harun Mahmud Hashim.⁷⁴ Di akhir perbincangan, mereka mencadangkan pembaharuan dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia menggunakan skim liabiliti tanpa salah (*no fault liability*).

Oleh kerana itu, kajian ini akan memperincikan maksud liabiliti berasaskan kesalahan menurut perundangan Islam. Seterusnya, perbandingan mendalam di antara undang-undang di Malaysia dan perundangan Islam berkenaan aspek penentuan liabiliti ini akan dilakukan. Aspek lain dalam penentuan liabiliti seperti hubungan sebab akibat di antara perbuatan salah dengan kerosakan (*causation*) dan kecuaian sertaan (*contributory negligence*) turut dibincang dan dibandingkan. Persamaan dan perbezaan akan dikenalpasti untuk menyimpulkan konsep sebenar penentuan liabiliti menurut perundangan Islam. Literatur-literatur berkaitan seperti yang ditulis oleh Nasywah al-'Ulwāni,⁷⁵ Ṣāliḥ Ahmād Muḥammad al-Luhāibī,⁷⁶ Salleh Buang⁷⁷ dan S. Santhana Dass⁷⁸ sangat membantu penulis dalam melakukan analisis perbandingan.

1.6.2 Penetapan Ganti rugi

Melalui literatur dalam perundangan Islam, terdapat dua jenis pembalasan yang dikenakan ke atas pihak yang berliabiliti dalam kes kemalangan jalan raya. Pertama, *damān* yang dikenakan bagi kehilangan nyawa, kecederaan anggota dan kerosakan harta. Kedua, hukuman lain seperti kafarah dan takzir dalam keadaan-keadaan tertentu.

⁷³ Param Cumaraswamy, "No-Fault Liability", 8.

⁷⁴ Harun Mahmud Hashim, *Motor Vehicle Accident Claims*, 8.

⁷⁵ Nasywah al-'Ulwāni, *Nazāriyyah al-Sababiyyah al-Jinā'iyyah fī al-Fiqh al-Islāmī Muqāranah bi al-Qānūn al-Wadh'ī* (Beirut: Muassasah al-Risālah Nāsyirūn, 2004).

⁷⁶ Sāliḥ Ahmād Muḥammad al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'u liyyah al-Taqsīriyyah Dirāsah Muqāranah* (Amman: Dār al-Thaqafah li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004).

⁷⁷ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian di Malaysia*.

⁷⁸ S. Santhana Dass, *Personal Injury Claims*.

Secara umumnya, perbincangan berkenaan bentuk-bentuk pembalasan ini dan kadarnya telah dilakukan secara terperinci oleh para penulis terdahulu.⁷⁹

Para sarjana kontemporari seperti Sayed Sikandar Shah Haneef, Lukman Abdul Mutalib, Siti Zubaidah Ismail dan Syed Ahmad S.A al-Sagof meneruskan perbincangan dengan meneliti semula beberapa perkara. Antaranya kadar diat wanita dan orang bukan Islam, medium pembayaran diat dan nilainya yang sesuai dengan realiti semasa di Malaysia.⁸⁰ Dalam tesis kedoktorannya, Siti Zubaidah turut membincangkan tentang pemberian ganti rugi bagi kerosakan non-material (*darar ma'navi*) atau tidak nyata menurut perundangan Islam. Beliau menerima beberapa kerosakan non-material yang diperuntukkan dalam undang-undang di Malaysia sebagai *darar ma'navi* yang boleh dipertimbangkan dengan ganti rugi di bawah takzir. Antaranya kejutan saraf, kesakitan dan penderitaan, kehilangan kemudahan dan keseronokan hidup, kehilangan pendapatan masa hadapan, kehilangan kapasiti mempunyai pendapatan dan kehilangan jangka hidup.⁸¹ Beliau juga berpandangan bahawa kerugian pada masa hadapan seperti kehilangan potensi pendapatan boleh diberikan ganti rugi.⁸²

Selepas tesis Siti Zubaidah ini, belum ada kajian yang memperincikan keharusan ganti rugi bagi kerosakan non-material seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang

⁷⁹ Antara literatur yang membincangkan berkenaan diat dan pembalasan lain yang dikenakan akibat kehilangan nyawa dan kecederaan anggota ialah Ahmad al-Husari, *al-Qiṣāṣ- al-Diyāt- al- ‘Iṣyān al-Musalah fī al-Fiqh al-Islāmī* (al-Qāhirah: Maktabah al-Kulliyyāt al-Azhariyyah, 1973); Ahmad Fathi Bahnasi (1984), *al-Diyāt fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, 1984, c.4); Iwad Ahmad Idris, *al-Diyāt bayn al- ‘Uqūbah wa al-Ta ‘wid fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran* (Beirut: Dār wa Maktabah al-Hilal, 1986); Bakr bin ‘Abd Allāh Abū Zayd, *Aḥkām al-Jināyah ‘alā al-Nafs wa Mā Dūnihā ‘Inda Ibn Qaiyyim al-Jawziyyah* (Syria: Muassasah al-Risālah, 1996); Najm ‘Abd Allāh Ibrāhīm al-‘Aisāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Dār al-Buhuth li al-Dirāsat al-Islāmiyyah wa Ihyā’ al-Turāth, 2002). Literatur yang membincangkan ganti rugi bagi kerosakan harta benda pula ialah Ḥusnā ‘Abd al-Samī’ Ibrāhīm, *Mawqif al-Fuqahā’ min Damān al-Amwāl fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah Dirāsah Muqāranah* (Dimyāt: Maktabah Nanāsī, 2004) dan Hamad bin Muhammad al-Jābir al-Hājiri, *al-Qawā’id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah fī al-Damān al-Mālī* (Riyad: Dār Kunuz Ishbiliyyā li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2008).

⁸⁰ Sayed Sikandar Shah Haneef, *Homicide in Islamic Legal Structure*; Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia”(tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Unieversiti Malaya, 2004); Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi”; Syed Ahmad S.A Alsagoff, *al-Diyah as Compensation for Homicide and Wounding in Malaysia* (Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2006).

⁸¹Siti Zubaidah, “Kecuaian dan ganti rugi”, 197

⁸²Ibid, 199.

tort moden. Kajian ini akan meneruskan perbincangan tersebut, khususnya dalam bab lapan. Literatur fiqh kontemporari yang dikarang oleh Wahbah al-Zuhaylī,⁸³ ‘Alī al-Khafīf,⁸⁴ Muḥammad Aḥmad Sarāj⁸⁵ dan Muhsin ‘Abd Farhān⁸⁶ antaranya sangat membantu penulis dalam memahami bentuk kerugian yang diberikan ganti rugi menurut perundangan Islam. Daripada sorotan literatur yang dilakukan, didapati bahawa bentuk kerugian yang boleh diberikan ganti rugi menurut perundangan Islam menurut persepakatan fuqaha, hanyalah kerugian metarial (*darar mādi*) yang benar-benar berlaku sahaja. Walau bagaimanapun, berkenaan kerosakan pada masa hadapan, sebahagian fuqaha seperti Wahbah al-Zuhaylī mengharuskannya dengan syarat kerosakan jangkaan tersebut dapat dipastikan akan berlaku.⁸⁷

Melalui literatur terdahulu berkenaan penetapan kuantum ganti rugi menurut undang-undang di Malaysia pula, jelas bahawa kerosakan non-material diberikan ganti rugi. Di dalam tulisan K.S Dass,⁸⁸ Muhammad Altaf Hussain Ahangar,⁸⁹ S. Santhana Dass⁹⁰ dan Ashgar Ali,⁹¹ dinyatakan bahawa amalan penetapan ganti rugi bagi kerosakan non-material semasa di Malaysia menyebabkan jurang perbezaan ganti rugi yang besar. Permasalahan yang berbangkit daripadanya seperti rayuan terhadap kuantum ganti rugi dan kelewatan penyelesaian kes, difahamkan oleh penulis dengan

⁸³ Al-Zuhaylī, *Nazāriyyah al-Damān*, 96; ‘Alī al-Khafīf, *al-Damān fī al-Fiqh al-Islāmī* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 2000), 38.

⁸⁴ ‘Alī al-Khafīf, *al-Damān fī al-Fiqh al-Islāmī*, 38.

⁸⁵ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Damān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirasah Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’ūliyyah al-Taqsiriyyah fī al-Qānūn* (al-Qāhirah : Dār al-Thaqāfah li al- Nasyr wa al-Tawzī, 1990), 432.

⁸⁶ Muhsin ‘Abd Farhān Ṣalīḥal-Jumaylī, *al-Gharāmah al-Māliyyah fī al-Hudūd wa al-Jināyāt ‘alā al-Nafs al-Basyariyyahwa mā Dūnihā fī al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006), 29.

⁸⁷ Al-Zuhaylī, *Nazāriyyah al-Damān*, 96.

⁸⁸ K.S Dass, *Quantum of Damages*.

⁸⁹ Muhammad Altaf Hussain Ahangar (2003), “Damages For Loss Of Earnings In Malaysia: The Need For A 'Just' Multiplier”, [2003] 3 MLJ lxxxi; [2003] 3 MLJA 81.

⁹⁰ S. Santhana Dass, “Chan Chin Min1 v. Ibrahim Ismail2”.

⁹¹ Ashgar Ali Ali Mohamed and Farhan Baig Sardar Baig, “Civil Claims Involving Motor Vehicle Accidents : Wether Court of Appeal The Apex Court?,” [2009] 1 MLJ xxii.

menyoroti amalan penetapan kuantum ganti rugi dalam tulisan berkaitan antaranya oleh S. Radakrishnan, Lim Heng Seng dan R.K Nathan.⁹²

Masalah yang berbangkit daripada kerosakan non-material dan prinsip penetapan ganti ruginya dalam undang-undang tort moden ini tidak diperhalusi oleh Siti Zubaidah dalam perbincangannya. Jika kerosakan non-material termasuk kehilangan potensi pendapatan diharuskan menurut perundangan Islam, adakah masalah yang akan sama akan berbangkit. Untuk itu, kaedah penetapan ganti rugi dalam perundangan Islam dibincangkan dengan lebih mendalam dalam kajian ini melalui bab enam. Amalan penetapan kuantum dalam undang-undang di Malaysia pula dibincangkan dalam bab tiga. Melalui persamaan dan perbezaan yang dikenalpasti, cadangan pembaharuan penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia dalam aspek penetapan ganti rugi dibincangkan dalam bab lapan.

1.6.3 Penanggungan Liabiliti

Bagi kesalahan menghilangkan nyawa atau mencederakan anggota secara tidak sengaja, perundangan Islam menetapkan bahawa diat perlu dijelaskan oleh ‘āqilah. Pelaku salah pula bertanggungan menjelaskan *damān* bagi kerosakan harta benda. Pelaku hanya bertanggungan menjelaskan diat sendiri sekiranya tidak mempunyai ‘āqilah atau ‘āqilahnya tidak berkemampuan. Hal ini berlaku apabila *bayt al-māl* sebagai penanggung liabiliti selepas ‘āqilah juga tidak mempunyai dana untuk menjelaskan diat. Seiring dengan perubahan ikatan kekeluargaan dalam realiti semasa, ramai sarjana kontemporari yang membangkitkan persoalan mengenai institusi ‘āqilah

⁹² Antaranya seperti S. Radhakrishnan, “Quantum of Damages in Personal Injury Claims,” [1995] 3 MLJ xxix; [1995] 3 MLJA 29; Lim Heng Seng, *Assessment of Damages in Personal Injury and Fatal Accident Claims: Principles and Practice* (Kuala Lumpur : Marsden Law Book Sdn Bhd, 1995) dan R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*.

dalam konteks semasa. Muhammad ‘Ata,⁹³ Lukman Abdul Mutalib⁹⁴ dan Siti Zubaidah⁹⁵ dalam tulisan mereka menyimpulkan bahawa institusi insurans Islamik atau takaful merupakan alternatif terbaik bagi memainkan peranan institusi ‘āqilah.

Dalam kajian ini, perbincangan dilanjutkan lagi kepada alternatif institusi *bayt al-māl* dalam realiti semasa. Ini kerana institusi *bayt al-māl* yang wujud kini telah disempitkan skopnya dan tidak lagi memainkan peranan menanggung diat seperti mana di zaman awal Islam. Hailani Muji Tahir dalam hal ini membantu penulis dalam memahami gambaran institusi *bayt al-māl* yang sebenar.⁹⁶ Namun buku beliau tidak membincangkan lebih lanjut berkenaan peranan *bayt al-māl* dalam menjelaskan diat. Aspek ini walau bagaimanapun, ada dijelaskan dalam al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah.⁹⁷ Ini sangat membantu penulis dalam mengemukakan alternatif kepada *bayt al-māl* yang sudah tidak wujud.

Perbincangan mengenai institusi alternatif dalam realiti semasa dilanjutkan dalam kajian ini dengan menyentuh berkenaan aspek keanggotaannya. Para fuqaha terdahulu berselisih tentang keanggotaan ‘āqilah, namun bersepakat bahawa keanggotaannya disyaratkan di kalangan mereka yang menganut agama yang sama. Begitu juga dengan tanggungan diat oleh *bayt al-māl* yang hanya dibenarkan bagi pelaku salah beragama Islam sahaja. Kajian ini akan membincangkan keterikatan institusi penanggung liabiliti alternatif di Malaysia kepada syarat keanggotaan ini di dalam bab tujuh.

Bagi membuat perbandingan dengan penanggung liabiliti bagi kes kemalangan jalan raya semasa di Malaysia, peruntukan undang-undang khususnya dalam Akta

⁹³ Mohammad ‘Ata-Alsid Sid-Ahmad, “Traffic Accident in Islamic Law”.

⁹⁴ LukmanAbdul Mutalib, “Diyat Mengikut Kehartaan”.

⁹⁵ Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi”.

⁹⁶ Hailani Muji Tahir, *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara* (Bangi: Penerbit UKM, 2007).

⁹⁷ al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, t.t), 8.

Pengangkutan Jalan 1987 dirujuk bagi menjelaskan skop tanggungan dan dalihan syarikat insurans. Memorandum Perjanjian antara Menteri Pengangkutan dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat pula menjelaskan tentang skop tanggungan Biro Penanggung Insurans Motor. Penjelasan lanjut mengenai peruntukan undang-undang dan klausa perjanjian ini dibincangkan antaranya oleh P. Balan,⁹⁸ Mahinder Sigh Sidhu⁹⁹ dan Baduyah Obeng.¹⁰⁰ Hasil perbincangan ketiga-tiga mereka didapati selari dalam mencadangkan agar skop tanggungan liabiliti oleh kedua-dua institusi ini diperluaskan bagi membela hak mangsa.

1.7 Kepentingan Kajian

Usaha untuk mengetengahkan perbincangan berkenaan perundangan Islam perlu sentiasa dilakukan. Ini kerana Islam bukan sebuah agama bersifat ritual semata-mata. Sebaliknya merupakan sebuah cara hidup yang lengkap meliputi segenap aspek kehidupan. Kajian ini penting kerana membincangkan masalah sebenar yang menuntut pembaharuan dalam undang-undang di Malaysia.

Dalam kajian ini, perbincangan berkenaan perundangan Islam diketengahkan melalui perbandingan dengan undang-undang di Malaysia. Kajian perbandingan mempunyai beberapa kepentingan. Pertama, melalui pendekatan perbandingan, konsep dalam perundangan sivil Islam dalam kajian ini dapat dibincangkan dengan lebih mendalam. Ini perlu dilakukan agar perbincangan dapat diseimbangkan dengan perbincangan mengenai penyelesaian berdasarkan undang-undang Malaysia semasa.

⁹⁸ P.Balan, ‘Perlindungan Pihak Ketiga’.

⁹⁹ Mahinder Sigh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor dan Hak Pihak Ketiga*, terj. Asiah Mohd. Yusoff (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997).

¹⁰⁰ Baduyah bt.Obeng, “Insurans Motor Pihak Ketiga yang Diwajibkan di Malaysia”, [1998] 1 CLJ Supp I dan Baduyah Obeng, “Hak Pihak Ketiga untuk Membuat Tuntutan dan Menguatkuasakan Penghakiman yang Diawardkan Kepadanya Terhadap Syarikat Insurans Motor (Syarikat insurans)”, [1998] 1 CLJ Supp xxiii.

Kedua, kajian perbandingan menuntut perbincangan perundangan Islam yang semasa. Justeru melalui kajian ini, tafsiran semasa bagi konsep-konsep fiqh yang dibincangkan, dikemukakan sesuai dengan perubahan zaman dan keadaan setempat. Dengan ini, perundangan Islam dapat dibuktikan bersifat dinamik dan boleh dilaksanakan. Antaranya, perbincangan mengenai *bayt al-māl* sebagai ‘āqilah yang berperanan menjelaskan bayaran diat kepada pihak mangsa. Ketiadaan *bayt al-māl* dengan makna khas sebagaimana yang wujud di zaman awal Islam, menyebabkan institusi alternatif dikemukakan dalam kajian ini. Tanpa usaha untuk menyediakan institusi semasa yang setara dengan konsep yang dibincangkan dalam fiqh, pelaksanaan perundangan Islam di zaman ini sukar untuk dicadangkan.

Ketiga, melalui perbandingan, kedudukan konsep penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam dalam konteks undang-undang semasa dapat ditentukan. Persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua perundangan dapat dikenalpasti. Dapatkan ini penting dalam usaha mengemukakan perundangan Islam sebagai sumber pembaharuan kepada penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa. Cadangan yang dikemukakan juga menjadi lebih signifikan kerana merujuk kepada masalah sebenar yang dihadapi di Malaysia, dan justeri itu tidak bersifat cadangan umum.

Akhirnya, kajian ini dapat memperkayakan literatur dalam bidang perundangan sivil Islam dan mengembangkan disiplin pengajian syariah secara amnya. Hasil kajian ini juga, diharap dapat menjadi input kepada pihak Jabatan Peguam Negara dalam usaha mempembaharui undang-undang penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia.

1.8 Metodologi Penyelidikan

1.8.1 Metodologi Pengumpulan Data

1.8.1.1 Kajian Kepustakaan

Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan teoritikal, data-data bagi kajian ini diperolehi daripada sumber-sumber primer yang terdiri daripada al-Quran dan al-Hadith. Rujukan hadith dibuat menggunakan kompilasi hadith *Sunan Sittah*. Perbincangan fiqh berkenaan topik kajian pula dirujuk kepada kitab-kitab fiqh yang muktabar daripada empat mazhab. Kitab-kitab fiqh kontemporari dan fatwa sarjana Islam semasa juga dirujuk. Dalam keadaan ketiadaan bahan-bahan secara bercetak ditemui di perpustakaan, perisian *al-Maktabah al-Syāmilah* turut digunakan.

Data berkenaan undang-undang yang digunapakai di Malaysia pula, diperolehi daripada statut terkini yang diterbitkan. Pangkalan data *Law of Malaysia* (LOM) dalam laman sesawang rasmi Jabatan Peguam Negara juga dimanfaatkan. Statistik-statistik rasmi kemalangan jalan raya yang dimuatkan di dalam laman sesawang Polis di Raja Malaysia (PDRM) serta Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) dan kenyataan-kenyataan akhbar turut dimanfaatkan.

Bahan-bahan berkenaan undang-undang tort moden dan perbincangan mengenai undang-undang Malaysia, diperolehi daripada bahan-bahan primer dan sekunder. Antaranya buku dan artikel jurnal yang diterbitkan. Selain itu, artikel jurnal daripada pangkalan data atas talian (*on-line database*) seperti Lexis®Malaysia, CLJ Law, HeinOnline, Web of Science dan Scopus™. Bahan-bahan yang tidak diterbitkan seperti tesis, disertasi dan kertas kerja persidangan turut digunakan.

Laporan kes-kes kemalangan jalan raya yang terkini pula, diperolehi daripada *Malayan Law Journal* (MLJ) dan *Current Law Journal* (CLJ). Rujukan dibuat menggunakan pangkalan data atas talian iaitu melalui Lexis®Malaysia dan CLJ Law. Carian kepada kes berkaitan, dibuat menggunakan dua cara. Pertama, melalui buku yang menyenaraikan semua kes-kes terdahulu secara tematik seperti Mallal's Digest dan buku *Personal Injury: Law, Practice and Precedents* yang ditulis oleh Chan Shick Chin.¹⁰¹ Daripada senarai kes yang diperolehi, rujukan langsung dibuat kepada keputusan penuh kes-kes tersebut di MLJ dan CLJ di atas talian. Melalui kaedah ini, kes yang memutuskan prinsip undang-undang dan kes yang menjadi contoh keputusan mahkamah dapat diperolehi. Namun, kes yang disenaraikan hanyalah sehingga tarikh terbitan buku tersebut. Bagi mendapatkan kes-kes terkini, cara kedua digunakan iaitu carian langsung menggunakan kata carian melalui pangkalan data.

1.8.1.2 Temu Bual

Temu bual dilakukan dengan dua tujuan. Pertama, mendapatkan gambaran dan pemahaman keseluruhan berkenaan penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia bagi penulisan bab dua, tiga dan empat. Kedua, temu bual dilakukan bertujuan mengukuhkan pemahaman penulis yang telah diperolehi melalui literatur yang pelbagai berkenaan penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam. Temu bual juga dilakukan bagi mendapatkan pandangan informen berkenaan pelaksanaan konsep penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa menurut perundangan Islam.

Pemilihan informen-informen bagi memenuhi tujuan-tujuan ini telah dilakukan berdasarkan kaedah persampelan purposif kerana kajian yang dilakukan adalah satu kajian yang mendalam dengan data yang diperlukan bersifat khusus untuk

¹⁰¹ Chan Shick Chin, *Personal Injury: Law, Practice and Precedents* (Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 2001), 554 – 659.

menghasilkan dapatan yang bersifat khusus¹⁰² sesuai dengan bentuk kajian ini yang bersifat eksploratori.¹⁰³ Justeru itu, informen-informen yang dipilih ialah individu-individu yang mempunyai kepakaran¹⁰⁴ dalam bidang berkaitan seperti Puan Farah Nina bagi penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia.

Bagi penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa menurut perundangan Islam pula informen yang ditemu bual ialah ahli akademik dalam bidang perundangan Islam berkaitan iaitu Prof. Madya Dr. Hashim bin Mehat (UKM), Prof. Madya Dr. Abdul Basir bin Haji Mohamad (UKM), Dr. Lukman Abdul Mutalib (UPM) dan Dr. Abdul Halim el-Muhammady. Selain itu, wakil daripada Persatuan Ulama Malaysia iaitu Dato' Sheikh Abdul Halim bin Abdul Kadir.

Semua temu bual dilakukan secara langsung iaitu dengan mengadakan temu janji dengan informer dan bertemu dengan mereka untuk mendapatkan maklumat. Temu bual telah direkodkan secara bertulis dan rakaman audio. Rakaman ini kemudiannya ditranskripkan untuk memudahkan analisis.

1.8.2 Metodologi Analisis Data

Data-data berkenaan penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia dianalisis secara analisis teks atau kandungan oleh penulis. Pentafsiran tentang prinsip dan pemakaian statut dibuat dengan merujuk kepada kenyataan-kenyataan hakim dalam kes yang diputuskan. Keputusan kes yang dilaporkan ini diteliti untuk melihat perkembangan amalan perundangan di Malaysia.

¹⁰² Idris Awang, Penyelidikan Ilmiah, 88.

¹⁰³ W. Lawrence Neuman, *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*, ed. ke-7 (Boston: Pearson, 2011), 267.

¹⁰⁴ Ibid.

Konsep penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam, dianalisis secara deduktif dan komparatif daripada sumber perundangan Islam dan literatur fiqh mazhab dan kontemporari. Seterusnya, kepelbagaiannya pendapat fuqaha dianalisis sebelum sesuatu pendapat dipilih. Pemilihan pendapat fuqaha dilakukan bersesuaian dengan realiti semasa dan maslahah. Penulis tidak terikat dengan pandangan daripada mazhab Syafie semata-mata.

Dalam membuat perbandingan di antara undang-undang di Malaysia dan perundangan Islam pula, analisis secara komparatif dilakukan. Aspek yang dibandingkan ialah penentuan liabiliti, penetapan kuantum ganti rugi dan penanggungan liabiliti. Terdapat dua bentuk penyusunan analisis perbandingan. Pertama, kesemua aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia dibincangkan terlebih dahulu pada bab dua, tiga dan empat. Kemudian, penyelesaian menurut perundangan Islam pula dibincangkan pada bab lima, enam dan tujuh. Penyusunan sebegini menjadikan perbincangan berkenaan kedua-dua perundangan lebih mendalam.¹⁰⁵ Kedua, perbandingan di antara kedua-dua perundangan dibincangkan sekali dalam bab lapan, bagi merumuskan persamaan dan perbezaan di antara keduanya dengan lebih jelas.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Bentuk perbincangan perbandingan begini dinamakan *block method* atau *text-by-text method*. Kerry Walk, “How to Write a Comparative Analysis”, laman sesawang Harvard College Writing Center, <http://writingcenter.fas.harvard.edu/pages/how-write-comparative-analysis>, dicapai pada 27 Mac 2013.

¹⁰⁶ Bentuk perbincangan perbandingan ini dinamakan *alternating method* atau *point-by-point method*. Ibid.

BAB 2

ASAS LIABILITI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA BERDASARKAN UNDANG-UNDANG DAN AMALAN DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan

Penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia adalah berasaskan kepada prinsip liabiliti berasaskan kesalahan (*fault-based liability*).¹⁰⁷ Ini bermakna, penyelesaian kes bermula dengan penentuan liabiliti di antara pihak-pihak yang terlibat. Lazimnya, prinsip kecuaian menjadi asas penentuan liabiliti. Tanpa kecuaian, liabiliti menjelaskan ganti rugi tidak dikenakan ke atas pihak yang dituntut. Elemen-elemen yang membentuk kecuaian bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia, dibincangkan dalam bab ini. Pertimbangan mahkamah dalam menentukan liabiliti dan membahagikannya di antara pihak-pihak yang terlibat juga diperincikan.

2.2 Kecuaian Sebagai Asas Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya

Berdasarkan kepada prinsip liabiliti berasaskan kesalahan, seseorang hanya berliabiliti untuk menjelaskan ganti rugi sekiranya kemalangan dan kerugian berlaku akibat kecuaian.¹⁰⁸ Dalam konteks undang-undang, kecuaian terdiri daripada elemen-elemen berikut:¹⁰⁹

- 1) wujud kewajipan berjaga-jaga,
- 2) pelanggaran kewajipan berjaga-jaga,
- 3) kerosakan adalah akibat pelanggaran tanggungjawab berjaga-jaga,

¹⁰⁷ R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*, 163 – 164.

¹⁰⁸ Mark A. Robinson, *Accident Compensation in Australia- No-fault Schemes* (Sydney: Legal Books PTY. LTD, 1987), 1.

¹⁰⁹ Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 10; K.M Stanton, *The Modern Law of Tort*, 27.

Kecuaian yang menimbulkan liabiliti sivil ialah kecuaian yang memenuhi kesemua elemen yang dinyatakan. Elemen kewajipan berjaga-jaga, pelanggaran kewajipan berjaga-jaga dan kerugian ke atas mangsa akibat pelanggaran kewajipan ini perlu dibuktikan ke tahap imbangan kebarangkalian oleh pihak yang menuntut.¹¹⁰ Jika elemen-elemen ini tidak dapat dibuktikan, tuntutan mangsa akan gagal walaupun kerugian berlaku.¹¹¹ Beban pembuktian ke atas mangsa ditegaskan antaranya dalam penghakiman kes *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein*¹¹² oleh Mohd Hishamudin H berikut:

“Jika mahkamah mendapati bahawa defendan tidak cuai, maka mahkamah mesti menolak tuntutan plaintif...Sepanjang masa, beban terletak pada plaintif untuk membuktikan kesnya, iaitu kecuaian pada pihak defendan, atas imbangan kebarangkalian.”

Dari pada penghakiman di atas, dapat difahamkan bahawa kegagalan membuktikan kecuaian oleh pihak mangsa akan menyebabkan tuntutannya gagal. Pembuktian yang diperlukan bagi setiap elemen kecuaian akan dibincangkan seterusnya satu persatu melalui subtopik di bawah.

2.2.1 Wujud Kewajipan Berjaga-jaga

Elemen pertama kecuaian yang perlu dibuktikan oleh mangsa ialah wujud kewajipan berjaga-jaga pihak pelaku tort ke atas dirinya. Ini kerana kewajipan berjaga-jaga seseorang secara prinsipnya, bukan mutlak ke atas semua pihak. Sebaliknya, ia terbatas kepada pihak yang diandaikan akan terjejas secara langsung oleh perbuatan atau tinggalan seseorang sahaja.¹¹³ Golongan ini diistilahkan sebagai ‘jiran’ seperti yang dijelaskan dalam kes klasik *Donoughue v Stevenson*¹¹⁴ yang menjadi pertimbangan utama dalam menentukan wujudnya kewajipan berjaga-jaga. Prinsip ‘jiran’ telah

¹¹⁰ S.Santhana Dass, *Personal Injury Claims*, 163.

¹¹¹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes *Sukatno v Lee Seng Kee* [2009] 3 MLJ 306.

¹¹² [1999] 5 MLJ 172.

¹¹³ R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*, 134.

¹¹⁴ [1932] AC 562.

diterima pakai di Malaysia dan dipetik antaranya dalam kes *Abdul Malek bin Idrus & Ors v Tan Jee Han*.¹¹⁵

Secara ringkasnya, kes *Abdul Malek* merupakan kemalangan yang berlaku ketika pihak yang dituntut iaitu seorang anggota polis, mengejar seorang suspek jenayah. Kemalangan berlaku apabila suspek jenayah yang memandu Proton Waja telah memasuki laluan bertentangan trafik dan akhirnya bertembung dengan kereta mangsa. Dalam kes ini, mangsa telah menuntut ganti rugi daripada anggota polis, bukan daripada suspek jenayah tersebut. Mahkamah telah menolak tuntutan mangsa.

Berpandukan kepada prinsip jiran, dua perkara gagal dibuktikan oleh pihak mangsa. Pertama, faktor jangkaan iaitu tindakan pihak yang didakwa mestilah sesuatu yang dapat dijangkakan boleh menimbulkan kerosakan kepada mangsa.¹¹⁶ Kedua, faktor kedekatan (proximiti) iaitu mangsa merupakan seseorang yang dapat dijangkakan boleh terjejas secara langsung akibat perbuatan pihak yang didakwa.¹¹⁷ Ganti rugi tidak diberikan kepada pihak yang terjejas dalam kemalangan, sekiranya dia tidak dapat dijangkakan akan mengalami kerosakan akibat perbuatan defendant.

Dalam kes ini, pihak mangsa berhujah bahawa anggota polis tersebut telah melanggar kewajipan berjaga-jaga kerana terus mengejar Proton Waja walaupun jelas bahawa tindakan ini mengundang risiko yang tinggi kepada pengguna jalan raya lain. Atas fakta tersebut, Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa boleh faktor jangkaan telah dibuktikan dan justeru itu anggota-anggota polis tersebut diputuskan cuai kerana telah melanggar kewajipan berjaga-jaga. Walau bagaimanapun, dalam kes rayuan di Mahkamah Tinggi, Abdul Rahman Sebli H membantalkan keputusan tersebut. Alasan penghakimannya adalah seperti berikut:

¹¹⁵ [2013] 10 MLJ 865.

¹¹⁶ Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 11.

¹¹⁷ Ibid.

“Tidak dapat dinafikan bahawa kerugian yang dialami oleh responden bukan disebabkan secara langsung daripada tindakan atau tinggalan perayu pertama tetapi disebabkan secara langsung oleh tindakan pemandu Proton Waja. Menggunakan prinsip ‘kejiran’ dalam *Donoghue v Stevenson*, adalah jelas bahawa responden tidak termasuk dalam kategori orang-orang ‘yang begitu rapat dan terjejas secara langsung’ daripada tindakan pihak polis mengejar Proton Waja tersebut. Tindakan yang begitu rapat dan menjelaskan responden secara langsung adalah tindakan pemandu Proton Waja tersebut yang memasuki laluannya. Justeru, prinsip ‘kejiran’ adalah wujud di antara responden dengan pemandu Proton Waja, berbanding antara responden dengan perayu pertama.”

Daripada penghakiman di atas, dapat dinyatakan bahawa prinsip ‘kejiran’ sebenarnya wujud antara pemandu Waja dengan mangsa. Ini kerana mangsa adalah pihak yang terjejas secara langsung akibat tindakan pemandu Waja. Bagi memindahkan liabiliti pemandu Waja ke atas anggota polis tersebut, pembuktian yang dituntut ialah wujud kewajipan berjaga-jaga yang luar biasa ke atas anggota polis tersebut. Dua perkara yang perlu dibuktikan ialah polis mempunyai kuasa untuk mengawal tindakan pemandu Waja dan berkewajipan memastikannya tidak bertindak dalam cara yang membahayakan keselamatan mangsa. Pihak mangsa gagal membuktikan hal ini. Oleh kerana itu, walaupun faktor jangkaan iaitu perbuatan anggota polis boleh dijangka mendarangkan bahaya kepada mangsa berjaya dibuktikan, tuntutan mangsa tetap ditolak kerana gagal membuktikan faktor kedekatan.

Daripada penghakiman kes ini, jelas bahawa hak mangsa untuk mendapatkan ganti rugi hanya timbul sekiranya wujud kewajipan berjaga-jaga ke atas pihak yang dituntut. Mangsa perlu membuktikan bahawa dirinya adalah jiran kepada pelaku tort dan maksud ‘jiran’ pula mesti memenuhi dua faktor yang telah dibincangkan. Jika salah satu faktor tidak dapat dibuktikan seperti mana dalam kes *Abdul Malek*,¹¹⁸ tuntutan mangsa akan gagal.¹¹⁹

¹¹⁸ Supra, nota 115.

¹¹⁹ Nuraisyah Chua, *Questions & Answers on Malaysian Courts*, 158.

2.2.2 Pelanggaran Kewajipan Berjaga-jaga

Selepas membuktikan wujud kewajipan berjaga-jaga, pihak mangsa mesti membuktikan bahawa pelaku tort telah melanggar kewajipan tersebut. Pelanggaran kewajipan berjaga-jaga merupakan tindakan atau tinggalan seseorang yang mendatangkan bahaya ke atas orang lain. Dalam Akta 1956, pelanggaran kewajipan berjaga-jaga ini juga disebut sebagai kesalahan atau kecuaian melalui seksyen 12 (6) berikut:

“Dalam seksyen ini “kesalahan” ertiya kecuaian, pelanggaran kewajipan statutori atau perbuatan atau peninggalan lain yang menimbulkan suatu liabiliti dalam tort atau akan, selain daripada Akta ini, menimbulkan kepada pembelaan kecuaian sertaan.”

Peruntukan di atas menyatakan bahawa kesalahan adalah kecuaian, pelanggaran kewajipan statutori dan perbuatan atau peninggalan yang menimbulkan liabiliti dalam tort. Bentuk perbuatan atau peninggalan atau kecuaian yang menimbulkan liabiliti dijelaskan dalam kes *Parimala A/P Muthusamy & Ors v Projek Lebuhraya Utara-Selatan*¹²⁰ berikut:

“Untuk menimbulkan kausa tindakan, hendaklah wujud kecuaian yang merupakan pelanggaran kewajipan berjaga-jaga terhadap pihak yang menuntut. Jika tidak, liabiliti tidak akan ditanggungkan ke atas pihak defendant walaupun berlakunya kerugian dan kerosakan akibat kemalangan. Tetapi apakah yang dimaksudkan dengan kecuaian? Memadai untuk saya nyatakan bahawa kecuaian adalah peninggalan membuat sesuatu yang mana seorang yang waras, dengan panduan pertimbangan-pertimbangan yang biasanya mengawal hal-ehwal manusia, akan buat atau membuat sesuatu yang mana tidak akan dibuat oleh seorang yang berhemat dan waras.”

¹²⁰ [1997] 5 MLJ 488. Plaintiff-plaintiff adalah penumpang sebuah kereta yang dipandu oleh si mati yang sedang dalam perjalanan melalui lorong arah ke utara menuju ke Ayer Keroh pada masa kemalangan. Si mati meninggal dunia di tempat kejadian selepas melanggar seekor lembu yang terlepas dan berada di lebuhraya itu melalui system pemagaran yang berlubang. Defendant merupakan pihak berkuasa lebuhraya yang bertanggungjawab bagi pembinaan, penyelenggaraan, pengurusan dan keselamatan Lebuhraya Utara-Selatan. Tuntutan plaintiff-plaintiff adalah untuk pelanggaran kewajipan berjaga-jaga atas pihak defendant terhadap plaintiff-plaintiff yang merupakan pengguna lebuhraya.

Penghakiman di atas menegaskan bahawa kecuaian adalah perbuatan atau peninggalan yang bertentangan dengan tindakan seorang yang waras. Untuk membuktikan kecuaian atau pelanggaran kewajipan berjaga-jaga ini, ujian orang yang waras (*the reasonable man test*) digunakan.¹²¹ Tiada satu tafsiran yang khusus menjelaskan bentuk kelakuan orang yang munasabah ini, namun penghakiman di atas menjelaskannya sebagai satu bentuk pertimbangan biasa yang mengawal hal ehwal manusia. Justeru, pembuktianya bergantung kepada fakta setiap kes dan pertimbangan hakim.¹²² Penghakiman kes-kes berikut dapat dijadikan panduan berkenaan bentuk tindakan orang yang munasabah menurut mahkamah:

Dalam kes *Chang Kan Nan v Ludhiana Transport Syndicate*,¹²³ Abbott H ketika itu menegaskan perkara berikut:

“Mahkamah ini berpandangan bahawa pemandu setiap kenderaan mestilah secara munasabah, menjangkakan sebuah kemalangan walaupun kemalangan mungkin tidak berlaku. Dalam kes ini, pemandu bas sepatutnya sedar bahawa jika berlaku pelanggaran melibatkan hadapan kenderaannya, si mati berdiri ditempat paling berbahaya-- dan berdiri di situ atas jemputan dan autoriti (pemandu). Mungkin pemandu berbuat demikian disebabkan niat baiknya bagi mengelakkan budak malang itu daripada tiba lewat ke sekolah, tetapi saya berpendapat bahawa kecuaian pemandulah yang telah menjadi penyebab pada kematian budak itu.

Dalam kes *Wong Chin Yong v Haidawati Bte Bolhen & Anor*,¹²⁴ Richard Malanjum H menyifatkan pemandu yang baik seperti berikut:

“Seorang pemandu yang baik menyesuaikan kelajuannya mengikut keadaan jalanraya. Anda patut mengurangkan kelajuhan sesuai dengan

¹²¹ Ini juga dinyatakan dengan jelas di dalam penghakiman kes Sukatno, supra, nota 282 berikut: “According to the Privy Council in *The Wagon Mound (No 1)* at pp 425 to 426 that ‘the essential factor in determining liability is whether the damage is of such a kind as the reasonable man should have foreseen’.”

¹²² Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 19.

¹²³ [1950] MLJ 299. Kes ini adalah sebuah tuntutan yang dibuat oleh bapa si mati (seorang kanak-kanak berusia 14 tahun) terhadap defendan akibat kecuaian pekerja defendan yang menyebabkan kematian anaknya. Pada 8 Disember 1948, mangsa dan dua orang rakannya menaiki bas untuk ke sekolah. Mangsa adalah penumpang tetap yang berbayar. Disebabkan bas penuh, pemandu mengajak mangsa dan rakan-rakannya untuk berdiri di bahagian pemandu. Kemalangan kemudian berlaku di antara bas dengan sebuah kereta yang datang dari arah bertentangan. Akibatnya, mangsa meninggal dunia akibat kemalangan tersebut.

¹²⁴ [1994] MLJU 80. Kes ini adalah satu tindakan oleh plaintif yang merupakan seorang kanak-kanak berumur 2 tahun 11 bulan ke atas pemandu kereta yang telah melanggarinya pada 17.9.1987 pada jam 5.45 petang di Jalan Tuang, Kuching. Akibat pelanggaran tersebut, plaintif telah mengalami kecederaan di kepala.

keadaan jalanraya agar anda boleh berhenti dalam keadaan kecemasan tanpa terbabas atau hilang kawalan.

Seorang pemandu yang baik secara automatik akan mengurangkan kelajuan apabila memasuki kawasan sesak, apabila mendekati kawasan sekolah atau bas yang sedang mengambil dan menurunkan kanak-kanak, jalan sempit berliku, mendekati kanak-kanak yang sedang bermain , mendekati selekoh, bukit atau apa-apa halangan yang membataskan penglihatannya.”

Daripada penghakiman kes-kes di atas, dapat difahamkan bahawa tahap berjaga-jaga yang diharapkan daripada seorang pemandu adalah tinggi iaitu sehingga perlu menjangkakan bahawa kemalangan akan berlaku dalam pemanduannya, walaupun ia mungkin tidak akan berlaku. Atas jangkaan terhadap kebarangkalian berlakunya risiko tersebut, tindakan berjaga-jaga perlu diambil oleh setiap pemandu. Dalam kes *Wong Chin Yong*, tindakan seorang yang waras atau pemandu yang baik dijelaskan seperti menyesuaikan kelajuan kenderaan mengikut keadaan jalan.

Pelanggaran kepada bentuk tindakan orang yang waras atau pemandu yang baik adalah pelanggaran kewajipan berjaga-jaga yang menimbulkan liabiliti. Dalam kes *Loh Chee Keong v Syarikat Bee Huat Sdn Bhd & Anor*¹²⁵ contohnya, George H ketika itu memutuskan seorang pemandu bas berliabiliti terhadap kecederaan seorang penunggang motosikal walaupun jelas bahawa tindakan penunggang tersebut merupakan penyebab utama kemalangan berlaku. Keputusan ini dibuat atas alasan bahawa seorang pemandu yang berhemah mestilah menjangkakan tindakan pengguna jalan raya yang lain. Dalam kes ini, pemandu bas sepatutnya perlu menjangkakan kebarangkalian penunggang motosikal tersebut hilang kawalan akibat hujan lebat yang berlaku. Pemandu bas sepatutnya memperlahangkan bas dan memberikan ruang yang wajar bagi penunggang

¹²⁵ [1982] 2 MLJ 184. Ketika kemalangan berlaku, mangsa menunggang motosikalnya di bahu jalan berumput bertentangan dengan laluan bas. Ketika cuba melintas ke kanan untuk memasuki jalan raya , motorsikalnya terbabas dan mangsa jatuh ke atas jalan. Bas yang sedang bergerak di laluannya yang betul telah melanggar motosikal tersebut.

motosikal tersebut sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan sebarang kemalangan. Namun, kewajipan berjaga-jaga ini diabaikan olehnya.

Selain itu, seseorang pemandu juga boleh diputuskan melanggar kewajipan berjaga-jaga apabila melanggar kewajipan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Dalam kes *Balvinder Kaur v Omparkash Singh & Ors*¹²⁶ yang melibatkan pelanggaran antara sebuah kereta dengan bas di hadapannya, mahkamah memutuskan liabiliti dibahagikan ke atas kedua-dua pemandu tersebut. Keputusan ini dibuat kerana pemandu kereta didapati memandu terlalu laju dan rapat dan tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk mengelak pelanggaran dengan bas. Pemandu bas pula didapati cuai kerana membelok daripada jalan utama secara tiba-tiba dan berhenti bukan pada perhentian yang sah.

Dalam kes *Parimala*¹²⁷ pula, pihak berkuasa lebuh raya diputuskan cuai kerana mengabaikan kewajipan statutori mereka dalam memastikan keselamatan pengguna lebuhraya. Melalui sistem pemagaran yang berlubang, seekor lembu telah terlepas masuk ke lebuh raya dan mengakibatkan kemalangan berlaku. Mahkamah memutuskan sedemikian atas alasan bahawa tiada pemandu yang akan menjangkakan bahawa seekor lembu akan melintasi laluannya di Lebuh Raya Utara Selatan yang dikendalikan oleh defendant. Mana-mana lelaki yang waras juga pasti menjangkakan bahawa tindakan pencegahan yang berkesan oleh pemandu pasti sukar diambil apabila berhadapan dengan bahaya dalam jarak yang dekat dan dengan kelajuan yang tinggi di lebuh raya.

¹²⁶ [1995] MLJU 83.

¹²⁷ Supra, nota 120.

2.2.3 Kerosakan Adalah Akibat Pelanggaran Kewajipan Berjaga-jaga

Pelanggaran kewajipan berjaga-jaga semata-mata tanpa kecederaan atau kerugian tidak menimbulkan liabiliti.¹²⁸ Oleh kerana itu, pihak mangsa mesti membuktikan bahawa kecederaan atau kerugian berlaku akibat pelanggaran kewajipan berjaga-jaga pelaku tort.¹²⁹ Kecederaan dan kerugian yang dialami mesti dibuktikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kecuaian pelaku tort dan tidak di luar duga atau merupakan kes terpencil.¹³⁰

Pembuktian ini menuntut dua perkara. Pertama, pembuktian hubungan sebab dari sudut fakta dan kedua, dari sudut undang-undang. Penyebab secara fakta (*actual cause*) bermaksud pelanggaran tanggungjawab berjaga-jaga pelaku tort merupakan penyebab sebenar dan kerugian yang dialami bukan disebabkan oleh faktor lain.¹³¹ Penyebab secara undang-undang (*causation in law*) pula bermaksud kerosakan yang dialami oleh mangsa adalah sesuatu yang boleh dipreralihat sebagai akibat daripada kecuaian tersebut dan bukan di luar jangkaan.¹³²

Pertimbangan mahkamah terhadap kedua-dua penyebab ini boleh difahami melalui penghakiman kes *Sri Jaya Transport Co (PTM) Bhd v Ang Chai Hai & Ors*¹³³ berikut:

¹²⁸ Ini ditegaskan melalui penghakiman hakim Peh Swee Chin dalam kes Woon Tan Kan & 7 YL v Asian Rare Earth Sdn. Bhd. [1993] 1 AMR 7: 244 berikut : "...Tidak ada keterangan mengenai kehilangan atau kerosakan sebenar atau kecederaan diri yang diakibatkan secara langsung oleh kecuaian terhadap... (defenden) sebelum November 1985. Secara umum telah diketahui bahawa kecuaian semata-mata tidak menimbulkan suatu kuasa tindakan melainkan kerosakan sebenar wujud bersama dengan kecuaian yang dilakukan itu, lihat dictum Viscount Simon LC dalam East Suffolk Rivers Catchment Board Iwn Kent [1941] AC 74 pada halaman 86. Tuntutan yang dibuat berdasarkan kecuaian dibuang."

¹²⁹ R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*, 73; Norchaya Talib, Prinsip-prinsip Asas Tort, 24.

¹³⁰ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian*, 84.

¹³¹ Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 24.

¹³² Ibid, 27.

¹³³ [1974] 2 MLJ 92. Kes ini adalah kes rayuan oleh perayu yang merupakan defendant terhadap keputusan mahkamah tinggi sebelumnya. Dalam kes ini, mangsa ialah pemandu kereta yang telah bertembung dengan bas yang dipandu oleh pekerja defendant. Defenan menafikan dakwaan bahawa

“Dapatan di atas menunjukkan bahawa minyak petrol di dalam tin tidak terkesan sama sekali dalam kebakaran. Jika minyak petrol adalah penyebab langsung kepada kebakaran selepas pertembungan berlaku, sepatutnya ia sudah terbakar dan tiada baki lagi yang tinggal di dalam tin-tin tersebut. Tin-tin ini sepatutnya terkesan teruk dengan haba selepas pertembungan tersebut, sehingga tidak dijangka akan dijumpai salah satunya dalam keadaan tertutup, masih penuh dengan petrol. Seperti yang dinyatakan oleh peguam pihak plaintif, andaikanlah kebakaran telah dipadamkan oleh bomba, sedikit air sepatutnya boleh dikesan bersama petrol di dalam tin yang tidak bertutup, dan justeru berada dalam sampel yang dianalisis. Tetapi tiada bukti menunjukkan terdapat air bersama petrol dalam laporan ahli kimia. Saya dengan ini, mendapati dapatan dalam laporan tidak menyokong kesimpulan bahawa kebakaran bermula daripada percikan minyak petrol di dalam tin- dengan andaian bahawa ahli kimia membuat kesimpulan yang sama di dalam laporannya. Adalah fakta umum bahawa kenderaan akan terbakar segera selepas pertembungan berlaku di jalan raya, walaupun kenderaan-kenderaan tersebut tidak membawa sebarang tin petrol. Perlu diingati, kemalangan ini ialah akibat pertembungan (lihat pelan lakaran eksibit AB1). Daripada laporan ahli kimia, bahagian hadapan bas yang rosak juga terbakar. Dalam apa juu keadaan, tidak dinafikan bahawa kebakaran dalam kes ini bermula daripada bahagian enjin kereta berbanding sebelas tin petrol. Dalam apa juu keadaan, tidak dapat dinafikan lagi bahawa kebakaran dalam kes ini disebabkan percikan api yang berhasil daripada pertembungan kedua-dua kenderaan yang berlaku secara langsung akibat perbuatan cuai pemandu bas. Dari aspek pembuktian, saya dapat petroli yang dibawa dalam kereta tidak menyebabkan kebakaran, walaupun dalam fikiran saya segala kemungkinan boleh berlaku sebagai akibat langsung daripada pertembungan. Justeru, tiada *novus actus intervenies* dalam kes ini. Pada pandangan saya, rantai penyebab antara pertembungan dan kematian mangsa tidak terputus.

Dalam kes di atas, Ong Hock Sim HMP memutuskan menolak rayuan yang dikemukakan oleh pihak perayu yang mendakwa bahawa kematian mangsa berlaku disebabkan melecur akibat kebakaran yang berpunca daripada sebelas tin petrol yang dibawanya sendiri. Ini kerana bukti yang dikemukakan menunjukkan hubungan di antara pelanggaran kewajipan berjaga-jaga pemandu bas dengan kematian mangsa sama ada dari sudut fakta mahu pun undang-undang. Dari sudut fakta, laporan kimia telah membuktikan bahawa minyak petrol bukan penyebab sebenar kebakaran dan kematian mangsa. Sebaliknya, pertembungan kenderaan akibat kecuaian pemandu bas adalah

pekerjaannya telah cuai sebaliknya mendakwa kematian mangsa adalah disebabkan kewujudan sebelas tin petrol di belakang bonet keretanya yang menyebabkan kebakaran dan kematianya.

sebab kepada kematian mangsa. Dari sudut undang-undang pula, fakta bahawa kebakaran akan berlaku akibat pertembungan kenderaan walaupun tidak membawa petrol adalah sesuatu yang boleh dipr alihat secara munasabah dan bukan diluar jangkaan.

Penghakiman di atas adalah contoh pemakaian ujian akibat langsung dalam menentukan penyebab sebenar kematian mangsa dan ujian pralihat munasabah bagi menentukan penyebab dari sudut undang-undang. Dalam amalan semasa mahkamah, ujian pralihat munasabah lebih diutamakan.¹³⁴ Ini bermakna bentuk perbuatan atau cara bagaimana kerosakan berlaku adalah tidak relevan dan tidak menjadi persoalan utama.¹³⁵ Tidak disyaratkan bahawa kerosakan mesti diakibatkan oleh perbuatan pelaku tort secara langsung tetapi kerosakan tersebut mestilah merupakan kesan yang boleh dikaitkan dan boleh dipr alihat sebagai akibat biasa daripada perbuatan pelaku tort.

Pemakaian ujian pralihat munasabah dipengaruhi pula oleh dua faktor seperti yang dijelaskan dalam kes *Sivakumaran & Ors v Yu Pan & Anor*¹³⁶ berikut:

“Defendant mempertikaikan bahawa kebolehramalan sebahagian kecederaan fizikal yang boleh membawa maut akibat daripada perbuatan cuai defendant dalam pemanduan adalah tidak mencukupi, kerana kematian akibat membunuh diri adalah kerosakan dalam bentuk yang berbeza yang tidak dapat dijangkakan oleh seseorang yang munasabah

¹³⁴ Keutamaan kepada aspek pralihat munasabah bermula pada tahun 1961 menggantikan ujian akibat langsung yang menjadi pertimbangan utama antara tahun 1921 hingga 1961. Norchaya Talib, Prinsip-prinsip Asas Tort, 27; Salleh Buang. Undang-undang Kecuaian, 85 – 86. Hal ini juga diputuskan oleh hakim Gill dalam kes Jaswant Singh v Central Electricity Board & Anor [1967] 1 MLJ 272 pada halaman 275.

¹³⁵ Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 28.

¹³⁶ [1995] 1 MLJ 12. Plaintiff keempat dan tiga orang anaknya yang belum dewasa (plaintif pertama, kedua dan ketiga yang bertindak melalui sahabat wakil mereka, iaitu plaintiff keempat) telah mendakwa defendant pertama dan kedua sebagai pemandu dan pemilik, masing-masing, sebuah lori yang terlibat dalam suatu kemalangan dengan mendiang suami plaintiff keempat, Selvaraj a/l Aiyavoo ('si mati'). Si mati telah mengalami beberapa kecederaan dan sembilan bulan kemudian telah membunuh diri dengan menggantung dirinya. Plaintiff menuntut kehilangan penanggung di bawah s 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan menegaskan bahawa seorang pelaku tort menerima mangsanya dalam keadaan yang dijumpainya. Sebaliknya, defendant berhujah bahawa kematian si mati itu melalui pembunuhan diri tidak boleh diramal, memandangkan rukun yang dinyatakan di dalam The Wagon Mound[1961] AC 388; [1961] 1 All ER 404; [1961] 2 WLR 126. Keterangan perubatan tidak dikemukakan mengenai keadaan fikiran si mati dan plaintiff keempat telah menyatakan bahawa beliau tidak menjangka bahawa si mati akan membunuh diri. Juga tidak ada keterangan untuk menunjukkan bahawa si mati mempunyai suatu kecenderungan fizikal atau psikologi yang terpendam untuk menghidap sesuatu kecederaan atau penyakit tertentu sebelum kemalangan itu.

dalam keadaan tersebut. Walau bagaimanapun aspek luar duga-boleh ramal (*remoteness-foreseeability*) ini perlu dipertimbangkan bersama dengan dua lagi prinsip iaitu *egg shell* atau *thin skull*, kerana kelemahan si mati disebabkan sejarah sakit mental yang dialaminya, dan dalihan *novus actus interveniens* atau dakwaan bahawa rantaian penyebab telah terputus akibat perbuatan mangsa sendiri yang membunuh diri.”

Penghakiman di atas menjelaskan bahawa pembuktian sesuatu kerosakan adalah sesuatu yang boleh diprالihat ditentukan dengan mempertimbangkan dua lagi faktor iaitu rukun *egg shell* atau *thin skull* dan dalihan *novus actus interveniens*. Rukun *egg-shell skull* ialah ketetapan bahawa pelaku tort mesti bertanggungan terhadap mangsanya seperti mana dia mendapatinya. Rukun ini menyebabkan seorang pelaku tort berliabiliti terhadap semua kerosakan yang berlaku ke atas mangsa termasuk kesan yang lebih besar daripada biasa sekiranya kesan tersebut adalah boleh diramalkan.¹³⁷ *Novus actus interveniens* pula ialah tindakan atau peristiwa yang memutuskan kaitan di antara kesalahan atau jenayah yang dilakukan oleh defendant dengan kejadian yang berlaku kemudiannya. Dalihan *novus actus intervenies* ini melepaskan defendant daripada berliabiliti terhadap kerosakan yang berlaku.¹³⁸

Rukun *egg-shell skull* terpakai dalam kes *Azizi bin Amran v Hizzam bin Che Hassan*.¹³⁹ Dalam kes ini, Zulkefli HMA memutuskan bahawa defendant berliabiliti terhadap pemendekan kaki mangsa sebanyak 2.0sm dalam kemalangan yang berlaku. Namun, liabiliti defendant diputuskan merangkumi kesan pemendekan kaki sebanyak 4.0sm termasuk daripada kemalangan terdahulu yang dialami mangsa. Oleh itu ganti rugi yang diputuskan mengambil kira penderitaan yang dialami mangsa akibat penyusutan otot kaki kirinya, ketegangan di lutut kiri dan risiko osteoarthritis di bahagian sendi yang akhirnya boleh mengakibatkan mangsa tidak mampu lagi bekerja. Alasan

¹³⁷ Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 30.

¹³⁸ *Kamus Undang-undang* (Selangor: Penerbit fajar Bakti Sdn. Bhd., 1995), 376. *Novus actus interveniens* boleh berlaku melalui tiga cara iaitu perantaraan akibat suatu kejadian semulajadi, perbuatan pihak ketiga dan perbuatan plaintiff sendiri. Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 31 – 32.

¹³⁹ [2006] 4 MLJ 555.

penghakiman Zulkefli HMA bagi kes ini disokong dengan penghakiman kes-kes berikut:

“Berhubung perkara ini, dalam kes Watts v Rake [1960] 108 CLR 158, Dixon CJ pada h. 160 menyatakan berikut:

Jika kecederaan menjadi lebih serius dalam insiden dan kesannya disebabkan kondisi lelaki yang cedera itu, ia menyebabkan kenaikan kadar ganti rugi yang mesti dibayar oleh defendant. Pemotongan kaki bagi seorang lelaki yang mempunyai hanya satu kaki atau kehilangan mata bagi lelaki yang tinggal satu mata menyebabkan kecederaan yang lebih serius daripada kecederaan sama yang menimpa lelaki yang mempunyai dua kaki atau mata. Tetapi keseriusan kecederaan tersebut perlu dibayar oleh defendant.

...

Masih berhubung hal yang sama dalam kes Hughes v Lord Advocate [1963] AC 837 pada h. 845 (HL) Lord Reid dalam kenyataannya inter alia menyatakan:

Seorang defendant adalah bertanggungan, walaupun tahap kerosakan mungkin lebih besar daripada yang diramalkan. Dia hanya boleh melepaskan diri daripada liabiliti jika kerosakan itu boleh dianggap sebagai sesuatu yang berbeza bentuk daripada apa yang diramalkan.”

Daripada penghakiman di atas, dapat difahamkan bahawa seorang pelaku tort mesti bertanggungan terhadap semua kesan kerosakan yang berlaku ke atas mangsa termasuk kesan yang lebih besar daripada biasa sekiranya kesan tersebut adalah boleh diramalkan. Sekiranya kesan tersebut tidak dapat diramalkan, pelaku tort tidak bertanggungan kerana berlaku *novus actus interveniens*.

Contoh penerimaan dalihan *novus actus interveniens* adalah seperti dalam kes *Sivakumaran*.¹⁴⁰ Dalam kes ini, mahkamah menolak tuntutan pihak isteri dan anak-anak si mati kerana perbuatan mangsa membunuh diri selepas kemalangan bukan suatu tindakan yang boleh dijangka atau dipralihat sebagai akibat daripada kecederaan yang dialaminya. Ini berdasarkan kepada kenyataan balu mangsa sendiri yang tidak menjangka bahawa si mati akan membunuh diri. Tambahan pula, tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa si mati mempunyai suatu kecenderungan psikologi untuk

¹⁴⁰ Supra, nota136.

berasa murung. Sebaliknya, perbuatan si mati adalah didorong oleh kemiskinan yang dialaminya.

Kes ini berbeza dengan kes *Pigney v Pointers Transport Services Ltd*¹⁴¹ yang dihujahkan oleh peguam pihak mangsa. Dalam kes *Pigney*, mangsa telah mengalami neurosis, kebimbangan dan kemurungan yang serius akibat kemalangan yang berpunca daripada kecuaian pelaku tort. Akhirnya beliau menggantung diri sehingga mati. Mahkamah dalam kes ini, memutuskan liabiliti ke atas pelaku tort kerana tindakan si mati boleh dikaitkan dengan kecederaan kepala yang dialaminya akibat kecuaian pelaku tort. Rukun *egg-shell skull* terpakai dalam kes ini. Justeru, tindakan mangsa sendiri sebagai kejadian kedua selepas kemalangan tidak dianggap memecahkan rantai penyebab kepada kecuaian pelaku tort dan kerosakan yang dialami kerana ia adalah sesuatu yang boleh diprالihat.¹⁴²

Berdasarkan rukun *egg-shell skull*, mahkamah tidak memutuskan kes berdasarkan persoalan sama ada kecederaan kepala yang disebabkan oleh pelaku tort boleh menyebabkan kematian. Tetapi apa yang menjadi pertimbangan mahkamah ialah sama ada kecederaan kepala merupakan sesuatu yang boleh diprالihat secara munasabah sebagai akibat daripada kecuaian pelaku tort. Jika jawapannya ‘ya’, maka pelaku tort harus menerima mangsa seadanya. Dalam kes *Pigney*, pelaku tort harus menerima keadaan mangsa yang berisiko menerima penyakit psikologi yang akhirnya menyebabkannya menggantung diri. Rantai penyebab dianggap tidak terputus dalam kes ini.

¹⁴¹[1957] 2 All ER 807; [1957] 1 WLR 1121.

¹⁴²Norchaya Talib, *Prinsip-prinsip Asas Tort*, 31.

2.3 Pembahagian Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia

Liabiliti dalam sebuah kemalangan boleh dibahagikan antara beberapa pihak. Pertama, tanggungan bersama antara pelaku-pelaku tort sebagai defendant, ko-defendant atau pihak ketiga. Kedua, kecuaian sertaan melibatkan mangsa sebagai penyumbang dalam kemalangan bersama dengan defendant. Pembahagian liabiliti antara pihak-pihak ini menuntut pembuktian yang berbeza dan memberikan kesan yang berbeza terhadap tuntutan ganti rugi mangsa.

2.3.1 Tanggungan Bersama di Antara Pelaku-Pelaku Tort

Pembahagian liabiliti di antara beberapa orang pelaku tort bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia adalah berdasarkan kepada prinsip tanggungan secara bersama dan berasingan (*joint and several liability*). Pihak-pihak yang boleh ditanggungkan liabiliti secara bersama antaranya ialah beberapa orang pemandu yang sama-sama cuai mengakibatkan kecederaan atau kematian mangsa dan pemandu kenderaan serta pemiliknya.¹⁴³ Tindakan ke atas pihak-pihak ini boleh diambil melalui satu tindakan iaitu sebagai defendant dan ko-defendant mahupun melalui tindakan berasingan sebagai defendant dan pihak ketiga.¹⁴⁴

Berdasarkan kepada prinsip tanggungan secara bersama dan berasingan, setelah liabiliti diputuskan mengikut kadar kecuaian pelaku-pelaku tort,¹⁴⁵ kewajipan untuk

¹⁴³ Dalam kes Wong Chin Yong, supra, nota 123, plaintif kanak-kanak yang mengalami kecederaan kepala mengambil tindakan terhadap defendant pertama dan kedua. Defendant pertama ialah pemandu kenderaan yang telah melanggarinya manakala defendant kedua ialah pemilik kenderaan tersebut. Dalam kes ini, Richard Malanjum, H. memutuskan: “*Costs of this action to be paid to the Infant Plaintiff by the Defendants jointly and severally.*”

¹⁴⁴ Seperti mana yang diperuntukkan melalui seksyen 10 (1)(a) Akta Undang-undang Sivil 1956.

¹⁴⁵ Pembahagian liabiliti di antara mereka dilakukan oleh mahkamah mengikut kadar kecuaian masing-masing tanpa formula khusus yang menjadi panduan. Ia terpulang kepada pertimbangan mahkamah berdasarkan fakta kes yang berlaku. Disebabkan itu, mahkamah perlu menjelaskan apa asas yang menjadi pertimbangan dalam pembahagian liabiliti yang diputuskan agar tidak berbangkit dan dipersoalkan oleh

menjelaskan ganti rugi terhadap mangsa adalah secara berasingan. Ini bermakna, mana-mana pelaku tort tidak dihadkan untuk menjelaskan penghakiman mengikut kadar liabiliti mereka sahaja. Sebaliknya mana-mana satu pihak boleh diarahkan menjelaskan keseluruhan penghakiman kepada pihak mangsa.¹⁴⁶

Contohnya seperti yang diputuskan dalam kes *Jayakumar s/o Kupusamy & Anor v Chen Kit Hong & Anor*.¹⁴⁷ Dalam kes ini, liabiliti terhadap kecederaan plaintif kedua diputuskan ke atas defendan sebanyak 80% dan ke atas plaintif pertama sebanyak 20%. Pihak defendan dalam hujahannya meminta agar mahkamah membenarkan defendan membayar 80% sahaja daripada RM230,871.92 yang diputuskan mahkamah. 20% lagi baki penghakiman dimohon agar didapatkan oleh mangsa (plaintif kedua) secara langsung daripada plaintif pertama. Dalam menolak permintaan ini, Mohamed Dzaiddin H menegaskan perkara berikut:

“Dalam penghakiman saya, hujahan ini tidak dapat diterima. Sudah tentu, saya bersetuju bahawa defendan boleh mendapatkan sumbangan daripada plaintif pertama. Ini adalah hak yang diperuntukan melalui seksyen 10(1)(c), Akta Undang-undang Sivil (Akta 67) yang menyatakan apabila kerugian dialami oleh seseorang akibat tort, mana-mana pelaku tort yang bertanggungan menjelaskan ganti rugi boleh mendapatkannya kembali daripada mana-mana pelaku tort lain yang jika disaman, akan berliabiliti terhadap kerugian yang sama sebagai pelaku tort bersama atau sebaliknya. Walau bagaimanapun seksyen ini tidak memberi kuasa kepada saya untuk memutuskan sebagaimana yang dipinta oleh Mr. Jagjit. Apa yang boleh dilakukan oleh pihak defendan yang telah menjadi amalan, ialah mendapatkan kembali baki sebanyak 20% melalui tindakan berasingan terhadap plaintif pertama. Berhubung liabiliti defendan-defendan ke atas plaintif kedua, defendan-defendan masih perlu menjelaskan keseluruhan jumlah penghakiman.”

pihak-pihak yang bertikai. Ini ditegaskan dalam penghakiman kes Ahmad Nordin bin Hah Maslan & Anor v Eng Ngak Hua & Ors [1985] 2 MLJ 431.

¹⁴⁶ Seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 10 (2) Akta Undang-undang Sivil 1956 berikut: “Dalam mana-mana prosiding bagi sumbangan di bawah seksyen ini amaun bagi sumbangan yang boleh didapatkan kembali dari mana-mana orang hendaklah seperti yang boleh ditetapkan oleh Mahkamah sebagai adil dan ekuiti mengambil kira sejauh mana tanggungjawab orang tersebut bagi ganti rugi, dan Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang dari liabiliti untuk membuat sumbangan, atau untuk mengarahkan bahawa sumbangan didapatkan kembali dari mana-mana orang, hendaklah dikira sebagai suatu indemniti penuh.”

¹⁴⁷ [1984] 1 MLJ 376.

Penghakiman di atas menetapkan bahawa pihak defendant perlu bertanggungan menjelaskan penghakiman sepenuhnya, walaupun liabilitinya hanya diputuskan sebanyak 80%. Baki penghakiman sebanyak 20% lagi boleh dituntut melalui tindakan berasingan ke atas plaintiff pertama.

Dalam kes *Tan Cheong Seng lwn Lee Lai Seng dan 1 lagi*¹⁴⁸ pula, Mohamad Nor bin Haji Abdullah, H menegaskan bahawa pembayaran ganti rugi oleh defendant secara keseluruhan tidak bermakna defendant berliabiliti 100%. Justeru itu beliau membatalkan keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang memutuskan bahawa defendant berliabiliti 100% memandangkan tiada tuntutan dibuat oleh plaintiff terhadap ko-defendant. Alasan penghakiman beliau adalah seperti berikut:

“Beliau telah tersilap kerana keputusannya itu membawa maksud bahawa defendant adalah 100% bertanggungan dan ko-defendant tidak langsung bertanggungan di atas kemalangan yang berlaku. Kesan dan akibat dari keputusan sedemikian ialah menafikan hak defendant mendapatkan sumbangan atau indemniti dari ko-defendant setelah defendant membayar semua ganti rugi plaintiff, seperti yang diperuntukkan di bawah s. 10 Akta Undang-Undang Sivil 1956.”

Daripada penghakiman ini, jelas bahawa pihak yang bertanggungan menjelaskan keseluruhan penghakiman mempunyai hak mendapatkan kembali baki penghakiman daripada pihak yang bertanggungan bersama. Melalui kes ini juga, dapat difahamkan bahawa pihak yang mesti menjelaskan keseluruhan penghakiman tidak semestinya pihak yang mempunyai liabiliti lebih besar. Dalam kes ini, pihak yang dituntut menjelaskan ganti rugi meyumbang 10% sahaja kepada kemalangan yang berlaku.

¹⁴⁸ [1994] 3 CLJ 163. Kes ini adalah rayuan pihak defendant terhadap keputusan hakim peringkat bicara di Mahkamah Sesyen yang memutuskan pihak defendant adalah cuai 100% kerana plaintiff tidak membuat tuntutan ke atas ko-defendant. Sedangkan liabiliti di antara defendant mereka telah dibahagikan sebanyak 10% ke atas defendant dan 90% ke atas ko-defendant. Kemalangan berlaku semasa ko-defendant sedang memotong sebuah bas dihadapannya dan telah berlanggar dengan motosikal yang ditunggang oleh defendant dari arah bertentangan. Dalam kes ini, plaintiff ialah pembonceng motosikal ko-defendant.

Hak plaintiff boleh membuat tuntutan terhadap mana-mana pihak ditegaskan dalam kes *Ang Soong Seng & Anor v Noraini Bte Doralik & Anor*¹⁴⁹ berikut:

“Responden-responden adalah di dalam hak undang-undang mereka untuk menuntut terhadap mana-mana atau semua orang yang bertangungjawab untuk kemalangan itu. Responden-responden tidak patut dipersalahkan atas fakta bahawa pemandu responden-responden tidak dibawa masuk sebagai defendant oleh responden-responden, oleh kerana mereka, sebagai orang yang berada di tempat kejadian yang tidak bersalah, tidak dapat dipaksa untuk menuntut terhadap sesiapa yang mereka tidak hendak membawa masuk. Apa-apa alasan yang mereka ada tidak patut dipersoalkan oleh mahkamah.”

Daripada penghakiman kes di atas, dapat difahamkan bahawa hak plaintiff untuk membuat tuntutan terhadap mana-mana penyumbang kemalangan tidak boleh dipersoalkan oleh mahkamah. Justeru, dalam kes ini penghakiman perlu dijelaskan oleh pemandu jentera penggelek jalan yang dirempuh oleh kenderaan yang dinaiki oleh mangsa-mangsa sebagai responden-responden. Pemandu kenderaan yang merupakan suami responden pertama tidak dinamakan sebagai pihak dalam tuntutan ini.

Seperti yang dibincangkan, pihak yang menjelaskan keseluruhan penghakiman boleh mendapatkan kembali baki penghakimannya daripada pelaku tort bersama. Walau bagaimanapun, tidak ada sebarang jaminan bahawa tuntutan ini akan berjaya.¹⁵⁰ Dalam kes *Ang Soong Seng* di atas contohnya, tuntutan baki penghakiman daripada pihak pemandu kereta tersebut sukar diperolehi kerana pihak insurans akan menafikan liabiliti. Ini biasa berlaku jika mangsa adalah penumpang kenderaan mahu pun pembonceng motorsikal kepada pelaku tort bersama. Ini kerana penumpang kenderaan adalah jelas bukan merupakan pihak ketiga yang dilindungi insurans.¹⁵¹

¹⁴⁹ [2003] 5 MLJ 456. Responden-responden merupakan penumpang-penumpang di dalam kereta yang dipandu oleh suami responden pertama. Kemalangan berlaku dalam perjalanan responden-responden ke tempat kerja. Kenderaan mereka telah melanggar sebuah jentera penggelek jalan yang disedari pemandu selepas melalui asap tebal yang menghalang pandangannya. Dalam jarak yang dekat, pelanggaran tidak dapat dielakkan lagi.

¹⁵⁰ S. Santhana Dass, *Personal Injury*, 278.

¹⁵¹ Ibid, 275 – 276. Perbincangan lanjut berkenaan pihak ketiga yang mendapat perlindungan insurans dibincangkan dalam bab 4.

2.3.2 Kecuaian sertaan mangsa

Biarpun kecuaian sertaan mangsa menyebabkan liabiliti dibahagikan antaranya dengan pelaku tort, konsepnya adalah berbeza dengan pembahagian liabiliti di antara dua pelaku tort bersama yang telah dibincangkan. Ini kerana tindakan terhadap beberapa pelaku tort bersama merupakan satu kausa tindakan yang perlu dibawa dan dibuktikan oleh pihak mangsa sedangkan kecuaian sertaan merupakan satu pembelaan dan beban pembuktianya adalah di pihak pelaku tort. Perkara ini ditegaskan dalam kes *Hamizan bin Abd Hamid v Wong Kok Keong & Anor.*¹⁵²

Dalam penghakiman kes ini, diputuskan bahawa kegagalan pelaku tort mengemukakan tuntutan kecuaian sertaan sebagai pembelaan akan menyebabkan isu tersebut tidak dibicarakan oleh mahkamah. Akibatnya pelaku tort perlu menanggung liabiliti sepenuhnya jika mangsa pula berjaya membuktikan wujud kecuaian di pihaknya. Penghakiman ini dituruti oleh kes *Periasamy Subbiah lwn Siew Peng Whye dan satu lagi*¹⁵³ di mana mahkamah memutuskan ganti rugi terhadap mangsa dijelaskan sepenuhnya oleh pihak pelaku tort walaupun kecuaian di pihaknya adalah 20%. dan selebihnya merupakan kecuaian mangsa sendiri.

Setelah pelaku tort mengemukakan tuntutan pembelaan, kecuaian mangsa yang perlu dibuktikan. Pembuktianya tidak seperti pelanggaran kewajipan berjaga-jaga yang menyebabkan pembahagian liabiliti di antara pelaku tort bersama. Sebaliknya pihak defendant mesti membuktikan bahawa mangsa gagal mengambil tindakan berjaga-jaga

¹⁵² [1994] 4 CLJ 122, 124 – 125. Dalam kes ini, plaintif membuat tuntutan terhadap defendant untuk ganti rugi yang dialaminya akibat suatu kemalangan motor. Satu daripada isu yang dihujahkan oleh pihak pembelaan adalah bahawa terdapat unsur-unsur kecuaian sertaan pada pihak plaintif dan oleh kerana plaintif tidak menjadikan kecuaian sertaan suatu pli yang spesifik di dalam plidingnya, kesnya semestinya gagal. Penegasan dalam kes ini dibuat berikut timbul kecenderungan atau trend dalam penghakiman kes-kes sebelumnya yang mengelirukan kerana menuntut agar kecuaian sertaan dinyatakan dalam tuntutan pihak mangsa. Antara kes tersebut adalah Ch'ng Chong Song v Lok Chen Chong & Yong Ah Jun [1991] 1 CLJ 515.

¹⁵³[1998] 5 CLJ 557.

yang munasabah ke atas dirinya sehingga menyebabkan kecederaan dan kerugiannya.¹⁵⁴

Dalam kes kemalangan jalan raya, kecuaian mangsa mengambil tanggungjawab berjaga-jaga yang munasabah ke atas dirinya sendiri biasanya boleh dikaitkan dengan pelanggaran beberapa peraturan lalu lintas. Antaranya seperti memandu terlalu hampir, masuk ke laluan bertentangan, muncul tiba-tiba dari sisi jalan, tidak berhenti di persimpangan jalan, melanggar lampu isyarat dan memandu dengan laju.¹⁵⁵ Mangsa juga boleh ditanggungkan liabiliti akibat kecuaian sertaan sekiranya kecuaian tersebut merupakan fakta relevan yang mempengaruhi tahap kecederaan yang dialaminya.¹⁵⁶ Contohnya seperti tidak memakai topi keledar dan tali pinggang keselamatan.¹⁵⁷

Namun, pelanggaran undang-undang dan peraturan tersebut tidak diterima sebagai bukti kecuaian sertaan di pihak mangsa secara automatik. Ini ditegaskan dalam kes *Che Wil v. Mahmood bin Ismail*.¹⁵⁸ Mohamed Zahir H dalam kes ini menolak pembuktian pihak defendan bahawa mangsa gagal mengambil tindakan berjaga-jaga terhadap dirinya kerana melanggar peraturan 35 (1) dalam Kaedah Lalu Lintas (Road Traffic Rules 1959). Sebaliknya pembuktian yang dituntut bagi kes kecuaian sertaan ini adalah sama ada kegagalan mangsa mengambil tanggungjawab berjaga-jaga yang munasabah terhadap dirinya merupakan penyebab kepada kemalangan berlaku.

Implikasi daripada pembahagian liabiliti antara pelaku tort dan mangsa ialah pengurangan jumlah ganti rugi yang berhak diterima mangsa seperti yang telah diperuntukkan dalam seksyen 12 (1) Akta 1956.¹⁵⁹ Pemakaian seksyen ini dapat dilihat antaranya dalam kes *Rubaiddah Bte Dirin v Ahmad Bin Ariffin*¹⁶⁰ berikut:

¹⁵⁴ Seperti mana yang dinyatakan dalam penghakiman kes Mohd Zukhairi Abd Ghapar v Quek Chiam Kee [2004] 5 MLJ 6.

¹⁵⁵ S. Santhana Dass, *Personal Injury Claims*, 271.

¹⁵⁶ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian di Malaysia*, 111 – 112.

¹⁵⁷ Ibid, 112 dan 121.

¹⁵⁸[1982] 2 MLJ 354.

¹⁵⁹ “Jika mana-mana orang mengalami kerugian akibat sebahagian kesalahannya sendiri dan sebahagian kesalahan mana-mana orang atau orang-orang lain, suatu tuntutan berkaitan dengan ganti rugi itu tidak akan digagalkan oleh sebab kesalahan orang yang menanggung kerugian, tetapi ganti rugi yang boleh

“Seksyen 12(4) Akta tersebut telah menjelaskan bahawa sekiranya si mati melakukan kecuaian sertaan, plaintiff tanggungan [sic!] dalam tindakan s 7 hanya boleh mendapatkan kembali daripada defendant sebahagian daripada kerugian yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan oleh defendant. Pengurangan bagi kecuaian sertaan yang dibuktikan dalam tindakan s 7 adalah automatik. Seksyen 7(5) hanya membayangkan satu tindakan untuk dibawa, oleh itu pengurangan yang bersekadar dalam s 12(4) mesti berlaku dalam tindakan itu, dan oleh itu gantirugi yang dikurangkan yang boleh didapatkan kembali oleh plaintiff tanggungan. Cadangan bahawa defendant perlu melihat kepada estet si mati untuk penyumbangan kerana kegagalan untuk menjaga diri sendiri adalah salah tanggapan, kerana penyumbangan adalah sesuatu yang pelaku tort tuntut daripada satu sama lain, dan kecuaian sertaan adalah suatu pembelaan yang digunakan terhadap plaintiff tanggungan. Plaintiff mempunyai hak tindakan yang tersendiri dan tidak berkaitan dengan pelaku tort dalam apa cara pun.”

Dalam kes *Rubaidah* di atas, pihak mangsa cuba mendapatkan keseluruhan penghakiman daripada pihak defendant dengan cadangan supaya baki penghakiman dituntut kembali oleh defendant daripada harta pusaka si mati seperti amalan di bawah prinsip tanggungan bersama dan berasingan. Namun, mahkamah telah menolak tuntutan tersebut kerana kes ini melibatkan kecuaian sertaan si mati yang berbeza dengan kes tanggungan bersama. Justeru itu Mahadev Shankar HMR memutuskan pengurangan jumlah ganti rugi yang berhak diterima oleh isteri si mati sebagai plaintiff secara automatik berdasarkan kadar liabiliti yang telah diputuskan.

2.3.2.1 Kecuaian Sertaan oleh Kanak-Kanak

Pembuktian kecuaian sertaan melibatkan kanak-kanak adalah lebih kompleks berbanding orang dewasa. Ini kerana mahkamah perlu mengambil pertimbangan bahawa tahap berjaga-jaga munasabah yang dikehendaki ke atas kanak-kanak adalah

didapatkan kembali berhubung dengannya hendaklah dikurangkan kepada takat yang Mahkamah fikirkan adil dan ekuiti mengambil kira bahagian tanggungjawab penuntut terhadap ganti rugi.”¹⁶⁰ [1997] 1 MLJ 677.

dipengaruhi oleh umur dan kematangan mereka.¹⁶¹ Dalam hal ini, tiada sebarang formula khusus ditetapkan bagi menilai tahap berjaga-jaga yang sepatutnya bagi kanak-kanak. Justeru, pembahagian liabiliti dibuat berdasarkan fakta setiap kes. Namun, dalam kes *Mohamad Safuan bin Wasidin & Anor v Mohd Ridhuan Bin Ahmad*,¹⁶² Abdul Malik Ishak H menjelaskan bahawa semakin muda umur seorang kanak-kanak, semakin kurang tahap berjaga-jaga yang boleh diharapkan daripadanya.

Contohnya dalam kes kes *Tan Guan Cheng & Anor V Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co. Ltd.*,¹⁶³ Abdul Hamid H (ketika itu) juga menganggap umur kanak-kanak yang berumur lapan tahun ketika itu sebagai sebab untuk tidak memutuskannya bersalah atas nasib malangnya. Dalam kes *Tham Yew Heng & Anor V Chong Toh Cheng*,¹⁶⁴ kanak-kanak berusia sembilan tahun dianggap sukar untuk mengagak dengan tepat kelajuan dan jarak kenderaan yang datang. Keputusan yang sama juga dibuat dalam kes *Wong Chin Yong*.¹⁶⁵ Plaintiff kanak-kanak berusia dua tahun sebelas bulan diputuskan tidak cuai serta dalam kemalangan kerana pada usia ini, dia tidak boleh diharapkan untuk menggangar kelajuan dan jarak kereta yang datang.

Dalihan kecuaian sertaan ke atas kanak-kanak perlu disertakan dengan bukti bahawa kanak-kanak tersebut boleh menjaga dirinya sendiri.¹⁶⁶ Contoh pembuktian ini dapat dilihat dalam kes *Santhanaletchumy A/P Subramaniam v Zainal Bin Saad & Anor*.¹⁶⁷ Pihak defendan menggunakan keterangan ibu si mati bahawa anaknya bekerja sebagai pencuci mangkuk getah di ladang dan dibayar RM100.00 sebulan. Ini menunjukkan bahawa si mati, seorang individu yang matang, dengan langkah berjaga-

¹⁶¹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes *Santhanaletchumy a/p Subramaniam v Zainal bin Saad [1994] MLJU 422*.

¹⁶² [1994] 2 MLJ 187.

¹⁶³ [1971] 1 MLJ 49.

¹⁶⁴ [1985] 1 MLJ 408.

¹⁶⁵ Supra, nota 124.

¹⁶⁶ Seperti mana yang diputuskan dalam kes *Wong Chin Yong v Haidawati Bte Bolhen & Anor [1994] MLJU 80*.

¹⁶⁷ [1994] MLJU 422.

jaga boleh mengelakkan kemalangan. Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan bahawa si mati yang berumur dua belas tahun sepuluh bulan bersalah atas kecuaian sertaan dengan liabiliti sebanyak 20%.

2.4 Penutup

Melalui perbincangan, didapati bahawa proses pembuktian kecuaian melalui ketiga-tiga elemennya adalah rumit. Kayu ukur yang digunakan bagi pembuktian bersifat abstrak kerana banyak bergantung kepada unsur kebolehramalan. Ini boleh mengundang pertikaian pihak-pihak yang berlitigasi dan menyumbang kepada kelewatan proses penyelesaian. Berdasarkan perbincangan ini, dapat difahami atas kepada kritikan yang dikemukakan oleh para penulis terdahulu terhadap konsep liabiliti berasaskan kesalahan di Malaysia. Beban pembuktian yang dipikulkan ke atas pihak mangsa dalam sistem semasa menyebabkan timbul kajian pelakasanaan Skim Liabiliti Tanpa Salah.

Selepas kecuaian atau kesalahan dibuktikan, liabiliti menjelaskan ganti rugi ditanggungkan ke atas pihak-pihak berkenaan mengikut kadar masing-masing. Penetapan kuantum ganti rugi perlu dilakukan pula oleh mahkamah berdasarkan tuntutan daripada pihak mangsa. Bentuk ganti rugi yang boleh dituntut dan kaedah penetapan kuantumnya dibincangkan pula dalam bab seterusnya.

BAB 3

BENTUK-BENTUK GANTI RUGI DAN PENILAIANNYA BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA DI MALAYSIA

3.1 Pendahuluan

Bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia, terdapat dua tindakan undang-undang yang boleh diambil ke atas pemandu yang bersalah. Pertama, tindakan melalui Akta 1987 yang memperuntukkan hukuman penjara, denda dan penggantungan lesen memandu. Kedua, tindakan sivil melalui ganti rugi oleh mangsa. Dalam bab ini, perbincangan difokuskan kepada ganti rugi yang merupakan remedi utama bagi kes-kes tort.¹⁶⁸ Matlamat pemberian remedi ialah mengembalikan mangsa sebolehnya kepada keadaan seperti sebelum berlaku kemalangan.¹⁶⁹ Perbincangan menyentuh berkenaan bentuk ganti rugi yang diperuntukkan bagi kemalangan maut dan kecederaan serta syarat-syarat tuntutannya. Seterusnya, kaedah penetapan kuantum ganti rugi-ganti rugi ini menurut undang-undang dan amalan dibincangkan. Perbincangan fokus kepada amalan terkini yang berjalan selepas pindaan Akta Undang-undang Sivil dilakukan pada tahun 1984.

3.2 Ganti Rugi bagi Kes-Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia

Ganti rugi diberi melalui proses undang-undang kepada seseorang untuk kesalahan yang boleh dituntut, yang telah dilakukan oleh seseorang yang lain

¹⁶⁸ Norchaya Talib, *Law of Torts in Malaysia*, 7.

¹⁶⁹ Roselle L. Wissler, Patricia F. Kuehn and Michael J. Saks, "Instructing Jurors on General Damages in Personal Injury Cases Problems and Possibilities," dalam *Psychology, Public Policy and Law*, 6, no. 3, (2000), 712.

terhadapnya.¹⁷⁰ Ganti rugi yang boleh dituntut merangkumi ganti rugi kewangan dan bukan kewangan.¹⁷¹ Dari aspek masa pula, ganti rugi yang boleh dituntut menurut undang-undang dan amalan di Malaysia, tidak terhad kepada ganti rugi bagi kerosakan yang telah dialami oleh mangsa ketika kemalangan sahaja. Ganti rugi juga boleh dituntut bagi kerosakan yang dijangka akan berlaku pada masa hadapan.

Dari aspek pihak yang berhak pula, ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya adalah bagi faedah tiga golongan. Pertama, mangsa yang mengalami kecederaan. Kedua, tanggungan si mati dan ketiga, waris si mati.¹⁷² Bagi kes kemalangan maut, tindakan mestilah dibawa oleh pentadbir harta pusaka si mati.¹⁷³ Kesemua ganti rugi pula, boleh dikategorikan kepada dua judul ganti rugi iaitu ganti rugi am dan khas. Bentuk ganti rugi kepada am dan khas yang diperuntukkan bagi kes kemalangan maut dan kecederaan diri di Malaysia, digambarkan melalui gambar rajah di bawah:


¹⁷⁰ Harminder Singh Dhaliwal, "Mitigation Of Damage: When Should A Gain Or Benefit (Or Betterment) That Accrues To A Plaintiff Be Taken Into Account In Assessing The Damages Payable By A Defendant", [2004] 4 MLJ xxviii; [2004] 4 MLJA 28.

¹⁷¹ Apa yang dimaksudkan dengan ganti rugi bagi kerugian kewangan ialah ganti rugi yang boleh dianggarkan dengan logik dalam bentuk kewangan seperti ganti rugi kehilangan pendapatan. Manakala ganti rugi bagi kerugian bukan kewangan pula seperti kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh mangsa, sebaliknya tidak dapat dinilai secara logik dengan wang. Lim Heng Seng, *Assessment of Damages*, 14.

¹⁷² S. Radakrishnan, "Quantum of Damages in Personal Injury Claims", [1995] 3 MLJ xxix, xxxi.

¹⁷³ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian*, 382.

Rajah 3.1: Ganti Rugi bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia



Sumber: Ilustrasi penulis berdasarkan Akta Undang-undang Sivil 1956 dan keputusan kes terdahulu.

Rajah menunjukkan ganti rugi yang diperuntukkan untuk kemalangan maut dan kemalangan yang mengakibatkan kecederaan adalah berbeza. Ini sesuai dengan pihak yang boleh membuat tuntutan terhadap ganti rugi tersebut. Mangsa yang cedera, berhak menuntut ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup, ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan dan ganti rugi khas. Bagi kes kemalangan maut, tanggungan si mati berhak

membuat tuntutan ganti rugi kehilangan saraan, ganti rugi kehilangan perkhidmatan dan ganti rugi kerana kesedihan (*bereavement*).¹⁷⁴ Waris si mati pula, boleh menuntut ganti rugi khas dan ganti rugi kesakitan dan penderitaan bagi pihak si mati sekiranya si mati tidak mati sebaik sahaja selepas kemalangan berlaku.¹⁷⁵

3.2.1 Ganti Rugi Am

Ganti rugi am yang diperuntukkan buat mangsa yang mengalami kecederaan ialah ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup, kerugian kewangan di masa hadapan¹⁷⁶ dan kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan.¹⁷⁷ Bagi kes kemalangan maut pula, ganti rugi am yang diperuntukkan ialah kehilangan saraan, kehilangan perkhidmatan dan ganti rugi kerana kesedihan.

3.2.1.1 Kesakitan dan Penderitaan (*Pain And Suffering*) dan Kehilangan Kemudahan Hidup (*Loss Of Amenities*)

Ganti rugi kesakitan dan penderitaan ialah ganti rugi yang diberikan untuk kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh mangsa akibat kecederaan yang dialaminya pada masa tuntutan atau hadapan. Selain kecederaan fizikal, kesakitan yang boleh dituntut termasuklah kejutan saraf dan kesengsaraan emosi¹⁷⁸ seperti kebimbangan dan perasaan kehilangan yang berpanjangan akibat kehilangan anggota

¹⁷⁴ S. Radakrishnan, “Quantum of Damages”, xxxvi.

¹⁷⁵ S. Santhana Dass, *Personal Injury Claims*, 152.

¹⁷⁶ Pengekelasan tuntutan kerugian kewangan di masa hadapan di bawah ganti rugi am dinyatakan dalam kes Lau Ping Siong & Anor v Nador ak Tawi [2013] 10 MLJ 278.

¹⁷⁷ Ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan memperoleh pendapatan adalah ganti rugi am yang tidak perlu dituntut secara spesifik seperti mana yang dinyatakan dalam kes Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30.

¹⁷⁸ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian*, 341 – 344.

tubuh.¹⁷⁹ Begitu juga dengan kesedaran mangsa tentang kehilangan harapannya untuk hidup.¹⁸⁰

Ganti rugi kehilangan kemudahan atau kenikmatan hidup pula diperuntukkan bagi kecacatan anggota yang menyebabkan mangsa tidak dapat menjalani kehidupannya sebagaimana sebelum kemalangan berlaku.¹⁸¹ Antaranya seperti tidak boleh mengambil bahagian dalam aktiviti sukan atau sosial,¹⁸² daya fikir atau kecerdikan menjadi kurang,¹⁸³ tidak dapat tidur malam, pengurangan prospek kenaikan pangkat dan prospek mangsa untuk berkahwin,¹⁸⁴ serta tidak dapat melakukan aktiviti harian dalam kehidupan sendiri tanpa bantuan.¹⁸⁵

Berdasarkan amalan mahkamah, ganti rugi kesakitan dan penderitaan dan ganti rugi kehilangan kemudahan hidup diputuskan secara bersama melalui satu nilai walaupun syarat tuntutannya berbeza.¹⁸⁶ Untuk mendapatkan ganti rugi kesakitan dan penderitaan, pihak mangsa disyaratkan merasai kesakitan tersebut.¹⁸⁷ Ini bermaksud mangsa mesti berada dalam keadaan sedar.¹⁸⁸ Dalam kes *Thangavelu v Chia Kok Bin*,¹⁸⁹ Sim H menegaskan bahawa semakin sedar mangsa terhadap keadaan dirinya, semakin tinggi jumlah ganti rugi yang akan diberikan dan jika seseorang tidak sedar langsung, tiada ganti rugi patut diberikan. Dalam kes ini, tuntutan ayah si mati terhadap ganti rugi

¹⁷⁹ Lihat contoh dalam kes *Yeo Kim Kuan v Hamid* [1968] 2 MLJ 188.

¹⁸⁰ Kehilangan harapan untuk hidup adalah satu bentuk ganti rugi yang tersendiri sebelum pindaan Akta 1956 berkuatkuasa pada 1984. Selepas pindaan, ia tidak lagi dipampas secara berasingan sebaliknya dipertimbangkan sekali di bawah ganti rugi kesakitan dan penderitaan. Ini diperuntukkan melalui seksyen 28A (2) (a) dan (b).

¹⁸¹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes *Rajinder Singh s/o Balwang Singh v. Koay Teong Chooi* [1994] 3 CLJ 643.

¹⁸² Seperti yang diawardkan dalam kes *Rajinder Singh s/o Balwang Singh v. Koay Teong Chooi* [1994] 3 CLJ 643.

¹⁸³ Seperti yang diawardkan dalam kes *Dr Yusuff bin Hj Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor* [1997] 5 MLJ 530.

¹⁸⁴ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian*, 345 – 349. Lihat juga P. Balan, *Damages for Personal Injuries and Causing Death : A Critical Survey* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004), 81.

¹⁸⁵ Lihat contoh dalam kes *Tin Fhui Sze v Teoh Tun Ching & Ors* [2011] MLJU 883.

¹⁸⁶ Seperti yang diputuskan dalam kes *Azami bin Ahmad* dan satu lagi Iwn Mohd Yunan bin Che Ya [2009] 9 MLJ 767.

¹⁸⁷ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian*, 346.

¹⁸⁸ S. Radakrishnan, “Quantum of Damages”, xxxi.

¹⁸⁹ [1981] 2 MLJ 277.

kesakitan dan penderitaan dibenarkan kerana mangsa tidak sepenuhnya tidak sedarkan diri. Bukti menunjukkan bahawa beberapa bulan sebelum kematiannya, mangsa boleh memberikan respon melalui suara terhadap panggilan daripada suara yang dikenalinya. Bagi ganti rugi kehilangan kemudahan pula, keadaan sedar tidak menjadi prasyarat tuntutan. Ini kerana, ia diberikan atas fakta kehilangan mangsa terhadap kemudahan dalam hidupnya.¹⁹⁰

3.2.1.2 Kos Perubatan dan Rawatan

Bagi kes kecederaan yang serius dan dijangka berpanjangan, kos rawatan, kos jagaan atau kos pembantu¹⁹¹ dan kos peralatan khas pada masa hadapan juga boleh dituntut. Tuntutan akan dibenarkan sekiranya mangsa berjaya membuktikan bahawa kos tersebut benar-benar diperlukan.¹⁹² Dalam kes *Suriyati bte Takril v Mohan a/l Govindasamy & Anor*,¹⁹³ mahkamah membenarkan tuntutan kos pembedahan untuk menggantikan lutut mangsa pada masa hadapan sebanyak RM11,000 berdasarkan bukti daripada laporan perubatan.

Dalam kes *Tin Fhui Sze v Teoh Tun Ching & Ors*,¹⁹⁴ tuntutan mangsa terhadap kasut khas dibenarkan. Ini berdasarkan keperluan mangsa yang mengalami pemendekan kaki kanan sebanyak 4.7sm. Jika mangsa tidak memakai kasut khas ini, dia akan condong ke sisi ketika berjalan. Sendi palsunya juga akan koyak dan lusuh dengan cepat. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan ganti rugi bagi kasut khas ini sebanyak

¹⁹⁰ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian di Malaysia*, 346.

¹⁹¹ Kos penjagaan atau pembantu (nursing care) ialah perkhidmatan yang diberikan terhadap mangsa yang lumpuh sepenuhnya untuk menguruskan diri dan keperluan hariannya seperti makan, pakai, mandi, mengalihkan badan di atail katil untuk mengelakkan lecetan, pergi ke bilik air, menjaga kesihatan dan sebagainya selama 24 jam sehari. Kandiah Chelliah, “Claim for Nursing/Future Care fo Permanently Disabled/Paralysed Accident Victims: Should The Claim Be for Nursing Care at Home or Be at A Private/Professional Nursing Centre,” dalam [1996] 2 CLJ lxxix.

¹⁹² Seperti mana yang diputuskan dalam kes Yee Kah Bao dan satu lagi Iwn Lau Choon Hong [2013] 9 MLJ 270.

¹⁹³ [2001] 2 MLJ 275.

¹⁹⁴ [2011] 1 MLJU 883.

RM55,800 untuk 18 pasang kasut bagi tempoh 37 tahun. Mahkamah juga memberikan kos untuk menggaji pembantu rumah sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh 444 bulan iaitu berjumlah RM88,800.

Dalam kes *Yee Kah Bao dan satu lagi lwn Lau Choon Hong*¹⁹⁵ pula, Mahkamah Tinggi menolak tuntutan mangsa bagi kos jagaan di sebuah pusat jagaan sebanyak RM2,600 sebulan bagi tempoh 30 tahun berdasarkan keterangan bahawa mangsa tidak lagi memerlukan jagaan di situ. Berdasarkan keterangan oleh doktor pakar yang merawat mangsa juga, keadaannya beransur pulih dan berupaya untuk menjaga dirinya sendiri dengan jagaan asas di rumah. Atas fakta ini, mahkamah memutuskan ganti rugi sebanyak RM450 sebulan bagi tempoh yang diminta sebagai kos pembantu dengan jumlah RM162,000.

3.2.1.3 Kehilangan Pendapatan Masa Hadapan (*Loss Of Future Earnings*) atau Hilang Keupayaan untuk Memperoleh Pendapatan (*Loss Of Earning Capacity*)

Bagi mangsa yang mengalami kecederaan parah atau kecacatan kekal yang boleh menjelaskan pendapatan mangsa di masa hadapan,¹⁹⁶ tuntutan boleh dibuat melalui salah satu ganti rugi. Pertama, ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan. Kedua, hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan. kecederaan Ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan diperuntukkan bagi kerugian pendapatan sebenar yang dapat ditaksir pada tarikh perbicaraan dan bukan berdasarkan kepada spekulasi. Ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan pula bersifat ganti rugi dan tidak semestinya didasarkan kepada taksiran kerugian sebenar. Ganti rugi ini boleh

¹⁹⁵ [2013] 9 MLJ 270.

¹⁹⁶ R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*, 259.

diberikan jika mahkamah berpuas hati bahawa pada masa hadapan, mangsa berisiko untuk kehilangan pekerjaannya akibat kecederaan yang dialami.¹⁹⁷

Syarat pemberian ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan dinyatakan melalui seksyen 28A(2)(c) Akta 1956 berikut:

“Dalam mengawardkan ganti rugi bagi kehilangan mata pencarian masa depan, Mahkamah hendaklah mengambil kira:

- (i) bahawa dalam kes seorang plaintif yang mencapai umur lima puluh lima tahun atau lebih pada masa bila ia telah cedera, tiada ganti rugi bagi kehilangan tersebut akan diawardkan, dan dalam mana-mana kes lain, ganti rugi bagi kehilangan tersebut hendaklah tidak diawardkan melainkan dibuktikan atau diakui bahawa plaintif, jika tidak kerana kecederaan, telah berada dalam keadaan sihat, dan telah menerima mata pencarian dari tenaganya sendiri atau aktiviti yang memberi pendapatan sebelum ia tercedera.”

Daripada peruntukan di atas, dapat difahamkan bahawa terdapat tiga syarat perlu dibuktikan oleh mangsa untuk mendapatkan ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan. Syarat pertama, mangsa mesti berumur di bawah 55 tahun. Kedua, mangsa mempunyai kesihatan yang baik ketika kemalangan berlaku. Ketiga, mangsa pernah memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri sebelum kemalangan berlaku.¹⁹⁸

Tuntutan yang dibuat tanpa memenuhi ketiga-tiga syarat ini akan ditolak oleh mahkamah. Sebagai contoh, tuntutan mangsa yang berumur 59 tahun ketika kemalangan berlaku dalam kes *Tan bin Hairuddin & satu lagi lwn Bayeh Belalat*.¹⁹⁹

¹⁹⁷ Perbezaan di antara ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan dan hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan dijelaskan dalam kes Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30.

¹⁹⁸ Syarat-syarat yang diperuntukkan ini mengundang kritikan kerana ia menghadkan hak mangsa yang termasuk dalam golongan tersebut walaupun terbukti bahawa mereka memang mempunyai pendapatan daripada pekerjaannya ketika kemalangan berlaku. Rahmah Ismail menyifatkan syarat-syarat ini sebagai keras dan merugikan. P. Balan berpandangan syarat-syarat ini meletakkan mangsa dalam posisi yang malang. K.S Dass pula menyatakan syarat-syarat ini mempunyai elemen penyahmanusiaan dan zalim. Rahmah Ismail, “Kecederaan Tubuh Badan Dalam Kes Kemalangan – Suatu Perbincangan Dari Aspek Gantirugi Yang Boleh Di Tuntut” (terbitan tak berkala, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990), 73, 76, 77; P. Balan, *Damages for Personal Injuries*, 9; K.S Dass, *Quantum of Damages*, 93 dan 122.

¹⁹⁹ [1990] 1 CLJ (Rep) 529.

Dalam kes *Tan Kim Chuan & Anor v. Chandu Nair*²⁰⁰ pula, tuntutan mangsa ditolak kerana mangsa hanya berumur 12 tahun ketika kemalangan dan belum pernah memperoleh pendapatan dengan usahanya sendiri.

Walaupun syarat-syarat ini diperuntukkan untuk ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan, ia juga diambil kira dalam pemberian ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan.²⁰¹ Selepas pindaan Akta 1956, kedua-dua ganti rugi ini hanya diberikan jika mangsa memenuhi syarat ketiga iaitu pernah menerima pendapatan hasil usaha sendiri.²⁰² Berhubung syarat ini, pembuktian yang dituntut bagi ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan adalah lebih ketat. Ini kerana mangsa mesti membuktikan bahawa dia mempunyai pendapatan ketika kemalangan berlaku. Jika tidak, mangsa akan diberikan ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan.

Ini diputuskan dalam kes *Dirkje Piaternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors.*²⁰³ Dalam kes ini, mangsa merupakan seorang jururawat terlatih di Belanda yang sedang bercuti tanpa gaji selama dua tahun setengah. Ketika berada di Malaysia, mangsa ditimpa kemalangan. Disebabkan mangsa tidak dapat membuktikan bahawa dia memperoleh pendapatan ketika kemalangan berlaku, tuntutan ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapannya ditolak. Namun, mahkamah memberikan ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan berdasarkan keterangan bahawa mangsa pernah menerima pendapatan sebanyak \$1,270 sebulan dan keterangan bahawa dia telah menjadi lumpuh dan memerlukan rawatan sepanjang baki hayatnya.

Selain daripada pembuktian pendapatan, perbezaan antara kedua-dua bentuk ganti rugi ialah dari aspek kesan kemalangan terhadap pekerjaan mangsa. Ganti rugi

²⁰⁰ [1991] 2 MLJ 42.

²⁰¹ Bahkan syarat ini terpakai untuk semua tuntutan berhubung kehilangan pendapatan sama ada bersifat semasa atau prospektif. Muhammad Altaf Hussain Ahangar, "Damages For Loss Of Earnings", lxxxvii.

²⁰² Muhammad Altaf Hussain Ahangar, "Damages For Loss Of Earnings", lxxxviii.

²⁰³ [1990] 3 MLJ 103.

kehilangan pendapatan masa hadapan diperuntukkan buat mangsa yang tidak dapat lagi bekerja selepas kemalangan berlaku. Ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan pula, boleh diberikan buat mangsa yang masih bekerja selepas kemalangan.²⁰⁴ Ini kerana mangsa hanya perlu membuktikan bahawa disebabkan kecederaannya, wujud risiko bahawa dia mungkin kehilangan pekerjaan atau mendapat gaji yang rendah pada masa hadapan sebelum tamat tempoh perkhidmatannya.²⁰⁵

Contoh dapat dilihat dalam kes *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah*.²⁰⁶ Dalam kes ini, mahkamah menolak tuntutan ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan kerana mangsa gagal membuktikan bahawa beliau mempunyai pendapatan ketika kemalangan. Beliau juga tidak diberikan ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan kerana gagal membuktikan bahawa suaranya yang menjadi garau akibat kemalangan menimbulkan risiko untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, mahkamah mendapati prospek pekerjaan mangsa dengan lesen memandu kapal terbang yang dimilikinya selepas kemalangan adalah lebih baik berbanding pekerjaannya ketika kemalangan berlaku.

3.2.1.4 Kehilangan Saraan (*Loss Of Support*)

Bagi kes kemalangan maut, ganti rugi yang diperuntukkan buat tanggungan si mati akibat kerugian kewangan kesan daripada kematian si mati ialah ganti rugi kehilangan saraan.²⁰⁷ Pemberiannya bertujuan memastikan tanggungan si mati mendapat manfaat saraan yang dinikmatinya jika kemalangan tidak berlaku.²⁰⁸

²⁰⁴ Seperti mana diputuskan dalam kes *Ting Jie Hoo v Lian Soon Hing Shipping Co* [1990] 2 MLJ 56.

²⁰⁵ Salleh Buang, *Undang-undang kecuaian*, 356.

²⁰⁶ [1985] 1 MLJ 30.

²⁰⁷ S. Santhana Dass, “*Chan Chin Min1 v. Ibrahim Ismail2*”, i.

²⁰⁸ Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “*Dependability of Dependency Claims : The Malaysian Perspective*” [2004] 3 MLJ xxii; [2004] 3 MLJA 22.

Tanggungan yang berhak terhadap ganti rugi ini dijelaskan dalam seksyen 7(2) Akta 1956 berikut:

“Setiap tindakan tersebut hendaklah bagi faedah isteri, suami, ibu bapa, dan anak, jika ada, tentang orang yang kematianya telah disebabkan demikian hendaklah diambil oleh dan di atas nama wasi si mati.”

Berdasarkan peruntukan di atas, tanggungan yang berhak mendapat faedah daripada ganti rugi kehilangan saraan dibataskan kepada isteri atau suami, ibu bapa dan anak-anak si mati. Isteri atau suami yang berhak termasuklah daripada perkahwinan adat.²⁰⁹ Anak-anak yang berhak membuat tuntutan pula, termasuklah anak angkat yang diambil secara sah menurut undang-undang.²¹⁰ Peruntukan dengan jelas tidak memasukkan adik beradik sebagai tanggungan si mati.

Justeru dalam kes *Chan Chin Ming & Anor v Lim Yok Eng*,²¹¹ Mahkamah Agung memutuskan bahawa wang saraan yang diperoleh oleh ibu si mati mestilah ditolak dengan perbelanjaan yang digunakannya untuk anak-anaknya yang lain yang merupakan adik beradik si mati. Keputusan ini mengundang pelbagai kritikan daripada pengamal undang-undang dan penyelidik di Malaysia yang bersetuju dengan keputusan mahkamah bicara untuk tidak menyelidik ke mana wang saraan tersebut dibelanjakan oleh si ibu.²¹² Maksud kehilangan saraan pula dinyatakan melalui seksyen 7 (3) Akta 1956 berikut:

²⁰⁹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Chong Sin Sen v Janaki a/p Chellamuthu [1997] 5 MLJ 411, kes Joremi bin Kimin & Anor v Tan Sai Hong [2001] 1 MLJ 268 dan Khairul Anwar bin Abd Aziz & Anor v Pakiam a/p Vitilingam & Anor [2010] 7 MLJ 372.

²¹⁰ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Zulkifli Ayob v Velasini K Madhavan & Anor [2000] 1 CLJ 117.

²¹¹ [1994] 3 MLJ 233.

²¹² Keputusan mahkamah yang didasarkan kepada seksyen 7 ini menimbulkan kritikan antaranya oleh P. Balan, K.S Dass dan Muhammad Altaf Hussain Ahangar. P. Balan menyifatkan pembatasan istilah tanggungan yang tidak menerima adik-beradik sebagai tanggungan sebagai ketinggalan dan tidak realistik kerana tidak menggambarkan keadaan sebenar di Malaysia dan Asia berhubung ikatan dan kehidupan kekeluargaan .P Balan, *Damages for Personal Injuries*, 17. K.S Dass pula berpandangan bahawa mahkamah tidak sepatutnya menyelidik ke mana wang yang diberikan oleh si mati dibelanjakan oleh tanggungan. Beliau lebih menyokong pandangan mahkamah bicara dalam kes Chan Chin Ming yang dilihat menyedari keperluan satu bentuk perlindungan kepada balu si mati yang terbeban dengan bebanan kewangan akibat kematian suaminya. K.S Dass, *Quantum of Damages*, 87. Muhammad Altaf Hussain

“Ganti rugi yang kena dibayar oleh pihak di bawah subseksyen (1) kepada pihak bagi siapa dan untuk faedahnya tindakan diambil hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, akan menjadi ganti rugi kepada pihak bagi siapa dan untuk faedahnya tindakan diambil bagi apa-apa kehilangan tempat bergantung ditanggung bersama dengan apa-apa perbelanjaan yang munasabah tertanggung akibat tindakan salah, abai atau ingkar pihak yang bertanggungan di bawah subseksyen (1).”

Melalui peruntukan, maksud saraan tidak dibataskan kepada bentuk perbelanjaan tertentu. Sebaliknya peruntukan menyebut saraan merangkumi apa-apa perbelanjaan yang munasabah. Namun, dalam *Chan Chin Ming*,²¹³ maksud saraan telah dihadkan melalui penghakiman Peh Swee Chin HMA seperti berikut:

“Pada pandangan kami, kehilangan saraan adalah untuk semua tujuan praktikal diterjemahkan kepada kerugian kewangan yang dialami oleh tanggungan. Dengan mengambil kira golongan yang berhak seperti mana yang dinyatakan di atas, dapatlah disimpulkan secara logik bahawa plaintif hanya boleh membuat tuntutan dalam apa-apa kes bagi kerugian kewangan yang dialaminya sebagai tanggungan sahaja dan bukan dalam bentuk yang lain.”

Penghakiman di atas menyatakan bahawa ganti rugi yang diperuntukkan hanya bagi kerugian kewangan sebenar yang dialami oleh tanggungan sahaja. Ini tidak semestinya merangkumi keseluruhan jumlah wang yang diterima oleh tanggungan daripada si mati. Oleh kerana itu dalam kes ini, wang saraan ibu si mati yang dibelanjakan bagi menyara anak-anaknya tidak diambil kira oleh mahkamah. Keputusan ini membatalkan keputusan mahkamah bicara bahawa perkataan saraan tidak patut dihadkan kepada makanan sahaja tetapi merangkumi segala faedah kewangan yang

Ahangar pula menegaskan keperluan untuk meluaskan konsep tanggungan iaitu sekurang-kurangnya dengan memasukkan adik-beradik dalam senarai tanggungan yang berhak menerima ganti rugi kehilangan penyaraan. Beliau menyatakan peruntukan yang digunakan sekarang yang berasaskan kepada undang-undang di England 1846 patut diubah bersesuaian dengan perubahan yang juga berlaku dalam undang-undang Inggeris tersebut yang telah memasukkan suami atau isteri, adik-beradik, bapa saudara dan ibu saudara *de facto* kepada si mati sebagai tanggungan. Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Dependability of Dependency Claims,” xxv.

²¹³ Supra, nota 211.

diterima oleh tanggungan bagi menjalani kehidupannya dan apa yang digunakan oleh tanggungan tidak perlu diselidik.²¹⁴

Penghakiman ini kemudiannya diikuti oleh kes kemudian seperti kes *Lee Tai Kau & Anor v Rajanderan a/l Manickam & Anor.*²¹⁵ Dalam kes ini, mahkamah menetapkan ganti rugi kehilangan saraan ditetapkan oleh mahkamah untuk ayah dan ibu si mati yang dianggarkan untuk kegunaan peribadi mereka. Perbelanjaan yang digunakan untuk isi rumah dan sewa rumah ditolak daripada sumbangan bulanan yang diterima daripada si mati. Ini menjadikan nilai ganti rugi (*multiplicand*) bagi ayahnya RM100, berbanding wang saraan bulan yang diterimanya sebanyak RM200. Untuk si ibu pula, daripada RM600 yang diterimanya, RM200 dianggar sebagai kegunaan peribadinya dan digunakan sebagai nilai ganti rugi (*multiplicand*). Begitu juga dalam kes *Khairul Anwar bin Abd Aziz & Anor v Pakiam a/p Vitilingam & Anor.*²¹⁶ Perbelanjaan barang dapur yang digunakan oleh ibu dan isteri si mati ditolak daripada jumlah wang saraan yang biasa diberi oleh si mati kepada mereka.

Dalam pemberian ganti rugi kehilangan saraan, mahkamah juga terikat dengan syarat yang ditetapkan melalui seksyen 7(3)(iv)(a) berikut:

“Dalam menilai kehilangan mata pencarian berhubung dengan mana-mana tempoh selepas kematian seorang jika mata pencarian tersebut memperuntukkan atau menyumbangkan kepada ganti rugi di bawah seksyen ini Mahkamah hendaklah:

- (a) mengambil kira bahawa jika si mati telah mencapai umur lima puluh lima tahun pada masa kematianya, kehilangan mata pencariannya bagi mana-mana tempoh selepas kematianya hendaklah tidak diambil kira untuk pertimbangan; dan dalam kes bagi mana-mana si mati lain, kehilangan mata pencariannya bagi mana-mana tempoh selepas kematianya hendaklah diambil kira untuk pertimbangan jika dibuktikan atau diakui bahawa si mati telah mempunyai kesihatan yang baik melainkan kecederaan yang menyebabkan kematianya, dan telah menerima mata pencarian dari usahanya sendiri atau aktiviti lain yang menguntungkan sebelum kematianya.”

²¹⁴ Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Dependability Of Dependency Claims”, xxv.

²¹⁵ [1996] 1 CLJ 589, 590.

²¹⁶ [2010] 7 MLJ 372.

Peruntukan di atas mensyaratkan bahawa si mati mestilah berumur di bawah 55 tahun, mempunyai kesihatan yang baik dan pernah memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri sebelum kemalangan dan kematianya berlaku. Jika tidak, tuntutan tanggungan si mati terhadap ganti rugi kehilangan saraan akan ditolak. Syarat-syarat ini adalah sama seperti ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan yang telah dibincangkan.

3.2.1.5 Kehilangan Perkhidmatan

Sebelum tahun 1984, ganti rugi kehilangan perkhidmatan merupakan satu bentuk ganti rugi yang boleh dituntut oleh tanggungan akibat kematian si mati. Ia adalah ganti rugi berasingan daripada ganti rugi kehilangan saraan dan boleh diberikan oleh mahkamah walaupun tanpa tuntutan daripada tanggungan si mati.²¹⁷ Namun, selepas tahun 1984, hak sebahagian tanggungan terhadap ganti rugi ini telah dipinda menerusi seksyen 7(3)(iii) berikut:

“Tiada ganti rugi akan diawardkan kepada ibu bapa hanya atas alasan bahawa beliau kehilangan perkhidmatan seorang anak; dan tiada ganti rugi akan diawardkan kepada seorang suami hanya atas alasan bahawa beliau kehilangan perkhidmatan atau teman isterinya.”

Dari pada peruntukan di atas, dapat difahamkan bahawa tuntutan ganti rugi bagi kehilangan pergaulan isteri semata-mata bagi suami dan perkhidmatan anak bagi ibu bapa sudah dimansuhkan. Suami dan ibu bapa si mati hanya boleh membuat tuntutan ganti rugi kehilangan saraan sekiranya mereka benar-benar bergantung kepada si mati dari segi kewangan.²¹⁸ Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak menghalang pemberian ganti rugi, jika kerugian kewangan berlaku akibat kematian. Ini diputuskan

²¹⁷ S. Santhana Dass, *Personal Injury Claims*, 148.

²¹⁸ Ibid, 148. Dalam kes Khairul Anwar bin Abd Aziz & Anor v Pakiam a/p Vitilingam & Anor [2010] 7 MLJ 372, Ho Mooi Ching, H mengenepikan tuntutan ganti rugi kehilangan perkhidmatan si mati terhadap ibunya dan membenarkan ganti rugi kehilangan saraan.

oleh Mahadev Shankar HMR dalam kes *Neo Kim Soon v Subramaniam a/l Ramanaidu & Anor*²¹⁹ seperti berikut:

“Setiap kali ia boleh ditunjukkan oleh seorang ibu bapa, pasangan yang masih hidup atau anak bahawa kehilangan wang atau nilai wang yang boleh dikira telah dialami dan akan terus dialami sebagai akibat langsung kecuaian orang yang bersalah, kehilangan tersebut boleh didapatkan kembali walaupun tidak terdapat sumbangan kewangan terus yang dibuat oleh si mati kepada atau bagi pihak orang untuk mana tindakan itu dibawa.

Obiter:

Seksyen 7(3)(iii) tidak menghalang seorang anak daripada mendapat ganti rugi kerana kehilangan perkhidmatan dan teman dari ibunya.”

Dalam kes ini, suami si mati telah membuat tuntutan kerugian kewangan bagi pihak diri dan bayinya. Ini kerana dia terpaksa menggaji seorang pembantu bagi menguruskan anak dan rumah tangganya. Walaupun, ganti rugi kehilangan perkhidmatan seorang isteri telah dimansuhkan melalui peruntukan di atas, mahkamah membenarkan tuntutan yang dibuat. Keputusan ini dibuat atas alasan bahawa tuntutan tersebut bukan merupakan nilai kewangan bagi kehilangan perkhidmatan isterinya, tetapi kos sebenar yang terpaksa ditanggung untuk menggaji seorang pembantu rumah selama $11\frac{1}{2}$ tahun untuk menjaga bayinya.

Menurut Mahadev Shankar HMR, pemansuhan dalam seksyen 7(3)(iii) adalah bagi tuntutan kehilangan perkhidmatan seorang isteri semata-mata bagi suaminya atau kehilangan pergaulan. Dalam erti kata lain, bukti bahawa seorang isteri telah meninggal dunia semata-mata, tidak melayakkan suami untuk mendapat ganti rugi. Tetapi, kerugian kewangan sebagai akibat langsung kemalangan, boleh diberikan ganti rugi. Ini selari dengan seksyen 7(3) yang memperuntukkan ganti rugi bagi apa-apa perbelanjaan yang munasabah. Dalam kes *Neo Kim Soon*, tuntutan juga dibuat bagi pihak bayi si mati yang berhak mendapat ganti rugi kehilangan perkhidmatan seorang ibu yang tidak dihalang melalui pindaan akta.

²¹⁹ [1995] 3 MLJ 435.

Peruntukan walau bagaimanapun tidak menyatakan tentang kedudukan ganti rugi kehilangan perkhidmatan seorang suami. Oleh kerana itu, dalam kes *Sodah bt. Haji Saad v Saleh bin Bakar & Anor*,²²⁰ Gopal Sri Ram HMR membenarkan tuntutan yang dibuat oleh isteri si mati terhadap kehilangan perkhidmatan suaminya yang biasa pergi ke pasar, menyapu halaman rumah dan membeli barang. Alasan penghakiman beliau adalah seperti berikut:

“Jadi, ia (peruntukan) tidak menyatakan bahawa tiada ganti rugi akan diberikan kepada seorang isteri atas dasar kehilangan perkhidmatan atau pergaulan daripada suaminya. Jika Parlimen berniat untuk meluaskan peruntukan itu kepada isteri, ia boleh melakukannya dengan mudah dengan menggunakan perkataan “pasangan”. Namun, ia tidak melakukannya. Pada pandangan saya, seorang isteri berhak untuk mendapat ganti rugi bagi perkhidmatan yang telah dilakukan oleh suaminya sebelum kematiannya. Statut membezakan, *common law* tidak membezakan dalam hal ini di antara kehilangan perkhidmatan yang diberikan oleh seorang isteri atau seorang suami. Apa yang disyaratkan dalam *common law* ialah kerugian itu terhasil daripada hubungan di antara tanggungan dan si mati. Dan ia membenarkan ganti rugi bagi perkhidmatan percuma yang diberikan oleh si mati.”

Mahkamah membenarkan tuntutan isteri si mati terhadap kehilangan perkhidmatan suaminya yang tidak dihalang oleh undang-undang. Walaupun khidmat ini diberikan percuma, mahkamah membenarkannya dengan taksiran nilai RM80 sebulan, sesuai dengan keadaan ekonomi di kampung kediaman mereka.

3.2.1.6 Ganti Rugi kerana Kesedihan

Pengelasan ganti rugi kerana kesedihan di bawah ganti rugi am sebenarnya tidak disepakati oleh mahkamah. Pengelasan di bawah ganti rugi am dinyatakan dengan jelas contohnya dalam kes *Murtadza bin Mohamed Hassan v. Chong Swee Pian*.²²¹ Walau bagaimanapun dalam kes terkemudian, terdapat keputusan mahkamah

²²⁰ [2009] MLJU 61.

²²¹ [1980] 1 MLJ 216.

yang mengkelaskan ganti rugi ini di bawah ganti rugi khas. Antara kes tersebut adalah seperti kes *Kamala a/p Gopal v Rajendran a/l Ramasamy & Anor*²²² dan *Santhanaleetchumy*.²²³

Walau bagaimanapun, oleh kerana ganti rugi kesedihan akibat kehilangan bukan merupakan isu yang dibangkitkan dalam kes *Kamala*, kenyataan mahkamah berhubung ganti rugi ini dalam kes tersebut dianggap sebagai *obiter*.²²⁴ Justeru, keputusan dalam kes *Kamala* ini tidak bersifat mengikat.²²⁵ Oleh kerana itu, pengkelasan ganti rugi kerana kesedihan sebagai ganti rugi am seperti dalam kes *Murtadza* adalah lebih tepat dan bersifat mengikat.

Ganti rugi kerana kesedihan diperuntukkan bagi kes kemalangan maut melalui seksyen 7 (3A) Akta 1956 berikut:

“Suatu tindakan di bawah seksyen ini boleh mengandungi atau termasuk suatu tuntutan bagi ganti rugi kerana kesedihan dan, tertakluk kepada subseksyen (3D), jumlah yang akan diawardkan sebagai ganti rugi di bawah subseksyen ini adalah sepuluh ribu ringgit.”

Melalui peruntukan, ganti rugi kerana kesedihan ditetapkan nilainya sebanyak RM10,000. Pihak yang berhak terhadap ganti rugi ini dinyatakan pula melalui seksyen 7 (3B) berikut:

“Suatu tuntutan bagi ganti rugi kerana kesedihan hendaklah hanya untuk faedah-

- (a) suami atau isteri si mati; dan
- (b) jika si mati adalah seorang belum dewasa dan telah tidak berkahwin, untuk ibu bapanya.”

²²² [1989] 1 CLJ 1075.

²²³ Supra, nota 167.

²²⁴ Obiter dictum: [kata-kata yang diucapkan sambil lalu]. Suatu pemerhatian yang dibuat oleh hakim berhubung dengan sesuatu persoalan undang-undang yang terdapat pada kes yang berada di hadapannya, tetapi ia tidak terbit daripada suatu keadaan yang berkehendakkan keputusan. Oleh itu, pandangan yang diluahkan oleh hakim tidak akan mengikat penghakiman kes-kes sepertinya yang timbul pada kemudian hari sebagai sebuah kes duluan. Bagaimanapun, tidak terdapat suatu justifikasi untuk menganggap sesuatu alasan yang diberi oleh seorang hakim itu sebagai *obiter dictum* penghakimannya atas alasan bahawa dia juga telah memberikan sebab-sebab lain berhubung dengan kes berkenaan. Mohd Radzali Masrum, *Maksim dan Ungkapan Undang-undan*, 238.

²²⁵ Khoo Guam Huat, “Assessment of Damages” [1993] 1 MLJ cxxix, cxxxvii.

Peruntukan di atas menetapkan bahawa ganti rugi kerana kesedihan hanyalah bagi isteri atau suami dan ibu bapa si mati yang berumur di bawah 18 tahun. Bagi membolehkan tuntutan ganti rugi ini dibenarkan bagi ibu bapa, si mati juga disyaratkan belum berkahwin ketika kematiannya. Ganti rugi ini dibahagikan jika wujud lebih daripada satu pihak yang berhak.²²⁶

3.2.2 Ganti Rugi Khas

Ganti rugi khas adalah tuntutan kerugian bersifat kewangan iaitu perbelanjaan dan kerugian sebenar akibat kemalangan yang perlu dituntut dan dibuktikan secara tepat dan terperinci.²²⁷ Tuntutannya terhad kepada perbelanjaan yang telah dikeluarkan di antara tarikh kemalangan dan tarikh penghakiman kes dibuat sahaja.²²⁸ Antara bentuk kerugian dan perbelanjaan yang boleh dituntut ialah kerugian harta benda termasuk susut nilai dan kerosakan kenderaan,²²⁹ belanja rawatan termasuk peralatan yang digunakan serta makanan-makanan berkhasiat khas yang diperlukan,²³⁰ kos pengangkutan,²³¹ kos mengambil pembantu rumah atau pembantu tambahan,²³² kos pengebumian²³³ dan kos kehilangan atau kerosakan barang-barang kepunyaan ketika kemalangan berlaku.²³⁴

²²⁶ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Hazimah Muda & Anor v Ab Rahim Ab Rahman & Anor [2001] 5 CLJ 511. Dalam kes ini, ganti rugi ini dibahagikan sama rata kepada dua orang isteri si mati.

²²⁷ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Lee Tai Kau v Rajanderan Manickam [1995] 4 MLJ 163 dan Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324.

²²⁸ Lim Heng Seng, *Assessment of Damages*, 15.

²²⁹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Chin Hooi Nan v Comprehensive Auto Restoration Service Sdn Bhd & Anor [1995] 2 MLJ 100.

²³⁰ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Tan Kwee Low v Lee Chong & Anor [1960] 1 MLJ 212; kes Sukatno v Lee Seng Kee [2009] 3 MLJ 306.

²³¹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Yee Hup Transport & Co & Anor v Wong Kong [1967] 2 MLJ 93 dan kes Sukatno, *supra*, nota 223.

²³² Seperti mana yang diputuskan dalam kes Raja Zam Zam v Vaithiyanathan [1965] 2 MLJ 252.

²³³ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Muniyandi a/l Periyan & Anor v Eric Chew Wai Keat & Anor [2003] 3 MLJ 527.

²³⁴ Antaranya seperti baju seperti mana yang diputuskan dalam kes Hacharan Singh Saudagar Singh v Hassan Ariffin [1990] 2 CLJ (Rep) 99.

Terdapat dua perkara yang mesti dibuktikan dalam tuntutan ganti rugi khas. Pertama, mangsa mesti membuktikan bahawa kos atau perbelanjaan yang dituntut telah dikeluarkan. Kedua, kos dan perbelanjaan tersebut adalah benar-benar diperlukan. Kegagalan mangsa membuktikan kedua-dua perkara ini akan menyebabkan tuntutannya ditolak. Pembuktian bahawa tuntutan yang dibuat adalah benar-benar berlaku dan diperlukan dapat dilihat contohnya melalui kes *Wong Li Fatt William v Haidawati binte Bolhen & Anor*²³⁵ berikut:

“PW4 juga mengesahkan bahawa dia telah membeli item berikut untuk plaintif kanak-kanak:

- a) Kerusi roda RM980
- b) Katil khas (untuk membantu pengaliran darah) RM3,000
- c) Empat unit kerusi yang boleh direbahkan berharga rm280 setiap satu RM1,120

tiada resit dikemukakan bagi item-item ini. Tetapi pada masa yang sama pihak peguam defendant-defendant tidak membantahnya. Walau bagaimanapun, dalam keadaan begini, beban pembuktian tetap terpikul ke atas pihak plaintif (lihat *Chong Khee Sang v Pang Ah Chee*, 19). Berdasarkan bukti yang dikemukakan, jelas tiada apa yang menunjukkan bahawa katil berharga RM3,00 itu, adalah diperlukan dan disyorkan dari sudut perubatan. Justeru, saya menolak tuntutan tersebut. Berhubung kerusi roda dan kerusi yang boleh direbahkan, saya percaya bahawa PW4 membelinya kerana keperluan. Kegagalan PW4 mengemukakan resit pembelian tidak boleh diambil kira untuk menggagalkan tuntutannya kerana dia hanyalah orang kampung. Tambahan pula, PW6 mengesahkan bahawa plaintif kanak-kanak itu tidak berdaya dan kerusi tersebut boleh membantu pergerakannya. Oleh itu, saya membenarkan tuntutan RM980 dan RM1,120 masing-masing.

....Perkara berikut juga telah dituntut:

- (a) Makanan khas yang berkhasiat RM1,000
- (b) Fee perantara Cina RM1,000
- (c) Akupunktur RM75
- (d) urut RM720

bagi tuntutan-tuntutan di atas, tiada resit dikemukakan dan tiada nasihat perubatan diperolehi untuk menentukan sama ada ianya penting sebelum perbelanjaan-perbelanjaan tersebut dibuat. Oleh itu, saya menolak tuntutan-tuntutan tersebut.”

Dalam kes *Wong Li Fatt* di atas, mahkamah membenarkan sebahagian tuntutan ganti rugi dan menolak sebahagiannya walaupun kesemuanya tidak disokong dengan

²³⁵ [1994] 2 MLJ 497.

bukti resit. Daripada penghakiman ini, dapat difahamkan bahawa pembuktian bahawa perbelanjaan adalah benar-benar berlaku tidak semestinya dengan resit. Ini kerana mahkamah masih boleh membenarkan tuntutan mangsa jika tidak terdapat keraguan bahawa kos yang dituntut benar-benar berlaku.²³⁶ Berhubung syarat kedua, sokongan perubatan diperlukan sebagai bukti bahawa tuntutan adalah benar-benar diperlukan oleh mangsa. Oleh kerana mangsa gagal mengemukakannya, tuntutan terhadap kos katil khas, makanan khas yang berkhasiat, upah perantara Cina, akupuntur dan urutan ditolak.

3.2.3 Bunga (*Interest*) dan Kos

Selain ganti rugi yang dibincangkan, faedah kewangan yang boleh diterima oleh pihak mangsa ialah bunga ke atas jumlah bayaran ganti rugi yang diputuskan²³⁷ dan kos litigasi. Bunga diberikan sebagai ganti rugi kepada mangsa kerana tidak dapat menggunakan wang ganti rugi yang sepatutnya diterimanya bermula daripada tarikh kemalangan berlaku.²³⁸ Pemberian bunga adalah berdasarkan kepada seksyen 11 Akta 1956 berikut:

“Dalam mana-mana prosiding yang dibicarakan dalam mana-mana Mahkamah bagi mendapatkan kembali mana-mana hutang atau ganti rugi, Mahkamah boleh, sekiranya difikirkan sesuai, memerintahkan bahawa hendaklah dimasukkan dalam jumlah yang mana penghakiman diberi bunga pada kadar tertentu sebagaimana yang difikirkan sesuai atas keseluruhan atau mana-mana bahagian hutang atau ganti rugi bagi keseluruhan tempoh atau mana-mana bahagian tempoh di antara tarikh bila kuasa tindakan telah timbul dan tarikh penghakiman.”

²³⁶ Seperti mana yang diputuskan dalam beberapa kes seperti kes Kasirin Kasmani v. The Official Administrator & Anor [1991] 2 CLJ 800.

²³⁷ Yaakub Haji Mad Sam, “Undang-undang Jalan Raya di Malaysia, Sejauh manakah Keberkesanannya Masa Kini” (makalah, Seminar Undang-undang dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 5 – 6 September 1987), 8; S. Radhakrishnan , “Quantum of Damages”, xxxix.

²³⁸ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Murtadza bin Mohamed Hassan v. Chong Swee Pian [1980] 1 MLJ 216 berikut: “The purpose of awarding interest is to compensate a party for being deprived of the use of money which he is entitled to (see Lim Eng Kay v Jaafar b Mohamaed Said [1982] 2 MLJ 156). It is to compensate him for being kept out of money which theoretically is due to him.”

Peruntukan di atas menjelaskan bahawa pemberian bunga bukan wajib kerana pemberiannya dibuat berdasarkan budi bicara mahkamah terhadap fakta kes. Dalam keadaan tertentu, mahkamah boleh memutuskan ganti rugi tanpa sebarang bunga jika terdapat alasan yang jelas dan munasabah.²³⁹ Dalam pemberian bunga, mahkamah mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar yang sesuai bagi mana-mana item ganti rugi dan hutang. Berdasarkan amalan, bunga boleh diberikan bagi ganti rugi am, khas dan jumlah keseluruhan penghakiman.²⁴⁰ Namun, pemberian bunga bagi setiap perkara adalah berbeza dari aspek kadar dan tempohnya. Disebabkan itu, mahkamah mesti mengkelaskan ganti rugi mengikut kategorinya.²⁴¹ Jika tidak, keputusan mahkamah boleh dibatalkan oleh mahkamah di peringkat rayuan. Ini diputuskan dalam kes *Santhanaleetchumy*²⁴² berikut:

“Adalah jelas bahawa Majistret yang bijaksana dalam memberikan bunga, gagal mengkelaskan sama ada bunga tersebut diberikan untuk ganti rugi khas atau ganti rugi am dan, justeru, tidak boleh dikatakan bahawa beliau telah memutuskan berdasarkan budi bicaranya. Dalam membatalkan keputusan Majistret berhubung hal ini, saya memberikan bunga sebanyak 4% setahun untuk ganti rugi khas daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman dan seterusnya, perayu berhak mendapat 8% setahun sehingga penjelasan ganti rugi. Bagi ganti rugi am, bunga diberikan dengan kadar 6% setahun daripada tarikh pemfailan tindakan sehingga tarikh penghakiman. Berkennaan ganti rugi kesedihan akibat kehilangan, oleh kerana ia bukan termasuk dalam ganti rugi am, saya tidak mengenakan apa-apa bunga ke atasnya.”

Penghakiman di atas menjelaskan bahawa ganti rugi khas diberikan bermula daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman. Ganti rugi am diberikan bermula daripada tarikh penyampaian writ sehingga tarikh penghakiman. Bunga bagi keseluruhan penghakiman pula diberikan bermula daripada diberikan tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran ganti rugi dibuat. Dari segi kadar, 4% bagi

²³⁹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Kerajaan Johor Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors [1998] 2 MLJ 158.

²⁴⁰ Lim Heng Seng, *Assessment of Damages*, 91.

²⁴¹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Murtadza, supra, nota 221.

²⁴² Supra, nota 167.

ganti rugi khas, 6% bagi ganti rugi am dan 8% bagi jumlah keseluruhan penghakiman seperti mana yang diputuskan dalam kes *Santhanaletchumy* adalah kadar yang biasa diputuskan. Namun, kadar lain boleh diberikan berdasarkan budi bicara mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 11 Akta 1956.²⁴³

Seterusnya selain bunga yang boleh dikenakan ke atas pelaku tort, pihak yang kalah dalam perbicaraan juga boleh diperintahkan untuk menanggung kos perbicaraan tersebut.²⁴⁴ Ini adalah peraturan umum yang jika tidak diikuti, mesti disokong dengan alasan yang munasabah oleh mahkamah. Penghakiman kes *Kerajaan Johor Negeri Johor & Anor v Adong bin Kuwau & Ors*²⁴⁵ di bawah menjelaskan amalannya:

“Hakim tidak memberikan alasan atas keputusannya tidak memberikan responden kos mereka. Tidak ada cadangan ketika perbicaraan atau ketika penghakiman bahawa pihak responden telah melakukan salah laku yang boleh menghalang mereka daripada menerima kos. Peraturan umum ialah pihak yang menang dalam litigasi berhak mendapatkan kosnya. Pelepasan daripada peraturan ini hanya dibenarkan apabila dapat ditunjukkan bahawa pihak yang menang telah melakukan salah laku dalam prosiding sehingga ke tahap yang menyebabkannya tidak boleh menerima kos walaupun telah menang. Dalam kes ini, tidak dilihat bahawa hakim telah mengambil kira hal-hal relevan itu yang memandu budi bicara mahkamah dalam memutuskan kos. Oleh kerana itu, keputusannya berhubung kos diketepikan dan digantikan dengan keputusan bahawa responden boleh mendapat kos prosiding di Mahkamah Tinggi.”

Daripada penghakiman kes ini, jelas bahawa menanggungkan kos perbicaraan kepada pihak yang kalah adalah amalan umum dalam litigasi sivil. Penafian hak pihak yang menang ini untuk ditanggung kos perbicaraannya oleh pihak yang kalah hanya

²⁴³ Banyak kes boleh dirujuk untuk menunjukkan kuasa budi bicara mahkamah berhubung kadar bunga. Selain kadar 4% bagi ganti rugi khas, dalam kes Murtadza, supra, nota 221 dan Multar v. Lim Kim Chee & Anor [1982] 1 MLJ 184, kadar yang ditetapkan ialah 3%. Dalam kes Jos ak Alam v Zulimi bin Lifat & Anor and another appeal [2014] 9 MLJ 139

pula 2%. Selain 6% bagi ganti rugi am, dalam kes Noor Famiza bte Zabri & Anor v. Awang bin Muda & Anor [1994] 1 MLJ 599 dan Saripah bt Mahmud v Govindaraju a/l Venkatachalam & Anor [2011] MLJU 630, kadar yang ditetapkan ialah 8%. Dalam kes Jos ak pula, kadarnya ditetapkan sebanyak 4%.

²⁴⁴ Nuraisyah Chua Abdullah, *Question & Answers on Malaysian Courts*, 43. Sebagai contoh, sila rujuk kes Abdul Wahab bin Jam Jam v Abdul Wahab bin Abdullah & Anor [2008] 7 MLJ 277.

²⁴⁵ [1998] 2 MLJ 158.

boleh berlaku sekiranya pihak tersebut dibuktikan telah melakukan salah laku tertentu dalam tempoh prosiding.

3.3 Penetapan Kuantum Ganti Rugi bagi Kes-Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia

Pemberian ganti rugi kepada mangsa boleh dilakukan melalui dua cara. Pertama, kuantum ganti rugi diputuskan oleh mahkamah dan kedua, kuantum tersebut dibincang dan dipersetujui bersama oleh pihak-pihak di luar mahkamah. Secara umumnya, cara pertama mempunyai kelebihan kerana mangsa boleh diwakili oleh peguam yang lebih arif dalam tuntutan.²⁴⁶ Cara kedua pula, boleh menjimatkan masa dan kos pihak-pihak yang terlibat.²⁴⁷ Walau bagaimanapun, bagi kes yang kompleks melibatkan kematian dan kecederaan parah, penilaian kuantum ganti rugi adalah rumit dan persepakatan sukar dicapai di antara pihak-pihak yang terlibat. Dalam hal ini, penilaian dan penetapan kuantum menjadi tugas mahkamah.²⁴⁸

Dalam menetapkan kuantum ganti rugi, dua perkara perlu diputuskan oleh mahkamah. Pertama, nilai ganti rugi (*multiplicand*) dan kedua, tempoh perolehan (*multiplier*). Nilai ganti rugi diputuskan tanpa tahun perolehan bagi ganti rugi khas dan ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup. Bagi ganti rugi am yang melibatkan masa hadapan seperti kos perubatan dan rawatan dan kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan mendapatkan pendapatan, nilai ganti rugi dan tahun perolehan perlu diputuskan oleh mahkamah bagi menetapkan kuantum


²⁴⁶Rahmah Ismail, “Kecederaan Tubuh Badan Dalam Kes Kemalangan”, 68. Yaakub Haji Mad Sam, “Undang-undang Jalan Raya di Malaysia”, 10.

²⁴⁷ Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Agung Mohamed Dzaiddin dalam kes Sundram v Arujunan & Anor [1994] 3 MLJ 361 berikut: “*In running-down cases, it is recognized practice for counsel to agree on quantum or liability before the trial to save time and expense.*”

²⁴⁸ Seperti mana yang dinyatakan oleh Mohamed Azmi, HMP dalam kes Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad [1985] 1 MLJ 50 berikut: “*It is the function of the court to assess damages and where the quantum is not agreed on by the parties on any item as in the present case, it is both unreasonable and undesirable to order them to assess the damages themselves.*”

ganti rugi.²⁴⁹ Dalam hal ini, kuantum ganti rugi ditetapkan berdasarkan prinsip pemberian ganti rugi secara munasabah.²⁵⁰ Perkara yang mempengaruhi penilaian kuantum ganti rugi dirumuskan melalui gambar rajah 3.2 berikut:

Rajah 3.2: Kaedah Penetapan Kuantum Ganti Rugi di Malaysia



Sumber: Ilustrasi penulis

Rajah di atas menunjukkan bahawa penetapan kuantum ganti rugi oleh mahkamah dibuat dengan menetapkan dua perkara utama iaitu nilai ganti rugi (*multiplicand*) dan tahun perolehan (*multiplier*). Penilaian dua perkara ini dibuat

²⁴⁹ Pendekatan ini dinamakan *multiplier – multiplicand approach*. Khoo Guam Huat, “Assessment of Damages”, cxxx .

²⁵⁰ K.S Dass, *Quantum of Damages*, 31.

berdasarkan beberapa kaedah yang dipertimbangkan dengan mengambil kira beberapa perkara yang dibincangkan lanjut di bawah.

3.3.1 Penetapan Nilai Ganti Rugi

Penetapan nilai ganti rugi diputuskan oleh mahkamah melalui tiga cara. Pertama, berdasarkan nilai yang telah ditetapkan melalui peruntukan. Ini bagi ganti rugi kehilangan akibat kematian yang telah diperuntukkan RM10,000. Kedua, penetapan ganti rugi menghampiri kepada nilai kerugian sebenar bagi ganti rugi khas. Ketiga, penetapan ganti rugi berdasarkan trend atau nilai yang telah ditetapkan dalam kes-kes terdahulu.

3.3.1.1 Menghampiri Kerugian Sebenar

Untuk mendapatkan ganti rugi khas, pihak mangsa mesti mengemukakan tuntutan yang spesifik dan tepat kepada pengiraan matematik.²⁵¹ Namun, ini tidak bermakna bahawa tuntutan tanpa nilai kerugian yang tepat akan ditolak. Ini kerana mahkamah boleh mentaksirkan nilai kerugian berdasarkan budi bicaranya, jika dapat dibuktikan bahawa kerugian benar-benar berlaku dan diperlukan. Contohnya seperti yang diputuskan bagi tuntutan dalam kes *Kasirin Kasmani v. The Official Administrator & Anor*²⁵² berikut:

“Bagi tuntutan ganti rugi khas yang tidak dipersetujui bersama, dalam ketiadaan sebarang bukti tentang perbelanjaan sebenar dalam bentuk resit, saya memutuskan sejumlah RM560 pada kadar RM20 sehari bagi

²⁵¹ Ini dinyatakan dalam penghakiman kes Thrimalai & anor v Mohamed Masry bin Tukimin [1987] 1 MLJ 153 berikut: “*Since Lee Sau Kong v Leow Cheng Chiang [1961] MLJ 17 the Courts of this country have repeated ad nauseam that damages have to be proved. But special damages must be strictly proved. To my mind the evidentiary burden here goes beyond establishing the claim on a mere balance of probabilities. The figures put forward for special damages must come as close to mathematical certainty as the circumstances of the case would allow.*”

²⁵² [1991] 2 CLJ 800.

pengangkutan isteri mangsa dan perbelanjaan hidup selama 28 hari dia terpaksa menetap di Johor Bahru bagi melawat mangsa di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.”

Dalam kes *Wong Li Fatt*²⁵³ pula, mahkamah memutuskan seperti berikut:

“Sekarang, saya beralih kepada tuntutan bagi kerosakan pakaian dan kasut yang telah ditetapkan sebanyak RM50. Tiada resit yang dikemukakan untuk menyokong tuntutan tersebut. Sekali lagi saya tidak mengharapkan PW4 untuk mengemukakan resit. Tiada sesiapa yang boleh menjangkakan bahawa pakaian dan kasut yang digunakan oleh plaintif itu akan menjadi subjek tuntutan pada suatu hari. Oleh itu, adalah wajar jumlah tertentu diberikan untuk pakaian dan kasut yang rosak itu. Pada pemerhatian saya, RM20 adalah memadai.”

Dalam penghakiman kes-kes di atas, tuntutan ganti rugi khas tidak disertakan dengan resit bagi membuktikan nilai kerugian sebenar. Namun, selepas berpuas hati bahawa kerugian benar-benar berlaku, mahkamah mentaksirkan ganti rugi khas menghampiri kerugian sebenar mangsa.

3.3.1.2 Anggaran Berdasarkan Kes-kes Terdahulu

Ganti rugi am bagi kerugian bukan kewangan seperti kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup tidak perlu dituntut dengan nilai yang spesifik dan tepat. Ini kerana penilaianya dibuat berdasarkan nilai yang diputuskan dalam kes-kes terdahulu yang hampir sama.²⁵⁴ Dalam ketiadaan kes tempatan, rujukan dibuat terhadap kes-kes luar negara²⁵⁵ dengan mengambil kira nilai matawang tempatan dan semasa.²⁵⁶

²⁵³ Supra, nota 235.

²⁵⁴ Lim Heng Seng, *Assessment of Damages*, 14.

²⁵⁵ Contoh rujukan dibuat dapat dilihat melalui kes Tan Kheng Kuan v Lim Chen Teik & Ors [1965] 1 MLJ 116

²⁵⁶ Seperti mana yang dalam diputuskan dalam kes Yeo Kim Kuan v Hamid [1968] 2 MLJ 188.

Keperluan rujukan kepada keputusan kes terdahulu ini dinyatakan dalam kes *United Plywood & Sawmill Ltd v Lock Ngan Loi*²⁵⁷ seperti berikut:

“Seperti yang telah dinyatakan berkali-kali, penilaian ganti rugi bagi kes kecederaan diri adalah antara perkara yang paling sukar bagi hakim di peringkat permulaan mahu pun Mahkamah Rayuan. Apabila seorang lelaki kehilangan tangannya, tiada sebarang nilai di dunia yang boleh memampasnya dengan sebenar-benarnya. Namun, ganti rugi dalam bentuk wang hanyalah satu-satunya cara yang boleh diberikan kepadanya bagi kecederaan yang dialami. Adalah tidak mungkin dan tidak diharapkan bagi ganti rugi kehilangan satu tangan diseragamkan atau ditentukan secara rigid, kerana tiada dua kes yang sama. Tetapi untuk memastikan sedikit bentuk keseragaman, jumlah yang diputuskan dalam kes terdahulu, yang mempunyai perbandingan yang munasabah dengan kes yang diadili, boleh menjadi panduan yang berguna. Prinsip umumnya ialah Mahkamah Rayuan hanya boleh campur tangan dalam urusan penilaian jika dianggap penilaianya amat tinggi sehingga mahkamah boleh menyatakan ‘Oh!, itukah ganti rugi yang diputuskan – jumlah itu mesti diubah’, atau sekiranya ia terlalu jauh daripada trend pemberian dalam kes-kes yang boleh dibandingkan secara munasabah dan justeru mesti dianggap sebagai penilaian yang salah.”

Daripada penghakiman kes di atas, dapat difahamkan bahawa tidak wujud nilai tetap bagi setiap anggota badan yang cedera dalam undang-undang tort. Panduan yang wujud bagi memutuskan jumlah ganti rugi hanyalah keputusan kes-kes terdahulu yang hampir sama. Rujukan terhadapnya perlu dilakukan walaupun tidak wujud kes yang benar-benar sama. Seperti yang dinyatakan, tujuan rujukan ialah bagi mewujudkan satu bentuk keseragaman dalam ganti rugi yang diputuskan. Oleh kerana itu, keputusan yang dibuat menyalahi trend pemberian terdahulu dianggap salah dan boleh dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan.²⁵⁸

Selain itu, rujukan terhadap kes terdahulu bertujuan memastikan kuantum yang diputuskan mahkamah tidak melampau mengikut kesukaan peguam, majistret, hakim

²⁵⁷ [1970] 2 MLJ 237.

²⁵⁸ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Azizi bin Amran, supra, nota139 berikut: “Award RM28,000 untuk kesakitan dan kesengsaraan dalam keadaan kes ini bukan hanya amat rendah tetapi di bawah paras dan tidak mengikut trend semasa untuk kecederaan yang sama.Untuk kecederaan dan kehilangan upaya semasa, plaintif patut berhak mendapat award RM45,000. Namun, mahkamah akan membuat pemotongan RM10,000 untuk kecederaan sebelumnya yang dialami oleh plaintif. Oleh itu, award untuk kesakitan dan kesengsaraan untuk plaintif dalam kes ini dinaikkan daripada RM28,000 kepada RM35,000.”

mahupun individu-individu yang berkepentingan.²⁵⁹ Pihak-pihak yang bertikai juga diharap dapat mencapai persetujuan terhadap ganti rugi yang perlu dijelaskan²⁶⁰ dan cenderung melakukan persetujuan luar mahkamah.²⁶¹ Keadaan-keadaan ini sekaligus dapat mengurangkan masa penghakiman.²⁶²

Walau bagaimanapun, rujukan terhadap kes yang sama hanyalah bersifat panduan. Ini kerana setiap kes perlu diputuskan berdasarkan faktanya. Oleh itu, kuantum yang diputuskan boleh berbeza dengan nilai yang diputuskan dalam kes terdahulu yang mempunyai fakta yang hampir sama. Fakta kes yang mempengaruhi perbezaan kuantum ganti rugi ini adalah seperti berikut:

a) Bentuk Kecederaan serta Prinsip Pertindihan (*Overlapping*)

Ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup khususnya, ditaksirkan dengan satu nilai yang dianggarkan sebagai mewakili kecederaan anggota yang dialami oleh mangsa.²⁶³ Semakin banyak anggota tubuh yang cedera, semakin tinggi nilai ganti rugi yang ditetapkan. Begitu juga dengan tahap keseriusan kecederaan tersebut dan kesannya sama ada meninggalkan kesan kekal atau sementara. Contoh dapat dilihat dalam penghakiman kes *Jasi Alam v Nohya Bin Mustar & Anor*²⁶⁴ berikut :

“Dalam Mat Derus bin Hamil & Ors v Sahadeva [1965] 2 MLJ viii di mana jumlah yang diputuskan sebagai ganti rugi am diterbitkan semula

²⁵⁹ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Kanan a/l Subramaniam dan satu lagi lwn Aman Syah Abadzyuid [2002] 7 MLJ 561, 578.

²⁶⁰ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Azami bin Ahmad, supra, nota kaki 186.

²⁶¹ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad [1985] 1 MLJ 50.

²⁶² Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Azami bin Ahmad, supra nota 186.

²⁶³ Ini dinyatakan dalam kes Raja Mokhtar v Public Trustee [1970] 2 MLJ 151. Raja Azlan Shah sebagai hakim dalam kes tersebut menjelaskan: “Any compensation for loss of amenities and pain and suffering must be artificial. No sum can be adequate. But the court must give an award which would represent artificially the gravity of the loss and the severity of the pain and suffering. It is hard to give cogent reasons for this figure or that. One can only assert.”

²⁶⁴[1975] 1 MLJ 166.

dalam Mallal's Digest, Edisi Ketiga, Jilid II, plaintiff pertama berumur 35 tahun menderita keretakan pada tulang rusuk ke lima – sepuluh dan dimasukkan ke hospital selama tujuh hari. Plaintiff tidak boleh bekerja selama dua bulan. Beliau juga mengalami kesakitan pada tulang rusuk keenam pada bahagian *auxiliary* dan keretakannya tidak sembuh dengan secukupnya. Plaintiff tidak berupaya untuk melakukan kerja-kerja berat untuk beberapa tahun. Tidak ada kehilangan upaya yang lain. Ganti rugi am yang diputuskan ialah \$4,000. Plaintiff kedua mengalami keretakan pada tulang rusuk kesembilan dan kesepuluh. Tiada kehilangan upaya kekal tetapi beliau dimasukkan ke hospital selama lapan hari. Ganti rugi am yang diputuskan ialah \$1,500. Plaintiff ketiga mengalami keretakan pada tulang rusuk kelapan dan kesembilan di bahagian kanan. Ganti rugi yang diputuskan ialah \$1,500.”

Dalam kes *Mat Derus* yang dirujuk dalam kes *Jasi Alam* di atas, terdapat tiga orang mangsa yang mengalami keretakan pada tulang rusuk mereka. Ganti rugi yang diberikan kepada mereka adalah berbeza berdasarkan bilangan kecederaan dan tahap keseriusan kecederaan masing-masing. Atas dasar itu, plaintiff pertama diberikan RM4,000 bagi keretakan lima tulang rusuk dan lain-lain kesakitan yang dialami. Manakala plaintiff kedua dan ketiga yang mengalami keretakan pada dua tulang rusuk, masing-masing diberikan RM1,500.

Walau bagaimanapun, dalam memutuskan ganti rugi bagi beberapa kecederaan yang berkaitan, prisip pertindihan (*overlapping*) mesti diambil kira. Prinsip ini terpakai dalam menetapkan ganti rugi bagi beberapa kecederaan anggota dan kesakitan yang dialami oleh mangsa dalam masa yang sama²⁶⁵ akibat daripada sebuah kemalangan.²⁶⁶ Penetapan ganti rugi yang dibuat tanpa berpandukan pada prinsip ini, secara amalannya adalah salah dan boleh dibatalkan oleh mahkamah di peringkat rayuan.²⁶⁷ Kaedah yang

²⁶⁵ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Mahamad bin Mahamad Said & Anor v Perianayagam & Anor [1972] 1 MLJ 67 berikut: “*The learned judge should not have taken compensation for each of the two injuries suffered by the respondent separately and added them up at the end. The items are not separate heads of compensation. They are only aids at arriving at a fair and reasonable compensation. There is an element of overlapping when two or more injuries are suffered simultaneously.*”

²⁶⁶ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Lim Kong Yeng v Yap Wee Ying [1982] CLJ (Rep) 529 berikut: “*Since all the injuries were inflicted in one incident and since the 1st plaintiff experienced the pain and suffering for all of them over the same period there must be reduction of the aggregate amount to compensate for overlapping.*”

²⁶⁷ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Azami bin Ahmad, supra, nota 186 berikut: “Mahkamah ini tidak bersetuju award yang diberi oleh hakim mahkamah sesyen adalah award yang berpatutan seperti yang dihujahkan oleh peguam bagi mangsa di mana mahkamah ini berpendapat,

digunakan oleh mahkamah dalam isu pertindihan dinyatakan dalam kes *Yee Kah Bao*²⁶⁸ berikut:

“Sememangnya terdapat *two school of taught* dalam isu pertindihan dan isu sama ada award secara *global lump sum* atau pun award secara berasingan. Hakim bicara telah menggunakan budi bicara untuk menerima pakai prinsip yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor* dan beliau telah memberi alasan mengapa beliau berbuat demikian. Pada pandangan mahkamah ini bahawa hakim bicara tidak khilaf dalam membuat keputusan memilih prinsip dalam kes *Tan Cheong Poh & Anor* dalam melaksanakan kuasa budi bicaranya.”

Dalam penghakiman di atas, Kamardin Hashim, H menjelaskan bahawa terdapat dua kaedah dalam isu pertindihan. Pertama, menggabungkan ganti rugi bagi semua kecederaan secara keseluruhan (*global lump sum*) dan kedua, mengira ganti rugi bagi setiap kecederaan secara berasingan sebelum membuat tolakan. Dalam kes ini, beliau cenderung kepada pemakaian kaedah pertama seperti mana yang diputuskan oleh Mahkamah Sesyen yang merujuk keputusan kes *Tan Cheong Poh & Anor v Teoh Ah Keow*.²⁶⁹ Justeru, beliau menolak rayuan pihak defendant yang menghujahkan bahawa pertindihan patut dilakukan mengikut kaedah kedua.

Dalam kes *Tan Cheong Poh*, mangsa mengalami keretakan di tengkorak dan tulang parienatalnya. Kecederaan ini menyebabkan kerosakan pada otaknya dan menyebabkan mangsa mengalami kekurangan fungsi intelektual dan fizikal. Mangsa lambat dalam tindak balas mental dan memerlukan bantuan untuk ke bilik air.

overlapping juga harus dan patut diambil kira dan patut diberi diskauan atau potongan. Sebaliknya, mahkamah ini bersetuju bahawa award yang diberi patut dan harus diambil kira *overlapping* bagi kecederaan yang dialami oleh mangsa di bahagian badan yang sama. Di sini adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa award yang diberi untuk kecederaan yang disebabkan dalam kemalangan jalanraya adalah untuk *pain and suffering and loss of amenities* seorang mangsa dan bukan diterima sebagai durian runtuh (*windfall*).²⁶⁸

²⁶⁸ Supra, nota 195.

²⁶⁹ [1995] 3 MLJ 89. Dalam kes ini, VC George HMR menyatakan seperti berikut: “Where disabilities stem from one injury, the extent of overlap will be such that there would be a merger and hence, allowance for overlapping in computing the award for pain and suffering and loss of amenities is not good enough. In this case, all the disabilities suffered by the plaintiff stemmed from one injury, ie the brain damage, and thus, the judge was right in making a lump sum award instead of making separate assessments for physical and intellectual disabilities, and to allow for overlap thereafter.”

Menggunakan kaedah pertama, kesemua kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup ini diberikan ganti rugi secara sekaligus sebanyak RM100,000.

Kaedah pertindihan kedua iaitu membuat kiraan secara berasingan pula telah digunakan dalam beberapa kes. Antaranya seperti dalam kes *Yasin bin Wahab v Loo Kok Wai*.²⁷⁰ Dalam memutuskan ganti rugi bagi beberapa kecederaan yang berkaitan, Mohamed Azmi H memutuskan seperti berikut :

“Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif:- ganti rugi am yang diputuskan sebanyak \$19,000, mengambil kira faktor pertindihan. Ganti rugi am dinilai seperti berikut:- lecetan yang dalam pada lengan kiri dengan 3½ inci kali ¾ inci dengan formasi keloid (\$1,500); keretakan pada mandible kiri (\$7,500); keretakan pada maksila (\$7,000); keretakan tulang alveolar (\$4,500); kehilangan lima batang gigi (\$5,000).

Mencampurkan penilaian semua lima kecederaan ini bersama menghasilkan jumlah \$25,000 [sic!]. Oleh kerana tiga keretakan dan kehilangan gigi adalah saling berkaitan, terdapat pertindihan dalam kes ini. Oleh itu, sejumlah \$6,000 hendaklah ditolak, meninggalkan baki \$19,000 yang pada pandangan saya adalah adil dan munasabah dan tidak terkeluar daripada kebanyakan nilai yang diputuskan bagi kecederaan seumpamanya.”

Dalam kes ini, mahkamah menetapkan RM25,000 bagi lima kecederaan yang dialami. Daripada jumlah ini, RM6,000 ditolak atas nama pertindihan yang melibatkan kecederaan di tulang rahang iaitu maksila dan mandible serta kehilangan gigi. Justeru, RM19,000 ditetapkan sebagai ganti rugi kesakitan dan penderitaan.

Kes ini kemudiannya menjadi rujukan kepada kes kemudian seperti *Lau Ee Ee v Tang King Kwong*²⁷¹ dan *Zamri bin Md Som & Anor v Nurul Fitriyatun Idawiyah binti Nahrawi*.²⁷² Walau bagaimanapun, dalam kes *Zamri*, tolakan tidak dibuat daripada jumlah ganti rugi yang diberikan secara berasingan bagi beberapa kecederaan. Ini menyebabkan kes ini dirayu ke Mahkamah Tinggi. Low Hop Bing H dalam kes ini memutuskan ganti rugi yang diberikan adalah munasabah walaupun tolakan tidak

²⁷⁰ [1980] 2 MLJ 43.

²⁷¹ [1986] 1MLJ 308.

²⁷² [2001] MLJU 380.

dibuat. Ini kerana nilai yang diberikan dalam kes ini bagi setiap kecederaan berasingan dan jumlahnya sebanyak RM122,000 masih rendah dan tidak berlebihan jika nilai mata wang semasa diambil kira. Justeru, tolakan tidak perlu dilakukan kerana mahkamah berpandangan jumlah yang diputuskan mesti tidak boleh kurang daripada RM122,000 yang telah diputuskan.

Walaupun terdapat dua kaedah dalam menetapkan ganti rugi bagi beberapa kecederaan dan kesakitan yang saling berkaitan, kaedah pertama iaitu menetapkan ganti rugi secara sekaligus merupakan kaedah yang utama.²⁷³ Namun, dalam keadaan tertentu, kaedah kedua dikatakan memudahkan penetapan kuantum ganti rugi.²⁷⁴

b) Mengambil Kira Nilai Mata Wang Semasa

Bagi menetapkan kuantum ganti rugi yang munasabah, nilai ganti rugi mestilah realistik iaitu selari dengan nilai mata wang semasa.²⁷⁵ Ini bermakna, sedikit pertambahan boleh dilakukan pada nilai ganti rugi, berbanding nilai yang diputuskan bagi kecederaan seumpamanya dalam kes-kes terdahulu.²⁷⁶ Ini dilakukan jika nilai matawang mengalami kemerosotan.²⁷⁷

Dalam kes *Appalasamy a/l Bodoyah v Lee Mon Seng*²⁷⁸ contohnya, ganti rugi kehilangan lengan sehingga ke siku diputuskan kepada RM60,000 berbanding RM50,000 yang diputuskan dalam kes seumpamanya pada tahun 1992²⁷⁹ dan 1988.²⁸⁰ Bagi kes lumpuh pula, ganti rugi diberikan sebanyak RM200,000 dalam kes *Abdul Jalil*

²⁷³ R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*, 270. Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Tan Cheong Poh, supra, nota 269.

²⁷⁴ R.K Nathan, *Practical Approach to Assessment of Liability*, 270. Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Yasin bin Wahab, supra, nota 270 dan kes Mahamad bin Mahamad Said & Anor v Perianayagam & Anor [1972] 1 MLJ 67.

²⁷⁵ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Appalasamy a/l Bodoyah v Lee Mon Seng [1996] 3 CLJ 71.

²⁷⁶ Seperti mana yang dinyatakan dalam penghakiman kes Azami bin Ahmad, supra, nota 186.

²⁷⁷ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Liong Thoo v Sawiyah & Ors [1982] 1 MLJ 286.

²⁷⁸ [1996] 3 CLJ 71.

²⁷⁹ Lihat kes Baskaran v. Techeera (M) Sdn. Bhd. [1992] MMD April 461.

²⁸⁰ Lihat kes Wong Yee Cheong & Anor. v. Toh Seng Chuan [1988] 2 CLJ 624.

*Abdul Wahab v Liew Foong*²⁸¹ berbanding kes yang diputuskan empat tahun sebelumnya.

c) Pendapatan Mangsa atau Jumlah Wang Saraan Yang Diterima Tanggungan Si Mati

Jumlah pendapatan bulanan mangsa diambil kira dalam menetapkan nilai ganti rugi (*multiplicand*) kehilangan pendapatan masa hadapan. Jumlah wang saraan bulanan yang diberikan si mati kepada tanggungan pula, mempengaruhi nilai ganti rugi kehilangan saraan. Dalam menetapkan nilai ganti rugi bagi kedua-dua ganti rugi ini, pendapatan yang diambil kira ialah pendapatan yang sah sahaja. Jika tidak, tuntutan mangsa akan ditolak.

Syarat pendapatan yang sah ini dibangkitkan oleh pihak defendant dalam kes *Sukatno v Lee Seng Kee*.²⁸² Pihak defendant menghujahkan bahawa pendapatan mangsa tidak sah kerana beliau didakwa sebagai seorang pendatang tanpa izin. Walau bagaimanapun, dakwaan ini gagal dibuktikan. Justeru, mahkamah mengekalkan pemberian ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan sebanyak RM153,600 setelah mendapati bahawa mangsa mempunyai permit kerja yang sah.

Syarat yang sama juga diambil kira dalam pemberian ganti rugi kehilangan saraan. Dalam kes *Chua Kim Suan & Anor v Government of Malaysia & Anor*,²⁸³ mahkamah menolak tuntutan daripada tanggungan si mati kerana saraan yang diterimanya adalah daripada sumber yang tidak sah. Ini kerana si mati memperoleh pendapatan daripada pemanduan teksi yang tidak dilesenkan atas namanya. Justeru, pekerjaannya sebagai pemandu teksi adalah salah dari segi undang-undang.

²⁸¹ [1990] 1 CLJ 729.

²⁸² [2009] 3 MLJ 306.

²⁸³ [1994] 1 MLJ 394.

Seterusnya, bagi menetapkan ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan, pendapatan bulanan mangsa yang sah akan ditolak dengan perbelanjaan hidup. Ini menghasilkan nilai ganti rugi (*multiplicand*) yang akan didarab dengan tahun perolehan (*multiplier*). Dalam menetapkan nilai ganti rugi (*multiplicand*) bagi kehilangan saraan, mahkamah menggunakan dua kaedah. Pertama, mengambil kira jumlah wang saraan sebenar yang diberikan oleh si mati kepada tanggungan. Kaedah ini bergantung kepada pembuktian oleh tanggungan seperti kes *Chan Chin Ming* dan *Lee Tai Kau*²⁸⁴ yang telah dibincangkan terdahulu. Daripada wang saraan sebenar yang diberikan kepada tanggungan pula, nilai *multiplicand* yang diputuskan oleh mahkamah ialah jumlah yang digunakan oleh tanggungan untuk dirinya sahaja, bukan untuk kegunaan isi rumah yang lain.²⁸⁵

Walau bagaimanapun, dalam kes *Shahrizam bin Damsah v Mahathir bin Mohd Isa & Anor*,²⁸⁶ kaedah tersebut tidak digunakan. Sebaliknya, Douglas Sikayun, H menolak pendapatan bersih si mati dengan perbelanjaan hidupnya. Kaedah ini digunakan kerana jumlah saraan yang diberikan oleh si mati kepada tanggungan tidak dapat dibuktikan.²⁸⁷

Bagi ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan pula, penetapan nilai ganti rugi dibuat berdasarkan dua kaedah. Ini dinyatakan dalam kes *Yee Kah Bao*.²⁸⁸ Kaedah pertama ialah jumlah pendapatan bersih mangsa didarab dengan tahun perolehan sebagaimana yang ditetapkan dalam kes *Dirkje*.²⁸⁹ Kaedah ini

²⁸⁴ Supra, nota 215.

²⁸⁵ Perbincangan dibuat di dalam subtopik 3.2.1.4 Ganti Rugi Kehilangan Saraan.

²⁸⁶ [2013] MLJU 1228.

²⁸⁷ Menurut undang-undang Inggeris, jika terdapat bukti kukuh bahawa bayaran telah dibuat oleh si mati kepada tanggungan, maka nilai *multiplicand* ditetapkan berdasarkan kepada pembayaran tersebut. Tetapi, jika tiada bukti kukuh tentang pembayaran, maka formula Davies akan digunakan; mahkamah akan bermula dengan pendapatan bersih si mati pada tarikh kematiannya, menganggar jumlah perbelanjaannya ke atas dirinya, kemudian menjadikan baki pendapatan ini sebagai perbelanjaan yang digunakan untuk tanggungan dan boleh dituntut sebagai ganti rugi kehilangan saraan. Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Dependability Of Dependency Claims”, xxiv.

²⁸⁸ Supra, nota 195.

²⁸⁹ Supra, nota 203.

digunakan apabila mangsa dapat membuktikan jumlah pendapatan dengan tepat. Kedua, ganti rugi diberikan secara anggaran yang munasabah. Kaedah ini digunakan apabila mangsa tidak dapat membuktikan jumlah pendapatan yang pernah diterimanya dengan tepat. Dalam kes *Yee Kah Bao*, mahkamah memutuskan RM50,000 berbanding RM192,806.40 yang dituntut oleh pihak mangsa berdasarkan kaedah pertama.

d) Gaya Hidup dan Perbelanjaan Mangsa

Perbelanjaan hidup ialah sebahagian daripada pendapatan mangsa yang dibelanjakannya untuk menjalani kehidupannya secara peribadi.²⁹⁰ Antaranya perbelanjaan rumah, insurans, makanan, pengangkutan dan perbelanjaan untuk berlibur.²⁹¹ Perbelanjaan ini tidak termasuk jumlah yang diberikan oleh mangsa untuk tanggungannya, tetapi termasuk jumlah yang dibayar kepada mana-mana pihak ketiga.²⁹²

Perbelanjaan hidup mangsa diambil kira dalam penetapan ganti rugi kehilangan saraan seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 7(3)(iv)(c) dan kehilangan pendapatan masa hadapan melalui seksyen 28A(2)(c)(iii). Dalam kes *Chang Chong Foo & Anor v Shivanathan*²⁹³ mahkamah menjelaskan bahawa kos hidup (*living expenses*) yang dinyatakan dalam kedua-dua seksyen berikut merujuk kepada perkara yang sama. Ayat yang sama dalam kedua-dua peruntukan di atas menandakan bahawa kaedah yang terpakai bagi menetapkan kedua-dua bentuk ganti rugi adalah sama. Dalam kes ini, mahkamah menolak hujah pihak defendan yang menyatakan bahawa perbelanjaan hidup hanya perlu ditolak dalam kes kematian sahaja atau ganti rugi kehilangan saraan.

²⁹⁰ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Noorianti Zainol Abidin & Ors v Tang Lei Nge [1990] 2 CLJ (Rep) 545.

²⁹¹ Seperti mana yang dinyatakan dalam kes Soh Hau Huat v Mohd Nor Taya & Anor [1992] 3 CLJ 600.

²⁹² Khoo Guam Huat, "Assessment of Damages."

²⁹³ [1992] 2 MLJ 473.

Hujah pihak defendant bahawa tolakan tidak perlu dilakukan bagi mangsa yang hidup kerana mangsa memerlukan perbelanjaan tersebut juga ditolak.

Contoh penetapan nilai perbelanjaan hidup dan kaedah tolakannya daripada pendapatan mangsa adalah seperti dalam kes *Soh Hau Huat v Mohd Nor Taya*²⁹⁴ berikut:

“Dengan fakta yang dinyatakan di atas, kebarangkalian perbelanjaan hidup yang patut ditolak daripada pendapatan bulanan si mati adalah seperti berikut:

(a) Makanan- kos makanan di Genting Highland tidak dapat dinafikan adalah lebih mahal	RM 800
(b) Petrol dan penjagaan motokar	RM 300
(c) Hiburan dan barang runcit	RM 200
	RM1,300

Pendapatan bulanan si mati adalah seperti berikut:

(i) Gaji pokok bulanan	RM1,600
(ii) Elaun makan bulanan	RM 520
(iii) Sumbangan E.P.F 11% daripada RM1600 daripada majikan	RM 176
Jumlah	RM2,296

Nilai pengganda (*multiplicand*) ialah RM2,296 tolak RM1,300 bersamaan RM996 atau RM1,000 (angka bundar).”

Daripada petikan penghakiman di atas, dapat difahamkan bahawa mahkamah menetapkan nilai ganti rugi (*multiplicand*) bagi ganti rugi kehilangan saraan dengan menolak perbelanjaan hidup si mati iaitu sebanyak RM1,300 bagi pelbagai perbelanjaan si mati daripada pendapatan sebenarnya. Walau bagaimanapun, dalam kes *Shahrizam*,²⁹⁵ mahkamah membuat tolakan 1/3 daripada pendapatan bersih si mati sebagai perbelanjaan hidup kerana perbelanjaan hidupnya tidak dikemukakan dan tidak dapat ditentukan dengan tepat.

²⁹⁴ [1992] 3 CLJ 600.

²⁹⁵ Supra, nota 286.

3.3.2 Penetapan Tahun Perolehan

Sebelum pindaan Akta Undang-Undang Sivil 1956, mahkamah menetapkan tahun perolehan berdasarkan anggaran jangka hidup mangsa dan apa-apa tempoh yang difikirkan munasabah. Pertimbangan mahkamah berpandukan pada umur mangsa, kesihatannya, jangka hayat keturunannya dan keperluan mangsa. Tiada had tertentu yang ditetapkan.²⁹⁶ Setelah tahun perolehan ditetapkan, tolakan akan dibuat atas nama jatuh bangun kehidupan dan perkara luar jangka dalam hidup.²⁹⁷ Antara perkara yang termasuk dalam jatuh bangun kehidupan dan perkara luar jangka bagi ganti rugi kehilangan saraan ialah kematian tanggungan, prospek perkahwinan semula janda²⁹⁸ dan prospek si mati sebagai anak bujang untuk berkahwin.²⁹⁹ Bagi ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan pula, prospek kenaikan pangkat, prospek mangsa bekerja semula selepas kemalangan dan kematian adalah antara perkara yang dipertimbangkan.³⁰⁰

Walau bagaimanapun, selepas pindaan pada tahun 1984, aspek jatuh bangun kehidupan dan perkara luar jangka dalam hidup, khususnya prospek kenaikan pangkat atau gaji telah dimansuhkan melalui seksyen 7(3)(iv)(b)³⁰¹ dan 28A(2)(c)(ii).³⁰² Kaedah

²⁹⁶ Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Damages For Loss Of Earnings”.

²⁹⁷ Ibid.

²⁹⁸ Contoh pertimbangan mahkamah terhadap jatuh bangun kehidupan dan perkara luar jangka bagi ganti rugi kehilangan saraan, dapat difahami melalui kes Halijah Iwn Velaitham [1966] 1 MLJ 192 berikut: “Sewaktu berlaku kemalangan itu, si mati berumur 36 tahun dan mangsa berumur 38 tahun. Dalam keadaan biasa, si mati mungkin boleh bekerja selama 20 tahun lagi dan mendapat pencen. Jadi, berdasarkan kehidupan kita yang tidak boleh ditentukan, saya akan mengambil 15 tahun sebagai jangka hidup yang biasa jika dia tidak ditimpa kemalangan itu. Daripada jumlah ini, saya akan menolak 3 tahun untuk meliputi perkara-perkara yang di luar jangkaan seperti kematian, perkahwinan semula oleh jandanya dan menghitung kehilangan saraannya berdasarkan 12 tahun perolehan. Maka 12 tahun apabila didarabkan dengan RM85 sebulan maka jumlah yang diperoleh ialah RM9037. Oleh sebab award menurut seksyen 8 akan bergabung dengan award dalam seksyen 7, jadi saya mengawardkan ganti rugi am sebanyak RM9037.00”

²⁹⁹ Salleh Buang, *Undang-undang Kecuaian*, 383.

³⁰⁰ Ibid.

³⁰¹ “Dalam menilai kehilangan mata pencarian berhubung dengan mana-mana tempoh selepas kematian seorang jika mata pencarian tersebut memperuntukkan atau menyumbangkan kepada ganti rugi di bawah seksyen ini Mahkamah hendaklah:

penetapan tahun perolehan telah ditetapkan khususnya bagi ganti rugi kehilangan saraan dan kehilangan pendapatan masa hadapan. Bagi kerugian kewangan di masa hadapan, kaedah anggaran jangka hayat mangsa masih terpakai. Kedua-dua kaedah penetapan tahun perolehan ini, dibincangkan lanjut dalam subtopik berikut:

3.3.2.1 Penetapan Berdasarkan Peruntukan

Kaedah penetapan tahun perolehan dinyatakan dengan jelas melalui seksyen 7(3)(iv)(d) bagi ganti rugi kehilangan saraan. Bagi ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan pula, melalui seksyen 28A(2)(d)(i) dan (ii). Peruntukan-peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

Ganti rugi kehilangan saraan:

“(iv) dalam menilai kehilangan mata pencarian berhubung dengan mana-mana tempoh selepas kematian seorang jika mata pencarian tersebut memperuntukan atau menyumbangkan kepada ganti rugi di bawah seksyen ini Mahkamah hendaklah:

(d) mengambil kira bahawa dalam kes seorang yang berumur tiga puluh tahun dan ke bawah pada masa kematianya, bilangan tahun belian adalah 16; dan dalam kes mana-mana orang lain dalam lingkungan umur di antara tiga puluh satu tahun dan lima puluh empat tahun pada masa kematianya; bilangan tahun belian hendaklah dikira dengan menggunakan angka 55, tolak umur orang pada masa kematian dan dibahagikan bakinya dengan angka 2.”

Ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan:

“(d) dalam menilai ganti rugi bagi kehilangan mata pencarian masa depan, Mahkamah hendaklah mengambil kira bahawa:

- (i) dalam kes seorang yang berumur tiga puluh atau kurang pada masa bila ia tercedera, bilangan tahun belian adalah 16; dan
- (ii) dalam kes mana-mana orang lain yang telah berada dalam lingkungan umur di antara tiga puluh satu tahun dan lima puluh empat tahun pada masa bila ia tercedera, bilangan tahun belian hendaklah dikira dengan menggunakan angka 55, tolak umur orang

b) mengambil kira hanya amaun berhubung dengan mata pencarian seperti tersebut di atas, dan Mahkamah hendaklah tidak mengambil kira mana-mana prospek mata pencarian seperti tersebut di atas dinaikkan pada mana-mana tempoh selepas kematian orang itu.”

³⁰² “Dalam mengawardkan ganti rugi bagi kehilangan mata pencarian masa depan, Mahkamah hendaklah mengambil kira:

(ii) hanya amaun yang berkaitan dengan mata pencariannya seperti yang dinyatakan pada masa bila ia tercedera, dan Mahkamah hendaklah tidak mengambil kira apa-apa prospek tentang mata pencarian tersebut dinaikkan pada suatu masa depan.”

pada masa bila ia tercedera dan membahagikannya bakinya dengan angka 2.”

Peruntukan di atas menjelaskan kaedah penetapan tahun perolehan yang sama bagi kedua-dua ganti rugi. Berdasarkan peruntukan, jika si mati atau mangsa yang cedera berumur 30 tahun ke bawah, tahun perolehannya ialah 16. Bagi si mati dan mangsa yang berumur di antara 31 tahun ke 55 tahun, tahun perolehan ditetapkan dengan menolak 55 dengan umurnya dan kemudian nilai itu dibahagi dua.

Kaedah yang diperuntukkan ini adalah jelas. Walau bagaimanapun dalam kes *Chan Chin Ming*,³⁰³ tahun perolehan yang ditetapkan bagi kematian seorang anak bujang berusia 25 tahun hanyalah tujuh. Majoriti hakim³⁰⁴ dalam kes ini menetapkan tahun perolehan berbeza dengan maksud literal dalam peruntukan atas alasan bahawa tahun perolehan perlu ditolak dengan perkara luar jangka dalam hidup. Dalam kes ini, si mati yang belum berkahwin dijangka akan berkahwin dan mengurangkan wang saraan yang diberikan kepada ibunya jika kemalangan maut tidak menimpanya.

Keputusan ini tidak dipersetujui oleh seorang lagi hakim iaitu Edgar Joseph Jr. HMA. Beliau sebaliknya memutuskan 16 tahun perolehan berdasarkan peruntukan. Beliau berpendapat dengan penggubalan peruntukan ini, niat Parlimen bagi mengantikan budi bicara mahkamah dalam aspek penetapan tahun perolehan adalah jelas. Parlimen pasti telah mengambil kira penolakan terhadap perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan. Justeru, beliau berpandangan mahkamah tidak boleh membuat tolakan ke atas pendarab yang ditetapkan.

Selepas kes *Chan Chin Ming*,³⁰⁵ amalan mahkamah dalam menetapkan tahun perolehan dan kuantum ganti rugi menjadi dua. Pertama, mengambil kira jatuh bangun

³⁰³ Supra, nota 211.

³⁰⁴ Peh Swee Chin HMA dan Mohamed Dzaiddin HMA.

³⁰⁵ Supra, nota 211.

kehidupan dan perkara luar jangka dalam hidup untuk ditolak daripada tahun perolehan yang ditetapkan. Kedua, menggunakan kaedah yang diperuntukan dalam akta tanpa sebarang tolakan. Perbezaan pendekatan mahkamah berhubung tolakan jatuh bangun kehidupan dan perkara luar jangka menyebabkan keputusan mahkamah di peringkat bicara dan rayuan bagi satu-satu kes tidak konsisten. Rayuan dikemukakan ke peringkat tertinggi kerana jurang perbezaan kuntum ganti rugi yang diputuskan menggunakan dua pendekatan yang berbeza ini adalah besar.³⁰⁶

Penetapan tahun perolehan sebagaimana yang ditafsirkan oleh majoriti hakim dalam kes *Chan Chin Ming* diikuti oleh kes *Takong Tabari v. Govt. Of Sarawak & Ors.*³⁰⁷ Walau bagaimanapun dalam kes ini, mahkamah memutuskan tolakan 1/3 atas nama perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan daripada keseluruhan jumlah ganti rugi yang diputuskan. Ini berbeza dengan kes *Chan Chin Ming* yang membuat tolakan daripada tahun perolehan. Alasan penghakiman bagi kes *Takong Tabari* dinyatakan oleh Siti Norma Yaakob HMR seperti berikut:

“Penghakiman majoriti dalam Chan Chin Min [sic!] memutuskan bahawa peruntukan (d) kepada seksyen 7(3(iv) Akta Undang-undang Sivil tidak menyatakan dengan jelas tujuannya untuk berbeza dengan amalan undang-undang komon dalam membuat tolakan atas nama kemungkinan perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan. Oleh itu, amalan ini kekal berkuatkuasa. Mahkamah ini adalah terikat kepada prinsip *stare decisis* untuk mengikuti keputusan majoriti tersebut.”

Daripada penghakiman di atas, dapat difahamkan bahawa tolakan atas nama kemungkinan perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan daripada keseluruhan jumlah penghakiman dalam kes *Takong Tabari* dibuat atas alasan amalan ini tidak dimansuhkan oleh peruntukan. Ini kerana perkara luar jangka dan jatuh bangun

³⁰⁶ Sebagai contoh, dalam kes Ibrahim bin Ismail & Anor v. Hasnah bte Puteh & Anor and Another Appeal [2004] 1 CLJ 797; [2004] 1 MLJ 525. Mahkamah bicara memutuskan pendarab 16 tahun berdasarkan undang-undang dan tidak membuat tolakan atas nama perkara luar jangka. Mahkamah Tinggi kemudiannya memutuskan tolakan 1/3 merujuk kepada keputusan kes *Chan Chin Ming*, supra, nota 206 dan *Takong Tabari v. Govt. Of Sarawak & Ors* [1998] 4 MLJ 512. Kemudian, Mahkamah Rayuan membatalkan keputusan tersebut dan mengesahkan kembali keputusan mahkamah bicara.

³⁰⁷ [1998] 4 MLJ 512.

kehidupan yang dimansuhkan secara jelas melalui pindaan Akta 1956 hanyalah prospek kenaikan pangkat. Tolakan dalam kes ini dibuat atas alasan terikat dengan keputusan dalam kes *Chan Chin Ming*.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Agung dalam kes *Chan Chin Ming* hanya membenarkan tolakan dibuat bagi prospek perkahwinan anak bujang. Kesemua hakim dalam kes tersebut bersetuju bahawa perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan yang lain telah diambil kira dalam penggubalan pendarab tetap. Dikotomi dalam keputusan kes *Chan Chin Ming* inilah yang disalah fahami oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Takong Tabari*.³⁰⁸ Keputusan ini seterusnya menambahkan kekeliruan berkenaan pemakaian peruntukan dan amalan undang-undang komon dalam penetapan tahun perolehan dan kuantum ganti rugi.

Keputusan yang tidak mengikut kes *Chan Chin Ming* antaranya ialah kes *Ibrahim bin Ismail & Anor v. Hasnah bte Puteh & Anor and Another Appeal*.³⁰⁹ Mahkamah Rayuan dalam kes ini menegaskan bahawa keputusan Edgar Joseph Jr. HMA, dalam kes *Chan Chin Ming* adalah keputusan yang tepat. Keputusan majoiriti hakim dalam kes tersebut pula adalah khilaf kerana gagal mengkuti panduan yang telah ditentukan oleh akta sewajarnya.

Keputusan duluan yang bercanggah menyebabkan kekeliruan kepada mahkamah dalam memutuskan kes-kes terkemudian. Kekeliruan semakin bertambah apabila penstruktur semula mahkamah berlaku. Mahkamah Agung telah dimansuhkan dan Mahkamah Rayuan ditetapkan sebagai mahkamah tertinggi bagi kes kemalangan jalan raya. Selepas penstruktur ini, Arifin Zakaria HMR dalam kes *Noraini bte Omar &*

³⁰⁸ Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Dependability of Dependency Claims”, xxxi.

³⁰⁹ [2004] 1 CLJ 797; [2004] 1 MLJ 525. Mahkamah bicara dalam kes ini memutuskan pendarab 16 tahun berdasarkan undang-undang dan tidak membuat tolakan atas nama perkara luar jangka. Mahkamah Tinggi kemudiannya memutuskan tolakan 1/3 untuk perkara luar jangka merujuk kepada keputusan kes *Chan Chin Ming*, supra, nota 206 dan *Takong Tabari*, supra, nota 307.

*Anor v. Rohani bin Said*³¹⁰ memutuskan bahawa tiada penolakan perlu dibuat terhadap kemungkinan perkara luar jangka dalam hidup dan jatuh bangun kehidupan. Beliau juga menegaskan bahawa sebagai mahkamah tertinggi, Mahkamah Rayuan bebas untuk berbeza pendapat dengan Mahkamah Agung jika mendapati keputusannya didapati salah.³¹¹

Walau bagaimanapun setelah penegasan ini dibuat, masih ada kes-kes kemudian yang membuat tolakan 1/3 terhadap keseluruhan jumlah ganti rugi.³¹² Ini kerana sebagai mahkamah tertinggi, Mahkamah Rayuan boleh menyanggahi keputusan duluhan yang difikirkan salah.³¹³ Mahkamah di peringkat bawah pula, boleh mengikuti keputusan mana-mana Mahkamah Rayuan.³¹⁴ Dalam hal ini, terdapat dua keputusan duluhan Mahkamah Rayuan iaitu membuat tolakan dan tidak membuat tolakan terhadap kemungkinan perkara luar jangka dalam hidup dan jatuh bangun kehidupan.

Hal ini menyebabkan kedua-dua pendekatan mahkamah yang berbeza dalam menetapkan kuantum ganti rugi ini kekal sebagai pilihan yang wajar diikuti oleh kes terkemudian, selagi tidak ada keputusan yang jelas untuk menentukannya. Disebabkan itu, ganti rugi kehilangan pendapat masa hadapan dan kehilangan penyaraan disifatkan seperti tiket loteri.³¹⁵ Ini kerana mangsa tidak dapat menjangkakan keputusan duluhan yang akan dirujuk oleh mahkamah dalam memutuskan ganti rugi yang dipohon. Mahkamah bebas memilih mana-mana kaedah.

³¹⁰ [2006] 3 MLJ 150.

³¹¹ Charles Nicholson, “The Law of Damages in Malaysia : Has The Law on Multiplier for the Loss of Dependency been Settled?”, *IIUM Law Journal* 12, No. 1 (2009), 135 -136.

³¹² Keputusan Mahkamah Sesyen dalam memutuskan kes Marimuthu Velappan v. Abdullah Ismail sebelum dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan. Civil Appeal No. 12-9-05 delivered on 13 December 2006; Esah bte Ishak & Anor v. Kerajaan Malaysia & Anor [2006] 6 MLJ 1.

³¹³ Ashgar Ali, “Civil Claims Involving Motor Vehicle Accidents”, xxxiii – xxxvii. Lihat kes Abdul Ghaffar bin Md Amin v. Ibrahim bin Yusoff & Anor [2008] 3 MLJ 771

³¹⁴ Dalam hal ini, prinsip dalam mahkamah Inggeris dalam kes Young v Bristol Aeroplane Co Ltd berikut terpaktai: “*The court is entitled and bound to decide which of the two conflicting decisions of its own it will follow.*” Ashgar Ali, “Civil Claims Involving Motor Vehicle Accidents”, xxxvii.

³¹⁵ Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Dependability of Dependency Claims”, xxxiii.

3.3.2.2 Anggaran Jangka Hayat dan Keperluan Munasabah

Selepas pindaan Akta Undang-undang Sivil, penetapan tahun perolehan berdasarkan anggaran jangka hayat dan keperluan munasabah mangsa masih digunakan. Bagi ganti rugi kehilangan perkhidmatan contohnya, pertimbangan mahkamah berkenaan tahun perolehan dibuat berdasarkan keperluan pihak mangsa. Dalam kes *Neo Kim Soon*,³¹⁶ mahkamah memutuskan $11\frac{1}{2}$ tahun sebagai tahun perolehan bagi ganti rugi kehilangan perkhidmatan buat anak si mati. Angka ini ditetapkan berdasarkan keperluan munasabah bayi si mati, yang berusia hampir sembilan bulan ketika kehilangan perkhidmatan ibunya. Hal ini menyebabkan suami si mati terpaksa menggaji seorang pembantu rumah untuk menjaga bayi dan menguruskan rumahnya.

Dalam kes *Sodah*³¹⁷ pula, mahkamah menetapkan tahun perolehan bagi ganti rugi kehilangan perkhidmatan plaintiff buat isteri si mati selama empat tahun. Alasan penghakiman Gopal Sri Ram HMR dalam kes ini adalah seperti berikut:

“Sekarang, untuk tahun perolehan. Si mati berusia 71 tahun ketika meninggal dunia. Adalah dimaklumi bahawa penduduk luar bandar hidup lebih lama daripada penduduk bandar disebabkan kesihatan mereka, kualiti hidup dan tabiat pemakanan. Mengambil kira jatuh bangun kehidupan, saya fikir si mati mungkin boleh hidup dengan baik sehingga usianya 75 tahun. Dengan itu, saya memilih tahun perolehan sebanyak 4 tahun. Mendarabkan tahun perolehan secara langsung, jumlah yang saya perolehi ialah RM3840. Saya memberikan ganti rugi dengan jumlah tersebut kepada perayu bersama dengan bunga ke atasnya daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh pembayaran.”

Daripada penghakiman di atas, dapat difahamkan bahawa ganti rugi kehilangan perkhidmatan diberikan kepada isteri si mati atas keperluannya terhadap perkhidmatan si mati. Tahun perolehan ditetapkan berdasarkan anggaran jangka hayat si mati jika kemalangan maut tidak menimpanya. Dalam kes *Sodah* ini, mahkamah

³¹⁶ Supra, nota 219.

³¹⁷ Supra, nota 220.

mempertimbangkan jangka hayat si mati berdasarkan kebiasaan usia penduduk luar bandar. Dengan mengambil kira jatuhan bangun kehidupan, usia si mati dianggarkan sehingga 75 tahun. Ini menghasilkan tahun perolehan sebanyak 4 tahun selepas kematiannya pada usia 71 tahun.

Bagi ganti rugi kos penjagaan akan datang pula, dalam kes *Yee Kah Bao*,³¹⁸ mahkamah menetapkan tahun perolehan sebanyak 30 tahun. Keputusan ini dibuat kerana terdapat bukti keterangan bahawa mangsa memerlukan kos bagi penjagaan atas selama 30 tahun akan datang selepas perbicaraan. Dalam kes *Tin Fhui Sze*³¹⁹ pula, tahun perolehan bagi pembantu yang akan menjaga mangsa ditetapkan sebanyak 444 bulan atau 41 tahun. Kaedah penetapan ini dijelaskan dalam penghakiman oleh Umi Kalthum H berikut:

“Kos pembantu rumah akan datang

Bagi kos pembantu rumah akan datang, saya bersetuju dengan pengiraan peguam pihak plaintif yang bijaksana kecuali pada kadar bulanan. Plaintiff berusia 15 tahun ketika kemalangan berlaku. Diberikan jangka hayat selama 76 tahun, tahun perolehannya ialah 61 tahun. Daripada 61 tahun ini, tolak 20 tahun (iaitu 1/3 bagi perkara kemungkinan luar jangka) = 41 tahun. Jadi $41 \text{ tahun} \times 12 \text{ bulan} = 492 \text{ bulan}$. Daripada 492 bulan, tolak 48 bulan (bagi kos penjagaan lepas) meninggalkan 444 bulan.”

Dalam menetapkan tahun perolehan bagi kos menggaji seorang pembantu rumah di atas, mahkamah mengambil kira anggaran jangka hayat mangsa selama 76 tahun. Daripada jumlah ini, tolakan dibuat atas nama kemungkinan perkara luar jangka meninggalkan baki 41 tahun. Tahun perolehan yang ditetapkan dalam kes ini ialah 37 tahun selepas menolak empat tahun yang telah berlalu. Jumlah yang sama juga digunakan seterusnya dalam menetapkan ganti rugi kerugian kewangan pada masa hadapan. Kaedah penetapan ganti rugi bagi kasut khas mangsa pada masa hadapan dijelaskan oleh Umi Kalthum H seperti berikut:

³¹⁸ Supra, nota 195.

³¹⁹ Supra, nota 194.

“Saya menerima testimoni SP1 dan pengiraan yang dicadangkan oleh peguam plaintif yang bijaksana seperti berikut:
Plaintif kini berusia 19 tahun. Menjangkakan jangka hayat setiap pasang kasut ialah 2 tahun, jangka hayat plaintif 76 tahun – 19 tahun = 57 tahun tolak 20 tahun (1/3 kemungkinan perkara luar jangka) = 37 tahun / 2 = 18.5 atau 18 pasang x RM3,100/sepasang – RM55,800.”

Daripada penghakiman kes *Tin Fhui Sze* di atas, dapat difahamkan bahawa tahun perolehan yang ditetapkan akan didarab secara langsung dengan nilai kerugian untuk menghasilkan jumlah ganti rugi. Tahun perolehan untuk kasut khas pada masa hadapan ialah 37 tahun. Tahun perolehan ini kemudian dibahagi dua, kerana plaintif memerlukan setiap pasang kasut tersebut hanya 2 tahun sekali. 18 pasang kasut yang diperlukan ini kemudiannya didarab dengan harga sepasang kasut, menghasilkan jumlah RM55,800.

3.4 Penutup

Ganti rugi yang diperuntukkan bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia ialah ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup, kos perubatan dan rawatan, kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan memperoleh pendapatan, kehilangan saraan, kehilangan perkhidmatan dan ganti rugi khas. Penetapan ganti rugi ini dibuat berdasarkan prinsip pemberian munasabah.

Melalui pindaan Akta Undang-undang Sivil pada tahun 1984, syarat tuntutan dan kaedah penetapan kuantum bagi beberapa bentuk ganti rugi telah ditetapkan berbeza dengan amalan mahkamah sebelumnya. Ini mengundang kritikan daripada sebahagian pengkaji kerana dianggap menjelaskan hak sebahagian mangsa. Dalam aspek penetapan kuantum ganti rugi pula, perbezaan interpretasi mahkamah berlaku menyebabkan jurang keputusan mahkamah dan rayuan berpanjangan daripada pihak-pihak yang berlitigasi.

Hal ini mengundang kajian semula oleh Jabatan Peguam Negara melalui Borang Soal Selidik Cadangan Pindaan Kepada Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67): Pemberian dan Pengiraan ganti Rugi Bagi Kecederaan Diri dan Kemalangan Maut pada tahun 2013. Aspek ketiga dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya iaitu pembayaran ganti rugi dan pihak yang berliabiliti menjelaskannya dibincangkan pula dalam bab seterusnya.

BAB 4

PENANGGUNG LIABILITI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA DI MALAYSIA

4.1 Pendahuluan

Liabiliti dalam kes kemalangan jalan raya timbul apabila kecuaian pemandu dapat dibuktikan oleh pihak mangsa. Obligasi yang berbangkit daripada liabiliti ini ialah pembayaran ganti rugi yang diputuskan oleh mahkamah. Walaupun pemandu cuai yang berliabiliti, bayaran ganti rugi tidak terus dipikulkan ke atasnya. Demi menjaga hak mangsa, undang-undang memperuntukkan liabiliti menjelaskan penghakiman ke atas beberapa institusi yang mempunyai tabungan kewangan yang lebih kukuh. Bab ini membincangkan pembelaan hak mangsa yang dijamin di bawah perundangan Malaysia melalui pihak-pihak yang berliabiliti menjelaskan ganti rugi. Aspek yang menjadi fokus ialah asas, skop tanggungan dan pengecualian liabiliti bagi pihak-pihak tersebut.

4.2 Penanggung Liabiliti dan Skop Tanggungan

Terdapat tiga pihak yang boleh dikenakan liabiliti menjelaskan ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia bergantung pada situasi. Tiga pihak yang dimaksudkan ialah syarikat insurans, pelaku tort dan Biro Penanggung Insurans Motor (BPIM).

4.2.1 Syarikat Insurans

Perubahan zaman yang berlaku khususnya kerancakan industri, perusahaan dan kemunculan kenderaan bermotor, melahirkan institusi insurans. Fungsinya bagi

memastikan adanya peruntukan dana untuk diberikan sebagai ganti rugi kepada mangsa kemalangan yang tidak bersalah yang terbunuh atau tercedera akibat perbuatan pelaku tort.³²⁰ Dengan itu, caruman insurans telah diwajibkan bagi semua pemilik kenderaan. Di Malaysia, kewajipan ini termaktub dalam seksyen 90 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (selepas ini disebut Akta 1987).³²¹ Tanggungan liabiliti syarikat insurans bagi menjelaskan ganti rugi kepada pihak mangsa pula dinyatakan menerusi seksyen 96 (1) berikut:

“Jika, setelah suatu perakuan insurans diserahkan di bawah subseksyen (4) seksyen 91 kepada orang yang kepadanya sesuatu polisi telah dikuatkuasakan, penghakiman berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan (b) subseksyen (1) seksyen 91 (iaitu liabiliti yang dilindungi oleh termaterma polisi itu) diberi terhadap mana-mana orang yang diinsuranskan oleh polisi itu, maka walau apa pun penanggung insurans berhak mengelak atau membatalkan, atau telah pun mengelak atau membatalkan polisi itu, penanggung insurans tersebut hendaklah, tertakluk kepada seksyen ini, membayar kepada orang-orang yang berhak mendapat faedah penghakiman itu, apa-apa jumlah wang yang kena bayar di bawah polisi itu berkenaan dengan liabiliti tersebut, termasuk apa-apa amaun yang kena dibayar berkenaan dengan kos dan apa-apa jumlah wang yang kena dibayar berkenaan dengan bunga bagi jumlah wang itu menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bunga bagi penghakiman.”

Peruntukan di atas menyatakan bahawa liabiliti syarikat insurans merangkumi ganti rugi, kos litigasi dan bunga yang diputuskan oleh mahkamah. Namun, liabiliti ini tidak mutlak. Ia tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam seksyen 91 khususnya 91(1)(b) yang membentuk skop tanggungan syarikat insurans. Syarat-syarat tersebut dinyatakan seperti berikut:

³²⁰ Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor dan Hak Pihak Ketiga*, terj. Asiah Mohd. Yusoff (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), 8.

³²¹ Seksyen 90 (1) menyatakan: “Tertakluk kepada Bahagian ini adalah tidak sah bagi mana-mana orang menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain menggunakan sesuatu kenderaan motor melainkan jika ada berkuat kuasa berhubungan dengan penggunaan kenderaan motor itu oleh orang itu atau oleh orang lain tersebut, mengikut mana yang berkenaan, suatu polisi insurans atau apa-apa jaminan berkenaan dengan risiko pihak ketiga yang mematuhi kehendak Bahagian ini.”

“Bagi mematuhi kehendak Bahagian ini, sesuatu polisi insurans mestilah suatu polisi yang —

menginsuranskan bagi seseorang atau kumpulan orang sebagaimana dinyatakan dalam polisi itu berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung olehnya atau oleh mereka berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana-mana orang yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada penggunaan kenderaan motor itu atau perkakas tanah yang ditarik olehnya di jalan”

Seksyen 91(1)(b) ini meletakkan syarat berkenaan tiga perkara asas iaitu pihak mangsa, lokasi dan bentuk perlindungan yang ditawarkan. Kesemua syarat asas ini mesti dipenuhi bagi mewajibkan tanggungan liabiliti dipikul oleh syarikat insurans. Syarat pertama ialah mangsa mestilah merupakan pihak ketiga. Pihak ketiga secara umum dapat difahami sebagai pihak-pihak yang menjadi mangsa kemalangan jalan raya selain daripada pemegang polisi.³²² Namun, pengertian ini dibataskan pula dengan perenggan (aa), (bb) dan (cc) dalam seksyen yang sama seperti berikut:

“Dengan syarat bahawa polisi itu tidak dikehendaki melindungi—

(aa) liabiliti berkenaan dengan kematian akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaan seseorang yang bekerja dengan orang yang diinsuranskan oleh polisi itu atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang itu akibat daripada dan dalam perjalanan pekerjaannya; atau
(bb) kecuali dalam hal kenderaan motor yang membawa penumpang-penumpang untuk sewa atau upah atau disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan, liabiliti berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan yang dialami oleh orang-orang yang dibawa di dalam atau di atas kenderaan itu atau yang memasuki atau menaiki atau turun daripadanya semasa berlakunya kejadian itu yang menyebabkan timbulnya tuntutan tersebut; atau
(cc) apa-apa liabiliti kontraktual.”

Peruntukan-peruntukan ini menjelaskan bahawa perlindungan insurans kepada mangsa kemalangan jalan raya di Malaysia tidak menyeluruh kepada semua golongan mangsa. Ini kerana perlindungan insurans dikecualikan terhadap golongan pekerja bagi pemegang polisi, jika kemalangan berlaku dalam perjalanan pekerjaannya. Begitu juga dengan penumpang kenderaan persendirian. Golongan penumpang yang dilindungi

³²² P. Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga dalam Undang-undang Insurans Motor” dalam *Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 88.

hanyalah penumpang kenderaan awam yang berbayar sahaja. Pekerja yang dilindungi pula hanyalah pekerja yang menurut suatu kontrak pekerjaan yang memberikan hak kepadanya untuk menaiki kenderaan tersebut.

Pengertian seksyen 91(1)(b)(bb) berhubung golongan “penumpang yang menaiki kenderaan yang diinsuranskan disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan yang memberikan hak kepadanya untuk menaiki kenderaan tersebut” telah diperincikan oleh beberapa keputusan mahkamah. Dalam kes *Tan Keng Hong & Anor v. New India Insurance Co. Ltd*,³²³ pengertian kontrak pekerjaan (*contract of employment*) dijelaskan sebagai kontrak pekerjaan yang dengan nyata atau tersirat memberi hak atau memerlukan penumpang itu untuk menumpang kenderaan yang diinsuranskan.³²⁴ Ini bertepatan dengan definisi yang dinyatakan dalam seksyen 2 Akta Kerja 1955³²⁵ dan Akta Perusahaan 1967.³²⁶

Istilah ini merujuk kepada satu kontrak pekerjaan di mana pekerja perlu melakukan pekerjaannya berdasarkan arahan yang diberikan oleh majikan dan majikan tersebut mempunyai kuasa untuk mengawal dan memberikan arahan tentang bagaimana sesuatu pekerjaan itu sepatutnya dilakukan.³²⁷ Ini berbeza dengan kontrak untuk

³²³ [1978] 1 MLJ 97.

³²⁴ Di dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa tidak ada apa-apa kontrak dalam pekerjaan si pegawai hutan iaitu si mati yang menumpang lori balak berkenaan yang memerlukan atau memberi hak kepadanya untuk menumpang kenderaan tersebut. Alasan peguam si mati bahawa sungguhpun si mati tidak dibawa “menurut” kontrak pekerjaannya tetapi beliau dibawa “kerana” kontrak itu di mana pemandu lori telah membenarkan pegawai hutan tersebut menumpang supaya beliau tidak sakit hati dan mendatangkan kesusahan terhadap kerja pemandu lori itu di masa hadapan, tidak dapat diterima. Tambahan pula, pegawai tersebut menumpang lori balak berkenaan bukan ketika waktunya bertugas (*off duty*). Disebabkan tidak memenuhi makna “disebabkan oleh atau menurut suatu kontrak pekerjaan”, penghakiman dalam kes ini tidak dapat dikuatkuasakan ke atas pihak syarikat insurans.

³²⁵ “Contract of service” means any agreement, whether oral or in writing and whether express or implied, whereby one person agrees to employ another as an employee and that other agrees to serve his employer as an employee and includes an apprenticeship contract.

³²⁶ “Contract of employment” means any agreement, whether oral or in writing and whether express or implied, whereby one person agrees to employ another as a workman and that other agrees to serve his employer as a workman.

³²⁷ Ashgar Ali Ali Mohamed, “Contract of Service or Contract for Service : With Special Reference to The Status of Graduate Research Assistants in Employment Law”, [2010] 2 ILR xxxv; rujuk juga “Contract “...” Sevice – “of” or “for”?, laman sesawang rasmi Jabatan Peguam Negara, http://www.agc.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=711%3Acontract--service--of-or-for&catid=71%3Aadmin+ag&Itemid=89&lang=bm., dicapai pada 23/12/2010,

perkhidmatan (*contract for service*) yang merupakan perjanjian melibatkan majikan dengan golongan kontraktor bebas atau seseorang yang mendapat upah bagi pekerjaan yang diberikan kepadanya. Kontrak untuk perkhidmatan (*contract for service*) tidak mengikat pekerja sepenuhnya kepada pemberi upah tersebut.³²⁸ Ini menjadi asas pengecualian perlindungan insurans ke atas mereka berbanding pekerja di bawah kontrak perkhidmatan (*contract of service*).

Dalam kes *Mary Colete John v. South East Asia Insurance Berhad*,³²⁹ perayu tidak boleh menguakuaskan penghakiman ke atas syarikat insurans kerana tergolong dalam kategori pekerja di bawah kontrak untuk perkhidmatan. Keputusan mahkamah dibuat atas fakta bahawa beliau merupakan seorang juru solek bebas yang telah diupah untuk menyolek seorang pengantin perempuan. Persetujuan dalam kontrak ialah Mary akan diberikan upah sebanyak RM100 atas pekerjaan yang dilakukan dan pengangkutan disediakan untuk tujuan tersebut. Kontrak ini tidak membuktikan bahawa Mary terikat dengan pengupahnya sebagaimana yang berlaku dalam kontrak perkhidmatan (*contract of service*).

Syarat kedua bagi perlindungan syarikat insurans yang dinyatakan melalui seksyen 91(1)(b) ialah kemalangan mesti berlaku di atas jalan. Apa yang dimaksudkan dengan jalan walau bagaimanapun hanyalah jalan awam. Ini dinyatakan melalui seksyen 2 Akta 1987 :

³²⁸ Dr. Peter E. Nygh and Peter Butt in Butterworth Concise Legal Dictionary defined contract for service as “*a contractual arrangement by which one person agrees to provide workplace services to another. The contract is between two principals and neither is the employer or the employee of the other. The person providing the services is an independent contractor.*” Contract “...” Service – “of” or “for”? di laman sesawang rasmi Jabatan Peguam Negara, dicapai pada 23/12/2010.

Ashgar Ali pula menjelaskan maksudnya seperti berikut: “*While in the contract for service, the contract is between the two parties where neither is the employer or the employee of the other. In this situation, the person who appoints has the right to control or direct the result of the work, but he does not have a say in what means or methods are used in accomplishing the task*”. Ashgar Ali Ali Mohamed, “Contract of Service or Contract for Service, xxxv.

³²⁹ [2004] 7 CLJ 314.

“jalan” ertinya—

(a) mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuh kepada penggunaannya.”

Daripada tafsiran jalan di atas, jelas bahawa liabiliti pihak insurans hanya timbul apabila kemalangan berlaku di jalan yang mempunyai akses terbuka kepada orang awam. Pengertian jalan termasuklah kaki lima di hadapan rumah seperti mana yang diputuskan dalam kes *Tahan Insurance Malaysia Bhd v. Ong Choo Tian & Anor.*³³⁰ Dalam kes ini, mahkamah juga memutuskan bahawa kemalangan yang berlaku di jalan awam dan sebahagiannya di jalan persendirian juga termasuk dalam liabiliti pihak insurans.

Seterusnya, syarat ketiga yang dinyatakan menerusi seksyen 91(1)(b) ialah liabiliti yang menjadi tanggungan insurans hanyalah berkenaan dengan kematian atau kecederaan tubuh badan sahaja. Ini bermaksud syarikat insurans tidak diwajibkan melindungi liabiliti orang yang diinsuranskan terhadap harta sendiri dan harta pihak ketiga.³³¹

4.2.2 Pemandu Cuai

Pemandu cuai adalah pihak yang menimbulkan liabiliti. Namun, dalam perundangan tort moden termasuk di Malaysia, secara umumnya pihak pelaku tort ini menjadi pihak kedua yang ditanggungkan liabiliti iaitu selepas syarikat insurans. Mereka hanya bertanggungan sekiranya liabiliti dinafikan oleh pihak insurans yang

³³⁰ [2004] 7 CLJ 270.

³³¹ P. Balan, *Perlindungan Pihak Ketiga*, 90.

menyebabkan penghakiman tidak boleh dikuatkuasakan ke atas syarikat insurans tersebut. Dalam keadaan ini, mangsa adalah sangat berasas baik sekiranya pemandu cuai mampu menjelaskan ganti rugi. Sebaliknya mangsa terpaksa menanggung kerugian sendiri jika pemandu tersebut tidak berkemampuan untuk menjelaskan penghakiman dan tuntutan kepada BPIM sebagai harapan terakhir bagi mendapatkan bantuan pula tidak berhasil.

4.2.3 Biro Penanggung Insurans Motor (BPIM)

Di Malaysia, Biro Penanggung Insurans Motor (BPIM) merupakan satu lagi penanggung liabiliti bagi kes kemalangan jalan raya. BPIM bukan sejenis syarikat insurans tetapi sebuah syarikat dengan liabiliti terhad³³² yang dianggotai oleh syarikat-syarikat insurans yang menjalankan perniagaan insurans motor.³³³ BPIM mendapat tabungan daripada levi yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat insurans tersebut.³³⁴ Dengan tabungan tersebut, BPIM berperanan sebagai satu perlindungan khas untuk pihak ketiga³³⁵.

Dorongan mewujudkan biro ini di Malaysia berbangkit daripada kes *New India Assurance Co. Ltd v. Simirah*.³³⁶ Dua tahun kemudian iaitu pada tahun 1968, peranan BPIM sebagai penanggung liabiliti bermula melalui perjanjian yang dimeterai di antara Menteri Pengangkutan Malaysia ketika itu dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat³³⁷ mengikut contoh Inggeris yang telah memeterai perjanjian lebih awal iaitu pada tahun 1946.

³³² Motor Insurers Bureau of Malaysia, dalam laman sesawang Malaysia Insurance Online, <http://www.malaysiainsurance.info/motor-insurers-bureau-of-malaysia>, dicapai pada 3 Januari 2015.

³³³ Baduyah Obeng, “Insurans Motor”, 233.

³³⁴ Ibid.

³³⁵ P.Balan, *Perlindungan Pihak Ketiga*, 87.

³³⁶ [1966] 2 MLJ 1.

³³⁷ Lihat lampiran perjanjian tersebut dalam kes Ramli Shahdan & Anor v. Motor Syarikat insurans's Bureau of West Malaysia & Anor [2006] 1 CLJ 224.

Peranan utama BPIM ialah memberi ganti rugi kepada pihak ketiga dalam kemalangan jalan raya yang tidak boleh mendapatkan ganti rugi dengan cara biasa³³⁸ iaitu apabila pemandu cuai tidak mempunyai polisi insurans atau polisinya tidak efektif.³³⁹ Dalam kedua-dua keadaan ini, liabiliti sebenarnya beralih kepada pemandu cuai. Namun, BPIM berliabiliti sekiranya mangsa mengemukakan tuntutan kepadanya khususnya apabila pemandu cuai tersebut tidak mampu menjelaskan ganti rugi.³⁴⁰

Oleh itu, BPIM adalah penanggung liabiliti terakhir bagi mangsa kemalangan jalan raya selepas syarikat insurans dan pemandu cuai.³⁴¹ Peranan ini kemudian telah diperundangkan melalui seksyen 89 Akta 1987 berikut:

“Biro Penanggung Insurans Motor” ertinya Biro Penanggung Insurans Motor yang telah menyempurnakan suatu perjanjian dengan Menteri Pengangkutan untuk memberi ganti rugi kepada mangsa-mangsa pihak ketiga kemalangan jalan sekiranya mangsa-mangsa itu dinafikan ganti rugi disebabkan ketiadaan insurans atau insurans yang efektif.”

Peruntukan di atas walau bagaimanapun tidak memperincikan skop tanggungan BPIM. Perinciannya terkandung dalam memorandum perjanjian yang telah dipersetujui. Dalam perjanjian kali kedua yang telah diperbaharui pada tahun 1992, liabiliti BPIM telah dibataskan seperti berikut:

“Biro boleh tertakluk kepada fasil 10 dan atas permohonan oleh Pihak Menuntut, mempertimbangkan untuk membuat, atas budi bicara mutlaknya, bayaran sagu hati atau elauan kepada orang yang tercedera dan kepada tanggungan orang yang terbunu melalui penggunaan kenderaan bermotor yang tidak mempunyai polisi insurans yang berkuatkuasa sebagaimana yang diperlukan di bawah Bahagian IV Akta Pengangkutan Jalan 1987 (kemudian daripada dirujuk sebagai “Akta”) atau apabila polisi berkenaan tidak berkesan atas apa-apa alasan selain ketakupayaan penanggung insurans untuk membuat bayaran.”

³³⁸P.Balan, *Perlindungan Pihak Ketiga*,110.

³³⁹ Polisi menjadi tidak efektif antaranya disebabkan ia didapati dengan cara tipuan, salah nyataan dan sebagainya. Ibid.

³⁴⁰Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor*, 159.

³⁴¹ Seperti mana yang diputuskan dalam kes Mohd Salleh Kasim v. Taisho Marin & Fire Insurance [1999] 5 CLJ 302.

Daripada klausua dua di atas, jelas bahawa liabiliti BPIM hanyalah menjelaskan saguhati kepada mangsa yang membuat tuntutan. Ini berbeza dengan syarikat insurans yang perlu menjelaskan keseluruhan penghakiman dan liabiliti BPIM sendiri dalam perjanjian kali pertamanya. Dalam perjanjian kali pertama, BPIM bertanggungan menjelaskan keseluruhan penghakiman atau bakinya yang tidak ditanggung oleh syarikat insurans mahu pun pemandu cuai sendiri.³⁴² Justeru, bayaran yang diberikan oleh BPIM mungkin tidak dapat memuaskan hati pihak penuntut sepenuhnya kerana jumlah yang diberikan tidak menyamai jumlah sebenar. Ini kerana beberapa perkara dalam penghakiman tidak akan diambil kira seperti kehilangan jangka hidup dan kesakitan.³⁴³

Berkenaan pihak yang berhak mendapat saguhati daripada BPIM pula, ia adalah terhad kepada pihak ketiga. Pihak ketiga ini pula terbatas kepada yang tidak berjaya mendapatkan ganti rugi daripada mana-mana sumber lain sahaja seperti SOCSO atau pemandu cuai.³⁴⁴ Melalui perjanjian kali kedua juga, BPIM berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas pemandu dan pemilik kenderaan yang tidak dilindungi insurans untuk mendapatkan semula jumlah saguhati yang telah dibayar kepada mangsa.³⁴⁵

³⁴² Klausua 2 Memorandum Perjanjian Utama (Kali Pertama) Antara Menteri Pengangkutan Dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat menyatakan seperti berikut : “*2. If judgment in respect of any liability which is required to be covered by a policy of insurance under Part IV of the Road Traffic Ordinance 1958 (hereinafter called “the Ordinance”) is obtained against any person or persons in any Court in West Malaysia and either at the time of the accident getting rise to such liability there is not in force a policy of insurance as required by the Ordinance or such policy is ineffective for any reason other than inability of the syarikat insurans to make payment and any such judgment is not satisfied in full within twenty-eight days from the date upon which the person or persons in whose favour such judgment was given became entitled to enforce it then the Bureau will, subject to the provisions of these presents, pay or cause to be paid to the person or persons in whose favour such judgment was given any sum payable or remaining payable thereunder in respect of the aforesaid liability including taxed costs (or such portion thereof as relates to such liability) or satisfy or cause to be satisfied such judgment.*”

³⁴³ Salleh bin Buang, “Ulasan Kertas Kerja Undang-undang Jalan Raya di Malaysia- Sejauh Manakah Keberkesanannya Masa Kini. Kajian ke atas Hak-hak Menuntut Insuran dan Tuntutan Kecederaan dalam Kemalangan” (makalah, Seminar Undang-undang dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 5 – 6 September 1987), 17.

³⁴⁴ Baduyah Obeng, “Insurans Motor”, 262 – 263.

³⁴⁵ Klausua 4 Memorandum Perjanjian Antara Menteri Pengangkutan Dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat kali kedua pada tahun 1992 menyatakan:

4.3 Dalihan-Dalihan oleh Penanggung Liabiliti

Terdapat dua bentuk dalihan utama yang boleh menjadi dalihan kepada penanggung-penanggung liabiliti. Pertama, tamat tempoh masa tuntutan dan kedua, syarat-syarat yang termaktub dalam dokumen perundangan. Kesan kedua-dua bentuk dalihan ini terhadap tuntutan mangsa kemalangan dibincangkan, sama ada ia mengecualikan sepenuhnya liabiliti syarikat insurans, BPIM dan pemandu cuai atau hanya mengecualikan liabiliti pihak penanggung liabiliti tertentu sahaja untuk ditanggung oleh pihak lain.

4.3.1 Tamat Tempoh Masa Tuntutan

Akta Had Masa 1953 telah menetapkan bahawa sebarang tindakan sivil mesti dilakukan dalam tempoh masa tertentu iaitu enam tahun daripada tarikh tindakan terakru. Ini dinyatakan dalam seksyen 6 (1) seperti berikut:

“Kecuali sebagaimana diperuntukkan kemudian daripada ini, tindakan berikut tidak boleh dibawa selepas tamatnya tempoh enam tahun dari tarikh kausa tindakan itu terakru, iaitu—

- (a) tindakan yang berdasarkan kontrak atau tort;
- (b) tindakan untuk menguatkuasakan suatu ikatan;
- (c) tindakan untuk menguatkuasakan suatu award ;
- (d) tindakan untuk mendapat kembali apa-apa jumlah wang menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis selain daripada penalti atau pelucuthakan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucuthakan.”

Peruntukan ini menjelaskan bahawa tuntutan ganti rugi mesti dibawa dalam tempoh enam tahun. Bagi kemalangan jalan raya, ia bermula daripada tarikh kemalangan berlaku. Walau bagaimanapun bagi kes kemalangan maut, tuntutan ganti

“Tiada apa-apa pun dalam Perjanjian ini yang boleh menghalang Penanggung-penanggung Insurans (atau mana-mana satu daripada mereka) daripada memperuntukkan, melalui syarat-syarat dalam kontrak insurans atau melalui perjanjian kolateral, bahawa kesemua wang yang dibayar oleh mereka bagi pihak Biro atau oleh Biro menurut Perjanjian ini dalam atau terhadap pelepasan liabiliti pemegang polisi mereka dapat diperoleh kembali oleh mereka atau Biro daripada pemegang polisi atau daripada mana-mana orang lain.”

rugi oleh keluarga si mati perlu dibawa dalam tempoh tiga tahun selepas kematian si mati.³⁴⁶ Sekiranya tuntutan ganti rugi dibuat selepas tempoh yang ditetapkan, liabiliti pihak yang dituntut akan gugur. Namun, peruntukan ini perlu dibaca sekali dengan seksyen 29 akta yang sama yang memperuntukkan pengecualian berikut:

“Jika, dalam mana-mana tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh Akta ini, sama ada—
(a) tindakan itu berasaskan fraud defendan atau ejennya atau mana-mana orang yang melaluinya dia menuntut atau ejennya; atau
(b) hak tindakan itu tersembunyi oleh fraud mana-mana orang yang tersebut dahulu; atau
(c) tindakan itu adalah bagi relif daripada akibat sesuatu kesilapan,

tempoh had masa tidak akan bermula sehingga plaintif mengetahui tentang fraud atau kesilapan itu, mengikut mana yang berkenaan, atau mungkin akan mengetahuinya dengan usaha yang munasabah.”

Penghujahan menggunakan kedua-dua seksyen 6 dan 29 ini dapat dilihat dalam kes *Lim Yoke Kong v. Sivapiran Sabapathy*.³⁴⁷ Dalam kes ini, tindakan dibawa ke mahkamah melalui writ yang difailkan hampir sembilan tahun selepas kemalangan berlaku.³⁴⁸ Atas fakta itu, mahkamah majistret memutuskan bahawa tindakan pihak mangsa adalah terhalang kerana tarikh akhir tuntutan ialah 31 Mac 1983 sesuai dengan peruntukan dalam Akta 1953 walaupun liabiliti dan kuantum telah dipersetujui.

Namun, atas alasan gagal mengenal pasti syarikat insurans yang terlibat sebagai faktor kelewatan tindakan, rayuan dikemukakan oleh pihak mangsa. Dengan bukti yang kukuh mengenai usaha pengesanan yang telah dilakukan dengan kerjasama BPIM,³⁴⁹

³⁴⁶Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor*, 136.

³⁴⁷[1992] 1 CLJ 184.

³⁴⁸Kemalangan berlaku pada 1 April 1977. Writ saman difailkan pada 22 Mei 1986.

³⁴⁹Disebabkan kesukaran mengenalpasti syarikat insurans yang berkenaan, pihak mangsa telah memohon bantuan daripada BPIM. BPIM telah mengeluarkan pekeliling kepada semua ahlinya untuk memastikan penanggung insurans bagi motorsikal bernombor AF 3571 pada tarikh kemalangan 1 April 1977 tersebut. Pekeliling diedarkan pada 16 Ogos 1982 dan memohon respon daripada mana-mana syarikat insurans yang berkenaan selewatnya 3 September 1982. Namun, tiada mana-mana syarikat insurans yang tampil mengesahkan sebagai bertanggungan. Sehubungan itu, BPIM telah melantik M/s Global Insurance untuk menjalankan siasatan. Pada tarikh akhir had masa tuntutan iaitu 31 Mac 1983 BPIM masih belum dapat mengenalpasti syarikat insurans yang bertanggungan. Selepas hampir setahun had masa tuntutan tamat tempoh iaitu pada 17 Mac 1984 barulah M/s Global Insurance memaklumkan bahawa syarikat yang sepatutnya bertanggungan ialah M/S East West Insurance Bhd. Pihak peguam mangsa seterusnya

akhirnya mahkamah membenarkan rayuan mangsa dan mengenepikan halangan tamat tempoh tuntutan tersebut. Keputusan ini dibuat setelah mahkamah berpuas hati bahawa wujudnya penipuan di pihak syarikat insurans yang telah mendiamkan diri daripada dikenal pasti dan dengan itu menyembunyikan hak tindakan daripada mangsa. Dalam kes penipuan berhubung had masa tuntutan ini, kewujudan seksyen 29 Akta 1953 bertindak menjamin hak mangsa akibat tindakan mana-mana syarikat insurans yang cuba mengambil kesempatan melalui seksyen 6(1).

Bagi BPIM, dalihan berkenaan had masa dinyatakan melalui klausa 6 memorandum perjanjian kali keduanya seperti berikut:

“Kesemua tuntutan terhadap Biro hendaklah dibuat dalam tempoh tiga tahun dari tarikh kemalangan atau tempoh selanjutnya sebagaimana yang diberi oleh Biro.”

Daripada klausa perjanjian di atas, didapati BPIM bahkan memperuntukkan had masa tuntutan yang lebih singkat iaitu tiga tahun selepas kemalangan. Namun, tempoh lanjutan dibenarkan mengikut budi bicaranya bagi keadaan tertentu yang tidak dinyatakan lebih lanjut dalam memorandum perjanjian tersebut.

4.3.2 Syarat-Syarat Lain Yang Dibenarkan Undang-undang

Selain tamat tempoh tuntutan, dalihan yang boleh mengecualikan liabiliti pihak insurans, BPIM atau kedua-duanya sekali ialah dalihan yang terdapat dalam dokumen perundangan yang mempunyai kuatkuasa sah berdasarkan undang-undang. Dokumen

menghantar surat kepada syarikat insurans tersebut untuk memastikan perkara itu pada 11 April 1984. Tanpa membuat sebarang pengesahan, pada 20 Oktober 1984 East West Insurance Bhd telah menulis surat kepada peguam mangsa menyatakan bahawa had masa tuntutan telah tamat. Selepas beberapa lama beratus surat-menjurat, akhirnya pada 23 Julai 1985 barulah pihak syarikat insurans menyatakan bahawa mereka enggan mengambil alih pengendalian pembelaan kerana had masa tuntutan sudah tamat. Dalam kes ini, pihak mangsa menghadapi kesukaran mengenalpasti syarikat insurans bukan sahaja semasa dalam tempoh masa tuntutan tetapi juga selepas tamat tempoh tersebut kerana walaupun syarikat insurans yang berkenaan telah dikenalpasti pada 1984, syarikat insurans tersebut enggan mengesahkan status mereka sebagai penanggung insurans sehingga 1985.

yang dimaksudkan ialah Akta 1987, polisi insurans dan Memorandum Perjanjian antara Menteri Pengangkutan dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat.

4.3.2.1 Akta Pengangkutan Jalan 1987

Dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987, terdapat dua seksyen utama yang menetapkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi menanggungkan liabiliti ke atas syarikat insurans. Kegagalan memenuhi syarat-syarat ini oleh pihak mangsa boleh menggugurkan liabiliti syarikat insurans. Syarat pertama adalah syarat asas perlindungan seperti yang termaktub dalam seksyen 91(1)(b). Syarat kedua pula adalah syarat teknikal iaitu tindakan yang termaktub dalam seksyen 96 dan subseksyenya.

Ringkasnya melalui seksyen 91, syarikat insurans tidak berliabiliti menjelaskan penghakiman terhadap mangsa yang ditimpa kemalangan di jalan persendirian, penumpang kenderaan persendirian dan kontraktor atau pekerja bebas kepada pemilik kenderaan yang ditumpanginya. Malangnya, golongan mangsa yang tidak termasuk dalam skop perlindungan syarikat insurans ini adalah ramai terutamanya golongan penumpang persendirian.³⁵⁰

Seterusnya, liabiliti syarikat insurans boleh diekcualikan melalui tindakan-tindakan teknikal atau prosedur berbangkit yang gagal dipatuhi oleh pihak mangsa.³⁵¹ Antaranya ialah makluman berkenaan tindakan ke atas pelaku salah atau prosiding mesti dibuat kepada syarikat insurans. Ini dinyatakan melalui seksyen 96 (2) berikut:

“Tiada apa-apa jumlah wang kena dibayar oleh seseorang penanggung insurans di bawah subseksyen (1)—

(a) berkenaan dengan apa-apa penghakiman, melainkan sebelum atau dalam masa tujuh hari selepas bermulanya prosiding yang penghakiman

³⁵⁰ Chan Shick Chin, *Personal Injury Law, Practice and Precedents* (Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 2001), vii.

³⁵¹ P. Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga”, 97; Baduyah Obeng, “Insurans Motor Pihak Ketiga”, xxiii.

itu diberi, penanggung insurans itu telah mengetahui mengenai prosiding tersebut.”

Peruntukan di atas jelas mensyaratkan makluman kepada syarikat insurans mestilah dilakukan dalam masa tujuh hari daripada tarikh prosiding dimulakan. Syarat seterusnya pula ialah penyerahan perakuan insurans kepada penerima insurans telah berlaku dan ia mestilah dibuktikan. Ini tertakluk kepada seksyen 91 (4) berikut:

“Sesuatu polisi tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa bagi maksud Bahagian ini melainkan dan sehingga penanggung insurans menyerahkan kepada orang yang melaksanakan polisi itu suatu perakuan (yang dalam Akta ini disebut “perakuan insurans”) mengikut borang yang ditetapkan dan mengandungi apa-apa butiran mengenai apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya polisi itu dikeluarkan dan mengenai apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditetapkan, dan borang yang berlainan serta butir-butir yang berlainan boleh ditetapkan berhubungan dengan hal-hal atau hal keadaan yang berlainan.”

Peruntukan di atas ini dengan jelas menyatakan bahawa sesuatu polisi tidak mempunyai apa-apa kuatkuasa sehinggalah syarikat insurans menyerahkan perakuan insurans kepada penerima insurans. Keputusan kes *Mohd Sarani bin Rasman v. Pan Global Insurance Sdn. Bhd*³⁵² menjelaskan bahawa jika pihak mangsa gagal membuktikan bahawa syarikat insurans telah menyerahkan perakuan insurans kepada penerima insurans, penghakiman tidak boleh dikuatkuasakan ke atas syarikat insurans tersebut. Dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa syarat penguatkuasaan penghakiman ke atas pihak insurans tidak dipenuhi. Ini kerana mangsa telah gagal membuktikan bahawa perakuan insurans telah diserahkan oleh Pan Global terhadap pemandu cuai selaku penerima insurans. Kes ini dengan jelas merupakan satu bukti bebanan yang terpaksa dipikul oleh mangsa kemalangan dalam menuntut pembelaan haknya.

³⁵² [2001] 1 LNS 206.

Seksyen 91(4) juga bahkan menuntut pembuktian bahawa penyerahan perakuan insurans telah dilakukan oleh syarikat insurans sendiri. Pengesahan daripada pihak-pihak lain sebagai bukti bahawa penyerahan perakuan insurans telah berlaku adalah tidak diterima. Pemakaian syarat ini jelas dalam kes *Capital Insurance Berhad v. Kasim Mohd Ali*³⁵³ dan kes *The People's Insurance Co. (M) Sdn. Bhd v. V. Narayani a/p Raman*³⁵⁴ seperti berikut:

Dalam kes *Capital Insurance*, Siti Norma Yaacob HMR menyatakan:

“Seksyen 96(1) menyebut tentang penyerahan sijil insuran oleh syarikat insuran kepada pihak yang dilindungi sebagai pra-syarat sebelum tanggungan boleh dikenakan terhadap syarikat insuran. Oleh itu, sijil tersebut mestilah dikeluarkan dan diserahkan oleh –perayu kepada pihak yang dilindungi.

Surat dari RIMV (Pendaftar dan Inspektor Kenderaan Bermotor) tidak memenuhi kehendak s.96(1). Pada zahirnya, ia cuma menyatakan yang perayu telah mengeluarkan satu polisi kepada pemilik kenderaan bermotor, BBQ 7196 untuk melindungi bagi tempoh dari 17 Oktober 1985 hingga 16 Oktober 1986. Polisi tersebut boleh sahaja telah dikeluarkan oleh –perayu tetapi surat daripada RIMV bukanlah bukti sebarang penyerahan sijil insuran oleh –perayu kepada pihak yang dilindungi seperti dikehendaki oleh s.96(1). Mengandaikan bahawa ia sebagai bukti penyerahan seperti dilakukan oleh Hakim perbicaraan adalah sebenar kesilapan.”

Dalam kes *The People's Insurance*, Su Geok Yiam H memutuskan:

“Dalam kes ini, adalah jelas daripada bukti yang telah disebut semula dalam penghakiman ini bahawa responden telah gagal membuktikan yang satu sijil insurans telah pun diserahkan kepada Abdul Aziz yang dimaksudkan oleh perayu-perayu sebelum penghakiman ingkar dimasukkan terhadap Abdul Aziz yang dimaksudkan. Pihak perayu juga berjaya membuktikan bahawa nombor polisi pada polisi insurans yang dimaksudkan atau nota lindungan bagi motor-teksi tidak mungkin dapat dikeluarkan oleh perayu-perayu disebabkan terdapat banyak kesalahan seperti yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi DW1 dan DW2 bagi pihak perayu. Majistret Yang Bijaksana sepatutnya memutuskan bahawa keterangan secara lisan SP2, pegawai perekod JPJ, Perak adalah tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa satu sijil insurans telah dikeluarkan kepada Abdul Aziz dan sehubungan itu, mengenepikan tuntutan responden.”

³⁵³ [1996] 3 CLJ 19.

³⁵⁴ [2002] 1 LNS 281.

Jelas dalam kes di atas bahawa pembuktian penyerahan perakuan insurans melalui pihak lain seperti RIMV dan JPJ adalah tidak memadai. Pihak mangsa mesti membuktikan perakuan tersebut diserahkan oleh syarikat insurans yang berkenaan sendiri. Seksyen 91(4) dan tafsirannya mengundang kritikan. P. Balan sebagai contoh menegaskan bahawa syarat penyerahan perakuan insurans oleh pihak insurans sendiri kepada penerima insurans ini adalah satu kelemahan dalam perlindungan yang disediakan oleh akta.³⁵⁵ Justeru, beliau berpendapat adalah lebih berfaedah sekiranya liabiliti pihak insurans timbul sebaik-baik sahaja ia menerima cadangan penerima insurans untuk mendapatkan polisi.³⁵⁶

Cadangan tersebut adalah sangat baik bagi meraikan hak mangsa yang sepatutnya tidak terjejas dengan sebarang aspek kesilapan teknikal yang mungkin berlaku. Bahkan syarat teknikal lain seperti makluman bermulanya prosiding dalam tempoh tertentu yang ditetapkan dalam seksyen 96 (2) juga patut dipinda. Peruntukan tersebut diakui menetapkan prosedur yang baik untuk memberikan keadilan kepada pihak syarikat insurans.³⁵⁷ Namun, apa yang ingin ditekankan ialah kesan peruntukan ini yang boleh menggugurkan liabiliti syarikat insurans sepenuhnya dan menafikan hak pihak ketiga. Justeru, bagi meraikan kepentingan kedua-dua pihak, pengenaan denda yang munasabah adalah lebih sesuai ke atas pihak yang cuai dalam memenuhi aspek-aspek teknikal.

Bagi menjamin pembelaan hak mangsa yang lebih berkesan, pemerkasaan skop perlindungan insurans yang diwajibkan melalui undang-undang perlu dilakukan. Ini

³⁵⁵ P. Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga”, 91

³⁵⁶ Ibid.

³⁵⁷ Ini kerana makluman awal berkenaan dengan sesuatu tindakan yang akan diambil di mahkamah membolehkan pihak syarikat insurans untuk mencelah di dalam prosiding itu sekiranya pelaku tort tidak mengambil langkah yang sewajarnya terhadap tindakan mangsa. Dengan itu, syarikat insurans dapat mengelakkan kemungkinan mahkamah memberikan penghakiman ingkar (*judgement in default*). Dengan makluman terhadap prosiding yang akan berjalan, syarikat insurans juga boleh membela tuntutan terhadap insured atas nama syarikat insurans itu sendiri. Rujuk Baduyah Obeng, “Hak Pihak Ketiga untuk Membuat Tuntutan dan Menguatkuasakan Penghakiman yang Diawardkan Kepadanya Terhadap Syarikat Insurans Motor (Syarikat insurans)”, [1998] 1 CLJ Supp xxiii.

kerana ruang dalihan yang wujud melalui Akta 1987 ini khususnya boleh memberi peluang-peluang lain kepada syarikat insurans untuk menafikan liabiliti melalui polisi pula. Kesannya, jaminan pembelaan hak mangsa melalui kewujudan institusi insurans ini tidak akan tercapai sepenuhnya. Nasib sebahagian mangsa juga akan terabai kerana dalam keadaan tertentu yang akan dibincangkan kemudian, BPIM turut sama menafikan liabiliti yang didalihkan tersebut.

4.3.2.2 Polisi Insurans

Polisi insurans yang telah diserahkan kepada pemegangnya adalah prasyarat utama perlindungan mangsa kemalangan jalan raya. Namun, polisi semata-mata tidak memadai kerana polisi yang aktif disyaratkan. Keaktifan polisi pula tertakluk kepada pematuhan segala terma dan syarat yang ditetapkan di dalamnya. Justeru, terma polisi adalah sesuatu yang sangat penting dan tidak boleh diketepikan.³⁵⁸ Pelanggarannya oleh pemegang polisi secara langsung boleh membatalkan perlindungan yang ditawarkan.³⁵⁹

Walaupun kuasa untuk merangka polisi diberikan kepada syarikat insurans, mereka tidak boleh meletakkan syarat sewenang-wenangnya bagi membatalkan polisi dan perlindungan yang ditawarkan. Ini jelas melalui seksyen seksyen 94³⁶⁰ dan 95³⁶¹

³⁵⁸ P. Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga”, 95.

³⁵⁹ Baduyah Obeng, “Hak Pihak Ketiga”, xxiii.

³⁶⁰“Syarat tertentu dalam polisi atau jaminan tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa Apa-apa syarat dalam sesuatu polisi atau jaminan yang dikeluarkan atau diberi bagi maksud Bahagian ini yang memperuntukkan bahawa tiada apa-apa liabiliti akan timbul di bawah polisi atau jaminan itu atau bahawa apa-apa liabiliti yang timbul sedemikian akan terhenti sekiranya sesuatu benda tertentu dilakukan atau tidak dilakukan selepas berlakunya kejadian yang menimbulkan sesuatu tuntutan di bawah polisi atau jaminan itu tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa berkaitan dengan tuntutan itu sebagaimana disebutkan dalam perenggan 91(1)(b):

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh dikira menjadikan tidak sah apa-apa peruntukan dalam sesuatu polisi atau jaminan yang menghendaki orang yang diinsuranskan atau dijamin itu membayar balik kepada penanggung insurans atau pemberi jaminan itu apa-apa jumlah wang yang orang yang kemudian mungkin berliabiliti untuk membayar di bawah polisi atau jaminan tersebut dan yang telah digunakan untuk memenuhi tuntutan pihak ketiga.”

³⁶¹“Pengelakan pengehadan ke atas bidang polisi risiko pihak ketiga

Jika sesuatu perakuan insurans telah diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang telah melaksanakan sesuatu polisi, sekian banyak daripada polisi itu yang berupa sebagai mengehadkan insurans orang yang diinsuranskan itu dengan merujuk kepada mana-mana perkara yang berikut:

Akta 1987 yang menetapkan batasan syarat. Untuk melindungi pihak ketiga, seksyen 94 menafikan kuasa kepada apa-apa syarat yang menyatakan bahawa liabiliti pemberi insurans akan tamat jika sesuatu dilakukan atau tidak dilakukan oleh penerima insurans, sesudah timbul peristiwa yang memerlukan insurans wajib di bawah seksyen 91(1)(b) Akta 1987.³⁶² Seksyen 95 pula menyenaraikan keadaan-keadaan yang menyumbang kepada kemalangan yang tidak boleh dijadikan dalihan terhadap perlindungan yang ditawarkan oleh syarikat insurans.

Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan ini tidak menghalang kemasukan batasan dalam bentuk terma dan syarat selain yang telah dikecualikan oleh seksyen 94 dan 95 Akta 1987. Syarat yang biasa dimasukkan ke dalam polisi ialah berkenaan pemandu yang dibenarkan. Mereka ialah pemandu yang dinamakan di dalam polisi. Begitu juga dengan pekerja kepada pemegang polisi yang bertugas sebagai pemandu bagi kenderaan yang diinsuranskan.³⁶³

Dengan syarat ini, syarikat insurans tidak bertanggungan apabila kemalangan berlaku akibat pemanduan pemandu yang tidak dinamakan dalam polisi. Justeru,

-
- (a) umur atau keadaan jasmani atau mental orang yang memandu kenderaan itu;
 - (b) keadaan kenderaan motor itu;
 - (c) bilangan orang yang dibawa dalam kenderaan motor itu;
 - (d) beratnya atau ciri-ciri fizikal barang-barang yang diangkat oleh kenderaan motor itu;
 - (e) masa apabila atau kawasan dalam mana kenderaan motor itu digunakan;
 - (f) kuasa kuda atau nilai kenderaan motor itu;
 - (g) apa-apa alat tertentu yang dibawa dalam kenderaan motor itu;
 - (h) apa-apa cara pengenalan tertentu yang dibawa dalam kenderaan motor itu selain daripada apa-apa cara pengenalan yang dikehendaki dibawa di bawah Bahagian II;
 - (i) pemandu kenderaan motor itu semasa berlakunya kemalangan itu yang berada di bawah pengaruh minuman memabukkan atau dadah;
 - (j) pemandu kenderaan motor itu semasa berlakunya kemalangan itu tidak mempunyai lesen untuk memandu atau tidak mempunyai lesen untuk memandu kenderaan motor tertentu itu;
 - (k) kenderaan motor itu digunakan bagi sesuatu maksud selain daripada maksud yang dinyatakan dalam polisi itu,

hendaklah, berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)(b), tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghendaki seseorang penanggung insurans membayar apa-apa jumlah wang berkenaan dengan liabiliti mana-mana orang selain daripada bagi atau terhadap pelepasan liabiliti itu, dan apa-apa jumlah wang yang dibayar oleh seseorang penanggung insurans bagi atau terhadap pelepasan apa-apa liabiliti mana-mana orang yang dilindungi oleh polisi itu menurut kuasa seksyen ini boleh didapatkan kembali oleh penanggung insurans itu daripada orang tersebut.”

³⁶² P. Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga”, 103.

³⁶³ Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor*, 83.

perlindungan yang ditawarkan juga tidak efektif untuk mangsa yang terlibat. Terdapat juga syarikat insurans yang membataskan liabiliti mereka terhadap pemegang polisi semata-mata. Contohnya dapat dilihat dalam kes *Ahmad Sandara Lela Putera & Anor v. Queensland Insurance Co. Ltd.*³⁶⁴ Ajaib Sigh H telah memberikan keputusan menyebelahi syarikat insurans dengan kenyataan beliau:

“Seksyen 79 Ordinan Lalulintas Jalan mempunyai satu senarai had batasan yang tidak ada pemakaian terhadap skop polisi yang melibatkan risiko pihak ketiga tetapi satu stipulasi yang membataskan hal memandu kenderaan kepada penerima insurans sahaja bukanlah salah satu daripada perkara yang disenaraikan di situ. Dalam kes ini penerima insurans dan defendant [pemberi insurans] tidak melanggar apa-apa peruntukan dalam Ordinan Lalulintas Jalan dengan persetujuan mereka bahawa defendant tidak akan bertanggungjawab pada masa motorsikal itu dipandu oleh seorang yang lain daripada penerima insurans.”

Penghakiman di atas jelas membenarkan terma dan syarat yang diletakkan oleh syarikat insurans tersebut yang menghadkan pemandu yang dibenarkan hanya kepada pemegang polisi sahaja. Ini kerana ia tidak menyanggahi seksyen 79 Ordinan Lalulintas Jalan. Walaupun keputusan ini dibuat berdasarkan Ordinan Lalulintas Jalan, prinsip keputusan ini boleh terpakai dalam situasi semasa kerana terma dan syarat tersebut juga tidak dinyatakan dalam seksyen 95 Akta 1987 yang menggantikan ordinan tersebut.

Disebabkan itu, terdapat cadangan supaya pindaan dilakukan terhadap Akta 1987 dengan memperuntukkan bahawa apa-apa terma dan syarat yang diletakkan di dalam polisi tidak mempunyai kuasa sama sekali bagi menjelaskan hak pihak ketiga berhubung liabiliti yang wajib dilindungi di bawah Akta 1987.³⁶⁵ Kesannya,

³⁶⁴ [1975] 1 MLJ 269. Plaintiff telah tercedera akibat satu kemalangan yang berlaku dengan motosikal yang ditunggangi Poon Kok. Plaintiff telah mendapat penghakiman terhadap Poon Kok dan pemilik motosikal itu iaitu Poon Sam. Justeru, menuntut penghakiman dijelaskan oleh syarikat insurans. Namun, syarikat insurans menafikan liabiliti atas alasan polisi yang melindungi motosikal tersebut membataskan perlindungan hanya kepada pemegang polisi sahaja iaitu Poon Sam.

³⁶⁵ Baduyah Obeng, “Hak Pihak Ketiga”, xxiii.

syarikat insurans mesti menjelaskan penghakiman walaupun pemegang polisi telah melanggar terma dan syarat yang terkandung dalam polisi.³⁶⁶

4.3.2.3 Memorandum Perjanjian antara Menteri Pengangkutan dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat (BPIM)

Seperti syarikat insurans, BPIM juga membataskan perlindungan kepada golongan mangsa yang sama iaitu pihak ketiga sahaja. Liabilitinya juga dihadkan kepada pihak ketiga yang berjaya memperolehi penghakiman.³⁶⁷ Ini bermakna tiada jaminan perlindungan diperuntukkan bagi mangsa langgar lari yang tidak dapat dikesan pelakunya.³⁶⁸ Seterusnya, BPIM juga tidak bertanggungan jika ganti rugi gagal diperolehi disebabkan ketidakupayaan syarikat insurans untuk menjelaskan ganti rugi.³⁶⁹

Jelas bahawa BPIM tidak berperanan melengkapkan jaminan perlindungan yang ditawarkan oleh syarikat insurans. Malah, dalihan liabilitinya juga lebih banyak berbanding syarikat insurans. Ini dapat dilihat melalui beberapa klausa dalam memorandum perjanjian kali keduanya. Pertama, klausa 1 (b) yang memperuntukkan kuasa kepada BPIM untuk membuat pindaan terhadap memorandum perjanjian yang telah dipersetujui secara bersama. Kedua, klausa dua yang memperuntukkan kuasa budi bicara yang luas kepada BPIM dalam menjelaskan ganti rugi kepada penuntut. Berbeza dengan perjanjian kali pertama dan liabiliti syarikat insurans, BPIM tidak lagi bertanggungan menjelaskan keseluruhan penghakiman. Sebaliknya, BPIM berhak

³⁶⁶ Ibid.

³⁶⁷ P.Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga”, 110 – 111.

³⁶⁸ Walau bagaimanapun, pembayaran secara *ex gratia* boleh diberikan terhadap tuntutan tertentu bergantung kepada budi bicara iaitu setelah BPIM berpuas hati bahawa pelaku yang tidak dikenali tersebut bertanggungan untuk membayar ganti rugi. Rujuk ibid dan Mahinder Singh Sidhu, *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor*, 161.

³⁶⁹ Lihat klausa 2 Memorandum Perjanjian Antara Menteri Pengangkutan dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat. Supra, nota 347.

mempertimbangkan bayaran saguhati yang ingin diberikan kepada pihak ketiga yang membuat tuntutan berdasarkan budi bicaranya.

Ketiga, klausa lapan menetapkan bahawa pihak yang membuat tuntutan mestilah mematuhi kesemua syarat Biro berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin menimbulkan suatu tuntutan terhadap Biro mengikut terma-terma perjanjian. Ini bermaksud bahawa sebarang pelanggaran syarat oleh pihak mangsa yang membuat tuntutan kepada BPIM sebagai sumber terakhirnya boleh menyebabkan tuntutannya tidak dipertimbangkan.

Keempat, klausa dua belas dengan jelas menggambarkan kemungkinan berlakunya penamatan perjanjian yang telah dipersetujui.³⁷⁰ Klausa ini membuktikan bahawa tanggungan yang dipikulkan ke atas BPIM atas dasar perjanjian adalah bersifat rapuh. Ia bukan hanya boleh dipinda bahkan boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak yang telah menandatangani perjanjian sama ada Menteri Pengangkutan Malaysia mahu pun BPIM sendiri.

Klausa-klausa di atas, khususnya klausa dua dikritik kerana bersifat mundur ke belakang dalam memberikan perlindungan kepada pihak ketiga.³⁷¹ Ia juga bertentangan dengan usaha penambahbaikan undang-undang kerana membuatkan kedudukan BPIM dalam perundangan menjadi kabur. Kuasa budi bicara yang luas menyebabkan BPIM tidak lagi terikat untuk memenuhi keseluruhan penghakiman dan memainkan peranannya seperti yang dimaksudkan oleh akta.³⁷²

³⁷⁰ Klausa 12: Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh menteri pada bila-bila masa atau oleh Biro dengan tahun notis tanpa menjaskan operasi Perjanjian ini berhubungan dengan kemalangan yang terjadi sebelum tarikh penamatan.

³⁷¹ Chan Shick Chin, *Personal Injury*, vii.

³⁷² Seksyen 89 Akta 1987 menyatakan: Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Biro Penanggung Insurans Motor” ertiaya Biro Penanggung Insurans Motor yang telah menyempurnakan suatu perjanjian dengan Menteri Pengangkutan untuk memberi ganti rugi kepada mangsa pihak ketiga kemalangan jalan sekiranya mangsa itu dinafikan ganti rugi disebabkan ketidaaan insurans atau insurans yang efektif.”

Justeru, peranan jangka masa panjang BPIM dicadangkan untuk dipertimbangkan semula demi kepentingan dan keadilan sosial. Chan Shick Chin contohnya mengesa agar kedudukan BPIM dikembalikan seperti mana sebelum perjanjian 1992 dibuat.³⁷³ Liabilitinya juga perlu ditambah dan diperkasakan untuk merangkumi pihak-pihak yang terkeluar daripada perlindungan yang ditawarkan oleh syarikat insurans.³⁷⁴ Ini bermakna, peranan BPIM sebagai pelengkap perlu diperluaskan bukan sebagai pelengkap kepada liabiliti syarikat insurans sahaja seperti peranan yang dimainkan kini. Namun, ia perlu berperanan sebagai pelengkap menyeluruh kepada sistem jaminan perlindungan yang disediakan bagi mangsa kemalangan jalan raya di Malaysia.

4.4 Penutup

Sumber perundangan utama di Malaysia yang memperuntukkan pembelaan kepada mangsa kemalangan jalan raya adalah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Melalui seksyen 96, syarikat insurans diwajibkan menjelaskan ganti rugi kepada mangsa selepas penghakiman diputuskan. Namun, liabiliti syarikat insurans hanya timbul jika kes kemalangan termasuk dalam skop tanggungannya. Antaranya kenderaan mempunyai polisi insurans yang aktif, kemalangan berlaku di atas jalan awam dan mangsa termasuk dalam pengertian ‘pihak ketiga’. Antara mangsa yang tidak termasuk dalam katgeori ‘pihak ketiga’ ialah penumpang kenderaan persendirian. Melalui peruntukan, jelas bahawa tidak semua golongan mangsa mendapat jaminan pembelaan melalui insurans.

Selain syarikat insurans, BPIM telah diwujudkan bagi memberikan bayaran sagu hati kepada pihak ketiga yang tidak berjaya mendapatkan ganti rugi daripada syarikat insurans. Skop tanggungannya juga sama dengan syarikat insurans. Golongan mangsa

³⁷³ Chan Shick Chin, *Personal Injury*, vii.

³⁷⁴ Ibid, vi; Baduyah Obeng, “Insurans Motor”, 261.

yang bukan ‘pihak ketiga’ juga tidak termasuk dalam liabilitinya. Walau bagaimanapun, BPIM tidak berliabiliti seperti syarikat insurans. Sebaliknya, pembayaran sagu hati dibuat berdasarkan budi bicara terhadap tuntutan yang dikemukakan oleh pihak mangsa.

Melalui perbincangan dalam bab ini, didapati skop tanggungan syarikat insurans dan BPIM tidak melengkapi. Justeru, pembelaan hak tidak komprehensif kepada semua golongan mangsa. Dalam masa yang sama, terdapat ruang bagi kedua-dua institusi ini untuk menggugurkan liabiliti melalui dalihan yang dibenarkan oleh Akta 1987, polisi insurans dan memorandum perjanjian BPIM sendiri. Antaranya seperti pengguguran liabiliti syarikat insurans melalui sekysen 91 (4) dan 96(2) Akta 1987 yang bersifat teknikal.

Mangsa yang tidak tergolong dalam liabiliti syarikat insurans dan BPIM disebabkan tidak termasuk dalam skop tanggungannya atau gugur disebabkan dalihan liabiliti, hanya boleh mendapatkan bayaran daripada pemandu cuai sendiri. Kebanyakan pemandu yang berliabiliti ini tidak mampu menjelaskan sendiri bayaran ganti rugi yang tinggi nilainya. Atas dasar ini, penulisan terdahulu mencadangkan pindaan kepada Akta 1987, terutamanya terhadap peruntukan-peruntukan yang memberikan ruang dalihan liabiliti dan skop tanggungan terbatas kepada syarikat insurans. Ini juga menimbulkan cadangan skim liabiliti tanpa salah yang menuntut pembelaan yang komprehensif termasuk semua pihak yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

Perbincangan mengenai penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia telah selesai. Bab seterusnya membincangkan konsep pertama dalam penyelesaian kes kemalangan menurut perundangan Islam iaitu penentuan liabiliti.

BAB 5

ASAS LIABILITI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

5.1 Pendahuluan

Liabiliti bagi kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam ialah liabiliti yang berbangkit akibat perbuatan menghilangkan nyawa, mencederakan dan merosakkan harta benda. Dalam penulisan klasik fiqh, liabiliti yang timbul daripada perbuatan menghilangkan nyawa dan mencederakan anggota badan ialah liabiliti jenayah (*mas'uliyyah al-jinā'iyyah*). Liabiliti akibat perbuatan merosakkan harta pula ialah liabiliti sivil (*mas'uliyyah al-madaniyyah*).³⁷⁵

Perbincangan dalam bab ini dilakukan dengan mengambil kira perbincangan para sarjana fiqh kontemporari yang menggabungkan konsep kedua-dua liabiliti ini sebagai *dāmān* (obligasi menjelaskan ganti rugi).³⁷⁶ Ini bagi memudahkan perbandingan yang akan dibuat dengan undang-undang di Malaysia pada bab lapan. Tambahan pula, liabiliti bagi kesalahan menghilangkan nyawa dan mencederakan anggota tubuh secara tidak sengaja, mempunyai persamaan dengan liabiliti sivil. Ia berbeza dengan liabiliti jenayah atas beberapa pengecualian seperti tidak mensyaratkan unsur *mens rea*. Bab ini membincangkan asas yang mewujudkan liabiliti bagi menjelaskan ganti rugi dalam kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam, asas pengenaan liabiliti tersebut kepada pihak yang terlibat dan pembahagiannya kepada pihak-pihak yang menyumbang.

³⁷⁵ 'Abd Allāh Muḥammad 'Abd Allāh, "Hawādith al-Sair", 214.

³⁷⁶ Antaranya ialah Wahbah al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 15. Begitu juga dengan Siti Zubaidah Ismail, "Kecuaian dan Ganti rugi Terhadap Kecederaan Fizikal", 144.

5.2 Asas Pembentukan Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya dalam Perundangan Islam Menurut Sarjana Muslim

Liabiliti bagi menjelaskan ganti rugi menurut perbincangan fuqaha timbul apabila wujud dua elemen. Pertama, pencerobohan hak (*al-i'tidā'*) dan kedua, kerosakan (*al-darar*).³⁷⁷

5.2.1 Pencerobohan Hak (*al-Ta'addī*)

Elemen pertama yang mewujudkan liabiliti ialah pencerobohan hak (*al-ta'addī*). Ia bermaksud perbuatan yang dilakukan tanpa hak iaitu yang tidak dibenarkan syarak dan melampaui had.³⁷⁸ Sesuatu perbuatan dianggap melampaui had sekiranya perbuatan yang diharuskan syarak dilakukan secara berlebihan sehingga mendatangkan kerosakan kepada pihak lain.³⁷⁹ Dalam kes kemalangan jalan raya, pencerobohan hak ialah pemanduan kenderaan yang menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan anggota tubuh dan kerosakan material.

Liabiliti timbul akibat pencerobohan hak yang berlaku secara langsung (*al-mubāsyarah*) atau tidak langsung (*al-tasabbub*), berbentuk tinggalan³⁸⁰ atau tindakan,³⁸¹

³⁷⁷ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-'Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirasah Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas'uliyyah al-Taqsīriyyah fī al-Qānūn* (al-Qāhirah : Dār al-Thaqāfah li al- Nasyr wa al-Tawzī', 1990), 128; Wahbah al-Zuhaylī, *Nazariyyat al-Dāmān aw Aḥkām al-Mas'uliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā'iyyah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Muqāranah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998, c.2), 18.

³⁷⁸ Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Dāmān*, 20.

³⁷⁹ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-'Udwān*, 144.

³⁸⁰ Antara peninggalan tanggungjawab berjaga-jaga ialah seperti gagal memasang lampu sehingga menyebabkan kemalangan berlaku. Sayed Sikandar Shah Haneef, *Homicide in Islamic Legal Structure and The Evidence Requirements* (Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2000), 59.

³⁸¹ Sebagai contoh, melanggar pejalan kaki akibat pemanduan yang melebihi had laju. Ibid.

sengaja atau tidak sengaja.³⁸² Liabiliti juga boleh timbul sama ada pencerobohan hak berlaku dalam keadaan biasa atau darurat.³⁸³

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa pembentukan liabiliti berlaku sewenang-wenangnya sehingga menafikan keadilan buat pemandu yang terlibat dalam sesebuah kemalangan jalan raya. Tidak semua bentuk kemalangan menimbulkan liabiliti bagi menjelaskan ganti rugi. Liabiliti tidak akan dikenakan sekiranya pelaku tidak melakukan perbuatan salah yang menyumbang kepada kemalangan, kemalangan berlaku di luar kawalan dan akibat bencana alam.³⁸⁴ Ketiga-tiga situasi ini dijelaskan oleh Mohammad ‘Ata-Alsid melalui contoh-contoh berikut:

“Jika kemalangan berlaku akibat kesalahan kejuruteraan pada jalan atau jambatan, kerajaan atau pihak yang berkenaan, bertanggungjawab terhadap kesalahan tersebut dan bukan pemandu yang terlibat.”³⁸⁵

“Jadi, jika pemandu mengambil segala langkah berjaga-jaga dan benar-benar mematuhi undang-undang lalulintas, dan seseorang melompat di laluannya atau jatuh daripada pokok di hadapan keretanya dan dilanggar sehingga mati, tiada liabiliti dikenakan ke atas pemandu tersebut jika jelas bahawa tindakan si mati menyebabkan kematianya tidak dapat dielakkan.”³⁸⁶

“Jika taufan, gempa bumi atau limpahan air, apa-apa cecair atau api berlaku secara tiba-tiba dan pemandu kenderaan bertindak secara spontan sehingga mengakibatkan kematian atau kerosakan, pemandu tersebut tidak berliabiliti.”³⁸⁷

Contoh-contoh di atas menjelaskan bahawa liabiliti hanya dikenakan ke atas pelaku apabila wujud perbuatan salah yang boleh dikawal dan menyumbang kepada

³⁸² Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 129; Perkara 92 *al-Ahkam al-‘Adliyyah Undang-undang Sivil Islam*, terj. Md. Akhir Haji Yaakob (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000): seseorang yang melakukan sesuatu perbuatan walaupun ia melukannya secara tidak sengaja adalah berkewajipan atau bertanggungjawab di atas perbuatan itu.

³⁸³ Pencerobohan atau perbuatan salah yang berlaku dalam keadaan darurat tidak dianggap sebagai perbuatan salah tetapi ini tidak mengecualikan pelaku daripada tanggungjawab ganti rugi bertepatan dengan kaedah syarak

((لا يُضطرُّ إلَى ارتكابِ جُنْحٍ لِّغَيْرٍ)) Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Damān*, 20, 48 – 49; Perkara 33 *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, 13.

³⁸⁴ Mohammad ‘Ata-Alsid Sid-Ahmad, “Traffic Accident in Islamic Law”, *IJUM Law Journal* 4, no. 1 & 2 (1994), 43.

³⁸⁵ Terjemahan penulis. Ibid, 45.

³⁸⁶ Terjemahan penulis. Ibid, 44.

³⁸⁷ Terjemahan penulis. Ibid, 45.

kemalangan. Jika kemalangan berlaku disebabkan kecuaian pihak lain walaupun pemandu telah mengambil segala tindakan berjaga-jaga, liabiliti tidak akan dikenakan. Ini kerana perlakuan pemandu itu tidak menyumbang kepada kemalangan, sebaliknya akibat perlakuan pihak lain. Ini dijelaskan melalui contoh pertama dan kedua. Dalam contoh ketiga, kemalangan berlaku akibat bencana alam atau taqdir Tuhan, justeru tidak dikenakan liabiliti ke atas mana-mana pihak yang terlibat.

Dalam tulisan fiqh klasik, pengecualian liabiliti akibat perkara di luar kawalan ini dibincangkan melalui kes pertembungan dua kapal dan perlakuan haiwan tunggangan. Para fuqaha mengecualikan liabiliti ke atas pengemudi kapal dalam situasi luar kawal seperti angin kencang, petir mahupun ombak yang kuat³⁸⁸ jika tidak wujud sebarang kecuaian di pihaknya. Ibnu al-Hājib (Maliki) meletakkan syarat bagi pengecualian liabiliti dalam situasi ini, iaitu pengemudi kapal benar-benar tidak mampu mengendalikan kapal akibat situasi di luar kawalan ini.³⁸⁹

Jika wujud kecuaian, liabiliti juga boleh dipertanggungjawabkan ke atas pengemudi kapal walaupun kemalangan berlaku akibat situasi luar kawalan itu. Contohnya, pengemudi kapal memilih untuk belayar dalam keadaan angin kencang,³⁹⁰ tidak menyediakan anggota kapal dan peralatan yang mencukupi,³⁹¹ tidak mengelak daripada pertembungan³⁹² dan membawa muatan melebihi had³⁹³ sehingga menyebabkan kapal bertembung atau tenggelam. Dalam keadaan ini, liabiliti akan

³⁸⁸ al-Anṣārī, Zakariyā ibn Muḥammad, *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib* (t.t.: al-Maktabah al-Islāmiyah, t.t.), 4: 79; Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn ‘Abd Allāh ibn Aḥmad, *al-Mughnī*, c. 4 (al-Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, 1999), 355.

³⁸⁹ al-‘Abdārī, Muḥammad bin Yūsuf, *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar Khalīl* (Maktabah al-Syāmilah versi 3.08), 357.

³⁹⁰ al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib*, 4: 79.

³⁹¹ Ibid.

³⁹² Ibid.

³⁹³ al-Mawardi, ‘Alī ibn Muḥammad, *al-Hāwi al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī : wa huwa sharḥ Mukhtaṣar al-Muzānī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1999).

ditanggungkan ke atasnya kerana cuai dalam mengambil tindakan yang boleh dikawal sehingga menyumbang kepada kemalangan.³⁹⁴

Dalam kes kemalangan melibatkan haiwan tunggangan, liabiliti tidak akan dikenakan ke atas penunggang jika kemalangan berlaku akibat perlakuan haiwan yang di luar kawalan penunggang, tanpa kecuaian di pihaknya. Contohnya, tindak balas spontan haiwan tunggangan terhadap perlakuan orang lain yang mencucuknya (*al-nākhis*), tindakan haiwan melarikan diri akibat ketakutan terhadap sesuatu yang melintasinya di jalan,³⁹⁵ perlakuan haiwan dengan kaki belakangnya³⁹⁶ serta percikan debu dan batu-batuhan kecil akibat hentakan kaki haiwan yang tidak dapat dielakkan.³⁹⁷

Bagi perlakuan haiwan tunggangan seperti menendang, memijak, menyepak batu-batuhan yang besar, menggigit dan berhenti di tempat yang tidak sepatutnya pula, para fuqaha menetapkan bahawa ia adalah perlakuan yang boleh dikawal oleh penunggang. Justeru, penunggang akan dikenakan liabiliti bagi menjelaskan ganti rugi sekiranya cuai dalam mengawal perlakuan haiwan tersebut sehingga mendatangkan kerosakan kepada individu lain.³⁹⁸

Dalam realiti hari ini, haiwan tidak lagi digunakan sebagai mekanisme pengangkutan. Kenderaan bermotor yang bergantung sepenuhnya pada kawalan manusia untuk digerakkan pula menggantikan tugas pengangkutan tersebut. Oleh kerana itu, tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh pemandu kenderaan bermotor pada hari ini adalah lebih besar daripada penunggang haiwan. Ini kerana tidak wujud

³⁹⁴ al-‘Abdari, *al-Tāj wa al-Iklīl*, 357.

³⁹⁵ Ibid, 358.

³⁹⁶ ‘Alā’ al-Dīn al-Kasāñī, *Badā’iṣ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1982), 7: 272; al-Mawṣili, ‘Abd Allāh ibn Maḥmūd, *al-Ikhtiyār li Ta’līl al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 5: 52, Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm, *al-Bahr al-rā’iq Sharh Kanz al-Daqā’iq fī Furū’ al-Ḥanafiyah lī ‘Abd Allāh ibn Aḥmād ibn Maḥmūd al-ma’rūf bi Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasafī* (Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 8: 406.

³⁹⁷ al-Kasāñī, *Badā’iṣ al-Ṣanā’i’*, 7: 272.

³⁹⁸ al-Kasāñī, *Badā’iṣ al-Ṣanā’i’*, 7: 272; al-Mawṣili, *al-Ikhtiyār li Ta’līl al-Mukhtār*, 5: 52; Ibn Nujaym, *al-Bahr al-Rā’iq*, 406;

pergerakan kenderaan bermotor yang di luar kawalan seperti mana perlakuan haiwan menendang, melibas dan sebagainya dengan kaki belakangnya.³⁹⁹

Kemalangan kenderaan bermotor, kebiasaannya berlaku dalam keadaan yang boleh dikawal pemandu. Justeru, perlakuan pemandu memandu melebihi had laju, memandu tanpa membuka lampu pada malam hari, keluar simpang tanpa menunggu kenderaan di jalan utama bergerak dahulu serta tidak mematuhi peraturan dan undang-undang lalu lintas yang lain, semuanya akan dikenakan liabiliti ke atas pemandu. Perlakuan-perlakuan ini jelas adalah satu bentuk kecuaian kerana ia adalah sesuatu yang berada dalam kawalan pemandu sendiri.⁴⁰⁰

Walau bagaimanapun, para sarjana masih menerima ruang berlakunya pengecualian liabiliti terhadap pemandu apabila beliau tidak cuai dan kemalangan berlaku di luar kawalan seperti mana yang dinyatakan oleh Mohammad ‘Ata dalam contoh-contoh di atas.⁴⁰¹ Pemandu juga tidak dikenakan liabiliti jika kemalangan berlaku disebabkan kerosakan tiba-tiba pada kenderaannya,⁴⁰² kerosakan teknikal atau kejuruteraan pada jalan, jambatan dan sebagainya jika ternyata tidak wujud kecuaian di pihak pemandu.⁴⁰³

Ringkasnya, liabiliti dikenakan ke atas pihak-pihak yang terlibat jika wujud pencerobohan hak yang boleh dikawal di pihaknya sahaja. Jika kemalangan boleh

³⁹⁹ Mohammad ‘Ata-Alsid Sid-Ahmad, “Traffic Accident in Islamic Law”, 44.

⁴⁰⁰Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Penentuan Liabiliti dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-undang Islam” dalam *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 91; ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh, “Ḥawādīth al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 214; Tāqī al-‘Uthmānī, “Qawā‘id wa Masā’il fī Ḥawādīth al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 196.

⁴⁰¹ Para sarjana kontemporari mengecualikan liabiliti bagi kemalangan yang berlaku di luar kawalan pemandu yang diistilahkan sebagai *unavoidable accident* atau *sabab ajnabi lā yad li al-sā'iq 'anhu*. Begitu juga dengan kemalangan yang berlaku disebabkan *act of god* atau *al-quwwah al-qāhirah*. ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh, “Ḥawādīth al-Sair”, 2: 223.

⁴⁰² Kerosakan berlaku tiba-tiba pada kenderaan ketika digunakan sedangkan kenderaan tersebut telah dijaga dan diservis dengan baik oleh pemandu sebelum digunakan. Ibid; “Ḥawādīth al-Sayyārāt wa Bayān Mā Yatarattab ‘Alayhā bi al-Nisbat li Ḥaq Allāh Ta ‘āla thumma Ḥaq ‘Ibādihi”, lama sesawang al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, www.yaqob.com, capaian pada 22/1/2009.

⁴⁰³ Mohammad ‘Ata-Alsid Sid-Ahmad, “Traffic Accident in Islamic Law”, 45.

dielakkan oleh pemandu, tetapi tidak dielakkannya, liabiliti boleh dikenakan ke atas pemandu tersebut walaupun beliau tidak melanggar undang-undang dan peraturan lalu lintas. Ini kerana pergerakan kenderaan tersebut berada dalam kawalannya.⁴⁰⁴ Hanya apabila pemandu mematuhi segala undang-undang lalu lintas dan secara jelas tidak cuai dalam pemanduan, barulah beliau tidak akan dikenakan sebarang liabiliti untuk menjelaskan ganti rugi sama ada berbentuk *dāmān*, diat dan sebagainya.⁴⁰⁵

5.2.2 Kerosakan (*al-Darar*)

Selain penecerobohan hak, satu lagi elemen yang mewujudkan liabiliti bagi menjelaskan ganti rugi ialah kerosakan. Kerosakan secara terminologinya mempunyai pengertian yang luas iaitu kesakitan atau keburukan yang menimpa sesuatu pihak sama ada pada tubuh badan, harta, kehormatan serta reputasinya.⁴⁰⁶ Namun, dalam konteks liabiliti civil, bukan semua jenis kerosakan boleh dikenakan ganti rugi.

Terdapat tiga bentuk kerosakan yang menimbulkan liabiliti civil menurut persepakatan para fuqaha. Pertama, kerosakan mestilah benar-benar berlaku, bukan bersifat jangkaan.⁴⁰⁷ Kehilangan pendapatan pada masa hadapan akibat kecederaan tersebut tidak diperuntukkan oleh fuqaha kerana belum berlaku.⁴⁰⁸ Ini kerana usia mangsa terletak di bawah pengetahuan Allah s.w.t yang tidak dapat dijangka oleh manusia.⁴⁰⁹ Walau bagaimanapun, al-Zuhaylī memberikan pengecualian dalam hal ini dengan mengharuskan ganti rugi bagi kerugian masa hadapan yang dapat dipastikan.⁴¹⁰

⁴⁰⁴ Ibid.

⁴⁰⁵ Muḥammad ‘Atā al-Ṣid Ṣid Ahmad, ‘Hawādith al-Sair’ dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmi al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 326.

⁴⁰⁶ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 155; Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Damān*, 23.

⁴⁰⁷ Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Damān*, 96; ‘Alī al-Khaṭīf, *al-Dāmān fī al-Fiqh al-Islāmi* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 2000), 38.

⁴⁰⁸ ‘Alī al-Khaṭīf, *al-Dāmān fī al-Fiqh al-Islāmi*, 38.

⁴⁰⁹ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 432.

⁴¹⁰ Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Damān*, 96.

Kedua, fuqaha bersepakat bahawa ganti rugi hanya diberikan bagi kerosakan yang meninggalkan kesan fizikal (*darar mādī*) seperti kematian, kecederaan fizikal dan kerosakan harta benda.⁴¹¹ Mereka berselisih pandangan terhadap kerosakan abstrak (*darar ma‘nawi/adabi*) seperti kesakitan tubuh dan penderitaan yang tidak meninggalkan kesan fizikal.⁴¹² Dalam hal ini, pandangan para fuqaha terbahagi kepada dua. Pandangan pertama ialah ganti rugi diperuntukkan bagi kerosakan abstrak. Pandangan kedua pula, ganti rugi tidak diperuntukkan. Walau bagaimanapun, para fuqaha bersepakat bahawa semua bentuk perbuatan salah termasuk yang menghasilkan kerosakan abstrak adalah dilarang dalam Islam.⁴¹³

Larangan ini menjadi hujah kepada fuqaha yang mewajibkan ganti rugi bagi kerosakan abstrak.⁴¹⁴ Antaranya Muhammad, fuqaha bermazhab Hanafi yang berpandangan bahawa kerosakan abstrak perlu dipampas dengan *hukūmat al-‘adl*.⁴¹⁵ Manakala Abu Yusuf daripada mazhab yang sama pula mewajibkan segala kos perubatan mangsa akibat kecederaan abstrak ditanggung oleh pelaku.⁴¹⁶ Pandangan ini turut disokong oleh para sarjana kontemporari seperti al-Zuhaylī. Muhammad Ahmad Sarāj bahkan menegaskan bahawa pengertian mudarat (*darar*) yang ditegah oleh Nabi s.a.w perlu ditafsirkan mengikut uruf semasa⁴¹⁷ yang memperuntukkan ganti rugi bagi kerosakan abstrak.

⁴¹¹ al-Jumaylī, Muhsin ‘Abd Farḥān Ṣalīḥ, *al-Gharāmah al-Māliyyah fī al-Hudūd wa al-Jināyat ‘alā al-Nafs al-Basyariyyah wa mā Dūnihā fī al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006), 29.

⁴¹² ‘Alī al-Khaṭīf, *al-Dāmān fī al-Fiqh al-Islāmī*, 44; Al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 53.

⁴¹³ al-Zarqā, Mustafā Ahmad, *al-Fi‘l al-Dār wa al-Damān fihi Dirāsah wa Siyāghah Qanūniyyah* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1984), 21 – 24. Matan hadith tersebut ialah لا ضرر ولا ضرار. Ibn Majah (2000), Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi, 3: 106, hadith no. 2340.

⁴¹⁴ Al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 24 – 25; Muhammad Ahmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 116 - 118.

⁴¹⁵ Perbincangan lanjut berkenaan *hukūmah al-‘adl* dan bentuk-bentuk ganti rugi yang lain dibincangkan dalam bab enam.

⁴¹⁶ Al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 24 .

⁴¹⁷ Muhammad Ahmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 116 - 118.

Satu pandangan lagi, menegaskan bahawa pembalasan terhadap kerosakan abstrak bukanlah ganti rugi, sebaliknya hukuman *takzir*.⁴¹⁸ Ini kerana kerosakan abstrak tidak meninggalkan kesan fizikal, justeru ganti rugi tidak boleh dituntut akibat kesukaran untuk menilainya dengan wang.⁴¹⁹ *Takzir* yang dicadangkan antaranya ialah denda.⁴²⁰ Terdapat juga yang berpandangan bahawa hukuman ke atas tubuh badan patut dipertimbangkan. Rasionalnya adalah denda semata-mata tidak dapat mencegah perlakuan cuai yang menyebabkan kemalangan jalan raya terutamanya dalam kalangan golongan yang berada.⁴²¹

Ketiga, para fuqaha mensyaratkan bahawa kerosakan tersebut mestilah kekal. Jika tidak, ganti rugi tidak akan dikenakan ke atas pesalah.⁴²² Contoh berhubung perkara ini adalah apabila gigi atau kuku yang tercabut tumbuh semula seperti sedia kala.⁴²³ Ganti rugi berbentuk diat atau *arsh* tidak diberikan kerana tiada kesan fizikal kerosakan yang tinggal.⁴²⁴ Oleh kerana itu, ganti rugi tidak diputuskan segera. Sebaliknya, diputuskan selepas tempoh tertentu untuk melihat kesan akhir kecederaan⁴²⁵ sama ada pulih seperti sedia kala, meninggalkan kecacatan atau menjadi lebih teruk.⁴²⁶ Tempoh masa yang diperuntukkan adalah berbeza-beza antara satu anggota dengan anggota yang lain bergantung pada pandangan dua orang pakar yang diiktiraf.⁴²⁷ Jika

⁴¹⁸ al-‘Aisāwī , Najm ‘Abd Allāh Ibrāhīm, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirāsat al-Islāmiyyah wa Ihyā’ al-Turāth, 2002), 438.

⁴¹⁹ Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi”, 198.

⁴²⁰ al-Jumaylī, Muhsin ‘Abd Farhān Shālih, *al-Gharāmah al-Māliyyah*, 32 – 40, ‘Abd al-Qādir Muḥammad al-‘Umārī, “Hawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 312. Denda (*al-gharāmah*) berbeza dengan ganti rugi. Ini kerana hasil denda diperolehi oleh negara bukannya individu yang menjadi mangsa.

⁴²¹ Rujuk komentar ‘Abd al-‘Azīz al-Khayyāt, “al-Munāqasyah” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 356.

⁴²² Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Dāmān*, 60; al-Hājirī, Ḥamad bin Muḥammad al-Jābir, *al-Qawā‘id wa al-Dawābit al-Fiqhiyyah fī al-Dāmān al-Mālī* (Riyad: Dār Kunūz Ishbiliyyā li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2008), 88; Ḥusnā ‘Abd al-Samī‘ Ibrāhīm, *Mawqif al-Fuqahā’ min Dāmān al-Amwāl fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah Dirāsah Muqāranah* (Dimyāt: Maktabah Nanāsī, 2004), 45.

⁴²³ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn , *al-Mabsūt* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t), 26: 98.

⁴²⁴ Ḥusnā ‘Abd al-Samī‘ Ibrāhīm, *Mawqif al-Fuqahā’ min Dāmān al-Amwāl*, 45.

⁴²⁵ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 458; al-‘Aisawi, *al-Jināyah ‘ala al-Atraf*, 308, 315, 324 dan 333.

⁴²⁶ Dinukilkan daripada kitab al-Mubdi’ dalam Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 459.

⁴²⁷ Muhammad Ahmad Siraj, *Daman al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī*, 459; al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 308, 315, 324 dan 333.

ganti rugi telah dijelaskan, kemudian kecederaan pulih seperti sedia kala, bayaran diat atau *arsh* tersebut perlu dipulangkan.⁴²⁸ Ini kerana penerimaan ganti rugi dalam keadaan ini dianggap mengambil harta orang secara salah.⁴²⁹

Ketiga-tiga syarat kerosakan ini adalah syarat yang ketat khususnya bagi pemberian ganti rugi berbentuk diat dan *arsh* yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak. Namun, penulis bersetuju bahawa syarat-syarat ini tidak menghalang pemberian *hukūmat al-‘adl* yang diserahkan pertimbangannya kepada para hakim. Oleh kerana itu, jika kecederaan yang dialami oleh mangsa tidak meninggalkan kesan fizikal yang nyata, mangsa masih boleh diberikan *hukūmat al-‘adl* bagi kesakitan tubuh yang dialaminya seperti yang dinyatakan oleh Muhammad dan Abu Yusuf. Jika kecederaan yang dialami kembali kepada sedia kala pula, *hukūmat al-‘adl* wajar diberikan atas kesakitan yang dialaminya walaupun *arsh* tidak diperuntukkan.

5.3 Asas Pengenaan Liabiliti Terhadap Pihak-pihak Yang Terlibat

Liabiliti yang terbentuk melalui kewujudan dua elemen iaitu perbuatan salah dan kerosakan, seterusnya hanya akan dipertanggungjawabkan ke atas pelaku sekiranya wujud hubungan sebab akibat (*rābiṭah al-sababiyyah*) antara kedua-dua elemen ini. Hubungan sebab akibat wujud apabila perbuatan pelaku adalah perbuatan yang memberikan kesan signifikan terhadap kemudarat yang terhasil.⁴³⁰ Perbuatan tersebut terhad kepada dua bentuk sahaja iaitu yang dilakukan secara langsung (*mubāsyarah*) dan tidak langsung tetapi mewujudkan sebab yang menghasilkan kemudarat (*tasabbub*).⁴³¹ Jika pencerobohan hak berlaku selain daripada dua bentuk perbuatan ini, liabiliti tidak akan dikenakan. Ini kerana kemudarat yang terhasil dianggap tidak

⁴²⁸ ibid.

⁴²⁹ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 459.

⁴³⁰ al-Luhaibī, Sālih Aḥmad Muḥammad, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas’uliyyah al-Taqṣīriyyah Dirāsah Muqāranah* (Amman: Dār al-Thaqafah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2004), 67.

⁴³¹ Al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Dāmān*, 26.

mempunyai hubungan akibat dengan perbuatan tersebut. Liabiliti juga tidak dikenakan, jika pelaku perbuatan secara langsung atau tidak langsung tidak memenuhi syarat tanggungan liabiliti ke atas mereka.

5.3.1 Asas Liabiliti Pelaku Secara Langsung (*al-Mubāsyir*)

Pelaku secara langsung ialah seseorang yang menyebabkan kerosakan berlaku tanpa sebarang perantara.⁴³² Dalam kes kemalangan jalan raya, pelaku secara langsung ialah pemandu yang melanggar mangsa atau kenderaannya sehingga menyebabkan kematian, kecederaan dan kerosakan harta. Penetapan liabiliti ke atas pelaku secara langsung ini dijelaskan melalui kaedah-kaedah fiqh berikut:

المُبَاشِرُ ضَامِنٌ وَإِنْ لَمْ يَتَعَمَّدْ⁴³³

Terjemahan: “Pelaku secara langsung bertanggungjawab sekalipun dia melakukannya secara tidak sengaja.”

المُبَاشِرُ ضَامِنٌ وَإِنْ لَمْ يَتَعَدَّ، وَالْمُتَسَبِّبُ لَا يَضْمِنُ إِلَّا إِذَا كَانَ مُتَعَدِّيَا⁴³⁴

Terjemahan: “Pelaku secara langsung bertanggungjawab walaupun tidak melakukan pencerobohan hak, dan pelaku secara tidak langsung tidak bertanggungan kecuali jika melakukan pencerobohan hak.”

Dua kaedah fiqh di atas menggunakan istilah yang berbeza iaitu tidak sengaja (*al-ta‘ammud*) dan tidak melakukan pencerobohan hak (*al-ta‘addī*). Namun, kedua-dua kaedah ini menjelaskan bahawa kesengajaan atau pencerobohan hak tidak disyaratkan bagi mengenakan liabiliti ke atas pelaku langsung. Kaedah pertama adalah mudah difahami kerana tidak sengaja bermaksud tidak mempunyai niat menyebabkan

⁴³² al-Hājirī, *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah*, 1: 360.

⁴³³ Istilah ini digunakan dalam Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah, Perkara 92, rujuk ‘Alī Haidar, *Durar al-Hukkām Syarḥ Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 82; al-Hājirī, *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah*, 355 – 372.

⁴³⁴ Kaedah yang digunakan oleh al-Baghdadi (Hanafi), dipetik daripada al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas’uliyyah al-Taqṣīriyyah*, 49.

kerosakan. Kaedah kedua pula, dapat difahami melalui contoh yang dikemukakan oleh al-Luhabi. Seseorang yang jatuh akibat serangan sawan, seorang yang bergolek dalam tidur dan seorang yang terjatuh akibat jalan yang licin akan dikenakan liabiliti sekiranya menyebabkan kecederaan dan kerosakan ke atas harta orang lain. Kesemua mereka tidak melakukan pencerobohan hak namun telah menyebabkan kecederaan dan merosakkan harta secara langsung.⁴³⁵ Jelas bahawa liabiliti yang dikenakan ke atas pelaku langsung adalah bersifat tegas. Ini kerana perbuatan pelaku langsung sendiri yang menyebabkan kerosakan berlaku tanpa perantara.⁴³⁶

5.3.2 Asas Liabiliti Pelaku Secara Tidak Langsung (*al-Mutasabbib*)

Pelaku secara tidak langsung (*al-mutasabbib*) ialah seseorang yang menyebabkan kerosakan berlaku melalui perantaraan sesuatu atau pihak lain. Ini bermakna, kerosakan tidak boleh berlaku melalui perbuatan pelaku secara tidak langsung semata-mata. Sebaliknya wujud faktor-faktor lain yang menyumbang bersama kepada kerosakan.⁴³⁷ Penetapan liabiliti ke atas pelaku secara tidak langsung disimpulkan melalui dua kaedah fiqh berikut:

438 المُتَسَبِّبُ لَا يَضْمَنُ إِلَّا بِالْعَمَدِ

Terjemahan: “Pelaku sesuatu perbuatan secara tidak langsung (*mutasabbib*) tidak bertanggungjawab melainkan dilakukan dengan sengaja.”

⁴³⁵ al-Luhabi, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'ūliyyah al-Taqṣīriyyah*, 54.

⁴³⁶ ‘Alī Haidar, *Durar al-Hukkām*, 82.

⁴³⁷ al-Luhabi, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'ūliyyah al-Taqṣīriyyah*, 31.

⁴³⁸ Istilah ini digunakan dalam Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah, Perkara 93. ‘Alī Haidar, *Durar al-Hukkām*, 83; al-Hājirī, *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah* 373 – 398.

⁴³⁹ المُبَاشِرُ ضَامِنٌ وَإِنْ لَمْ يَتَعَدَّ، وَالْمُتَسَبِّبُ لَا يَضْمَنُ إِلَّا إِذَا كَانَ مُتَعَدِّيًّا

Terjemahan: “Pelaku secara langsung bertanggungjawab walaupun tidak melakukan pencerobohan hak, dan pelaku secara tidak langsung tidak bertanggungan kecuali jika melakukan pencerobohan hak.”

Dua kaedah fiqh ini menggunakan istilah yang berbeza iaitu sengaja (*al-ta‘ammud*) dan pencerpbhan hak (*al-ta‘addī*). Ini menyebabkan pandangan fuqaha berkenaan syarat tanggungan liabiliti ke atas pelaku secara tidak langsung juga terbahagi kepada dua. Sebahagian fuqaha mensyaratkan tanggungan liabiliti ke atas pelaku secara tidak langsung hanya dikenakan apabila wujud niat dan kesengajaan (*al-ta‘ammud*) dalam perbuatan yang dilakukan.⁴⁴⁰ Pandangan ini bersandarkan kepada kaedah fiqh pertama yang termaktub dalam *Majallah Ahkām al-‘Adliyyah*.⁴⁴¹ Implikasi yang dapat difahami daripada pandangan ini adalah pelaku secara tidak langsung hanya dikenakan liabiliti jika berniat mencedera dan merosakkan harta ketika melakukan perbuatan.

Pandangan tersebut tidak dipersetujui oleh sebahagian lagi fuqaha yang berpegang dengan kaedah fiqh kedua. Al-Zarqa’ menta’wilkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan lafaz *al-ta‘ammud* dalam kaedah fiqh pertama, sebenarnya membawa maksud *al-ta‘addī*. Ini kerana penggunaan lafaz *al-ta‘ammud* dengan maksud niat (*al-qasd*) dalam kaedah pertama adalah kurang tepat dan memberi pengertian yang tidak jelas.⁴⁴² Walaupun kaedah fiqh pertama dengan lafaz *al-ta‘ammud* dinyatakan dalam perkara 93⁴⁴³ *Majallah al-Ahkām al-‘Adliyyah* (selepas ini

⁴³⁹ Kaedah yang digunakan oleh al-Baghdadi (Hanafi), dipetik daripada al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas‘ūliyyah al-Taqsīriyyah*, 49.

⁴⁴⁰ al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas‘ūliyyah al-Taqsīriyyah*, 48; Ḥusnā ‘Abd al-Samī‘ Ibrāhīm, *Mawqif al-Fuqahā’ min Dāmān al-Amwāl*, 77 - 78.

⁴⁴¹ Perkara 93 Majallah Ahkam al-‘Adliyyah. ‘Alī Haidar, *Durar al-Hukkām*, 83. Dalam menghuraikan kaedah ini, ‘Alī Haidar menyatakan bahawa liabiliti ditanggungkan ke atas *mutasabib* apabila memenuhi dua syarat iaitu beliau melakukan perbuatan tersebut secara sengaja (*muta‘ammidan*) dan melanggar hak (*muta‘adiyan*).

⁴⁴² al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas‘ūliyyah al-Taqsīriyyah*, 49.

⁴⁴³ Dalam terjemahan Bahasa Melayu, lafaz *al-ta‘ammud* diterjemahkan sebagai sengaja. Perkara 93 Majallah dalam *al-Ahkām al-‘Adliyyah*. adalah seperti berikut: “Seseorang yang melakukan sesuatu

disebut *Majallah*), contoh yang dikemukakan dalam perkara 924 *Majallah* berikut jelas meletakkan elemen pencerobohan hak (*al-ta‘addī*) sebagai syarat pengenaan ganti rugi akibat perlakuan secara tidak langsung:

“Syarat kerosakan bersebab (888) yang membolehkan dibuat tuntutan ganti rugi (416) seperti yang telah disebutkan di atas iaitu orang yang melakukan mesti membayar ganti rugi terhadap kerosakan yang berlaku, ialah disyaratkan mestilah melakukan sesuatu yang melanggar hak. Umpamanya, sekiranya seseorang menggali lubang di jalan raya tanpa kebenaran (303 dan 304) pihak berkuasa dan mengakibatkan seekor binatang yang dimiliki oleh orang lain terjatuh ke dalam lubang itu dan mati atau cedera, oleh itu dia bertanggungjawab. Tetapi, sekiranya binatang itu telah jatuh ke dalam telaga yang digali oleh seseorang di kawasan tanahnya (125) dan binatang itu mati atau cedera dia tidak bertanggungjawab (lihat Perkara 93 dan 53).”⁴⁴⁴

Daripada contoh di atas, liabiliti dikenakan ke atas penggali lubang yang merupakan pelaku secara tidak langsung walaupun beliau tidak berniat. Justeru, fuqaha yang berpegang dengan kaerah fiqh kedua, menegaskan bahawa tanggungan liabiliti ke atas pelaku secara tidak langsung tidak disyaratkan dengan niat, tetapi memadai dengan kewujudan pencerobohan hak (*al-ta‘addī*) sahaja.⁴⁴⁵ Ini bermaksud pelaku secara tidak langsung boleh dikenakan liabiliti jika ternyata kemalangan berlaku akibat pencerobohan hak walaupun tanpa niat.

Bagi kes kemalangan jalan raya, pencerobohan hak banyak berlaku secara langsung dan tidak langsung, tanpa niat. Jika kaerah pertama yang mensyaratkan niat sebagai syarat tanggungan liabiliti bagi pelaku secara tidak langsung diaplikasikan, liabiliti yang boleh dipikulkan adalah sangat terhad. Ini akan menzalimi mangsa

perbuatan dan perbuatan itu menyebabkan kerosakan kepada perkara lain (*mutasabbib*) tidak dipertanggungjawabkan kecuali jika ia sengaja melakukannya. (Lihat perkara 888, 922, 924 dan perenggan akhir daripada Perkara 923).”

⁴⁴⁴ *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, 301.

⁴⁴⁵ Antara fuqaha’ yang menyokong pandangan ini ialah Mustafa al-Zarqa’, ‘Ali Khafif, ‘Iyad ‘Abd al-Jabbar al-Maluki, rujuk nota kaki dalam al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas’ūliyyah al-Taqsīriyyah*,⁴⁹ Al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 166 dan 186.

kemalangan kerana tidak boleh menuntut ganti rugi dan tentunya bertentangan dengan keadilan. Justeru, pandangan kedua ini dilihat lebih tepat.⁴⁴⁶

Kemalangan jalan raya secara tidak langsung boleh berlaku contohnya dalam situasi berikut. Seorang pemandu (A) yang mematuhi segala peraturan dan undang-undang lalulintas, tiba-tiba berhenti untuk mengelakkan bahaya di hadapannya. Kenderaan di belakang (B) telah melanggar kenderaan A dan menyebabkan pemandu kenderaan (B) tersebut meninggal dunia. Jika A telah memberikan lampu isyarat kecemasan sebelum dia berhenti, maka A sebagai pelaku secara tidak langsung tidak dikenakan liabiliti. Sebaliknya pemandu B sebagai pelaku secara langsung pula berliabiliti kerana telah melakukan pencerobohan hak. Tetapi jika A gagal memberikan sebarang lampu isyarat kecemasan, maka dia juga boleh dikenakan liabiliti.⁴⁴⁷ Dalam kes ini, A sebagai pelaku secara tidak langsung boleh dikenakan liabiliti jika wujud pencerobohan hak di pihaknya tanpa mengambil kira niat atau kesengajaannya. Tanpa pencerobohan hak dan kecuaian, liabiliti tidak akan dikenakan ke atas A.

5.4 Penentuan Liabiliti bagi Beberapa Orang Pelaku

Liabiliti bagi kes kemalangan jalan raya boleh dipikulkan ke atas satu-satu pihak tertentu mahupun beberapa pihak yang terlibat. Tanggungan ke atas pihak-pihak tersebut ditentukan dengan melihat kepada hubungan sebab akibat antara perbuatan yang dilakukan dengan kemudaratan yang terhasil. Jika perbuatan pihak-pihak tersebut terbukti menyumbang secara signifikan kepada kemudaratan, liabiliti akan dipikulkan.

Kaedah fiqh berikut menyimpulkan penentuan liabiliti ke atas pihak-pihak yang terlibat:

⁴⁴⁶ al-Luhābī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'ūliyyah al-Taqṣīriyyah*, 50.

⁴⁴⁷ Sayed Sikandar Shah Haneef, *Homicide in Islamic Legal Structure*, 58 -59.

إِذَا اجْتَمَعَ الْمُبَاشِرُ وَالْمُتَسَبِّبُ يُضَافُ الْحُكْمُ إِلَى الْمُبَاشِرِ⁴⁴⁸

Terjemahan: “Apabila berhimpun pelaku secara langsung dan tidak langsung, disandarkan hukum kepada pelaku secara langsung.”

Kaedah fiqh ini menjelaskan bahawa secara umum, dalam sesuatu kes yang melibatkan pelaku langsung dan tidak langsung, liabiliti akan dikenakan ke atas pelaku secara langsung. Ketetapan ini berlaku jika perbuatan pelaku langsung memberi kesan sepenuhnya terhadap kerosakan dan perbuatan pelaku secara tidak langsung tidak boleh memberi kesan kepada kerosakan secara sendiri (*mustaqil*).

Namun, sebaliknya juga boleh berlaku. Liabiliti juga boleh ditetapkan ke atas pelaku secara tidak langsung, jika perbuatannya menjadi punca terhadap kerosakan melalui pelaku langsung sepenuhnya.⁴⁴⁹ Dalam erti kata lain, pelaku langsung tidak menyumbang kepada kemudaratan sendiri. Tetapi, keterlibatan pelaku langsung terhasil akibat perbuatan pelaku secara tidak langsung. Contoh klasik bagi tanggungan liabiliti ke atas pelaku secara tidak langsung ini ialah kemalangan yang berlaku akibat tendangan haiwan tunggangan terhadap orang yang mencucuknya. Dalam kes ini, penunggang haiwan dikecualikan liabiliti walaupun berperanan secara langsung (*al-mubāsyir*) bagi mengawal haiwan tunggangan. Liabiliti sebaliknya, ditanggungkan ke atas orang yang mencucuk haiwan tersebut yang secara tidak langsung (*al-mutasabbib*) menyebabkan kemalangan berlaku.⁴⁵⁰

Dalam realiti semasa pula, liabiliti boleh dikenakan ke atas pelaku secara tidak langsung dalam kemalangan yang berlaku secara berantai. Contohnya, pemandu (A) menghentikan kenderaannya di lampu isyarat. Kenderaan yang datang dari belakang (B), melanggar (A) sehingga menyebabkan pelanggaran dengan kenderaan di hadapan

⁴⁴⁸ al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 188.

⁴⁴⁹ al-Luhābī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'ūliyyah al-Taqṣīriyyah*, 100.

⁴⁵⁰ Abd Allāh Muḥammad 'Abd Allāh, "Ḥawādīth al-Sair", 219.

(C). Dalam kes ini, pemandu B ditanggungkan liabiliti sepenuhnya bagi kemudaratannya yang menimpa C. A sebagai pelaku secara langsung tidak bertanggungan.⁴⁵¹

5.5 Pembahagian Liabiliti di antara Pihak-pihak Yang Terlibat dalam Kemalangan

Liabiliti juga boleh dikenakan ke atas kedua-dua pelaku, sama ada langsung dan tidak langsung. Ini berlaku apabila kedua-dua pelaku, sama-sama berperanan dalam menghasilkan kemudaratannya. Tanggungan bersama juga dikenakan ke atas kedua-dua jenis pelaku ini, jika perbuatan pelaku secara tidak langsung dalam situasi ini menyebabkan kerosakan secara berasingan (*mustaqil*) daripada perbuatan pelaku secara langsung.⁴⁵²

Apabila wujud beberapa orang pelaku secara langsung atau tidak langsung yang sama-sama menyumbang kepada kerosakan yang sama, liabiliti antara pelaku-pelaku yang terlibat dibahagikan mengikut kekuatan atau signifikan perbuatan mereka terhadap kerosakan yang terhasil. Perbuatan yang mempunyai hubungan sebab yang lebih kepada kerosakan akan ditanggungkan dengan liabiliti yang lebih.⁴⁵³

Contohnya, A menggali sebuah lubang di sebatang jalan. B juga meluaskan lagi lubang tersebut. Kemudian seseorang lalu di jalan tersebut dan jatuh ke dalam lubang. Dalam kes ini, A sebagai penggali asal ditanggungkan liabiliti untuk menjelaskan 2/3 diat. B pula dikenakan sebanyak 1/3 diat sahaja.⁴⁵⁴ Perbezaan kadar liabiliti antara

⁴⁵¹ Mohammad ‘Ata-Alsid Sid-Ahmad, “Traffic Accident in Islamic Law”, 44; “Hawādith al-Sayyārāt wa Bayān Mā Yatarattab ‘Alayhā bi al-Nisbat li Ḥaq Allāh Ta ‘āla thumma Ḥaq ‘Ibādihi”, lama sesawang al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, www.yaqob.com, capaian 22/1/2009.

⁴⁵² al-Ḥuṣārī, *al-Qiṣāṣ- al-Diyāt- al- ‘Isyān al-Musalah*, 197; al-Luhaibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas’uliyyah al-Taqṣīriyyah*, 100.

⁴⁵³ Al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Ḍamān*, 55.

⁴⁵⁴ al-Luhaibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas’uliyyah al-Taqṣīriyyah*, 91.

pihak-pihak ini berlaku disebabkan signifikan perbuatan masing-masing terhadap kecederaan atau kehilangan nyawa yang berlaku.⁴⁵⁵

Sekiranya hubungan sebab perbuatan pelaku-pelaku yang terlibat dengan kerosakan adalah bersamaan, liabiliti yang ditanggungkan antara mereka adalah sama rata.⁴⁵⁶ Contoh yang dikemukakan oleh al-Sarakhsī adalah kemalangan berantai yang berlaku melibatkan tiga orang di sebatang jalan yang berlubang. (A) terjatuh ke dalam lubang. Beliau sempat menarik bersamanya orang kedua (B) yang kemudian menarik sekali orang ketiga (C). Jika A mati disebabkan jatuh ke dalam lubang tersebut dan ditindih orang ketiga (C) yang menimpanya, maka al-Sarakhsī menghukumkan $\frac{1}{2}$ diat ditanggung oleh penggali lubang dan $\frac{1}{2}$ diat lagi ditanggung oleh orang kedua (B). Ini kerana kedua-dua mereka telah melakukan perbuatan salah yang menyebabkan kematian A secara tidak langsung bersama-sama. Penggali menggali lubang di tempat yang tidak sepatutnya atau tidak memberikan sebarang isyarat berkenaan kewujudan lubang tersebut. Manakala B pula menarik C dan menyebabkan C menimpa A.⁴⁵⁷

Pembahagian liabiliti antara pihak-pihak yang terlibat ini, sama ada sama rata atau berbeza perlu ditentukan oleh mahkamah mengikut kes. Pihak mahkamah boleh mendapatkan pandangan pakar dalam menilai fakta kes sebelum memutuskan liabiliti.⁴⁵⁸ Namun, pandangan yang diberikan oleh pakar tersebut bukanlah bersifat mengikat. seterusnya, jika perbuatan pelaku sama-sama signifikan tetapi tidak dapat

⁴⁵⁵ al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'uliyyah al-Taqṣīriyyah*, 82 dan 90.

⁴⁵⁶ Ibid; “Ḥawādith al-Sayyārāt wa Bayān Mā Yatarattab ‘Alayhā bi al-Nisbat li Ḥaq Allāh Ta ‘āla thumma Ḥaq ‘Ibādihi”, lama sesawang al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, www.yaqob.com, capaian 22/1/2009.

⁴⁵⁷ Contoh ini dikemukakan oleh al-Luhāibī, *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas'uliyyah al-Taqṣīriyyah*, 90.

⁴⁵⁸ Ibid, 77.

ditentukan impaknya, fuqaha berpandangan bahawa liabiliti antara mereka juga perlu dibahagikan secara sama rata.⁴⁵⁹

5.6 Kecuaian Sertaan (*Fi'l al-Mutadarrar*)

Dalam kes yang melibatkan kecuaian sertaan atau sumbangan daripada perbuatan mangsa sendiri, liabiliti juga akan dibahagikan ke atas mangsa. Kesannya, kadar liabiliti di pihak pelaku akan dikurangkan selari dengan sumbangannya terhadap kerosakan. Ini diperuntukkan dalam Perkara 915 *Majallah* berikut:

“Sekiranya seseorang menarik pakaian orang lain lantas kain itu koyak, dia bertanggungjawab membayar harga pakaian itu sepenuhnya. Tetapi, sekiranya dia menggantungkan kain itu dan ditarik oleh pemiliknya lantas koyak pakaian itu, dia bertanggungjawab membayar ganti rugi untuk separuh harganya.

Demikian juga, sekiranya seseorang duduk di atas tepi kain yang dipakai oleh orang lain dan orang itu telah bangun dengan tidak mengetahui yang orang itu duduk di atas kainnya, lantas kain itu terkoyak, dia hanya bertanggungjawab membayar separuh daripada nilai atau harga kain itu.”⁴⁶⁰

Peruntukan di atas, menjelaskan bahawa liabiliti dibahagikan jika wujud kecuaian sertaan oleh mangsa sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Dalam contoh di atas, liabiliti dibahagikan ke atas pemilik kain yang menarik pakaianya dengan sengaja. Begitu juga dengan pemilik pakaian yang tidak menyedari bahawa ada orang duduk di atas kainnya.

Berkenaan pembahagian kadar liabiliti, penulisan para fuqaha mengemukakan contoh kes yang pelbagai. Dalam sebahagian contoh, pelaku dikecualikan daripada liabiliti sepenuhnya. Ini berlaku apabila kemudaratannya yang terhasil adalah disebabkan

⁴⁵⁹ “Hawādīth al-Sayyārāt wa Bayān Mā Yatarattab ‘Alayhā bi al-Nisbat li Ḥaq Allāh Ta ‘āla thumma Ḥaq ‘Ibādihi”, lama sesawang al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, www.yaqob.com, capaian 22/1/2009; “al-Qarar” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 371.

⁴⁶⁰ *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, 298.

perbuatan mangsa sepenuhnya. Contohnya ialah kes *al-nākhis* (pencucuk). Seorang penunggang bersama haiwannya lalu di sebatang jalan. Seorang pejalan kaki mencucuk haiwan tersebut sehingga menyebabkannya bertindak balas dan mencederakan pencucuk berkenaan. Dalam kes seumpama ini, pencucuk tersebut diputuskan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan yang dialaminya. Penunggang haiwan pula dikecualikan daripada sebarang liabiliti. Justeru, pencucuk diputuskan tidak berhak menuntut sebarang ganti rugi kerana telah melakukan jenayah terhadap dirinya sendiri.⁴⁶¹

Pelaku juga boleh dikecualikan daripada liabiliti sekiranya kemalangan berlaku akibat perbuatan sengaja mangsa.⁴⁶² Contohnya, seorang pengiring keldai bersama keldai dan muatan kayunya lalu di sebatang jalan. Pengiring tersebut memberikan amaran dan memohon laluan. Seorang pengguna jalan sengaja mengabaikan amaran tersebut dan menyebabkan bajunya koyak dicarik kayu yang dibawa oleh keldai. Dalam kes ini, pengiring keldai tidak dikenakan liabiliti. Ini kerana kemalangan berlaku akibat perbuatan mangsa sendiri yang sengaja enggan memberikan laluan.⁴⁶³

Dalam contoh yang lain pula melibatkan pertembungan haiwan, liabiliti diputuskan sama rata di antara kedua-dua penunggang yang terlibat.⁴⁶⁴ Menurut al-Mawardi (Syafi'i), jika kedua-dua penunggang meninggal dunia, ‘*āqilah* mereka perlu

⁴⁶¹ Al-Zuhaylī, , *Nazariyyah al-Damān*, 35; Ibrāhīm Fadhil al-Dabbu, *Damān al-Manāfi‘ Dirāsah Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmi wa al-Qānūn al-Madani*, (Amman: Dār ‘Umār, 1998), 198.

⁴⁶² ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh, “Hawādith al-Sair”, 219.

⁴⁶³ Tāqī al-‘Uthmānī, “Qawā‘id wa Masā’il fī Hawādith al-Sair”, 194.

⁴⁶⁴ Pembahagian liabiliti dalam kes pertembungan ini merupakan pandangan hanya dikemukakan oleh para fuqaha mazhab Maliki dan Syafie. Pandangan ini juga dikuatkan dengan satu riwayat daripada Saidina Ali r.a yang menetapkan sedemikian. Walau bagaimanapun, para fuqaha dalam mazhab Hanafi dan Hanbali pula sebaliknya menetapkan liabiliti penuh ke atas kedua-dua pihak yang bertembung. Mereka berujah bahawa kematian pihak-pihak tersebut disandarkan kepada perbuatan pihak satu lagi sepenuhnya. Di samping itu, mereka menguatkan pandangan ini dengan satu riwayat daripada Saidina Ali r.a juga yang ditarjihkan oleh mereka yang menetapkan diat penuh bagi pihak-pihak yang bertembung. al-Mawardi, ‘Alī ibn Muḥammad, *al-Ḥāwi al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī : wa huwa sharḥ Mukhtasar al-Muzānī* (Beirut: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyah, 1999), 12: 730; al-Kasānī, *Badā‘ al-Sanā‘ī*, 7: 273; al-Mardawī, ‘Alī ibn Sulaymān, *al-Insāf fī Ma‘rifat al-Rājih min al-Khilāf ‘alā Madhhāb al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al- ‘Arabi, 1998), 10: 36; Ibn Nujaym, *al-Baḥr al-Rā‘iq*, 410.

menjelaskan separuh diat kepada ‘*āqilah* pihak satu lagi.⁴⁶⁵ Namun, jika haiwan tunggangan yang mati, penunggang-penunggang perlu menjelaskan separuh ganti rugi haiwan tersebut daripada harta mereka sendiri kepada pihak satu lagi.⁴⁶⁶ Jika kematian hanya berlaku ke atas penunggang A dan haiwan B pula, ‘*āqilah* penunggang B perlu menjelaskan separuh diat kepada ‘*āqilah* penunggang A dan ganti rugi haiwan B pula dijelaskan daripada harta tinggalan penunggang A sendiri.⁴⁶⁷ Pembahagian liabiliti dalam kes pertembungan ini ditetapkan kerana kedua-dua pihak sama-sama menyumbang kepada kerosakan. Justeru, ganti rugi atau ganti rugi yang perlu dijelaskan adalah separuh kerana separuh lagi gugur akibat perbuatan salah pihak-pihak tersebut sendiri.⁴⁶⁸

Seterusnya, terdapat contoh dalam kes lain yang membahagikan liabiliti akibat kecuaian sertaan ini kepada kadar yang lain. Antara contohnya ialah kes yang diputuskan oleh Saidina Ali r.a ini:

“Ketika zaman pemerintahan Saidina Ali r.a, terdapat tiga orang hamba perempuan. Hamba (A) membawa hamba (B) di atas bahunya. Hamba yang ketiga (C) pula mencuit hamba yang pertama (A), membuatkannya melompat secara spontan dan menyebabkan hamba kedua (B) jatuh daripada bahunya lantas menyebabkan lehernya patah serta meninggal dunia. Saidina Ali r.a memutuskan bahawa 1/3 diat dikecualikan akibat sumbangan mangsa sendiri terhadap kematianya. 2/3 lagi ditanggungkan ke atas A dan C yang sama-sama menanggung liabiliti.”⁴⁶⁹

Penghakiman Saidina Ali r.a di atas jelas menunjukkan bahawa kecuaian sertaan mangsa boleh mengurangkan kadar liabiliti yang ditanggung oleh pelaku. Dalam kes di atas ini, hanya 2/3 diat ditanggungkan ke atas dua orang pelaku yang terlibat. 1/3 diat

⁴⁶⁵ Ibid, 737.

⁴⁶⁶ Namun, pembayaran separuh sahaja ganti rugi haiwan tunggangan ini, hanya berlaku sekiranya haiwan tersebut adalah milik penunggang atau mangsa yang berliabiliti. Jika haiwan tersebut bukan milik mangsa sebaliknya pinjaman atau sewaannya, pembayaran ganti rugi penuh perlu dijelaskan kepada pemilik sebenar haiwan tersebut yang bebas daripada sebarang liabiliti al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib*, 4: 76.

⁴⁶⁷ Ibid, 737.

⁴⁶⁸ al-Mawardi, *al-Hāwī al-Kabīr*, 12: 730.

⁴⁶⁹ Diriwayatkan oleh al-Bayhaqi, dipetik daripada Sayed Sikandar Shah Haneef, *Homicide in Islamic Legal Structur*, 49 -50.

lagi dikecualikan buat mangsa kerana menyumbang kepada kematianya sendiri melalui perbuatan bahaya yang dilakukannya.

Contoh-contoh kes yang dibincangkan oleh para fuqaha menjelaskan bahawa pembahagian liabiliti berlaku bagi kes kecuaian sertaan. Penetapan kadar liabiliti bagi pihak-pihak yang terlibat diputuskan berdasarkan budi bicara mahkamah berdasarkan fakta kes.⁴⁷⁰ Namun, prinsip dalam perundangan Islam adalah liabiliti ganti rugi diputuskan dengan pertimbangan yang sama ke atas pelaku, tanpa mengira sama ada pelaku adalah dewasa atau kanak-kanak, waras atau gila.⁴⁷¹

Dalam kes pertembungan kenderaan yang dibincangkan oleh para fuqaha silam, mereka menetapkan bahawa penunggang kanak-kanak akan dikenakan separuh diat jika bertembung dengan penunggang lain. Diat ini akan ditangung oleh ‘āqilahnya. Ini terpakai bagi kes tunggangan kanak-kanak secara bersendirian mahupun yang dipandu atau ditunjuk ajar oleh walinya untuk kemaslahatan kanak-kanak tersebut sendiri. Ganti rugi bagi haiwan tunggangan pula dibayar daripada harta kanak-kanak tersebut sendiri. Ketetapan ini sama seperti orang dewasa.⁴⁷² Liabiliti mereka tidak dikurangkan meraikan umur mahupun kematangan mereka, sebaliknya dianggap sama seperti orang dewasa. Ini juga ditegaskan dalam tulisan mazhab Hanbali yang menetapkan diat penuh ke atas kanak-kanak tersebut kerana mereka tidak membahagikan liabiliti bagi kes kecuaian sertaan dalam pertembungan.⁴⁷³

⁴⁷⁰ Liaquat Ali Khan Niazi, *Islamic Law of Tort*, 349.

⁴⁷¹ al-Hājirī, Ḥamad bin Muḥammad al-Jābir, *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhīyyah*, 82.

⁴⁷² al-Anṣārī, *Asnā al-Maṭālib*, 4: 77; al-Mawardi, *al-Hāwi al-Kabīr*, 12: 737.

⁴⁷³ al-Maqdīsī, Muḥammad bin Muflīḥ, *al-Furū‘ wa Tashīḥ al-Furū‘* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1418H), 6: 8.

5.7 Penutup

Perundangan Islam menjamin kehormatan nyawa, anggota tubuh dan harta benda manusia. Oleh kerana itu, sebarang pencerobohan hak yang berlaku ke atas perkara-perkara ini menimbulkan liabiliti. Obligasi menjelaskan ganti rugi timbul apabila wujud kerosakan walaupun tanpa niat pelaku dan kerosakan tersebut adalah akibat daripada perbuatan pelaku. Namun, prinsip tanggungan liabiliti berbeza bergantung kepada bentuk perbuatan. Liabiliti tegas dikenakan ke atas pelaku secara langsung. Walaupun tidak wujud pencerobohan hak, liabiliti boleh ditanggungkan ke atasnya sekiranya perbuatannya menyebabkan kecederaan terhadap orang lain dan menyebabkan kerosakan terhadap hartanya. Pelaku secara tidak langsung pula, dikenakan liabiliti secara bersyarat iaitu apabila wujud pencerobohan hak atau perbuatan salah walaupun tanpa niat.

Walaupun begitu, ini tidak bermakna liabiliti menurut perundangan Islam dipikulkan secara sewenang-wenangnya. Pencerobohan hak yang berlaku hanya ditanggungkan ke atas mana-mana pelaku pada perkara boleh dikawal yang menyumbang kepada kemalangan sahaja. Kemalangan yang di luar kawalan manusia tidak ditanggungkan liabiliti. Oleh kerana itu, liabiliti dalam perundangan Islam dikaitkan dengan prinsip tiada liabiliti tanpa kesalahan (*no liability without fault*). Namun, kesalahan yang dimaksudkan dalam prinsip ini ialah kesalahan atau pencerobohan hak yang boleh dikawal dan menyumbang kepada kemalangan sahaja.

Dalam keadaan wujud beberapa pihak yang berliabiliti, kaedah fiqh memberikan panduan asas dalam pembahagian liabiliti. Liabiliti boleh dikecualikan sepenuhnya, ditanggungkan sepenuhnya dan dibahagikan sama rata ke atas pihak-pihak yang terlibat.

Ini bergantung pada signifikan perbuatan terhadap kerosakan yang berlaku. Hakim boleh mempertimbangkan kadar liabiliti selainnya menurut fakta kes. Obligasi menjelaskan ganti rugi yang timbul daripada liabiliti ini, dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 6

BENTUK-BENTUK GANTI RUGI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

6.1 Pendahuluan

Musibah akibat kemalangan jalan raya boleh menimpa nyawa, tubuh badan dan harta benda. Dalam perundangan Islam, pembalasan yang ditetapkan ke atas individu yang menghilangkan nyawa dan mencederakan anggota secara tidak sengaja ialah diat, *arsh*, kafarah, pengharaman harta pusaka serta wasiat dan takzir mengikut musibah yang berlaku. Semua pembalasan ini merupakan hukuman jenayah ('*uqūbah*) menurut fiqh klasik. Bagi perbuatan merosakkan harta benda, ganti rugi (*dāmān*) dikenakan.

Dalam usaha mengemukakan konsep perundangan sivil Islam dan perbandingannya dengan undang-undang moden, sebahagian sarjana kontemporari menyimpulkan diat dan *arsh* bersifat dualis iaitu hukuman dan ganti rugi dalam masa yang sama.⁴⁷⁴ 'Iwadh Ahmad Idris pula menyimpulkan diat sebagai ganti rugi syarie (*ta'widh syar'i*) yang berbeza dengan ganti rugi dalam undang-undang moden.⁴⁷⁵ Wahbah al-Zuhayli⁴⁷⁶ dan Mustafa Ahmad al-Zarqa⁴⁷⁷ pula merangkumkan diat bagi kehilangan nyawa dan kecederaan anggota dengan *dāmān* bagi kerosakan harta benda sebagai *dāmān* iaitu ganti rugi. Dalam tulisan sebahagian sarjana pula, diat dan *arsh*

⁴⁷⁴ Antara sarjana yang berpandangan bahawa diat adalah pembalasan yang bersifat dualis ialah Ahmad Fatḥī Bahnaṣī, *al-Diyāt fī al-Syāri ‘ah al-Islāmiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, 1984, c.4), 15; Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsaḥ Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’uliyyah al-Taqsīriyyah fī al-Qānūn* (Al-Qāhirah : Dār al-Thaqāfah li al- Nasyr wa al-Tawzī’, 1990), 442; Mohamed S.El-Awa, *Hukuman dalam Undang-undang Islam Satu Kajian Perbandingan*, terj. Khidmat Terjemahan Nusantara (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 127.

⁴⁷⁵ 'Iwād Aḥmad Idrīs, *al-Diyāt bayn al-‘Uqūbah wa al-Ta‘wid fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran* (Beirut: Dār wa Maktabah al-Hilal, 1986), 564.

⁴⁷⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *Naṣariyyat al-Dāmān aw Aḥkām al-Mas’uliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā’iyah fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsaḥ Muqāranah* (Damsyik: Dār al-Fikr, 1998, c.2), 15.

⁴⁷⁷ al-Zarqā', Muṣṭafā Aḥmad, *al-Fi'l al-Dār wa al-Dāmān fīhi Dirāsaḥ wa Siyāghah Qanūniyyah* (Damsyik: Dār al-Qalam, 1984), 62.

dirujuk sebagai *dāmān al-‘udwan*⁴⁷⁸ manakala *damān* dirujuk sebagai *damān al-amwāl*.⁴⁷⁹

Bab ini merujuk diat, *arsh* dan *damān* sebagai ganti rugi. Perbincangan fokus kepada pembalasan bagi kes kemalangan jalan raya berbentuk ganti rugi ini sahaja, menepati skop kajian. Hukuman lain seperti kafarah, pengharaman harta pusaka dan takzir tidak menjadi fokus. Aspek yang dibincangkan ialah bentuk ganti rugi yang diperuntukkan dan kaedah penetapannya.

6.2 Ganti Rugi bagi Kes Kemalangan Jalan Raya

Ganti rugi (*damān*) menurut Wahbah al-Zuhayli ialah kewajipan memberikan ganti kepada individu lain atas kerosakan pada harta dan manfaat hartanya atau atas kemudaratan total atau sebahagian pada dirinya.⁴⁸⁰ Ganti rugi diperuntukkan buat mangsa kemalangan jalan raya sesuai dengan bentuk musibah yang berlaku. Ia tertakluk kepada bentuk kerosakan tertentu. Seperti yang dibincangkan, secara umumnya liabiliti menjelaskan ganti rugi timbul jika kerosakan benar-benar berlaku, meninggalkan kesan fizikal dan kekal rosak.⁴⁸¹ Kematian dan kecederaan anggota tubuh diperuntukkan dengan diat, *arsh* dan *ḥukūmah al-‘adl*. Kerosakan harta benda dan kerugian material pula diperuntukkan dengan *dāmān*.

⁴⁷⁸ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*.

⁴⁷⁹ al-Hājirī, Ḥamad bin Muḥammad al-Jābir, *al-Qawā ‘id wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhīyyah fī al-Dāmān al-Mālī* (Riyad: Dār Kunuz Ishbiliyyā li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2008); Ḥusnā ‘Abd al-Samī’ Ibrāhīm, *Mawqif al-Fuqahā’ min Dāmān al-Amwāl fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah Dirāsah Muqāranah* (Dimyāṭ: Maktabah Nanāsi, 2004), Ibrāhīm Fādhil al-Dabbū, *Dāmān al-Manāfi’ Dirāsah Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Madani*, (Amman: Dār ‘Umār, 1998).

⁴⁸⁰ al-Zuhayli, *Naṣariyyat al-Dāmān*, 15.

⁴⁸¹ Rujuk perbincangan di subtopik 5.2.2 Kerosakan (al-ḍarar).

6.2.1 Kematian dan Kcederaan

Diat, *arsh* dan *hukūmah al-‘adl* secara umum ialah bayaran yang perlu dijelaskan kepada mangsa atau walinya akibat kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh badan yang berlaku secara salah. Perbezaan istilah-istilah ini merujuk kepada beberapa perbezaan. Pertama, kadar bayaran, sama ada diperuntukkan secara tetap atau tidak. Diat dan *arsh* adalah ganti rugi yang ditetapkan kadarnya,⁴⁸² manakala *hukūmah al-‘adl* pula diserahkan penilaianya kepada pemerintah.⁴⁸³

Perbezaan kedua adalah bentuk musibah yang mewajibkan ganti rugi-ganti rugi tersebut. Diat diperuntukkan bagi kehilangan dan kecederaan anggota sepenuhnya manakala *arsh* dan *hukūmah al-‘adl* pula diperuntukkan bagi kecederaan dan kehilangan sebahagian daripadanya. Bezanya, bentuk kecederaan yang mewajibkan *arsh* diperuntukkan dengan kadar tertentu. *Hukūmah al-‘adl* pula tidak ditentukan kadarnya, justeru disebut juga sebagai *arsh* yang tidak ditentukan (*arsh ghayr muqaddar*).

Bentuk kecederaan yang diperuntukkan dengan diat dan *arsh* antaranya dinyatakan dalam hadith berikut:

Daripada ‘Amru bin Hazm: Bahawa Rasulullah s.a.w telah menulis sepucuk surat kepada penduduk Yaman yang di dalamnya ditulis tentang perkara-perkara wajib, sunat dan diat. Maka dibacakan surat itu kepada penduduk Yaman begini tulisannya:

”أَنَّ مَنِ اعْتَبَطَ مُؤْمِنًا قُتِلَّا عَنْ بَيْنَةٍ ، فَإِنَّهُ قَوْدٌ إِلَّا أَنْ يَرْضَى أُولَئِيُّ الْمَقْتُولِ ، وَأَنَّ فِي النَّفْسِ الدِّيَةَ مِائَةً مِنَ الْإِبْلِ ، وَفِي الْأَنْفِ إِذَا أُوْعِبَ جَدْعُهُ الدِّيَةُ ، وَفِي اللِّسَانِ الدِّيَةُ ، وَفِي الشَّفَتَيْنِ الدِّيَةُ ، وَفِي الْبَيْضَتَيْنِ الدِّيَةُ ، وَفِي الذَّكَرِ الدِّيَةُ ، وَفِي الصُّلُبِ الدِّيَةُ ، وَفِي الْعَيْنَيْنِ الدِّيَةُ ، وَفِي الرِّجْلِ الْوَاحِدَةِ نَصْفُ الدِّيَةِ ، وَفِي الْمَأْمُومَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ ، وَفِي

⁴⁸²Muhammad Ahmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 439.

⁴⁸³Ibid.

الْجَاهِفَةِ ثُلُثُ الدِّيَةِ ، وَفِي الْمُنْقَلَةِ خَمْسَ عَشْرَةَ مِنَ الْإِبْلِ ، وَفِي كُلِّ أُصْبِعٍ مِنْ أَصَابِعِ
الْيَدِ وَالرِّجْلِ عَشْرَ مِنَ الْإِبْلِ ، وَفِي السِّنِّ خَمْسٌ مِنَ الْإِبْلِ ، وَفِي الْمُوْضِحَةِ خَمْسٌ مِنَ
الْإِبْلِ ، وَأَنَّ الرَّجُلَ يُقْتَلُ بِالْمَرْأَةِ وَعَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفُ دِينَارٍ⁴⁸⁴

Terjemahan: “Sesungguhnya yang sengaja membunuh seorang Mu’min, maka dikenakan ke atasnya *qisāṣ* kecuali wali yang terbunuh memaafkannya, dan sesungguhnya pada satu nyawa seratus ekor unta, dan pada hidung jika terpotong satu diat, dan pada lidah satu diat, pada dua bibir satu diat, pada pada dua buah zakar satu diat, dan pada zakar satu diat, dan pada tulang belakang satu diat, dan pada dua mata satu diat, dan pada satu kaki setengah diat, dan pada luka sampai ke otak (*al-ma’mūmah*) 1/3 diat, dan pada luka sampai ke rongga (*al-jā’ifah*) 1/3 diat, dan pada luma yang menghancurkan tulang (*al-munaqqilah*) 15 ekor unta, dan pada setiap jari-jemari tangan dan kaki sepuluh ekor unta, dan pada satu gigi lima ekor unta, dan pada luka yang menampakkan tulang (*al-mūdīhah*) lima ekor unta, dan sesungguhnya seorang lelaki itu dibunuh jika dia membunuh seorang wanita dan ke atas ahli emas seribu dinar.”

Daripada hadith di atas, difahami bahawa diat diperuntukkan bagi kehilangan nyawa dan kehilangan anggota atau fungsinya secara total, sama ada pada anggota tunggal atau berpasangan. *Arsh* pula ditetapkan bagi kehilangan satu daripada anggota berpasangan, kecederaan di kepala (*shijāj*) dan luka pada anggota (*jirāh*). Apa yang jelas melalui hadith di atas juga adalah nilai satu diat ditetapkan sebanyak 100 ekor unta atau 1,000 dinar emas. Namun, selain daripada dua medium ini, para fuqaha menerima empat lagi medium pembayaran diat seperti perak 12,000 dirham,⁴⁸⁵ lembu 200 ekor, kambing 2,000 ekor dan pakaian 200 pasang. Pembayaran melalui medium-medium ini juga disandarkan kepada Nabi s.a.w melalui beberapa riwayat.⁴⁸⁶

⁴⁸⁴ *Sunan al-Nasā’i al-Sughrā*, Kitāb al-Qasāmah, hadith no. 4797.

⁴⁸⁵ Nilai 12,000 merupakan nilai yang ditetapkan oleh Nabi s.a.w. *Sunan Ibn Mājah*, Kitab al-Diyāt, hadith no. 2629.

⁴⁸⁶ Pembayaran diat melalui medium dinar, dirham, lembu dan kambing disandarkan kepada riwayat Amru bin Shu’air berikut: “Ketika harga unta meningkat, Baginda pernah mengenakan kepada masyarakat kampung sebanyak empat ratus dinar, manakala dalam keadaan lain pula, mengenakan sehingga lapan ratus dinar ataupun bersamaan dengan lapan ribu dirham. Apabila diat dikenakan ke atas masyarakat yang memiliki lembu, ia hendaklah dibayar dengan dua ratus ekor lembu. Dan bagi masyarakat yang memiliki kambing, maka kadaryanya ialah dua ribu ekor kambing.” *Sunan Ibn Mājah*, kitab al-Diyāt, hadith no 2630.

Pembayaran diat menggunakan medium pakaian pula, disandarkan kepada arahan Khalifah Umar al-Khattab yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Amru ibn Shu’air daripada bapanya daripada datuknya seperti berikut: “Nilai diat di zaman Nabi s.a.w ialah 800 dinar atau 8000 dirham, manakala diat

Dalam realiti semasa, transaksi ekonomi dilakukan menggunakan wang kertas. Unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian tidak lagi digunakan sebagai medium transaksi kecuali dinar dan dirham di beberapa negara. Justeru, menurut perbincangan para sarjana, pembayaran diat pada zaman ini boleh dibuat menggunakan wang kertas bersandarkan kepada nilai diat yang ditetapkan melalui medium-medium di atas. Pihak pemerintah boleh menetapkan sandaran yang sesuai.⁴⁸⁷

Namun, daripada enam medium pembayaran tersebut, nilai emas dan perak dilihat lebih mudah untuk dinilai dan ditukar dengan mata wang semasa.⁴⁸⁸ Antara dua medium ini pula, para pengkaji cenderung memilih 1,000 dinar yang bersamaan dengan 4250 gram emas 916 sebagai sandaran nilai diat terbaik dalam Ringgit Malaysia.⁴⁸⁹ Ini kerana nilai emas lebih stabil dan meningkat berbanding perak yang mengalami penurunan harga yang ketara.⁴⁹⁰ Walau bagaimanapun, jika harga emas mencecah nilai yang terlalu tinggi, kerajaan boleh juga mempertimbangkan 10,000 dirham⁴⁹¹ atau 12,000. Pemilihan ini bergantung pada ijтиhad pemerintah, sesuai dengan amalan pada zaman Nabi s.a.w dan khalifah Umar al-Khattab ketika harga unta menjadi terlalu tinggi. Anggaran nilai diat dan *arsh* bagi kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh dalam Ringgit Malaysia semasa (setakat Julai 2014) yang bersandarkan kepada emas dan perak adalah seperti berikut:

ahli kitab pada masa itu ialah separuh diat orang Islam. Katanya: Dan ia berterusan sedemikian sehingga Umar menjadi khalifah dan katanya lagi: Ketika harga unta meningkat, maka dinilaikan (unta) oleh Umar bagi orang yang bertransaksi dengan emas sebanyak seribu dinar, yang bertransaksi dengan dua belas ribu dirham, masyarakat yang memiliki lembu dengan dua ratus ekor lembu, masyarakat yang memiliki kambing dengan dua ribu ekor kambing dan masyarakat yang mengusahakan pakaian dengan dua ratus pasang pakaian.” *Sunan Abī Dāwud*, j.2, 536.

⁴⁸⁷ Muhammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 444.

⁴⁸⁸ Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam” (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005), 175.

⁴⁸⁹ Ibid, 184.

⁴⁹⁰ Ibid.

⁴⁹¹ Nilai 10,000 dirham diputuskan oleh khalifah Umar al-Khattab di zaman pemerintahannya.

Diat penuh mengikut nilai emas semasa:

1 dinar emas	= RM651.00 ⁴⁹²
1000 dinar emas	= RM651,000.00

Diat penuh mengikut nilai perak semasa:

1 dirham	= RM20.00 ⁴⁹³
12,000 dirham	= RM240,000.00

Jadual 6.1: Nilai Diat Semasa Berdasarkan Nilai Emas dan Perak bagi Pelbagai Jenis Kehilangan dan Kecederaan Anggota Tubuh (Setakat Julai 2014)

Bil	Jenis anggota/manfaat	Kadar diat/arsh	Nilai berdasarkan emas	Nilai berdasarkan perak
	Kehilangan nyawa	Diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
A. Kehilangan anggota tubuh				
(i) Anggota tunggal pada badan				
1.	Hidung	Diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
2.	Zakar			
3.	Lidah			
4.	Tulang belakang (<i>al-sulb</i>)			
5.	Kulit (<i>al-jald</i>)			
6.	Seluruh rambut	Diat penuh menurut mazhab Hanafi dan Hanbali. <i>Hukūmah al-‘adl</i> menurut mazhab Maliki dan Syafi’i adalah lebih rajih. ⁴⁹⁴		

⁴⁹² Dinar dan dirham Kelantan menepati syarat sebagai mata wang syariah yang halal menurut syarak berdasarkan piawaian Khalifah Umar Al-Khattab. Piawaian ini menetapkan hubungan dinar-dirham sebagai berat 7 koin 1 dinar bersamaan dengan berat 10 koin 1 dirham. Secara amnya berat 1 dinar ialah 4.25g emas berketulenan 22k (91.7%); manakala 1 koin dirham bersamaan 2.975g perak tulen. Portal rasmi Kelantan Golden Trade, capaian pada 22 Julai 2014, <http://kgt.com.my/2013/artikel/79-dinar-emas-dirham-perak-negeri-kelantan-darul-naim>.

⁴⁹³ Portal rasmi Kelantan Golden Trade, capaian pada 22 Julai 2014, <http://kgt.com.my/2013/artikel/79-dinar-emas-dirham-perak-negeri-kelantan-darul-naim>.

⁴⁹⁴ Ini kerana rambut tidak sama seperti anggota lain, (tangan, kaki). Ia hanya berfungsi untuk kecantikan seseorang sahaja.

(ii) Anggota berpasangan dua				
1.	Dua mata	Kehilangan sepasang (kedua-duanya)- Diat penuh (100%)	Kehilangan sepasang = RM651,000.00	Kehilangan sepasang = RM240,000.00
2.	Dua tangan			
3.	Dua kaki			
4.	Dua telinga			
5.	Dua bibir			
6.	Dua payudara dan dua puting			
7.	Dua buah zakar (<i>al-baiqatain/al-unthayain</i>)		Kehilangan satu bahagian -separuh diat (50%)	Kehilangan satu bahagian = RM120,000.00
8.	Dua papan punggung (<i>al-aliyatain</i>)			
9.	Dua labia/bibir faraj (<i>al-syafrain</i>)			
10.	Dua tulang rahang (<i>al-lihyain</i>)			
(iii) Anggota berpasangan empat				
1.	Kelopak mata (<i>al-ajfān</i>) dan bulu mata (<i>al-ahdāb</i>)	Hilang keempat- empat- diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
		$\frac{1}{4}$ diat bg setiap satu- (25%)	RM162,750.00	RM60,000.00
(iv) Anggota berpasangan sepuluh dan lebih				
1.	Jari-jari tangan dan kaki	Hilang kesemua- diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
		1/10 bagi setiap satu – (10%)	RM65,100.00	RM24,000.00
2.	Gigi	Hilang kesemua- diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
		Sebatang gigi kekal- 1/20 diat (5%)	RM32,550.00	RM12,000.00

B. Kehilangan manfaat atau fungsi anggota yang normal				
(i) Hilang manfaat pancaindera (<i>al-hawas</i>)- kehilangan deria yang diperolehi melalui anggota badan tertentu				
1.	Pendengaran	Kedua-dua pendengaran – diat penuh (100%) Sebelah pendengaran sahaja-diat separuh (50%)	RM651,000.00 RM325,500.00	RM240,000.00 RM120,000.00
2.	Penglihatan	Kedua-dua penglihatan – diat penuh (100%) Sebelah penglihatan - diat separuh (50%)	RM651,000.00 RM325,500.00	RM240,000.00 RM120,000.00
3.	Bau	Ada beberapa pandangan— i) jumhur- diat penuh ii) Jika deria hilang melalui salah satu lubang hidung – separuh diat iii) Sebahagian Syafi'i- <i>hukumah al-'adl</i>	RM651,000.00 RM325,500.00 RM130,200.00	RM240,000.00 RM120,000.00 RM48,000.00
4.	Rasa	Ada beberapa pandangan: i) Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan satu riwayat dalam mazhab Hanbali-diat penuh ii) Imam Ahmad- 1/3 diat iii) Imam nawawi-kalau hilang salah satu rasa 1/5 diat (manis, pahit, masam,	RM651,000.00 RM217,000.00 RM130,200.00	RM240,000.00 RM80,000.00 RM48,000.00

		masin dan pedas)		
5.	Rasa sentuhan (<i>al-lams</i>)	Diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
(ii) Hilang manfaat <i>al-ma'ani</i> – manfaat yang tidak terletak di anggota tertentu				
1.	Hilang akal			
2.	Kehilangan kemampuan untuk berkata-kata			
3.	Kehilangan suara			
4.	Kemampuan untuk makan seperti mengunyah makanan	Hilang keupayaan sepenuhnya, diat penuh (100%)	RM651,000.00	RM240,000.00
5.	Kemampuan melakukan hubungan seksual			
6.	Kemampuan berejakulasi			
7.	Kemampuan untuk mengandung			
8.	Kemampuan untuk berjalan			
9.	Kemampuan tangan untuk menggenggam			
C. Luka dan kecederaan				
(i) Luka dan kecederaan di bahagian muka dan kepala (Shijaj)				
1.	<i>Dāmighah-</i> luka yang meretakkan tengkorak dan melukakan membran otak	Terdapat dua pandangan dalam hal ini iaitu :		
		• ½ diat	RM325,500.00	RM120,000.00
2.	<i>Ma'mūmah</i> – Luka yang sampai	• 1/3 diat (33.33%)	RM217,000.00	RM80,000.00
		1/3 diat (33.33%)	RM217,000.00	RM80,000.00

	ke tengkorak			
3.	<i>Munaqqilah</i> – Luka yang menampakkan dan menghancurkan tulang	15 ekor unta = 3/20 diat (15%)	RM97,650.00	RM36,000.00
4.	<i>Hāshimah</i> – Luka yang mematahkan tulang	1/10 diat (10%)	RM65,100.00	RM24,000.00
5.	<i>Muwaddihah</i> – Luka sampai menampakkan tulang atau meretakkannya.	1/20 diat (5%)	RM32,550.00	RM12,000.00
(ii) Luka dan kecederaan di bahagian lain (<i>Jirāh</i>)				
1.	<i>Jā'ifah</i> – luka dan kecederaan yang menembusi rongga badan seperti di dada, perut, dubur dan rusuk.	1/3 diat (33.3%)	RM217,000.00	RM80,000.00
D. Keguguran kandungan				
1.	Bayi telah dilahirkan hidup tetapi meninggal kemudiannya kesan daripada perbuatan salah yang dilakukan ke atas ibunya	Diat penuh untuk bayi	RM651,000.00	RM240,000.00
2.	Bayi dilahirkan mati kesan daripada perbuatan salah yang dilakukan ke atas ibunya	<i>Ghurrah</i> - 5 ekor unta 1/20 diat (5%) untuk bayi	RM32,550.00	RM12,000.00
3.	Akibat kecederaan, ibu meninggal dunia bersama kandungan di dalam perutnya	Tiada diat untuk bayi kerana kematianya berlaku akibat kematian ibu. Diat penuh untuk ibu	RM651,000.00	RM240,000.00

Jadual 6.1 di atas menyenaraikan bentuk kehilangan dan kecederaan yang diperuntukkan dengan diat dan *arsh*. Kadar tersebut bersifat mengikat dan perlu diputuskan oleh para hakim bagi bentuk-bentuk kecederaan yang dinyatakan. Perubahan nilai hanya berlaku pada nilai Ringgit Malaysia sesuai dengan perubahan harga emas dan perak semasa. Selain daripada kehilangan dan kecederaan di atas, penilaianya terpulang kepada para hakim sebagai *hukūmah al-‘adl*.

Daripada jadual di atas juga, dapat dilihat perbezaan kadar diat menggunakan nilai emas dan perak. Kerajaan boleh memilih sandaran nilai yang bersesuaian agar jumlah keseluruhan ganti rugi daripada beberapa diat, *arsh* dan *hukūmah al-‘adl* yang dikenakan bagi pelbagai kecederaan yang dialami oleh mangsa nanti, tidak terlalu tinggi.

6.2.2 Kerosakan Harta Benda dan Kerugian Material

Damān diperuntukkan sebagai ganti rugi bagi kerosakan harta benda dan kerugian material yang dialami oleh seseorang. Namun menurut perbincangan fuqaha, *damān* hanya boleh diberikan kepada harta yang bernilai sama ada harta alih atau harta tidak alih.⁴⁹⁵ Dalam kes kemalangan jalan raya semasa, harta alih adalah seperti kenderaan, beg, pakaian dan lain-lain barang milik peribadi yang berada di dalam kenderaan. Harta tidak alih pula ialah seperti rumah atau bangunan yang mengalami kerosakan.⁴⁹⁶

Kerosakan barang yang boleh diberikan ganti rugi termasuklah kecacatan fizikal barang, kehilangan manfaatnya dan susut nilainya.⁴⁹⁷ Selain itu, kerugian material yang berbangkit akibat kerosakan harta dan kecederaan fizikal juga boleh

⁴⁹⁵ al-Zuhaylī, *Nazariyyat al-Dāmān*, 112.

⁴⁹⁶ Ibid, 118.

⁴⁹⁷ al-Dabbū, *Damān al-Manāfi‘*, 199.

diberikan ganti rugi. Antaranya seperti kos rawatan kecederaan yang merupakan kerugian harta secara tidak langsung (*itlāf māl al-ghayr bi at-tasabbub*).⁴⁹⁸

6.3 Kaedah Penetapan Ganti Rugi Menurut Perbincangan Fuqaha

Secara umum, kaedah penetapan bagi semua bentuk ganti rugi menurut perundangan Islam dipandu oleh syarak. Namun, panduannya berbeza mengikut bentuk kerosakan dan ganti rugi. Pertama, bagi kehilangan nyawa dan kecederaan anggota, nilai tertentu telah ditetapkan melalui nas. Ini bermaksud, para hakim perlu memutuskan berdasarkan nilai diat ini dan merujuk kepadanya dalam memutuskan nilai *arsh* bagi kecederaan kecil bagi anggota yang telah ditetapkan kadar diatnya. Kedua, penetapan kadar *hukūmah al-'adl* dipulangkan kepada hakim bagi bentuk kecederaan yang tidak ditentukan kadarnya. Ketiga, prinsip syarak ditetapkan melalui nas bagi memandu penetapan kadar *ḍamān* bagi kerosakan material.

6.3.1 Penetapan Nilai Ganti Rugi Berdasarkan Nas Syara'

Obligasi pembayaran diat bagi kesalahan menghilangkan nyawa secara tidak sengaja diperuntukkan melalui al-Quran iaitu pada ayat 92 surah al-Nisa':

وَمَا كَاتَ لِمُؤْمِنٍ أَن يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا حَطَّأً وَمَن قَتَلَ مُؤْمِنًا حَطَّأ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ
مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسْلَمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا أَن يَصَدِّقُوا فَإِن كَاتَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوًّا لَكُمْ وَهُوَ
مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِن كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيقَاتٌ فَدِيَةٌ
مُسْلَمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ فَمَن لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرٍ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِنَ
اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيًّا حَكِيمًا

⁴⁹⁸ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-'Udwān*, 440.

Terjemahan: “Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kafarah) dengan memerdekaan seorang hamba yang beriman serta membayar diat (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga simati), kecuali jika mereka sedekahkan kepada ahlinya (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kafarah sahaja dengan) memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) daripada kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar ‘diah’ (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekaannya), maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya daripada Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Melalui ayat di atas, dinyatakan bahawa pembalasan bagi kesalahan menghilangkan nyawa secara tidak sengaja adalah diat dan kafarah. Namun, ayat ini tidak memperincikan kadar diat yang diwajibkan. Perincian mengenai kadar diat dinyatakan melalui banyak hadith Nabi s.a.w. Antaranya seperti yang dilampirkan dalam perbincangan di atas.⁴⁹⁹ Daripada nas al-Quran dan al-hadith yang menetapkan kadar diat dan *arsh* ini, terbit beberapa kaedah penetapan melalui ijtihad para fuqaha'. Ijtihad berlaku dalam beberapa keadaan. Pertama, apabila kehilangan anggota atau manfaatnya dan kecederaan bertindan di bahagian yang berkaitan. Kedua, kecederaan yang berlaku adalah kecil dan kehilangan anggota tidak berlaku secara total. Ketiga, apabila kehilangan nyawa dan kecederaan anggota berlaku dalam keadaan tertentu yang menyebabkan berlaku pemberatan nilai diat.

⁴⁹⁹ Rujuk perbincangan di bawah subtopik 6.2.1 Kematian dan kecederaan.

6.3.1.1 Kehilangan Anggota atau Manfaatnya dan Kecederaan Yang Bertindan di Bahagian Yang Berkaitan

Secara umumnya, diat dan *arsh* diberikan secara berasingan bagi beberapa kecederaan dan hilang keupayaan yang menimpa mangsa. Kadar keseluruhan diat dan *arsh* yang diperuntukkan tidak mempunyai had minimum atau maksimum. Ini kerana penetapannya kadarnya bergantung pada bilangan kehilangan dan kecederaan anggota. Sekiranya seorang pemandu menyebabkan kematian beberapa orang mangsa, beliau bertanggungjawab menjelaskan diat bagi setiap nyawa tersebut.⁵⁰⁰ Jika seorang pemandu menyebabkan beberapa kecederaan ke atas individu tertentu, beliau bertanggungjawab ke atas kesemua kecederaan tersebut.⁵⁰¹ Berdasarkan perbincangan fuqaha, seorang mangsa boleh menerima sehingga 27 diat bahkan mungkin lebih bagi pelbagai kehilangan anggota dan hilang keupayaan total yang berlaku terhadap anggota tubuhnya.⁵⁰²

Namun, ganti rugi ini boleh disatukan sekiranya kecederaan dan hilang keupayaan berlaku pada anggota yang sama. Penyatuan ganti rugi ini dibuat berdasarkan kaedah *al-tadakhul* yang bermaksud mengambil satu hukum daripada dua hukum yang berbeza, bagi dua perkara yang berlaku.⁵⁰³ Ini bermaksud nilai ganti rugi

⁵⁰⁰ Sa‘dī Abū Jīb, *Mawsū‘at al-Ijmā‘ fī al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyik : Dar al-Fikr, 1999), 1: 437.

⁵⁰¹ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 446; Sa‘dī Abū Jīb, *Mawsū‘at al-Ijmā‘*, 1: 437; al-‘Aisāwī , Najm ‘Abd Allāh Ibrāhīm, *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Dār al-Buḥūth li al-Dirāsat al-Islāmiyyah wa Iḥyā’ al-Turāth, 2002), 350.

⁵⁰² Berkumpul dua puluh tujuh diat bahkan lebih pada seorang individu ini adalah kata-kata al-Ramli daripada mazhab al-Syafī'i. Bilangan diat bagi pelbagai kecederaan yang dialami oleh seorang mangsa adalah berbeza-beza menurut pandangan fuqaha. Ini boleh terjadi disebabkan pengelasan anggota, had anggota, kedudukan manfaat anggota dan pancaindera yang berbeza menurut pandangan para fuqaha. al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Aṭrāf*, 350.

⁵⁰³ al-Khasylān, Khālid bin Sa‘ad, *al-Tadākhul bayn al-Āḥkām fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Riyāḍ: Dār Ishbiliyyā li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 1999), 1: 49.

bagi dua bentuk kerosakan disatukan dengan memilih salah satu nilai sahaja.⁵⁰⁴

Penyatuan ganti rugi ini dilakukan berpandukan kaedah fiqh berikut:

إِذَا اجْتَمَعَ أَمْرَانٌ مِّنْ جِنْسٍ وَاحِدٍ ، وَلَمْ يَخْتَلِفْ مَقْصُودُهُمَا ، دَخَلَ أَحَدُهُمَا فِي الْآخَرِ
505 غَالِبًا

Terjemahan: “Apabila berkumpul dua perkara daripada jenis yang sama dan tidak bertentangan maksud pensyariatannya, kebiasaannya digabungkan salah satu daripadanya ke dalam satu lagi.”

Kaedah di atas menetapkan bahawa apabila dua perkara bentindan, satu hukum boleh diperuntukkan. Namun, penetapan satu hukum sahaja bagi dua perkara ini boleh berlaku apabila wujud dua syarat. Pertama, kedua-dua perkara mestilah daripada jenis yang sama dan kedua, tujuan pensyariatannya juga sama. Syarat ini dihuraikan lebih lanjut oleh para fuqaha yang menetapkan bahawa persamaan perlu wujud pada bentuk perbuatan,⁵⁰⁶ masa,⁵⁰⁷ tempat,⁵⁰⁸ mangsa⁵⁰⁹ dan pelaku⁵¹⁰ perbuatan tersebut. Dalam aspek penetapan ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya, penyatuan ganti rugi boleh berlaku apabila kecederaan dan kehilangan manfaat berlaku pada anggota yang sama, diakibatkan oleh pelaku yang sama dalam masa yang sama.

Sekiranya wujud persamaan bagi kesemua aspek tersebut, penyatuan ganti rugi boleh dilakukan dengan mengambil nilai ganti rugi yang lebih tinggi. Dalam hal ini, al-Sarakhsî menetapkan satu diat sahaja bagi luka yang menimpa kepala (*muwaddihah*)

⁵⁰⁴ al-Qudâh, Zakariyyâ, “Ijtimâ‘ al-‘Uqûbah al-Muqaddarah fî al-Fiqh al-Islâmi,” *Majallah al-Syâri‘ah wa al-Dirâsat al-Islâmiyyah* 4, no. 8 (Ogos 1987), 127.

⁵⁰⁵ Lafaz yang sedikit berbeza digunakan oleh Ibn Rajab (*al-Qawâ‘id li Ibn Rajab*) seperti berikut :

إِذَا اجْتَمَعَتْ عِبَادَتَانِ مِنْ جِنْسٍ فِي وَقْتٍ وَاحِدٍ لَيْسَ إِدَاهُمَا مَفْوَلَةً عَلَى جِهَةِ الْقَضَاءِ وَلَا عَلَى طَرِيقِ التَّبَعِيَّةِ لِلْآخَرِ فِي الْوَقْتِ تَدَافَعُتْ أَعْوَالَهُمَا وَاکْتَفَى فِيهِما بِفَعْلِ وَاحِدٍ

⁵⁰⁶ Apa yang dimaksudkan dengan persamaan bentuk perbuatan ialah sama ada sengaja, separuh sengaja mahupun tidak sengaja. Al-Suyûti, *al-Ashbâh wa al-Naţâ’ir* (al-Maktabah al-Syâmilah, versi 3.28), 230; al-Khasylân, *al-Tadâkhul bayn al-Âhkâm*, 2: 823.

⁵⁰⁷ ‘Abd al-Râhmân bin Shâlih, *al-Qawâ‘id wa al-Dawâbi‘ al-Fiqhiyyah al-Mutađaminah li al-Tâysîr* (al-Maktabah al-Syâmilah, versi 3.28), 83; al-Khasylân, *al-Tadâkhul bayn al-Âhkâm*, 2: 823.

⁵⁰⁸ Al-Suyûti, *al-Ashbâh wa al-Naţâ’ir*, 230.

⁵⁰⁹ al-Khasylân, *al-Tadâkhul bayn al-Âhkâm*, 1: 131.

⁵¹⁰ Ibid, 2: 823.

dan kerosakan kulit kepala yang menyebabkan botak kekal. Diat ini adalah bagi kerosakan kulit kepala yang menyebabkan botak kekal. *Arsh* bagi luka di kepala, ditindankan ke dalam diat tersebut.⁵¹¹

Contoh lain yang dikemukakan oleh al-Sarakhsī, ialah pertindanan *hukūmat al-'adl* bagi tapak tangan yang terpotong ke dalam *arsh* jari-jemari yang telah ditetapkan syarak. Beliau tidak memutuskan *hukūmat al-'adl* yang berasingan apabila kebanyakan jari masih wujud pada tapak tangan tersebut.⁵¹² Secara umum, ini adalah pandangan yang disepakati dalam mazhab Hanafi. Perbezaan pandangan timbul dalam kes seumpama ini, apabila nilai *arsh* lebih kecil berbanding *hukūmat al-'adl*. Contohnya apabila nilai *arsh* sebatang jari yang tinggal lebih kecil berbanding *hukūmat al-'adl* tapak tangan yang diputuskan oleh hakim.⁵¹³

Dalam hal ini, pandangan mereka terbahagi kepada dua. Pertama, kadar yang perlu ditetapkan adalah berdasarkan kadar *arsh* yang telah ditetapkan syarak walaupun kadar *arsh* tersebut adalah kecil.⁵¹⁴ Kedua, kadar yang perlu ditetapkan ialah kadar yang lebih banyak walaupun melalui *hukūmah al-'adl*, bukan kadar *arsh*.⁵¹⁵ Dalam hal ini,

⁵¹¹ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, *al-Mabsūt* (Beirut: Dār al-Ma'rīfah, t.t), 26: 98.

⁵¹² Ibid, 26: 82.

⁵¹³ al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 82 – 83.

⁵¹⁴ Dalam hal ini, Abu Hanifah kekal dengan pandangan bahawa pertindihan dilakukan dengan memasukkan nilai anggota yang tidak ditetapkan kadar ganti ruginya ke dalam ganti rugi anggota yang ditetapkan kadarnya oleh syarak. Ini bermakna *hukūmah al-'adl* bagi tapak tangan ditindankan ke dalam *arsh* jari dan penetapan remedi dibuat dengan mengambil nilai *arsh* dua atau sebatang jari yang tinggal. Beliau mengemukakan hujah bahawa *arsh* jari adalah sabit daripada nas manakala *hukūmah al-'adl* bagi tapak tangan pula sabit daripada keputusan atau pandangan hakim. Justeru, nilai yang diperuntukkan oleh nas lebih patut diutamakan walaupun mungkin kadarnya kurang daripada *hukūmah al-'adl* yang mungkin ditetapkan oleh hakim. Ini kerana beliau berpendapat pandangan atau ijtihad (*al-ra'y*) tidak boleh bersalah dengan nas. Ketegasan Abu Hanifah dalam berpegang pada prinsip ini jelas apabila beliau menetapkan bahawa ganti rugi bagi tapak tangan tetap perlu ditindakan ke dalam *arsh* walaupun hanya tinggal satu ruas pada sebatang jari (*al-mafṣal*) sahaja⁵¹⁴ yang nilai *arshnya* hanyalah satu pertiga daripada *arsh* sebatang jari. al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 83 dan 98.

⁵¹⁵ Abu Yusuf dan Muhammad pula sebaliknya memilih metod umum bagi kaedah *al-tadakhul* dalam penetapan ganti rugi iaitu menggabungkan nilai yang sedikit ke dalam nilai yang lebih besar dalam keadaan yang wujud hanya sebatang atau dua jari sahaja.⁵¹⁵ Mereka berpandangan ganti rugi yang patut diberikan ialah *hukūmah al-'adl* yang mewakili tapak tangan apabila nilainya lebih besar nilainya berbanding *arsh* jari yang tinggal. Mereka mengibaratkan keadaan kehilangan sebahagian besar jari seperti kehilangan keseluruhannya kerana manfaat genggaman tidak lagi boleh dijalankan oleh sebahagian kecil jari yang tinggal. Oleh kerana itu, ganti rugi yang ditetapkan bagi keadaan ini juga disamakan dengan keadaan terpotongnya tapak tangan yang tidak mempunyai jari padanya iaitu *hukūmah al-'adl*. Ibid, 26: 82.

penulis bersetuju dengan pandangan umum bahawa nilai yang lebih tinggi diambil sebagai ganti rugi. Ini lebih menepati maslahah kepada mangsa.

Bagi menentukan sama ada pertindanan kehilangan manfaat dan kecederaan anggota berlaku, para sarjana menyimpulkan beberapa panduan. Pertama, pertindanan berlaku apabila manfaat anggota hilang bersama dengan anggota.⁵¹⁶ Manfaat pertuturan dan deria rasa contohnya, hilang apabila lidah mangsa terpotong. Dalam kes ini, mangsa hanya diberikan satu diat sahaja iaitu bagi kehilangan lidah bersama manfaatnya.⁵¹⁷ Kedua, pertindanan tidak berlaku jika manfaat anggota hilang, sedangkan anggota pula kekal dalam keadaan baik. Dalam keadaan ini, ganti rugi diberikan secara berasingan. Sebagai contoh, lidah mangsa kekal baik, tetapi deria rasa dan pertuturnya hilang.⁵¹⁸

Masalah yang lebih kompleks dan mengundang banyak perselisihan seperti kecederaan kepala yang menyebabkan kehilangan pendengaran, penglihatan dan pertuturan,⁵¹⁹ mahupun manfaat dalam bentuk *al-ma'āni* yang lain⁵²⁰ seperti akal,⁵²¹

⁵¹⁶ al-‘Aisāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Ātrāf*, 351.

⁵¹⁷ al-Khasylān, *al-Tadākhul bayn al-Ahkām*, 2: 825.

⁵¹⁸ Ibid.

⁵¹⁹Dalam hal ini, al-Sarakhsī menetapkan ganti rugi secara berasingan iaitu tiga diat bagi kehilangan manfaat-manfaat tersebut beserta *arsh* luka. Walau bagaimanapun, Abu Yusuf pula berpendapat bahawa *arsh* luka digabungkan dengan diat kehilangan manfaat pendengaran dan pertuturan manakala kehilangan manfaat penglihatan pula diberikan diat yang berasingan. Ini bermakna mangsa perlu diberikan dua diat. Perbezaan pandangan ini timbul disebabkan perbezaan pandangan mereka dalam menentukan kedudukan manfaat-manfaat tersebut. Abu Yusuf berpandangan manfaat penglihatan adalah jelas dan zahir kedudukannya secara hukum dan hakikat sedangkan manfaat pendengaran dan pertuturan pula bersifat batin atau tidak kelihatan. Justeru itu, diat bagi deria penglihatan yang zahir kedudukannya diberikan secara berasingan sedangkan manfaat pendengaran dan pertuturan yang sama-sama bersifat batin kedudukannya digabungkan dengan luka kepala. Penggabungan dua manfaat yang batin ini dengan *arsh* luka kepala dilakukan sebagaimana digabungkan diat kehilangan akal yang bersifat batin dengan *arsh* bagi luka di kepala. Pandangan ini berbeza dengan pandangan al-Sarakhsī yang menetapkan ganti rugi secara berasingan. Ini kerana menurut mereka kedudukan deria dengar bukan terletak di kepala tempat kecederaan berlaku. Begitu juga dengan penglihatan dan pertuturan. Justeru, diat kesemua manfaat anggota yang berlainan kedudukannya itu perlu diberikan secara berasingan. Al-Sarakhsī menyokong pandangan beliau dengan penghakiman Saidina Umar yang menetapkan empat diat secara berasingan bagi kehilangan akal, penglihatan, pertuturan dan manfaat seksual akibat kecederaan kepala yang menimpa seorang lelaki sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 99.

⁵²⁰*Al-ma'āni* ialah manfaat anggota selain daripada pancaindera (*al-hawas* terbahagi kepada lima iaitu deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat dan deria sentuh.). Al-ma'āni antaranya ialah akal, manfaat pertuturan atau kemampuan bercakap, manfaat suara, manfaat makan (mengunyah), manfaat jimak, manfaat ejakulasi (إِذْنَاء), kemampuan mengandung dan melahirkan anak, kemampuan menggenggam tangan (البَطْش), kemampuan berjalan, kemampuan pada batang leher untuk melakukan gerakan seperti menanduk (الإِجْبَل). al-‘Aisawi, Najm ‘Abd Allah Ibrahim, *al-Jinayah ‘ala al-Ātrāf*, 306

penentuannya boleh dirujuk kepada pakar.⁵²² Khidmat pakar pernah digunakan oleh Saidina Abu Bakar r.a dalam penentuan bentuk pembalasan yang sesuai dikenakan dalam satu kes yang melibatkan kehilangan telinga mangsa.⁵²³ Dengan bantuan teknologi semasa, pengelasan kecederaan kepada satu anggota yang sama atau dua anggota yang berlainan dapat ditentukan dengan lebih tepat.

6.3.1.2 Kecederaan Kecil atau Kehilangan Anggota Secara Tidak Total

Bagi kecederaan kecil anggota, kadar ganti ruginya ditetapkan oleh para fuqaha menggunakan kaedah nisbah. Kadar ganti rugi ditetapkan berdasarkan nisbah kecederaan yang berlaku terhadap anggota penuh yang ditetapkan nilai diat atau *arshnya*. Kaedah ini boleh disandarkan kepada hadith Nabi s.a.w. Antaranya berkenaan penetapan setengah diat bagi kehilangan salah satu daripada anggota berpasangan dua⁵²⁴ dan satu persepuuh diat bagi anggota berpasangan sepuluh.⁵²⁵ Daripada hadith Nabi

⁵²¹ Penetapan ganti rugi bagi kecederaan kepala dan kehilangan akal diperlisihkan oleh para fuqaha kepada tiga pandangan. Pertama, ganti rugi bagi kecederaan kepala dan kehilangan akal diberikan secara berasingan. Ini kerana akal adalah satu manfaat yang tidak mempunyai tempat atau anggota yang khusus, maka tempat kecederaan kepala tersebut tidak sama dengan tempat kehilangan akal. Pandangan kedua, *arsh* kecederaan disatukan bersama diat kehilangan akal. Mereka berhujah bahawa kehilangan akal telah menghilangkan manfaat keseluruhan anggota tubuh atau dalam erti kata lain, keseluruhan anggota tidak bermanfaat tanpa kewujudan akal. Akal manusia juga tidak mempunyai tempat yang khusus di badan, sepetimana kedudukan ruh kepada jasad. Pandangan ketiga⁵²¹ pula menetapkan bahawa jika kecederaan kepala tersebut mencapai kadar satu diat, maka ia tidak boleh ditindakan bersama diat kehilangan akal. Jika kadarnya lebih rendah, maka menurut satu pandangan, kedua-dua ganti rugi hendaklah disatukan. al-Sarakhsī, *al-Mabsūt*, 26: 99; al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 335 – 337.

⁵²² Hasil siasatan ini merupakan hujah yang lebih absah dan boleh dipercayai berbanding dakwaan mangsa sendiri. Ia juga mengatasi hujah-hujah aqli seperti yang dikemukakan oleh para fuqaha bahkan boleh mengatasi ijtihad para sahabat yang dilakukan sesuai dengan pengetahuan dan perkembangan ilmu di zaman mereka. Bahkan pandangan pakar dianggap sebagai bonus dalam prosedur siasatan di dalam Islam bagi mengumpul bukti-buktii jenayah. Muhammad Rasyid al-‘Umar, *Uṣūl al-Taḥqīq al-Jinā’ī fī al-Syarī’ah al-Islāmiyyah Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* (Dimasyq: Dār al-Nawādir, 2008), 156.

⁵²³ Dalam satu kejadian yang berlaku di zaman Abu Bakar r.a, seorang budak telah dipotong telinganya. Dalam memutuskan hukuman yang sesuai kepada pelakunya sama ada boleh diqisas atau memadai dengan diat, Saidina Abu Bakar r.a merujuk kepada seorang yang pakar dalam hal-hal kecederaan. Muhammad Rasyid al-‘Umar, *Uṣūl al-Taḥqīq al-Jinā’ī fī al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*, 161

⁵²⁴ Anggota berpasangan dua yang ditetapkan kadarnya melalui hadith secara jelas ialah tangan, kaki, mata, bibir, telinga dan dua buah zakar. Lihat *Sunan Abī Dāud*, Kitab al-Diyyāt, Bab Diyyāt al-A‘dā’, hadith no. 4564; *Sunan al-Nasā’ī*, Kitab al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyāt, Dhikru Hadīth ‘Amrū bin Hazm fi al-‘Uqūl wa Ikhtilāf al-Naqilin lahū, hadith no 4657 dan 4658.

⁵²⁵ Anggota berpasangan sepuluh ialah jari-jari tangan dan kaki. Lihat *Sunan Abī Dāud*, Kitab al-Diyyat, Bab Diyyat al-A‘dā’, hadith no. 4556, 4557, 4562 dan 4564; *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, Abwāb al-Diyyat, Bab mā jā’ a fī diyyat al-Asābi‘, hadith no. 1391; *Sunan al-Nasā’ī*, Kitab al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-

s.a.w berkenaan, para fuqaha menetapkan setengah diat bagi kehilangan sebelah payudara dan puting susu wanita, tulang rahang, bibir kemaluan dan papan punggung.⁵²⁶ Satu perempat diat pula ditetapkan bagi anggota yang berpasangan empat seperti kelopak mata dan bulu mata.⁵²⁷ Para fuqaha juga berijtihad menetapkan kadar satu pertiga *arsh* jari bagi setiap ruas pada sebatang jari (الْأَرْشُ).⁵²⁸

Kaedah ini juga diaplikasikan dalam penetapan kadar *arsh* bagi kecederaan kecil anggota dan pancaindera. Ini juga bersandarkan kepada hadith Nabi s.a.w yang menetapkan satu pertiga diat bagi kecederaan mata yang sedia buta,⁵²⁹ satu pertiga diat bagi tangan yang sudah sedia lumpuh ketika dipotong⁵³⁰ dan satu pertiga diat bagi gigi yang sudah sedia hitam ketika dicabut.⁵³¹

Walau bagaimanapun, bagi kes yang lebih kompleks, berlaku perselisihan pendapat di kalangan fuqaha. Contohnya, terdapat empat pandangan dalam menetapkan *arsh* kehilangan sebahagian manfaat pertuturan. Pertama, penetapan *arsh* dibuat berdasarkan nisbah bilangan huruf yang tidak boleh dituturkan oleh mangsa, daripada 28 huruf arab.⁵³² Pandangan kedua pula, penisbahan dibuat terhadap 16 atau 18 huruf yang biasa dituturkan oleh percakapan (*al-huruf al-muta‘alliqah bi al-lisān*).⁵³³ Ketiga,

Diyyat, Bab ‘Aql al-Asabi’, hadith no. 4848, 4860 dan 4861; *Sunan Ibnu Majah*, Abwab al-Diyyat, Bab Diyyat al-Asābi’, hadith no. 2653.

⁵²⁶ al-‘Aisāwī, Najm ‘Abd Allah Ibrāhīm, *al-Jināyah ‘ala al-Atrāf*, 272 – 284.

⁵²⁷ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, al-Mabsūt, 26: 70; al-‘Aisāwī, Najm ‘Abd Allah Ibrāhīm, *al-Jināyah ‘ala al-Atrāf*, 284 – 287.

⁵²⁸ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, al-Mabsūt, 26: 75; al-‘Aisāwī, Najm ‘Abd Allah Ibrāhīm, *al-Jināyah ‘ala al-Atrāf*, 289 - 290.

⁵²⁹ *Sunan Abī Dāud*, Kitab al-Diyyat, Bab diyyat al-‘dā’, hadith no. 4567; *Sunan al-Nasā’ī*, Kitab al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyat, Bab al-‘ain al-‘aurā’ al-saddah li makānihā idha ṭumisat, hadith no. 4844.

⁵³⁰ *Sunan al-Nasā’ī*, Kitab al-Qasāmah wa al-Qawad wa al-Diyyat, Bab al-‘ain al-‘aurā’ al-saddah li makānihā idha ṭumisat, hadith no. 4844.

⁵³¹ Ibid.

⁵³² Ini merupakan salah satu daripada tiga pandangan di dalam mazhab hanafi, salah satu daripada dua pandangan dalam mazhab Syafie dan salah satu daripada dua pandangan dalam mazhab Hanbali. Rujuk perbahasan di dalam al-‘Aisāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 339 – 340; Al-Nawawī, *Al-Minhāj* (al-Maktabah al-Syamilah versi 3.28), 1: 411.

⁵³³ Pembahagian dibuat berdasarkan 16 huruf ini merupakan salah satu pandangan dalam mazhab Hanafi manakala pembahagian berdasarkan 18 huruf pula adalah salah satu pandangan dalam mazhab Syafie dan Hanbali. Rujuk perbahasan di dalam al-‘Aisāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 339 – 342.

nisbah kehilangannya perlu merujuk kepada ijtihad pakar.⁵³⁴ Keempat, diat penuh diberikan jika mangsa tidak mampu menuturkan kebanyakan huruf, manakala *hukūmah al-‘adl* pula diberikan jika sedikit.⁵³⁵

Kaedah nisbah diaplikasikan oleh para fuqaha bagi kes yang dapat ditentukan kadarnya. Contoh lain, seperti setengah diat bagi kehilangan deria bau daripada salah satu lubang hidung dan satu perlama diat bagi kehilangan salah satu daripada lima rasa pada lidah manusia.⁵³⁶ Jika kadar kecederaan dan hilang keupayaan anggota tidak dapat ditentukan, barulah *hukūmah al-‘adl* diperuntukkan dan kadarnya dipulangkan kepada pemerintah.⁵³⁷

6.3.1.3 Pemberatan Nilai Diat dalam Keadaan Tertentu

Nilai diat bagi kehilangan nyawa dan pelbagai bentuk kecederaan telah ditetapkan oleh syarak. Nilai ini adalah sama bagi semua golongan mangsa tanpa mengira status dan kedudukan mereka. Nilai diat tidak boleh ditambah kecuali dengan sebab-sebab yang dibenarkan oleh syarak.⁵³⁸ Sebab yang disepakati oleh para fuqaha adalah pemberatan diat bagi pembunuhan secara sengaja dan separuh sengaja.⁵³⁹

Selain daripada itu, para fuqaha berselisih pendapat khususnya berkenaan pemberatan diat dalam tiga keadaan iaitu apabila berlaku ke atas mahram,⁵⁴⁰ pada

⁵³⁴Jika pakar berpendapat bahawa kehilangan pertuturan adalah sebanyak satu perempat atau satu pertiga, maka remedi akan diberikan sebanyak itu dengan menisbahkannya kepada nilai diat. Ini merupakan pandangan Mazhab Maliki. Ibid, 340

⁵³⁵Ini merupakan salah satu pandangan dalam mazhab Hanafi. Ibid, 340.

⁵³⁶Ibid, 324 dan 326; Al-Nawawi, *Al-Minhāj*, 1: 412.

⁵³⁷Al-Nawawi, *Al-Minhāj*, 1: 411; al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 310-311, 318, 326, 330 dan 334.

⁵³⁸ al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 401 – 405; Ahmad Badr al-Dīn Haşṣūn, *Mawsū‘ah al-Imām al-Syāfi‘ī al-Kitāb al-Um Silsilat Muṣannafāt al-Imām al-Maṭlabī Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘ī* (Damsyik: Dār Qutaybah, 2003), 407.

⁵³⁹Muhammad Ahmad Siraj, *Daman al-‘Udwan fī al-Fiqh al-Islami*, 446.

⁵⁴⁰Hubungan mahram di antara pelaku dan mangsa ialah mahram disebabkan nasab. Hubungan mahram disebabkan penyusuan dan persemenaan tidak menyebabkan pemberatan diat berlaku. Sekiranya mangsa dan pelaku bukan merupakan mahram seperti hubungan sepupu, maka diat tidak diberatkan juga. al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 401. Walaubagaimana pun, ada yang menghadkan keadaan ini kepada

bulan-bulan haram⁵⁴¹ dan berlaku di tanah haram.⁵⁴² Pertama, pandangan yang mengatakan bahawa tidak berlaku sebarang pemberatan diat dalam ketiga-tiga keadaan tersebut.⁵⁴³ Kedua, pandangan yang mengatakan bahawa pemberatan diat nyawa dan anggota apabila berlaku ke atas seorang ayah yang membunuh anaknya secara sengaja sahaja.⁵⁴⁴ Ketiga, pemberatan diat nyawa dan anggota dalam ketiga-tiga keadaan di atas, walaupun secara tidak sengaja.⁵⁴⁵ Keempat, pemberatan diat nyawa dalam ketiga-tiga keadaan di atas secara sengaja.⁵⁴⁶

Pemberatan diat menurut Mazhab Shaffi'i yang mewakili pandangan ketiga di atas, dilakukan melalui pembahagian 100 ekor unta kepada tiga kumpulan umur seperti mana yang ditetapkan bagi kesalahan secara sengaja.⁵⁴⁷ Ini berbeza dengan lima kumpulan umur bagi kesalahan tidak sengaja.⁵⁴⁸ Tidak berlaku pertambahan bilangan unta yang telah ditetapkan syarak. Walau bagaimanapun, mazhab Hanbali yang mewakili pandangan keempat di atas, menerima pertambahan nilai diat melalui medium emas (dinar) dan perak (dirham) iaitu sebanyak 1/3 bagi setiap keadaan yang

pembunuhan ibu bapa sahaja walaupun secara tidak sengaja. Muhammad Ahmad Saraj, *Dāmān al-'Udwān*, 446.

⁵⁴¹ Bulan-bulan haram di dalam Islam ialah Dzulkaedah, Dzulhijjah, Muharram dan Rejab.

⁵⁴² Jumhur fuqaha bersepakat bahawa tanah haram yang menyebabkan pertambahan nilai diat ialah Mekah. Mereka berselisih pendapat berkenaan pembunuhan yang berlaku di Madinah. Golongan pertama berpendapat diat diberatkan kerana kedudukan Madinah adalah sama seperti Mekah kerana diharamkan perbuatan memburu manakala golongan yang kedua pula berpendapat sebaliknya. al-‘Aisāwī , al-Jināyah ‘alā al-Atrāf, 401; Ahmad Fathī Bahnāsī, *al-Diyāt fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, 97; Muhammad Ahmad Saraj, *Dāmān al-'Udwān*, 447.

⁵⁴³ Ini merupakan pandangan fuqaha mazhab Hanafi, Ibn Mundhir daripada mazhab Syafi'I dan al-Khiraqi daripad amazhab Hanbali. al-‘Aisāwī , al-Jināyah ‘alā al-Atrāf, 399.

⁵⁴⁴ Ini merupakan pandangan mazhab Maliki . Ibid, 400.

⁵⁴⁵ Ini merupakan pandangan mazhab Syafi'i. Ibid, 401.

⁵⁴⁶ Ini merupakan pandangan mazhab Hanbali. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pandangan berkenaan pemberatan diat ke atas anggota. Ibid, 404.

⁵⁴⁷ Pemberatan diat dilakukan dengan membahagikan unta diat sebanyak 100 ekor kepada tiga kumpulan umur iaitu 30 hiqqah (betina, 3 tahun), 30 jadza'ah (betina, 4 tahun) dan 10 khalifah (betina, 5 tahun ke atas). Ibid, 401; Muhammad Ahmad Saraj, *Dāmān al-'Udwān*, 446- 447.

⁵⁴⁸ Lima kumpulan unta diat bagi kesalahan tidak sengaja menurut mazhab Syafi'i ialah 20 *bint makhd* (betina, 1 tahun), 20 *bint labun* (betina, 2 tahun), 20 ibn labun (jantan, 2 tahun), 20 *hiqqah* (betina, 3 tahun) dan 20 *jadza'ah* (betina, 4 tahun). al-‘Aisāwī , al-Jināyah ‘alā al-Atrāf, 392.

dinyatakan.⁵⁴⁹ Ini berlandaskan kepada *athar* para sahabat iaitu Umar r.a, Uthman r.a dan Ibn ‘Abbas r.a berikut:

Daripada Mujahid:

أَنْ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَضَى فِيمَنْ قُتِلَ فِي الْحَرَامِ أَوْ فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ أَوْ
هُوَ مُحَرَّمٌ بِالدِّيَةِ وَثُلُثٌ الدِّيَةِ.

Terjemahan: “Sesungguhnya Umar bin al-Khattab r.a telah memutuskan kepada sesiapa yang membunuh di tanah haram atau pada bulan-bulan haram atau mangsanya mahram dengan satu diat dan satu pertiga diat.”⁵⁵⁰

Daripada Abī Naij̄ih daripada bapanya:

أَنْ رَجُلًا أَوْ طَأً امْرَأَةً بِمَكَّةَ فَقَضَى فِيهَا عُثْمَانُ بْنُ عَفَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ رَجُلًا
دِرْهَمٍ دِيَةٍ وَثُلُثٍ. {ش} قَالَ الشَّافِعِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ : ذَهَبَ عُثْمَانُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِلَى
التَّغْلِيظِ لِقَتْلِهَا فِي الْحَرَامِ.

Terjemahan: “Sesungguhnya seorang lelaki telah menyetubuhi seorang wanita di Mekah (seterusnya membunuhnya) maka Uthman bin ‘Affan r.a telah memutuskan buat wanita tersebut sebanyak 8000 dirham iaitu merangkumi satu diat (6000 dirham) dan satu pertiga diat (2000 dirham).”⁵⁵¹

Diriwayatkan daripada Nāfi‘ bin Jubair:

أَنْ رَجُلًا قُتِلَ فِي الْبَلْدِ الْحَرَامِ فِي شَهْرِ حَرَامٍ، فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : ((دِيَتِهِ اثْنَا عَشَرَ أَلْفًا
وَالشَّهْرُ الْحَرَامُ أَرْبَعَةُ أَلْفٍ وَالْبَلْدُ الْحَرَامُ أَرْبَعَةُ أَلْفٍ، فَكُمِلَّهَا عَشْرِينَ أَلْفًا))

Terjemahan: “Bahawa seorang lelaki telah dibunuh di tanah haram dan pada bulan haram, maka berkata Ibn ‘Abbas: ((Diat untuknya ialah 12,000 (dirham), dan (untuk) bulan haram 4000 (dirham) dan untuk tanah haram 4000 (dirham), maka keseluruhannya 20,000 (dirham)).”⁵⁵²

⁵⁴⁹ Ibid, 404.

⁵⁵⁰ al-Baihaqi, *Sunan al-Kubra*, j. 8, Bab ma ja’ā fi taghliz al-diyat fi qatl al-khata’ fi shahr al-haram wa al-balad al-haram wa qatl dhi al-rahim, no. hadith 16561.

⁵⁵¹ al-Baihaqi, *Sunan al-Kubrā*, j. 8, Bab ma jā’ā fi diyyat al-mar’ah, no. hadith 16740; Ada juga dinyatakan dengan lafaz yang sedikit berbeza dalam Bab ma jā’ā fi taghlīz al-diyāt fi qatl al-khata’ fi shahr al-ḥarām wa al-balad al-ḥarām wa qatl dhi al-rahim, no. hadith 16559.

⁵⁵² al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 403. Athar ini ada dinyatakan dalam al-Baihaqi, *Sunan al-Kubra*, j.8, Bab ma jā’ā fi taghlīz al-diyāt fi qatl al-khata’ fi shahr al-ḥarām wa al-balad al-ḥarām wa qatl dhi al-rahim, no. hadith 16561.

Kesemua *athar* di atas menunjukkan bahawa penambahan nilai diat yang diputuskan adalah 1/3 daripada kadar diat yang berasaskan kepada dirham. Berdasarkan riwayat yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbas di atas pula, pertambahan diat berlaku bagi setiap keadaan secara berasingan. Beliau menetapkan pembunuhan yang berlaku di tanah haram dengan pertambahan sebanyak 1/3 daripada nilai diat yang berasaskan dirham. Oleh kerana ia berlaku pada bulan haram, maka diat ditambah lagi sebanyak 1/3, menjadikan pertambahan diat secara keseluruhan sebanyak 2/3.

Dalam konteks kes kemalangan jalan raya di Malaysia, kehilangan nyawa boleh melibatkan mangsa dalam kalangan mahram dan berlaku pada bulan-bulan haram. Justeru, berpandukan kepada pandangan mazhab Syafi’i, penambahan nilai diat juga boleh berlaku ke atas pemandu cuai dalam keadaan tersebut. Selain keadaan tersebut, Muḥammad Aḥmad Sarāj berpandangan bahawa penambahan nilai diat bagi kes kemalangan jalan raya boleh ditetapkan oleh pemerintah⁵⁵³ atas sebab-sebab lain iaitu apabila perbuatan salah dan natijah yang terhasil adalah serius.⁵⁵⁴ Antara contoh perbuatan salah yang dikemukakannya adalah memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kemalangan berlaku. Begitu juga dengan syarikat kontraktor yang cuai dalam tugas dan membahayakan pengguna jalan raya dengan lubang yang sukar dilihat dan dielakkan.⁵⁵⁵

Namun, untuk pelaksanaan dalam kes-kes kemalangan jalan raya semasa, penulis cenderung kepada pandangan fuqaha yang menetapkan bahawa penambahan

⁵⁵³ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān* 449.

⁵⁵⁴ Beliau berpandangan bahawa pemberatan diat dilakukan dalam keadaan-keadaan khas mungkin disebabkan seriusnya perbuatan dan kesan yang berlaku. Contohnya, pembunuhan dalam kalangan mahram. Pada hakikatnya tiada perbezaan antara pembunuhan mahram dengan pembunuhan terhadap ajnabi dari segi kehilangan nyawa dan dosa. Apa yang membezakannya ialah kesedihan dan penderitaan yang dialami oleh keluarga mangsa adalah lebih berat apabila pembunuhan dilakukan oleh mahram sendiri. Oleh kerana itu, pemberatan diat dalam dibernarkan keadaan ini bagi memulihkan emosi dan perasaan keluarga. Justeru, beliau berpendapat bahawa pemberatan diat boleh dilakukan di zaman ini bagi keadaan selain daripada yang telah dibincangkan oleh fuqaha apabila wujud sebab yang sama iaitu seriusnya perbuatan dan natijah yang berlaku. Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 450 – 451.

⁵⁵⁵ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 451.

nilai diat tidak berlaku dalam kes tidak sengaja.⁵⁵⁶ Ini kerana kecuaian yang mengakibatkan kemalangan jalan raya adalah sesuatu yang tidak dirancang mangsanya, waktunya dan tempatnya. Walau bagaimanapun, penulis bersetuju bahawa perbuatan salah seperti yang dinyatakan oleh Muḥammad Aḥmad Sarāj boleh dikenakan hukuman berat melalui takzir, bukan melalui penambahan nilai diat yang telah ditetapkan oleh syarak.

6.3.2 Penetapan Ganti Rugi Berdasarkan Pertimbangan Hakim

Selain daripada kehilangan dan kecederaan anggota yang telah ditetapkan kadarnya melalui nas, penilaian kadar diserahkan kepada para hakim sebagai *hukumat al-‘adl* Antaranya seperti lebam, kesan calar, kesakitan bagi kecederaan yang telah sembah tanpa meninggalkan kesan fizikal,⁵⁵⁷ kehilangan anggota yang sudah tidak berfungsi seperti lidah yang sedia bisu⁵⁵⁸ dan jari tambahan⁵⁵⁹ dan kehilangan sedikit keupayaan anggota.⁵⁶⁰

6.3.3 Penetapan Ganti Rugi Berdasarkan Prinsip dalam Nas Syarak

Bagi kerosakan harta dan kerugian material, penetapan ganti rugi dibuat berdasarkan kaedah-kaedah fiqh berikut:

الْأَصْلُ رَدُّ الْحُقُوقِ الْمَسْنُوَةِ بِأَعْيَانِهَا عِنْدَ الْإِمْكَانِ⁵⁶¹

Terjemahan: “Hukum asal adalah memulangkan hak yang dipelihara dengan objeknya jika berkemampuan.”

⁵⁵⁶ Antaranya ialah Mazhab Maliki. Ibid, 448.

⁵⁵⁷ Ibid, 462; al- ‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 247.

⁵⁵⁸ Ibid; al- ‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 244.

⁵⁵⁹ Ibid.

⁵⁶⁰Ibid; al- ‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 246.

⁵⁶¹ Sila rujuk prbincangan lanjut berkenaan kaedah ini oleh al-Hājirī , Ḥamad bin Muḥammad al-Jābir, *al-Qawā ‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhīyyah*, 437.

الْمِثْلِيُّ مَضْمُونٌ بِمِثْلِهِ وَالْمُتَقَوِّمُ بِالْقِيمَةِ⁵⁶²

Terjemahan: “Barang *mithliy* diganti dengan barang seumpamanya dan harta yang berbentuk *qimiy* dengan nilai.”

Melalui kaedah-kaedah fiqh di atas, dapat difahami bahawa barang *mithly*⁵⁶³ mesti dipulangkan dengan yang serupa.⁵⁶⁴ Barang *qimiy*⁵⁶⁵ pula perlu digantikan dengan yang senilai. Kaedah-kaedah fiqh ini dibentuk bersumberkan nas-nas al-Quran dan al-hadith yang menekankan kesamaan dalam memberikan hukuman dan pembalasan kepada orang yang menceroboh hak dan gantian kepada orang yang dirosakkan barangannya.⁵⁶⁶

Dalam kes kemalangan jalan raya semasa, kerosakan material yang berlaku antaranya kenderaan dan barang peribadi pihak-pihak yang terlibat. Kebanyakannya merupakan barang *mithliy*. Namun disebabkan perubahan yang berlaku pada sifat dan ciri-ciri barang akibat usia, bentuk penggunaan dan ubahsuai yang dilakukan, maka ia berubah menjadi harta *qimiy* kerana barang ganti yang benar-benar serupa dengannya tidak wujud di pasaran.⁵⁶⁷ Justeru, kerosakan total mahupun sebahagian pada barang tersebut mewajibkan ganti rugi dengan nilai harga pada waktu kerosakan berlaku.⁵⁶⁸

⁵⁶² Ibid.

⁵⁶³ Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah mentakrifkan *mithly* sebagai barang yang diperolehi umpamanya di pasar tanpa ada banyak perbezaan harga yang diambil kira. *al-Ahkam al-‘Adliyyah Undang-undang Sivil Islam*, terj. Md. Akhir Haji Yaakob (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), perkara 145.

⁵⁶⁴ Pemulangan dengan barang *mithliy* yang serupa merangkumi aspek fizikal (*surah*) dan fungsi (*ma’na*). ‘Alā’ al-Dīn al-Kasāñī, *Badā‘ al-Sanā‘ fī Tariib al-Syarā‘i* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1982), 7: 168.

⁵⁶⁵ Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah mentakrifkan *qimiy* sebagai barang yang tidak diperolehi umpamanya di pasar ataupun ada tetapi ada perbezaan harga yang diambil kira. *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, perkara 146.

⁵⁶⁶ Antara ayat al-Quran yang menjadi sandaran kepada kaedah ini ialah surah al-Baqarah (2): 194, surah al-Nahl: 162, Surah al-Syura: 40, surah al-Ma’idah: 95. al-Hājirī, Ḥamad bin Muḥammad al-Jābir, *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah*, 448

⁵⁶⁷ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 531

⁵⁶⁸ Ibid, 534.

Dalam hal sebegini, pengembalian hak boleh dilakukan melalui beberapa cara.

Kaedahnya diperuntukkan dalam Majallah seperti berikut:

“Sekiranya perlakuan seseorang menyebabkan apa jua susut nilai kepada harta milik orang lain, dia bertanggungjawab terhadap kekurangan nilai barang itu.”⁵⁶⁹

“Sekiranya seseorang merosakkan harta tidak alih milik orang lain seperti rumah atau kedai tanpa sebarang hak, pemilik harta boleh memilih, sama ada menyerahkan bahan-bahan dari runtuhan itu kepada orang yang merosakkannya dan menuntut ganti rugi harga bangunan itu sebelum rosak, atau dia boleh juga menolak nilai harga runtuhan (kerosakan) tersebut dari harga sebelum rosak (jika ia tidak rosak), dan menuntut dari orang yang merosakkan itu baki harga tersebut dan pemilik mengambil bahan-bahan rumah yang runtuh. tetapi, sekiranya orang yang merosakkan membaiki kerrosakan tersebut, dia terlepas dari tanggungjawabnya.”⁵⁷⁰

“Sekiranya seorang menebang pokok dalam kebun orang lain yang bukan haknya, pemilik pokok boleh memilih sama ada menuntut harga pokok itu sebelum ditebang dan membiarkan pokok yang ditebang itu kepada yang menebang itu, atau membuat perbezaan di antara harga pokok itu selepas ditebang dengan harga sekiranya ia tidak ditebang dengan menuntut bayaran perbezaan harga itu. Umpamanya, jika nilai tanah itu sebelum tanam-tanamannya ditebang ialah \$10,000.00 (sepuluh ribu) dan nilai tanpa tanaman ialah \$5,000.00 (lima ribu) dan harga pokok ialah \$2,000.00 (dua ribu) pemilik tanah boleh memilih sama ada memberikan tanaman yang ditebang kepada orang yang menebangnya dan mengambil \$5,000.00 (lima ribu) atau mengambil \$3,000.00 (tiga ribu) dengan tanam-tanaman yang ditebang itu.”⁵⁷¹

Petikan perkara 917 di atas, memperuntukkan kaedah pembayaran ganti rugi kepada kerrosakan harta benda alih dan perkara 918 dan 920 pula bagi harta tidak alih. Perkara 918 berkenaan rumah dan 920 berkenaan tanah dan tanaman, memperuntukkan kaedah ganti rugi yang selari. Cuma, perkara 920 memperincikan kaedah pengiraan dengan contoh jumlah bayaran yang jelas. Daripada petikan di atas, dapat difahamkan beberapa kaedah penetapan ganti rugi bagi kerrosakan harta.

⁵⁶⁹ *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, perkara 917.

⁵⁷⁰ Ibid, perkara 918.

⁵⁷¹ Ibid, perkara 920.

Pertama, jika wujud kekurangan pada barang ganti berbanding yang asal, ganti rugi perlu diberikan setimpal dengan kekurangan dan susut nilai yang berlaku.⁵⁷² Ini difahami melalui semua perkara di atas. Dalam contoh rumah dan tanah, susut nilai ialah perbezaan harga sebelum rosak dan selepas rosak. Kedua, pelaku salah membayar penuh nilai barang yang telah dirosakkan kepada pemiliknya dengan tidak mengembalikan barang tersebut.⁵⁷³ Ketiga, pelaku salah membaik pulih barang yang telah dirosakkan seperti sedia kala sebelum menyerahkannya kepada mangsa.⁵⁷⁴ Mana-mana cara yang dibincangkan di atas boleh dipilih untuk mengembalikan hak mangsa terhadap barangannya yang telah rosak akibat kemalangan.

6.4 Penutup

Ganti rugi yang diperuntukkan dalam perundangan Islam bagi kes kemalangan jalan raya adalah bagi kemudarat yang berlaku ke atas nyawa, tubuh badan dan harta benda. Ganti rugi ke atas nyawa dan tubuh badan kebanyakannya ditetapkan kadarnya melalui hadith Nabi s.a.w. Daripada kadar diat dan *arsh* anggota tubuh yang ditetapkan ini, fuqaha berijtihad bagi menetapkan kadar ganti rugi bagi kecederaan kecil dan kehilangan sebahagian anggota. Begitu juga dengan kadar ganti rugi bagi kecederaan anggota dan kehilangan manfaat anggota yang berkaitan.

Luka dan kecederaan yang tidak ditetapkan nilaian melalui hadith pula, dipulangkan kepada pertimbangan hakim. Oleh kerana itu perbincangan tentang *hukūmah al-‘adl* tidak dibincangkan secara panjang lebar oleh fuqaha. Bagi kerosakan harta dan kerugian material pula, penetapan ganti rugi dibuat berdasarkan kaedah-

⁵⁷² al-Kasāñī, *Badā‘i‘ al-Šanā‘i‘*, 7: 168; al-Zuhaylī, *Naṣariyyat al-Dāmān*, 91 – 92. *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, Perkara 900 (b); 918 dan 920.

⁵⁷³ *al-Ahkam al-‘Adliyyah*, Perkara 918 dan 920.

⁵⁷⁴ *Ibid*, Perkara 918.

kaedah fiqh yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-hadith. Prinsipnya ialah persamaan atau ganti rugi berdasarkan kerugian sebenar.

Ganti rugi bagi nyawa dan anggota tubuh yang dinamakan sebagai *daman al-'udwān* mempunyai beberapa persamaan dengan *daman al-amwāl* iaitu ganti rugi bagi kerosakan harta. Kedua-duanya akan dikenakan apabila wujud pencerobohan hak dan elemen liabiliti lain seperti yang dibincangkan dalam bab lima. Perbezaan antara kedua-duanya pula, antaranya dari segi penetapan kadar seperti mana yang dibincangkan. Perbezaan seterusnya adalah pihak yang perlu menjelaskan ganti rugi-ganti rugi ini. Perbincangan mengenai penanggung liabiliti ini dilanjutkan dalam bab berikutnya.

BAB 7

PENANGGUNG LIABILITI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALAN RAYA MENURUT PERUNDANGAN ISLAM SEMASA

7.1 Pendahuluan

Bagi kesalahan tidak sengaja, perundangan Islam memperuntukkan keringanan kepada pemandu cuai yang telah menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan anggota. Keringanan diberikan melalui konsep tanggungan liabiliti⁵⁷⁵ beralih ke atas ‘āqilah dan seterusnya *bayt al-māl*.

Cadangan daripada kajian-kajian lepas banyak mengutarakan kesimpulan bahawa institusi takaful merupakan institusi terbaik mengikut realiti semasa bagi memikul peranan ‘āqilah yang tidak wujud seperti pada zaman awal Islam dahulu.⁵⁷⁶ Bab ini melanjutkan perbincangan ini dengan meneliti beberapa persoalan fiqh yang timbul dalam merealisasikan pandangan tersebut. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh para fuqaha berkenaan ‘āqilah dan tanggungan liabiliti, diperhalusi untuk menilai sejauh mana takaful boleh menjadi alternatif bagi ‘āqilah, selari dengan kehendak syariat.

Bab ini juga membincangkan peranan *bayt al-māl* sebagai penanggung liabiliti selepas ‘āqilah. Penilaian dibuat terhadap institusi *bayt al-māl* semasa dan institusi lain

⁵⁷⁵Istilah tanggungan beralih ini meminjam istilah dalam undang-undang tort. Sarjana yang menggunakan bagi menggambarkan konsep tanggungan liabiliti dalam perundangan Islam antaranya ialah Muhammad Muslehudin, *Concept of Civil Liability in Islam and The Law of Torts* (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1982), 62 dan Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang tort Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 67.

⁵⁷⁶ al-‘Umari, ‘Abd al-Qadir Muhammad, “Hawādith al-Sair”, 2:293; Muhammed ‘Atā al-Sīd Sīd Aḥmad, “Hawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmi al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 327; Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam” (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005), 252; Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia ”(tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Unievrtsiti Malaya, 2004).

yang boleh memainkan peranannya khususnya bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia.

7.2 Konsep Tanggungan Liabiliti bagi Kes-kes Kemalangan Jalan Raya

Kaedah umum dalam perundangan Islam *syakhsiyah al-mas'uliyyah*⁵⁷⁷ atau tanggungan perseorangan⁵⁷⁸ iaitu hanya pelaku salah sahaja yang bertanggungjawab atas perbuatannya. Walau bagaimanapun, bagi kes kemalangan jalan raya, pemakaian kaedah ini dikecualikan oleh majoriti fuqaha.⁵⁷⁹ Sebaliknya tanggungan liabiliti, beralih daripada pemandu cuai kepada ‘āqilahnya dalam aspek pembayaran diat.⁵⁸⁰

Tujuan pengecualian kepada kaedah tanggungan beralih dalam kes ini ialah bagi memastikan hak mangsa terjamin melalui pembayaran diat oleh institusi yang lebih berkemampuan, berbanding seorang pemandu cuai secara persendirian.⁵⁸¹ Jika ‘āqilah pula tidak berkemampuan, tanggungan liabiliti akan beralih kepada institusi *bayt al-māl*. Konsep tanggungan liabiliti beralih dalam perundangan Islam ini adalah komperhensif. Semua golongan mangsa akan mendapat ganti rugi daripada mana-mana penanggung liabiliti yang akan dibincangkan lanjut kemudian. Ini termasuklah mangsa kemalangan langgar lari yang berhak mendapat ganti rugi.

⁵⁷⁷ ‘Awdah, ‘Abd al-Qādir, *al-Tasyrī’ al-Jinā’īy al-Islāmī Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadhi’ī*, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 2: 394.

⁵⁷⁸ Subhi Mahmasani, *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman Khulafa’ al-Rashidin*, terj. Md Som Sujimon (ttp: IIUM Press, 2009), 12. Selain ‘tanggungan perseorangan’, terdapat beberapa istilah terjemahan yang digunakan oleh penulis terdahulu. Antaranya ‘tanggungjawab individu’ yang digunakan oleh Siti Zubaidah atau ‘doctrine of individual criminal responsibility’ oleh Liaquat dan ‘tanggungan tegas’ oleh Abdul Basir. Sila rujuk Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi”, 216; Abdul Basir Mohamad, *Undang-undang Tort Islam*, 43; Liaquat Ali Khan Niazi, *Islamic Law of Tort* (Lahore: Research Cell Dayal Singh Trust Library, 1988), 340; Sayed Sikandar Shah Haneef, *Homicide in Islamic Legal Structure*, 151.

⁵⁷⁹ al-‘Umārī, “Hawādith al-Sair”, 2: 299; rujuk juga ‘Alī al-Khafīf, *al-Dāmān fī al-Fiqh al-Islāmī* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 2000), 321.

⁵⁸⁰ ‘Alī al-Khafīf, *al-Dāmān fī al-Fiqh al-Islāmī*, 321.

⁵⁸¹ ‘Awdah, *al-Tasyrī’ al-Jinā’īy al-Islāmī*, 2: 237.

Namun, pengecualian bukan berlaku secara total kerana penanggungan liabiliti beralih ini berlaku secara bersyarat. Syarat pertama adalah perbuatan salah berlaku secara tidak sengaja. Ini dapat difahami melalui hadith Nabi s.a.w berikut:

لَا تَعْقُلُ الْعَاقِلَةُ عَمْدًا وَلَا عَبْدًا وَلَا صُلْحًا وَلَا اعْتَرَافًا⁵⁸²

Terjemahan: “‘Āqilah tidak menanggung (diat) bagi perbuatan yang dilakukan secara sengaja, perlakuan hamba, diat yang diputuskan melalui perdamaian dan pengakuan salah.”

Hadith di atas menegaskan bahawa tanggungan beralih tidak berlaku akibat perbuatan sengaja. Ini kerana ia dikenakan *qisāṣ*. Walaupun *qisāṣ* gugur melalui kemaafan dan diat dikenakan melalui jalan perdamaian, pembayarannya menjadi liabiliti pesalah sendiri. Tanggungan beralih ke atas ‘āqilah bagi kesalahan secara tidak sengaja sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tanggungan ‘āqilah bagi perbuatan secara tidak langsung (*tasabbub*) berlaku dalam kes Saidina ‘Umar r.a berikut:

إِنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بَلَغَهُ أَنَّ امْرَأَةً بَعِيْثَةً يَدْخُلُ عَلَيْهَا الرِّجَالُ فَبَعَثَ إِلَيْهَا رَسُولًا فَأَتَاهَا الرَّسُولُ فَقَالَ : أَجِبِي أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ فَفَرَعَتْ فَرْعَةً فَوَقَعَتِ الْفَرْعَةُ فِي رَحِمِهَا فَتَحَرَّكَ وَلَدُهَا فَخَرَجَتْ فَأَخْذَهَا الْمَحَاخِضُ فَأَلْقَتْهُ عَلَيْهَا حَنِينًا فَتَقَرَّتِ الْعُمْرَ بِذَلِكَ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ الْمُهَاجِرِينَ فَقَصَّ عَلَيْهِمْ أَمْرَهَا فَقَالَ : مَا تَرَوْنَ ؟ فَقَالُوا : مَا تَرَى عَلَيْكَ شَيْئًا يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ إِنَّمَا أَنْتَ مُعْلِمٌ وَمُؤَدِّبٌ وَفِي الْقَوْمِ عَلَىٰ وَعَلَىٰ سَاكِنَتْ قَالَ : فَمَا تَقُولُ أَنْتَ يَا أَبَا الْحَسَنِ قَالَ : أَقُولُ إِنْ كَانُوا قَارُبُوكَ فِي الْهَوَى فَقَدْ أَتَمُوا وَإِنْ كَانَ هَذَا جُهْدُ رَأْيِهِمْ فَقَدْ أَخْطَلُوهُ وَأَرَى عَلَيْكَ الدِّيَةَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ . قَالَ : صَدَقْتَ اذْهَبْ فَاقْسِمْهَا عَلَىٰ قَوْمِكَ.⁵⁸³

Terjemahan: “Sesungguhnya telah sampai kepada ‘Umar r.a bahawa seorang wanita penzina sedang disetubuh oleh seorang lelaki. Maka Umar r.a mengutuskan kepada wanita tersebut seorang utusan. Maka dia pun mendatangi wanita tersebut dan berkata : “Jawablah kamu kepada Amir al-Mu’minin”. Maka wanita itu dilanda ketakutan yang amat sangat yang

⁵⁸² Sunan al-Dāruqutnī, Kitāb al-Hudud, wa al-Diyāt wa Ghairihī, hadith no. 277.

⁵⁸³ Al-Baihaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb al-Ijārah, Bab al-Imāmu Yaḍman wa al-Mu‘allim Yaghram Man Sarā Maqtūlan bi Ta‘zir al-Imām wa Ta‘dīb al-Mu‘allim, hadith no. 12008.

menjejaskan rahimnya, maka kandungannya bergerak. Wanita itu telah keguguran janin lelaki. Maka berita tersebut disampaikan kepada ‘Umar r.a. Maka ‘Umar r.a pergi kepada sekumpulan Muhibbin dan menceritakan insiden tersebut kepada mereka. Maka beliau berkata : Apa pandangan kamu semua?” Maka mereka berkata : “Kami berpandangan tidak dikenakan ke atas tuan sebarang tanggungan wahai Amir al-Mu’minin. Sesungguhnya tuan merupakan seorang pengajar dan pendidik.” Saidina ‘Ali r.a. ketika itu berada dalam kumpulan tersebut, namun beliau hanya mendiamkan diri. Berkata ‘Umar r.a kepadanya: “Apa pula pandanganmu Wahai Aba al-Hasan?” Saidina ‘Ali r.a berkata: “Aku berpandangan sekiranya mereka mendekatimu dengan hawa nafsu, maka mereka telah berdosa dan jika ini merupakan hasil ijтиhad mereka maka sesungguhnya mereka telah salah. Dan aku berpandangan ke atasmu diat wahai Amir al-Mu’minin. Saidina ‘Umar r.a berkata : “Engkau benar. Pergilah dan agihkanlah diat itu ke atas kaummu (Kaum Quraisy).”

Daripada athar di atas, dapat difahami bahawa pembayaran diat akibat perbuatan secara tidak langsung termasuk dalam liabiliti ‘āqilah. Dalam insiden ini, diat bagi janin wanita tersebut dipertanggungjawabkan ke atas ‘āqilah Saidina ‘Umar iaitu Kaum Quraisy.

Syarat kedua bagi tanggungan beralih adalah kemampuan ‘āqilah untuk menjelaskan diat. Ini kerana diat hanya ditanggungkan ke atas ‘āqilah yang berkemampuan sahaja dengan kadar yang tidak membebankan mereka.⁵⁸⁴ Golongan yang tidak berkemampuan seperti wanita, kanak-kanak, orang miskin dan penghutang tegar dikecualikan daripada tanggungan.⁵⁸⁵ Sekiranya golongan ini berkemampuan setelah pengagihan tanggungan diat dibahagikan ke atas anggota ‘āqilah, mereka tetap tidak perlu memikul diat tersebut.⁵⁸⁶

⁵⁸⁴ Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bñ Aḥmad bin Muḥammad, *al-Mughnī*, c. 5 (Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2005), 12: 44.

⁵⁸⁵ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Qāmān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirasah Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’ūliyyah al-Taqsīriyyah fī al-Qānūn* (al-Qāhirah : Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 1990), 482.

⁵⁸⁶ Contohnya yang miskin telah menjadi kaya, kanak-kanak menjadi baligh, gila menjadi siuman dan khunsa menjadi lelaki. Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*.

Untuk tidak membebankan ‘āqilah, bayaran diat boleh dibuat secara ansuran selama tiga tahun pada setiap akhir.⁵⁸⁷ Malah, jika berlaku kematian, kemiskinan atau kehilangan akal kepada mana-mana anggota ‘āqilah yang menanggung, kewajipannya gugur dan tidak menjadi hutang.⁵⁸⁸ Seterusnya, agihan kadar pembayaran yang dikenakan ke atas ‘āqilah juga dibezakan sesuai dengan status kewangan masing-masing. Dalam mazhab Syafie dan Hanbali misalnya, kadar bagi golongan yang kaya adalah setengah *mithqāl*, manakala bagi golongan pertengahan pula hanya suku *mithqāl*.⁵⁸⁹ Dalam mazhab Hanafi pula, kadar yang dikenakan ke atas setiap anggota ‘āqilah pada setiap tahun mestilah tidak melebihi satu dirham atau satu suku dirham.⁵⁹⁰ Ini menjadikan nilai tanggungan setiap anggota ‘āqilah tidak melebihi tiga atau empat dirham bagi tiga tahun pembayaran diat tersebut.⁵⁹¹

Syarat ketiga bagi tanggungan beralih adalah nilai diat yang dikenakan. Ini merupakan pandangan majoriti fuqaha. Dalam Mazhab Hanafi, tanggungan diat hanya akan beralih kepada ‘āqilah sekiranya nilai diat mencapai 1/20. Ini diqiyaskan kepada nilai *ghurrah* janin bayi yang diputuskan oleh Nabi s.a.w ditanggung oleh ‘āqilah pelaku. Diat yang kurang daripada 1/20 pula ditanggungkan ke atas pelaku sendiri.⁵⁹²

Mazhab Maliki dan Hanbali pula menetapkan kadar minimum 1/3 diat untuk membolehkan tanggungan beralih ke atas ‘āqilah. Pandangan ini bersandarkan kepada hadith mursal yang disokong dengan athar Umar r.a. dan uruf yang berlaku dalam masyarakat Arab berkenaan tanggungan diat.⁵⁹³ Mereka juga berhujah bahawa tanggungan sebenar diat adalah ke atas pelaku. Pengecualian diberikan melalui

⁵⁸⁷ al-‘Aisāwī , Najm ‘Abd Allāh Ibrāhīm, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāfī al-Fiqh al-Islāmī* (Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Ihyā’ al-Turāth, 2002) , 420.

⁵⁸⁸ Al-Jazīrī, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*;

, ‘Abd al-Qadir, *al-Tasyrī‘ al-Jina‘i al-Islami*, 2: 197; Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 12: 46.

⁵⁸⁹ ‘Awdah, *al-Tasyrī‘ al-Jinā‘i y al-Islāmī*, 2: 197.

⁵⁹⁰ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn , *al-Mabsūt* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t), 27: 129.

⁵⁹¹ Ibid.

⁵⁹² al-‘Aisāwī , *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 422 dan 423.

⁵⁹³ Ibid., 423-424.

tanggungan beralih hanya apabila nilai diat banyak iaitu mencapai 1/3. Had ini diqiyaskan kepada had dalam urusan wasiat.⁵⁹⁴

Walau bagaimanapun, mazhab Syafie tidak mensyaratkan nilai tertentu. Sebaliknya menetapkan bahawa ‘āqilah memikul tanggungan diat, sama ada sedikit atau banyak. Hujah mereka adalah diat kehilangan nyawa yang besar jumlahnya ditanggungkan ke atas ‘āqilah oleh Nabi s.a.w. Maka mereka mengqiyaskan bahawa diat yang kecil juga ditanggungkan ke atas ‘āqilah. Tanggungan ke atas ‘āqilah bagi perbuatan tidak sengaja ini, diqiyaskan juga dengan diat akibat perbuatan sengaja yang ditanggungkan ke atas pelaku sendiri sama ada banyak atau sikit nilainya.⁵⁹⁵

7.3 Pihak Yang Menanggung Liabiliti

Penanggung liabiliti bagi kes kemalangan jalan raya terdiri daripada tiga pihak iaitu pelaku, ‘āqilah dan *bayt al-māl*. Namun, para fuqaha berbeza pendapat berkenaan susunan keutamaan tanggungan liabiliti ke atas ketiga-tiga pihak tersebut. Perselisihan ini timbul berikutan pendapat mereka yang berbeza berhubung pihak asal yang ditanggungkan liabiliti. Untuk tujuan perbincangan dalam subtopik ini, pandangan jumhur diambil kira. Justeru, susunan keutamaan pihak yang ditanggungkan liabiliti bagi kes kehilangan nyawa mahupun kecederaan dimulakan dengan ‘āqilah, *bayt al-māl* dan seterusnya pelaku salah sendiri.

⁵⁹⁴ Ibid, 423-425; Aḥmad Fathī Bahnāṣī, *al-Diyāt fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Syūq, 1984, c.4), 71.

⁵⁹⁵ al-‘Aisāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 425; Aḥmad Fathī Bahnāṣī, *al-Diyāt fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah*, 72.

7.3.1 ‘Āqilah

Terminologi ‘āqilah lahir daripada kata akar ‘aqala yang bermaksud mengikat atau menambat dengan menggunakan ‘iqal iaitu sejenis tali tambatan yang biasanya digunakan ke atas unta.⁵⁹⁶ Unta sebagai bayaran diat dalam budaya masyarakat arab, selalunya dihantar oleh keluarga pelaku salah dengan menambatnya di rumah wali mangsa. Unta-unta yang diserahkan dengan jalan ini disebut sebagai *al-‘aql*.⁵⁹⁷ Kekerapan sebutan lafaz *al-‘aql* bagi merujuk kepada makna diat, akhirnya menyebabkan lafaz tersebut dirujuk maknanya sebagai diat.⁵⁹⁸ Lafaz ‘āqilah pula digunakan merujuk kepada makna pembayar diat tersebut.⁵⁹⁹ Selain itu, *al-‘aql* juga bermaksud menegah. Keluarga pelaku salah dinamakan sebagai ‘āqilah kerana bayaran diat mereka menghalang pertumpahan darah akibat amalan membala dendam yang biasa berlaku pada zaman jahiliyyah.⁶⁰⁰

Dalam masyarakat Arab Jahiliyyah, institusi ‘āqilah ini terbentuk berdasarkan struktur sosial mereka yang hidup dalam kabilah dan berpuak-puak. ‘Āqilah seseorang adalah kabilahnya⁶⁰¹ iaitu sebuah keluarga besar yang tidak terhad kepada mereka yang mempunyai hubungan nasab atau persaudaraan sahaja. Ini kerana sesuatu kabilah juga boleh dianggotai oleh lima kumpulan anggota yang tidak mempunyai perkaitan nasab.⁶⁰² Dengan kepelbagaiang anggota dalam sesuatu kabilah, apa yang mengikat hubungan antara mereka adalah perjanjian yang mesti diucap dan disaksikan oleh

⁵⁹⁶ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, s.v. “‘aql”.

⁵⁹⁷ Ibid; *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, t.t), s.v “‘aqilah”.

⁵⁹⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, s.v “‘aql”; *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, s.v “‘aqilah”.

⁵⁹⁹ Ibid.

⁶⁰⁰ Ibid.

⁶⁰¹ Ibid.

⁶⁰² Ahli tersebut antaranya adalah ahli kabilah lain yang berpindah masuk ke dalam kabilah tersebut secara sukarela, ahli kabilah lain yang dilucutkan keahlianya justeru bergabung serta meminta perlindungan dengan kabilah baru, ahli menerusi perkahwinan dengan ahli kabilah, ahli melalui penyertaan hamba yang merdeka sama ada dengan menebus diri sendiri atau dimerdekan oleh tuannya. Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia”, 126.

semua anggota kabilah tersebut. Ia jelas bertindak sebagai satu kontrak sosial antara ahli kabilah. Lafaz perjanjian tersebut antaranya adalah seperti berikut:

دَمِيْ دَمُكَ، وَثَارِيْ ثَارُكَ، وَحَرَبِيْ حَرْبُكَ، وَسَلْمِيْ سَلْمُكَ، تَرْثِنِيْ أَرِثُكَ، تَطْلُبُ بِيْ
وَأَطْلُبُ بَكَ، وَتَعْقِلُ عَنِيْ وَأَعْقِلُ عَنْكَ⁶⁰³

Terjemahan: “Darahku adalah darahmu, dendamku adalah dendammu, musuh peperanganku adalah musuh peperanganmu, damaiku adalah damaimu, kamu mewarisi hartaku dan aku juga mewarisi hartamu, kamu boleh menuntut sesuatu dengan khidmatku dan aku boleh menuntut sesuatu dengan khidmatmu, kamu menjadi ‘āqilah kepadaku dan aku menjadi ‘āqilah kepadamu.”

Lafaz perjanjian ini menggambarkan bentuk hubungan timbal balas yang berlaku dalam sesuatu kabilah. Ia menjelaskan peranan yang perlu dimainkan oleh anggota-anggotanya. Antaranya, menjadi pembela kepada anggota kabilah dengan menuntut bela atas pencerobohan hak yang berlaku ke atas ahlinya. Kedua, menjadi ‘āqilah jika jalan perdamaian yang diambil. Ketiga, menjadi penolong dalam keadaan susah dan senang. Keempat menjadi pewaris antara satu sama lain. Kesimpulannya, peranan yang termeterai melalui perjanjian setia ini adalah tolong-menolong dalam keadaan susah dan senang.

Uruf dalam masyarakat Arab ini kemudian berterusan selepas kedatangan Islam apabila Nabi s.a.w memutuskan tanggungan diat bagi seorang wanita dan bayi di dalam kandungannya ke atas ‘āqilah pelaku salah. Namun, dalam hadith tersebut, ‘āqilah yang dinyatakan olehNabi s.a.w secara jelas adalah ‘aṣabah:

أَنْ امْرَأَةً ضَرَبَتْ ضَرَبَتْهَا بِعَمُودٍ فَسُطَاطِرَ فَقَتَّاهَا وَهِيَ حُبْلَى فَأَتَىَ فِيهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى عَصَبَةِ الْقَاتِلَةِ بِالْدِيَّةِ وَفِي الْجَنَّةِ

⁶⁰³ Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia”, 126.

غُرْةٌ فَقَالَ عَصَبَتْهَا أَدِيَ مَنْ لَا طَعْمَ وَلَا شَرِبَ وَلَا صَاحَ فَاسْتَهَلَ فَمِثْلُ هَذَا يُطْلُ فَقَالَ
 النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْجَعْ كَسَاجُونَ الْأَعْرَابِ⁶⁰⁴

Terjemahan:“Bahawa seorang wanita telah memukul madunya yang sedang hamil dengan tiang khemah lalu madunya terbunuh. Maka didatangkan hal ini kepada Nabi s.a.w. Rasulullah s.a.w lalu memutuskan diat wanita itu ke atas ‘asabah pembunuh tersebut dan *ghurrah* bagi bayinya. Maka berkatalah ‘asabah wanita itu, adakah kami dikenakan diat bagi bayi yang tidak makan dan tidak minum, tidak bersuara dan belum lahir seperti yang gugur ini? Nabi s.a.w lalu bersabda Adakah dia bersajak seperti sajak orang-orang Arab?”

Hadith di atas menjelaskan bahawa ‘asabah bertanggungjawab menjelaskan diat wanita Bani Huzail yang menyebabkan kematian madunya secara separuh sengaja. Walau bagaimanapun, para fuqaha berselisih tentang anggota ‘āqilah yang dimaksudkan melalui hadith ini. Pandangan mereka terbahagi kepada dua. Pertama, keanggotaan ‘āqilah adalah terhad kepada ‘asabah sahaja dan pandangan kedua, ia terbuka kepada pihak-pihak lain juga yang dapat membantu pelaku salah. Mazhab Syafie dan Hanbali menetapkan bahawa ‘āqilah adalah terhad kepada ‘asabah. Ketiadaan pihak lain yang ditanggungkan dengan bebanan diat oleh Nabi s.a.w dalam riwayat lain juga, mengukuhkan pendapat mereka.⁶⁰⁵ Namun, mereka berselisih dalam menentukan siapakah yang dimaksudkan dengan ‘asabah, sama ada termasuk bapa dan anak pelaku ataupun tidak.

Al-Sarakhsī yang bermazhab Hanafi menamakan *diwān* sebagai ‘āqilah, berhujah bahawa penetapan keanggotaan ‘āqilah adalah bergantung kepada kewujudan unsur tolong-menolong (*al-tanāṣur*). Beliau berpegang dengan hadith Nabi s.a.w di atas secara implisit iaitu pada konteksnya. Beliau juga berhujah dengan *ijmā’ sahābi* yang berlaku pada zaman Saidina ‘Umar r.a yang menanggungkan diat ke atas institusi *diwān*

⁶⁰⁴ Sunan al-Nasa’ I al-Sughra, Bab Diyyah Janin al-Mar’ah, Hadith no. 4825.

⁶⁰⁵ Hai’ah Kibār al-Ulamā’ bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah, *Abhath Hai’ah Kibār al-Ulamā’* (al-Maktabah al-Syamilah versi 3.28, t.t), 4: 201.

bagi mereka yang menganggotainya.⁶⁰⁶ Hanya apabila seseorang tidak mempunyai *diwān*, barulah diat ditanggungkan ke atas kabilahnya.

Justeru, pandangan ini bukanlah bererti menyanggahi hadith Nabi s.a.w atau mengubah hukum. Ia selari dengan hadith tersebut kerana Nabi s.a.w menanggungkan diat ke atas ‘*aṣabah* atas dasar hubungan tolong-menolong yang kuat di kalangan mereka. Apabila zaman berlalu dan hubungan di antara ‘*aṣabah* sudah mulai longgar, diat ditanggungkan pula oleh Saidina ‘Umar r.a kepada *diwān* yang terbina atas dasar tolong-menolong yang kuat.⁶⁰⁷ Di samping itu, peranan *diwān* dibentuk selari dengan sistem ‘*āqilah* di mana sebahagian gaji bulanan ahli-ahlinya dipotong selama tiga tahun sebagai dana diat.⁶⁰⁸

Daripada perbincangan, jelas bahawa persoalan keanggotaan ‘*āqilah* ini merupakan perkara *ijtihādiyyah*. Dalam hal ini, penulis cenderung kepada pandangan mazhab Hanafi bahawa ‘*āqilah* boleh terdiri daripada mana-mana pihak yang boleh menjadi *ahli al-nuṣrah* secara iltizam, tanpa terhad kepada golongan ‘*aṣabah* sahaja. Ini kerana ia lebih praktikal untuk dilaksanakan dalam realiti semasa.

7.3.1.1 ‘Āqilah bagi Orang Bukan Islam

Jika pembunuhan secara tidak sengaja dilakukan oleh orang bukan Islam, terdapat dua pandangan fuqaha. Pandangan jumhur fuqaha adalah diatnya ditanggung oleh ‘*āqilah*, sama seperti hukum yang terpakai ke atas Muslim. Namun, terdapat satu pandangan dalam mazhab Syafie yang menegaskan bahawa hukum ‘*āqilah* tidak

⁶⁰⁶ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn , *al-Mabsūt* , 26: 125.

⁶⁰⁷ Ibid , 26: 126.

⁶⁰⁸ Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia ”, 149.

berlaku kepada orang bukan Islam. Ini kerana ia merupakan hak Muslim secara khusus yang bertujuan memberikan keringanan dan membantu mereka.⁶⁰⁹

Pandangan jumhur adalah lebih kuat kerana orang bukan Islam juga terikat dengan hukum-hakam muamalat dan perundangan dalam sebuah negara Islam. Unsur tolong-menolong juga wujud sesama mereka.⁶¹⁰ Ia juga menepati tujuan syara' dalam memelihara kemuliaan manusia dan mengelakkan berlakunya pertumpahan darah dan pencerobohan hak secara sia-sia tanpa pembelaan. Namun, ‘āqilah mereka mestilah terdiri daripada kalangan orang bukan Islam juga kerana Muslim dan kafir tidak boleh menjadi ‘āqilah antara satu sama lain.

Hujahnya, unsur asas dalam ‘āqilah adalah tolong-menolong (*al-tanāṣur*) dan pembelaan (*al-walā*). Perbezaan agama menghalang orang Islam daripada berkasih sayang, membela dan membantu orang bukan Islam yang merupakan musuh Allah dan musuh mereka.⁶¹¹ Walau bagaimanapun, para fuqaha berselisih pendapat berkenaan kaum kafir yang berbeza agama sama ada mereka boleh menjadi ‘āqilah sesama mereka. Dalam hal ini, pandangan fuqaha terbahagi kepada dua. Satu pandangan menyatakan bahawa orang bukan Islam kesemuanya merupakan satu agama, justeru mereka boleh menjadi ‘āqilah sesama mereka. Ini adalah pandangan yang *azhar* dalam mazhab Syafie.⁶¹² Namun, satu pandangan lagi berpendirian bahawa perbezaan agama menghalang mereka daripada menjadi ‘āqilah sesama mereka sekiranya wujud permusuhan atau pertentangan antara agama seperti Yahudi dan Nasrani.⁶¹³ Justeru, menurut pandangan ini yang dikemukakan antaranya oleh Imam al-Syafie sendiri, ‘āqilah kafir *dhimmi* mestilah dalam kalangan penganut agama yang sama.⁶¹⁴

⁶⁰⁹ Ahmad Fathī Bahnāsī, *al-Diyāt fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, 76.

⁶¹⁰ al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, *al-Mabsūt*, 26: 133.

⁶¹¹ Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*.

⁶¹² Al-Khāṭib, Muhammad al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Alfāz al-Minhāj*, (Miṣr, 1985), 4.

⁶¹³ Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*.

⁶¹⁴ Ahmad Fathī Bahnāsī, *al-Diyāt fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah*, 76.

7.3.2 Bayt al-Māl

Pihak yang ditanggungkan diat selepas ‘*āqilah* ialah *bayt al-māl*. *Bayt al-māl* merujuk kepada sebuah institusi kewangan utama dalam sebuah negara Islam yang menguruskan perolehan, penyimpanan, pengagihan dan perbelanjaan pendapatan negara untuk kemaslahatan golongan yang telah ditentukan dan umat Islam secara umumnya.⁶¹⁵ Tanggungan liabiliti yang dipikulkan ke atas *bayt al-māl* ini walau bagaimanapun diperselisihkan oleh para fuqaha. Satu pandangan dalam mazhab Hanbali menyatakan bahawa *bayt al-māl* tidak perlu menanggung liabiliti menjelaskan diat kerana *bayt al-māl* bukan ‘*aṣabah* kepada pelaku.⁶¹⁶ Pandangan majoriti fuqaha pula sebaliknya menyatakan bahawa *bayt al-māl* ditanggungkan diat pelaku salah yang tidak mempunyai ‘*āqilah*.⁶¹⁷ Malah dalam kalangan fuqaha yang mewakili pandangan kedua ini, ada yang menganggap bahawa *bayt al-māl* merupakan salah satu pihak yang termasuk dalam pengertian ‘*āqilah*.⁶¹⁸

Sebab penanggungan liabiliti ke atas *bayt al-māl* menurut pandangan kedua ini adalah *bayt al-māl* mewarisi harta sesiapa yang tidak mempunyai waris. Justeru, *bayt al-māl* bertanggungjawab sebagai ‘āqilah dalam menjelaskan diat bagi pihak pelaku yang tidak mempunyai waris. Hubungan timbal balas ini disandarkan kepada hadith Nabi s.a.w seperti berikut:

أَنَا وَارِثٌ مَّنْ لَا وَارِثَ لَهُ . أَعْقَلُ عَنْهُ وَأَرْثُهُ . وَالحَالُ وَارِثٌ مَّنْ لَا وَارِثَ لَهُ . يَعْقُلُ
عنْهُ وَيَرِثُهُ 619

⁶¹⁵ *al-Mawsu‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 8: 242-245.

⁶¹⁶ Ibn Qudamah, *al-Mughni*, 12: 49.

⁶¹⁷ al-Mutṭī'i, Muḥammad Najīb, *Takmīlāt al-Ṯānīah al-Majmū' Syarḥ al-Muhaḍhdhab* (Miṣr: Maṭba'ah al-Imām, t.t.), 27: 479.

⁶¹⁸ Ini merupakan pandangan dalam mazhab Maliki dan Zaidiyah. al-‘Aisāwī, *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf*, 409 dan 413.

⁶¹⁹ Sunan Ibn Majah, Kitab al-Diyat, Bab al-Diyyah ‘ala al-‘aqilah fa in lam yakun fa fi bait al-mal, hadith no. 2634. Hadith yang hampir sama lafaznya juga direkodkan dalam Sunan Abi Daud dalam Kitab

Terjemahan: “Aku adalah waris bagi sesiapa yang tidak mempunyai waris. Aku menjadi ‘āqilahnya dan mewarisinya. Bapa saudara daripada sebelah ibu adalah waris bagi sesiapa yang tidak mempunyai waris. Dia menjadi ‘āqilahnya dan mewarisinya.”

Apa yang dimaksudkan oleh hadith adalah harta individu yang tidak mempunyai waris akan kembali kepada *bayt al-māl* dan *bayt al-māl* akan menanggung pembayaran diatnya.⁶²⁰ Daripada hadith ini, para fuqaha mengembangkan konteks tanggungan *bayt al-māl* kepada pelaku yang mempunyai ‘āqilah, namun tidak berkemampuan menjelaskannya.⁶²¹ Begitu juga dengan mangsa yang tidak diketahui siapa pembunuhnya⁶²² seperti mayat yang dijumpai di kawasan awam seperti jalan raya bagi kes langgar lari⁶²³ dan mangsa yang meninggal dalam kesesakan sekumpulan orang ramai.⁶²⁴ Seterusnya, *bayt al-māl* juga menanggung diat bagi kakitangan kerajaan yang melakukan kesalahan ketika bertugas.⁶²⁵

Peranan *bayt al-māl* bagi kes-kes di atas ditetapkan agar hak semua golongan mangsa tidak terbiar tanpa pembelaan. Namun, peranan yang dimainkan oleh *bayt al-māl* bukan bersifat mutlak sebaliknya bersyarat. Seperti ‘āqilah, *bayt al-māl* juga tidak bertanggungjawab bagi kesalahan secara sengaja⁶²⁶ dan kesalahan yang dihukumkan diat sabit melalui *sulh*.⁶²⁷ Selain itu, tanggungan oleh *bayt al-māl* juga bergantung pada kewujudan lebihan dana *bayt al-māl al-fai*’ setelah perbelanjaan wajib yang muktamad

al-Farā’idh, Bāb Mīrath Dhaw al-Arhām; Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Bulugh al-Maram* (Riyad: Dār al-Salām, 2004), Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Farā’idh, hadith no. 944 – 945.

⁶²⁰ Sunan Ibn Majah, *ibid*.

⁶²¹ Iwād Ahmad Idrīs, *al-Diyāt bayn al-‘Uqūbah wa al-Ta ‘wid fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran* (Beirut: Dār wa Maktabah al-Hilal, 1986), 528; Syed Ahmad S.A Alsagoff, *al-Diyah as Compensation for Homicide and Wounding in Malaysia* (Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2006), 352-353.

⁶²² Iwād Ahmad Idrīs, *al-Diyāt bayn al-‘Uqūbah wa al-Ta ‘wid*, 528; *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 8: 254; al-‘Umārī, “Hawādith al-Sair”, 2: 286.

⁶²³ Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004), 712; ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh, “Hawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin* (t.t.p, 1994), 2: 284.

⁶²⁴ Syed Ahmad S.A Alsagoff, *al-Diyah as Compensation for Homicide*, 354.

⁶²⁵ Iwād Ahmad Idrīs, *al-Diyāt bayn al-‘Uqūbah wa al-Ta ‘wid*, 587-588; *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 8: 254.


⁶²⁶ al-‘Umārī, “Hawādith al-Sair”, 2: 286.

⁶²⁷ Diat yang diputuskan melalui sulh bagi kes secara sengaja tidak akan berpindah liabilitinya kepada baitulmal. *Ibid*.

seperti pembayaran gaji kakitangan kerajaan, kos pentadbiran dan lain-lain dijelaskan.⁶²⁸

Sekiranya wujud lebihan dana, pembayaran diat atau baki diat oleh *bayt al-māl* akan dilangsaikan segera jika tidak menjelaskan fungsinya.⁶²⁹ Menurut pendapat yang terkuat, bayaran diat oleh *bayt al-māl* dilangsaikan dengan satu bayaran sepetimana yang ditetapkan oleh Nabi s.a.w dalam kes pembunuhan ‘Abdullah bin Sahl⁶³⁰ dan Saidina ‘Umar dalam kes kematian yang berlaku dalam kesesakan yang tidak diketahui siapa pembunuhnya.⁶³¹ Namun, jika tidak wujud lebihan dana, maka tanggungan diat ke atas *bayt al-māl* gugur dan tidak menjadi hutang.⁶³²

Rajah 7.1: Pembahagian Harta *Bayt al-Māl* pada Zaman Awal Pemerintahan Islam



Harta *bayt al-māl* yang digunakan untuk membayar diat.

Sumber: Ilustrasi penulis berdasarkan *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 8: 249- 251.

⁶²⁸ Munir Ahmad Mughal, “Islamic Concept of Baytu'l-Mal”, , <http://ssrn.com/author=1697634>, h. 39-40, dicapai 11 September 2013.

⁶²⁹ Ahmad bin Muhammad Husni, et. al, “Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti Aqilah Bagi Pembayaran Diyat Dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-Undang Islam” dalam *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat* 4, No. 1 (2012), 7.

⁶³⁰ Rujuk nota kaki 715.

⁶³¹ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 12: 49.

⁶³² *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, 8: 256.

7.3.2.1 Liabiliti *Bayt al-Māl* Terhadap Orang Bukan Islam

Bayt al-māl hanya bertanggungjawab menjelaskan diat bagi kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam.⁶³³ Sekiranya seorang kafir *dhimmi* telah menghilangkan nyawa atau mencederakan secara tidak sengaja, diat perlu dijelaskan olehnya sendiri jika dia tidak mempunyai ‘*āqilah*.⁶³⁴ Ini kerana *bayt al-māl* mewarisi harta orang-orang Islam yang tidak mempunyai waris.⁶³⁵ Orang bukan Islam tidak berhak menggunakan harta warisan orang-orang Islam seperti yang dinyatakan dalam hadith berikut:

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ ، وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ⁶³⁶

Terjemahan: “Seorang Islam tidak mewarisi orang bukan Islam, dan orang bukan Islam juga tidak mewarisi seorang Islam.”

Hukum perwarisan yang mensyaratkan persamaan agama iaitu bukan Islam tidak boleh mewarisi harta orang Islam merupakan ijma’. Manakala hukum orang Islam tidak mewarisi harta orang bukan Islam pula dipersetujui oleh jumhur ulama’.⁶³⁷ Namun, Sheikh Abu Zahrah dalam hal ini, mengemukakan pandangan yang sedikit berbeza. Menurut beliau, nyawa seseorang yang berada di bawah naungan kerajaan Islam tidak boleh gugur tanpa pembelaan. Maka kerajaan menanggung liabiliti bagi semua perbuatan salah yang tidak ditanggung liabilitinya oleh mana-mana individu bagi memberikan ganti rugi kepada mangsa yang terlibat. Ini termasuklah menanggung liabiliti akibat perbuatan orang bukan Islam.⁶³⁸

⁶³³ *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 8: 253; Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*, 174; Ahmad bin Muhammad Husni, “Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti Aqilah”, 6; Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 12: 49; al-Mutī‘ī, *Takmilah al-Thāniyah al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, 479.

⁶³⁴ Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 12: 49; al-Sarakhsī, Syams al-Dīn, *al-Mabsūt*, 27: 133.

⁶³⁵ Ibid.

⁶³⁶ Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fara’idh, Bab La Yarithu al-Muslimu al-Kafira wa La al-Kafiru al-Muslima Wa Idza Aslama Qabla an Yuqsama al-Mirathu fa La Mirathu la ha, hadith no. 6764.

⁶³⁷ Sahih Muslim, Kitab al-Faraidh, hadith no. 1614.

⁶³⁸ al-‘Umārī, “Hawādith al-Sair”, 2: 285.

Berdasarkan kaedah *al-ghurmu bi al-ghunmi*, orang bukan Islam juga dianggap boleh mendapat faedah tanggungan diat kerana semua harta mereka yang tidak mempunyai pewaris juga akan diwarisi oleh *bayt al-māl* sepermama harta orang Islam.⁶³⁹ Justeru, Sheikh Abu Zahrah menyokong pandangannya di atas dengan hujah bahawa Nabi s.a.w telah bertindak membayar diat bagi liabiliti yang ditanggung oleh orang Yahudi dalam kes pembunuhan ‘Abdullah bin Sahl seperti yang diriwayatkan dalam hadith berikut:

خَرَجَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَهْلٍ بْنُ زَيْدٍ وَمُحَيْصَةً بْنُ مَسْعُودٍ بْنُ زَيْدٍ حَتَّىٰ إِذَا كَانَا بِخَيْرَ رَفَقًا
 فِي بَعْضِ مَا هُنَالِكَ ثُمَّ إِذَا مُحَيْصَةٌ يَجِدُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ سَهْلٍ قَتِيلًا فَدَفَنَهُ ثُمَّ أَقْبَلَ إِلَى
 رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُوَ وَحُوَيْصَةُ بْنُ مَسْعُودٍ وَعَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ سَهْلٍ وَكَانَ
 أَصْغَرُ الْقَوْمَ فَذَهَبَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ لِيَتَكَلَّمَ قَبْلَ صَاحِبِهِ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
 وَسَلَّمَ كَبُّرُ الْكُبَرِ فِي السِّنِ فَصَمَّتَ فَتَكَلَّمَ صَاحِبَاهُ وَتَكَلَّمَ مَعَهُمَا فَذَكَرُوا لِرَسُولِ اللَّهِ
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَقْتُلَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سَهْلٍ فَقَالَ لَهُمْ أَتَحْلِفُونَ خَمْسِينَ يَمِينًا
 فَتَسْتَحْقُونَ صَاحِبَكُمْ أَوْ قَاتِلَكُمْ قَالُوا وَكَيْفَ نَحْلِفُ وَلَمْ تَشَهِّدْ قَالَ فَكَتَبَنِيْكُمْ يَهُودُ
 بِخَمْسِينَ يَمِينًا قَالُوا وَكَيْفَ تَعْبُلُ أَيْمَانَ قَوْمٍ كُفَّارٍ فَلَمَّا رَأَى ذَلِكَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
 عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَى عَقْلَهُ⁶⁴⁰

Terjemahan: “Abdullāh bin Sahal bin Zaid dan Muḥaiyishah bin Mas'ud bin Zaid keluar untuk berperang, sampai di Khaibar mereka berdua berpecah. Tidak berapa lama kemudian Muḥaiyishah mendapati Abdullāh bin Sahal terbunuh, lalu dia menguburkan mayatnya. Setelah itu, Muḥaiyishah bersama Ḥuwaiyishah bin Mas'ūd dan ‘Abd al-Rahmān bin Sahal sebagai yang termuda antara mereka, datang menghadap Rasulullah s.a.w. Lalu ‘Abd al-Rahmān maju untuk berbicara mendahului kedua-dua sahabatnya sehingga berkatalah Rasulullah s.a.w kepada danya: Dahulukanlah orang yang lebih tua usianya! Terdiamlah ‘Abd al-Rahmān, sehingga berbicaralah kedua-dua sahabatnya yang segera diikuti oleh ‘Abd al-Rahmān. Mereka menceritakan kepada Rasulullah s.a.w peristiwa terbunuhnya Abdullāh bin Sahal. Rasulullah s.a.w bertanya kepada mereka: Apakah kamu sekalian berani bersumpah lima puluh kali, sehingga kamu berhak atas kawanmu atau pembunuohnya? Mereka berkata: Bagaimana kami harus bersumpah sementara kami tidak menyaksikan peristiwanya? Rasulullah s.a.w bersabda: Kalau begitu orang Yahudi akan terbebas daripada tuntutan kalian kerana mereka

⁶³⁹ Ibid.

⁶⁴⁰ Sahih Muslim, Kitab al-Qasamah wa al-Muharibin wa al-Qisas wa al-Diat, Bab al-Qasamah, hadith no. 4342.

berani bersumpah lima puluh kali. Mereka berkata lagi: Bagaimana kami dapat menerima sumpah kaum kafir? Maka akhirnya Rasulullah s.a.w memberikan diatnya.”

Dalam hadith ini, Nabi s.a.w membayar diat nyawa ‘Abdullāh bin Sahl yang mayatnya dijumpai di kawasan Yahudi. Walau bagaimanapun hadith yang terkandung dalam *bab al-qasāmah* (sumpah) ini, menjelaskan bahawa sumpah seorang bukan Islam dalam kes-kes pembunuhan yang berlaku di kawasan mereka adalah diterima. Dalam kes ini, Nabi s.a.w tidak menanggungkan diat ke atas Yahudi Khaibar kerana mereka bersumpah tidak melakukan pembunuhan. Waris ‘Abdullāh bin Sahl pula tidak yakin untuk bersumpah kerana mereka tidak menyaksikan pembunuhan berlaku. Oleh itu, dakwaan mereka adalah tertolak dan Yahudi Khaibar terlepas daripada tanggungan. Justeru, tanggungan Nabi s.a.w dalam kes ini bukanlah bermaksud tanggungan *bayt al-māl* ke atas pesalah Yahudi mahupun kafir yang lain adalah harus. Sebaliknya ia menjadi dalil bahawa *bayt al-māl* bertanggungan terhadap mangsa yang tidak diketahui siapa pembunuhnya.

Justeru, pandangan jumhur bahawa *bayt al-māl* tidak bertanggungjawab ke atas perbuatan salah orang bukan Islam adalah lebih kuat. Mereka menolak hujah bahawa harta orang bukan Islam juga diwarisi oleh *bayt al-māl* dengan penegasan bahawa harta tersebut bukan diambil melalui jalan perwarisan, sebaliknya *fai*.⁶⁴¹ Pandangan jumhur ini juga selari dengan hukum *al-walā'* sepertimana yang dibincangkan dalam perbincangan berkaitan ‘āqilah. Syariat Islam menetapkan bahawa tidak ada kecintaan, pembelaan dan saling tolong-menolong (*al-walā'*) antara muslim dengan kafir. Maka perwarisan dan pembelaan tanggungan diat melalui *bayt al-māl* juga tidak boleh berlaku.⁶⁴²

⁶⁴¹ al-Mutī‘ī, Muḥammad Najīb, *Takmīlah al-Thāniah al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhaḍhab*, 479; Ibn Qudamah, *al-Mughnī*, 12: 49.

⁶⁴² al-Qurtubī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Mālik bin Baṭal al-Bakrī, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd dalam al-Maktabah al-Syamilah, versi 3.28, 2003), 8:379.

Walau bagaimanapun, orang bukan Islam dalam pemerintahan Islam masih boleh menerima faedah daripada *bayt al-māl al-fai'*. Tetapi, bukan dalam bentuk tanggungan bebanan diat mereka. *Bayt al-māl* bertanggungjawab membantu orang bukan Islam sekiranya mereka berada dalam keadaan kekurangan dan memerlukan. Bantuan pula diberikan sekadar untuk menghilangkan kelaparan mereka atau dalam erti kata lain hanya memenuhi keperluan asas atau *dārūriy* mereka.⁶⁴³

7.3.3 Pelaku Salah

Sekiranya *bayt al-māl* tidak wujud dalam sesebuah negara atau tidak stabil kedudukan kewangannya, diat akan terpikul ke atas pelaku salah menurut pandangan jumhur fuqaha.⁶⁴⁴ Ini bermakna, kedudukan pelaku salah dalam menjelaskan diat adalah pada peringkat ketiga selepas ‘āqilah dan *bayt al-māl*. Namun, bagi pelaku salah bukan Islam, kedudukan mereka sebagai penanggung liabiliti menjelaskan diat adalah di peringkat kedua selepas ‘āqilah. Ini kerana liabiliti mereka tidak ditanggung oleh *bayt al-māl*.

Tanggungan diat ke atas pelaku adalah tanggungan wajib, berbeza dengan tanggungan beralih ke atas ‘āqilah dan *bayt al-māl* yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Demi menjamin pembelaan terhadap hak mangsa yang telah dicerobohi, tanggungan pelaku selepas ketiadaan ‘āqilah dan *bayt al-māl* tidak akan gugur.⁶⁴⁵ Namun, sebagai keringanan ke atas pelaku salah yang tidak sengaja, pembayaran diat

⁶⁴³ *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 8: 253.

⁶⁴⁴ Ahmad bin Muhammad Husni, et. al, “Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti Aqilah”, 6; al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 7: 5732; Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*, 174.

⁶⁴⁵ Ibid.

boleh dijelaskan secara ansuran selama tiga tahun sepermula yang diberikan kepada ‘āqilah.⁶⁴⁶

Selain diat, pelaku salah juga menanggung pembalasan lain iaitu kafarah bagi kehilangan nyawa⁶⁴⁷ dan *dāmān* bagi kerugian material yang berlaku.⁶⁴⁸ Dari segi pelaksanaan, diat perlu didahului pembayarannya berbanding kafarah.⁶⁴⁹ Walau bagaimanapun, berbeza dengan diat yang diberikan ansuran selama tiga tahun, *dāmān* pula perlu dijelaskan dengan segera menurut pandangan fuqaha.⁶⁵⁰ Tetapi, sekiranya pelaku tidak berkemampuan, pembayarannya tertangguh sebagai hutang sehingga dia berkemampuan menjelaskannya.

Namun, sebagai penghutang, pelaku salah tersebut berhak menerima zakat daripada *bayt al-māl* melalui asnaf *al-ghārimūn*.⁶⁵¹ Sekiranya dia meninggal dunia sebelum sempat menyelesaikan diat, hutang tersebut perlu dilunaskan dengan harta yang ditinggalkan. Jika tiada harta yang ditinggalkan, pembayaran diat tersebut sekali lagi akan kembali ditanggung oleh *bayt al-māl*⁶⁵² sekiranya keadaan kewangannya kukuh.⁶⁵³ Peranan *bayt al-māl* ini difahami melalui hadith Nabi s.a.w berikut:

«أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- كَانَ يُؤْتَى بِالرَّجُلِ الْمَيِّتِ عَلَيْهِ الدِّينُ فَيَسْأَلُهُ هَلْ تَرَكَ لِدِيْنِكَ مِنْ قَضَاءٍ». فَإِنْ حُدِّثَ أَنَّهُ تَرَكَ وَفَاءً صَلَّى عَلَيْهِ وَإِلَّا قَالَ «صَلُّوا عَلَى صَاحِبِكُمْ». فَلَمَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْفُتوْحَ قَالَ «أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنفُسِهِمْ فَمَنْ تُوفَّى وَعَلَيْهِ دِينٌ فَعَلَيَّ قَضَاؤُهُ وَمَنْ تَرَكَ مَالًا فَهُوَ لَوْرَثَتِهِ». ⁶⁵⁴

Terjemahan: “Bahawa Rasulullah s.a.w pernah didatangkan seorang mayat lelaki yang menanggung hutang. Lalu baginda bertanya: “Apakah dia meninggalkan harta untuk melunasi hutangnya?” Jika baginda diberitahu

⁶⁴⁶ Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*, 174

⁶⁴⁷ al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 7: 5736.

⁶⁴⁸ al-Zuhayli, *Naṣariyyah al-Damān*, 96.

⁶⁴⁹ Sa‘dī Abū Jīb, *Mawsū‘at al-Ijmā‘ fī al-Fiqh al-Islāmī*(Damsyik : Dar al-Fikr, 1999), 1: 437.

⁶⁵⁰ al-Zuhayli, *Naṣariyyah al-Damān*, 265.

⁶⁵¹ al-‘Umārī, “Hawādith al-Sair”, 2: 286.

⁶⁵² Ibid.

⁶⁵³ Abdullah Alwi Hj Hassan, “Konsep dan Peranan Bayt al-Mal di Zaman Kegemilangan Islam” (makalah, Seminar Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan, 26-27 Jun 2001), 14.

⁶⁵⁴ Sahih Muslim, *al-faraidh, Bab man taraka malan faliwarathathihi*, hadith no 4242.

bahawa mayat tersebut meninggalkan sesuatu untuk melunasi hutangnya, maka baginda menyolatkannya. Dan jika tidak, baginda bersabda: “Solatkanlah temanmu itu!”. Ketika Allah memberikan kemenangan kepada baginda berupa penaklukan beberapa negeri, baginda bersabda: “Aku lebih berhak atas orang-orang mukmin daripada diri mereka sendiri. Maka barang siapa meninggal sedang ia mempunyai hutang, maka akulah yang melunasinya. Barang siapa meninggalkan harta, maka harta itu untuk ahli warisnya.”

Daripada hadith tersebut, difahami bahawa hutang seorang muslim yang meninggal dunia akan dijelaskan oleh pemerintah Islam melalui sumber perbendaharaan negara iaitu *bayt al-māl* jika tiada pihak boleh menjelaskannya. Dengan ini, hak pemutang termasuk mangsa yang berhak mendapat diat akan terbelia dan terjamin.

7.4 Penanggung Liabiliti Berdasarkan Realiti Semasa di Malaysia

Dalam realiti semasa di Malaysia, penanggung liabiliti beralih sepertimana pada zaman awal Islam sudah tidak wujud. ‘Āqilah khususnya ‘asabah yang wujud sudah semakin lemah ikatan dan semangat tolong-menolong. Begitu juga dengan institusi *bayt al-māl* kini yang terlalu jauh bandingan keupayaannya dengan zaman awal pemerintahan Islam. Institusi alternatif kepada dua penanggung liabiliti ini perlu ada agar liabiliti tidak semudahnya kembali kepada pelaku salah yang tidak mampu menjelaskan diat secara bersendirian.

7.4.1 Takaful Sebagai Alternatif kepada ‘Āqilah dan Isu-Isu Fiqh Berbangkit

Bersandarkan kepada asas *al-tanāṣur*, secara umumnya terdapat beberapa alternatif bagi ‘āqilah. Alternatif terawal yang dicetuskan oleh mazhab Hanafi yang kemudiannya mendapat sokongan daripada sarjana kontemporari⁶⁵⁵ ialah golongan

⁶⁵⁵ Antaranya ialah al-Zarqā’, sila rujuk Hai’ah Kibār al-Ulamā’, *Abhath Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 206. Antaranya lagi ialah Amīr ‘Abdul Azīz, al-Qādī Khan dan Siti Zubaidah Ismail. Rujuk Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi”, 252. Selain itu ia juga turut diutarakan oleh Lukman Abdul Mutalib,

profesional (*ahl al-hirfah*) dan ahli sesuatu perikatan atau perjanjian (*al-hilf*) tertentu sekiranya asas tolong-menolong wujud di kalangan mereka.⁶⁵⁶

Walau bagaimanapun, bagi kes kemalangan jalan raya, para sarjana kontemporari cenderung menamakan insurans yang patuh syariah atau istilah tepatnya ialah syarikat-syarikat takaful sebagai alternatif ‘āqilah bagi pemandu yang cuai.⁶⁵⁷ Ini kerana ia merupakan satu sistem perlindungan di kebanyakan negara bagi melindungi risiko ke atas mangsa yang timbul akibat pemanduan. Ia juga bertepatan dengan peranan yang dimainkan oleh ‘āqilah dalam menjelaskan ganti rugi dalam kes kemalangan jalan raya. Bahkan sistem takaful terbina atas asas yang sama iaitu persaudaraan, kesatuan dan saling bantu-membantu dalam kalangan peserta⁶⁵⁸ melalui akad *tabarru’*.⁶⁵⁹

Justeru, persoalan yang berbangkit adalah adakah syarikat takaful merupakan ‘āqilah pada zaman ini berdasarkan *qiyyas*. Ini kerana wujud persamaan ‘illah tolong-menolong dalam kedua-duanya.⁶⁶⁰ Berhubung hal ini, *Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’* Kerajaan Arab Saudi telah memutuskan bahawa takaful bukan *qiyyas* kepada ‘āqilah walaupun wujud persamaan dari segi ‘illah iaitu tolong-menolong. Mereka berpandangan bahawa *qiyyas* yang berlaku antara ‘āqilah dan takaful adalah *qiyyas ma‘a*

⁶⁵⁶ “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia”; Muhammad ‘Atā al-Sayyid Sayyid Ahmad, “Hawādith al-Sair”, 2: 327.

⁶⁵⁷ Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm, *al-Baḥr al-rā‘iq sharḥ kanz al-daqa‘iq fī furū‘ al-Hanafiyah lī ‘Abd Allāh ibn Aḥmād ibn Maḥmūd al-ma‘rūf bi Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasafī* (Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997), 8: 56.

⁶⁵⁸ al-‘Umāri, “Hawādith al-Sair”, 22:293; Muhammad ‘Atā al-Sayyid Sayyid Ahmad, “Hawādith al-Sair”, 2: 327; Siti Zubaidah Ismail, “Kecuaian dan Ganti rugi”, 252; Lukman Abdul Mutalib, “Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia”.

⁶⁵⁹ Akta Takaful 1984 (Akta 312), Bahagian 1, Seksyen 2.

⁶⁶⁰ *Tabarru’* ialah sedekah daripada peserta terhadap sebahagian harta mereka yang dicarum bagi membantu peserta lain yang ditimpah musibah. al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 7: 3422; Mohd Ma’sum Billah, *Shari’ah Standard of Quantum of Damages in Insurance (Third Party Claim) A Handbook for Actuaries and Accountants* (Selangor: Ilmiah Publisher, 2003), 23.

⁶⁶¹ al-Lajnah al-Dāimah li al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, “al-Ta’mīn” dalam Abḥath *Ha’iāh Kibār al-‘Ulamā’* (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28, 1991), 207.

al-fāriq.⁶⁶¹ Ini kerana takaful yang merupakan satu sistem moden zaman ini mempunyai perbezaan yang besar dengan sistem ‘āqilah menurut perundangan Islam.

Antara perbezaannya adalah pada konsep asas tanggungan beralih. Tanggungan ke atas ‘āqilah berlaku atas dasar memberikan keringanan kepada pesalah dan dalam masa yang sama, tidak membebankan anggota ‘āqilah. Justeru, anggota ‘āqilah yang miskin boleh dikecualikan jika tidak mampu, manakala anggota yang sederhana dikenakan kadar yang sederhana dan golongan yang senang pula dikenakan kadar tanggungan yang lebih. Namun, konsep ini tidak berlaku dalam sistem takaful moden kerana kadar caruman yang disumbangkan tidak meraikan latar belakang atau kemampuan peserta.⁶⁶² Sebaliknya, kadar yang standard ditetapkan. Jika peserta tidak berkemampuan dan tidak membuat pembayaran, maka mereka tidak dilindungi kerana polisi insurans atau sijil penyertaan takaful mereka menjadi tidak aktif. Ini bertentangan dengan asas tanggungan ‘āqilah iaitu atas dasar bantu-membantu, bekerjasama dan memberikan kebaikan walaupun tanpa imbuhan balas.⁶⁶³ Justeru, istilah yang tepat kepada takaful dengan bentuk operasinya setakat ini ialah alternatif kepada sistem ‘āqilah yang sudah tidak wujud.

7.4.1.1 Percampuran Dana Caruman Muslim dan Bukan Islam dalam Syarikat Takaful dan Syarat Persamaan Agama Sebagai ‘Āqilah.

Oleh kerana takaful bukan *qiyās* kepada ‘āqilah, maka peserta-peserta dalam syarikat takaful juga bukan anggota-anggota ‘āqilah. Justeru, kesimpulan mudah yang boleh dibuat adalah tidak timbul isu pelanggaran syarat persamaan agama antara anggota ‘āqilah seperti mana yang terpakai dalam sistem ‘āqilah menurut perundangan

⁶⁶¹ Hai’ah Kibār al-Ulamā’, *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 208 dan 313.

⁶⁶² Hai’ah Kibār al-Ulamā’, *Abḥāth Hai’ah Kibār al-‘Ulamā’*, 4: 208.

⁶⁶³ Ibid, 313.

Islam. Namun, ini tidak bermakna bahawa perbincangan ini mati di sini kerana isu sebenar yang melingkari perbincangan dan ketetapan para fuqaha bahawa seorang Islam tidak boleh menjadi ‘āqilah kepada seorang bukan Islam, seorang Yahudi tidak boleh menjadi ‘āqilah kepada seorang nasrani dan sebaliknya adalah isu *al-walā*’.

Berdasarkan pada perbincangan para fuqaha, *al-walā*, *al-muwālah* atau *al-walāyah* kesemuanya merujuk kepada makna istilah yang sama iaitu dokongan, pembelaan, cinta, pemuliaan, penghormatan dan bersama-sama orang-orang yang dicintai secara lahir dan batin.⁶⁶⁴ Selain itu, *al-walā* juga membawa erti *al-tanāṣur* iaitu tolong-menolong⁶⁶⁵ dan digunakan secara bersama oleh para fuqaha dalam membincangkan asas keanggotaan ‘āqilah. Para fuqaha menegaskan bahawa perbezaan agama menghalang keanggotaan ‘āqilah kerana ‘āqilah terbina atas asas *al-tanāṣur* iaitu tolong-menolong dan *al-walā*’ iaitu kasih sayang dan pembelaan. Justeru, bolehkah dana *tabarru* dalam takaful yang bercampur-baur antara caruman orang Islam dan bukan Islam digunakan bagi membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah?

Muhammad ‘Abduh dalam fatwanya menyatakan bahawa hukum meminta bantuan daripada bukan Islam untuk perkara yang boleh memberi kebaikan dan manfaat kepada orang Islam adalah harus.⁶⁶⁶ Begitu juga dengan menerima hadiah ataupun sedekah daripada mereka kerana Nabi s.a.w sendiri pernah menerima hadiah daripada orang bukan Islam.⁶⁶⁷ Bahkan wakaf yang dilakukan oleh orang bukan Islam juga boleh dimanfaatkan oleh orang islam.⁶⁶⁸ Hukum orang Islam memberikan bantuan kepada orang bukan Islam yang memerlukan juga adalah harus.⁶⁶⁹

⁶⁶⁴ Muhammad Sa’id al-Qahthani, *al-Wala’ wal Bara’ Loyalitas dan Antiloyalitas dalam Islam*, terj. Saifuddin Abu Sayid (Solo: Era Intermedia, 2000), 94.

⁶⁶⁵ ‘Ali bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyat*, (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28), 7: 25.

⁶⁶⁶ Muhammad ‘Abduh, *Fatāwā al-Azhar* (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28), 60.

⁶⁶⁷ Ibid.

⁶⁶⁸ Muhammad Sa’id al-Qahthani, *al-Wala’ wal Bara’*, 383.

⁶⁶⁹ ‘Ali bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyat*, 1: 180.

Namun, keharusan ini disertai dengan syarat-syarat iaitu ia mestilah bersesuaian dengan hukum Allah dan Rasul iaitu bebas daripada pengaruh dan fitnah kekafiran serta bukan bertujuan untuk menegakkan syiar-syiar kekafiran.⁶⁷⁰ Selain itu, pertolongan hanya boleh diberikan kepada orang bukan Islam yang tidak memerangi orang-orang Islam sahaja.⁶⁷¹ Ini difahami daripada nas al-Quran berikut:

لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan:“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”

Al-Mumtaħinah 60: 8

Ayat ini melarang *muwālah* pada apa yang dituntut oleh Islam untuk membencinya.⁶⁷² Selain daripada konteks ini, seorang Islam dan bukan Islam dibenarkan berkerjasama untuk kebaikan. Antaranya bantu membantu dari sudut kewangan, memberi makan, menegakkan hak, menghapuskan kebatilan, membantu orang yang dizalimi dan menolak bahaya daripada menimpa manusia.⁶⁷³ Dalam hal-hal berkenaan keselamatan dan perlindungan, pemerintah Islam juga bahkan wajib memberikan jaminan pembelaan terhadap kaum kafir *dhimmi* serta *musta'min*. Walaupun kaum kafir tidak beriman dan terdapat larangan untuk *walā'* dan berlepas diri daripada kekufuran mereka, umat Islam tidak boleh menyakiti dan menzalimi mereka yang tidak memerangi Islam dalam apa juu keadaan.⁶⁷⁴

⁶⁷⁰ Muhammad Sa'id al-Qahthani, *al-Wala' wal Bara'*, 384; Muhammād 'Abduh, *Fatāwā al-Azhar*, 60.

⁶⁷¹ 'Ali bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyat*, 1: 180. Sila rujuk Jalaluddin al-Sayuti, *Asbabun Nuzul Sejarah Turunnya Ayat-ayat al-Quran*, terj. K.H.Q. Saleh et.al (Kuala Lumpur: Victory Agency, 2004), 791.

⁶⁷² Muhammād 'Abduh, *Fatāwā al-Azhar*, 60.

⁶⁷³ al-Munjid, Muhammād Ṣalih, *Fatāwā al-Islām Su'āl wa Jawāb* (al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28), 1: 2837.

⁶⁷⁴ al-Munjid, *Fatāwā al-Islām Su'āl wa Jawāb*, 1: 2837.

Justeru, penulis menyimpulkan bahawa dana takaful yang bercampur baur di antara caruman Muslim dan kafir harus digunakan untuk membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah walaupun berbeza agama. Tolong-menolong yang berlaku di dalam takaful masih berada dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syara' iaitu untuk membela hak mangsa akibat kemalangan jalan raya. Tidak timbul isu *al-walā'* dalam takaful kerana pertolongan yang berlaku dalam takaful bukan berlaku atas dasar kecintaan dan kasih sayang antara ahli-ahlinya. Bahkan para peserta juga tidak saling mengenali antara satu sama lain.

7.4.1.2 Insurans Konvensional Sebagai Alternatif '*Āqilah* bagi Orang Bukan Islam

Pembelian polisi insurans konvensional untuk mendapatkan perlindungan bagi apa-apa risiko yang timbul terhadap pihak ketiga akibat pemanduan di jalan raya telah dihukumkan haram oleh majoriti fuqaha.⁶⁷⁵ Ini kerana operasinya mengandungi unsur-unsur yang jelas bertentangan dengan syariat Islam. Antaranya mengandungi unsur judi, riba dan ketidakpastian dalam akad (*gharār*).⁶⁷⁶ Ia berbeza dengan operasi takaful yang bebas daripada unsur-unsur tersebut di samping berjalan atas akad *tabarru'*.

Walau bagaimanapun, terdapat sarjana seperti Shahāṭah yang mengharuskan pembelian polisi insurans secara mutlak.⁶⁷⁷ Manakala 'Alī Maḥmūd pula mengharuskan sebahagian sahaja iaitu khusus kepada insurans kenderaan.⁶⁷⁸ Pandangan mereka disandarkan kepada kaedah darurah mengharuskan perkara yang haram. Ia terpakai kerana pemilikan insurans konvensional dianggap sebagai perkara darurah yang mesti dimiliki bagi mendapatkan perlindungan daripada sebarang risiko kemudaratian dalam

⁶⁷⁵ al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 7: 3423. Hai'ah Kibār al-Ulamā', *Abḥath Hai'ah Kibār al-Ulamā'*, 4: 308.

⁶⁷⁶Ibid, 311.

⁶⁷⁷ Ahmad bin Muhammad Husni, et. al, "Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti '*Āqilah*", 9.

⁶⁷⁸ Ibid; al-'Umārī, "Hawādith al-Sair", 2: 314.

kehidupan.⁶⁷⁹ Insurans konvensional juga mempunyai kemaslahatan yang pasti dan manfaat yang diiktiraf oleh syarak kerana kehidupan manusia pada hari ini tidak terlepas daripada sebarang risiko. Selain itu, pemilikan insurans konvensional telah meluas dalam kalangan masyarakat sehingga menjadi satu kebiasaan atau uruf.⁶⁸⁰

Secara umum, penulis cenderung pada pandangan majoriti sarjana yang telah mengharamkan sama sekali semua bentuk insurans konvensional⁶⁸¹ serta keputusan *Hai'ah Kibār al-'Ulamā'* Kerajaan Arab Saudi bahawa insurans komersial tidak boleh dianggap sebagai 'āqilah pada zaman moden. Namun, hukum ini jelas wajib dipatuhi oleh orang Islam tetapi tidak mengikat orang bukan Islam di Malaysia. Justeru, pembelian polisi insurans bagi melindungi apa-apa risiko terhadap pihak mangsa dalam situasi ini boleh diterima sebagai alternatif khususnya buat orang bukan Islam. Pembelian oleh orang Islam walaupun dihukumkan haram, tidak mengharamkan penerimaan ganti rugi oleh pihak mangsa. Walaupun wang ganti rugi tersebut hasil daripada transaksi yang diharamkan, mangsa menerimanya atas sebab yang betul sebagai ganti rugi akibat perbuatan cuai pemegang polisi.⁶⁸²

7.4.2 Institusi Semasa Yang Memainkan Peranan *Bayt al-Māl* Sebagai Penanggung Liabiliti

Dalam realiti semasa di Malaysia, institusi *bayt al-māl* seperti yang dibincangkan sudah tidak wujud. Apa yang wujud adalah Baitulmal yang dikecilkkan skop peranannya iaitu satu jabatan di bawah Majlis Agama Islam negeri-negeri yang

⁶⁷⁹ al-'Umārī, "Hawādith al-Sair", 2: 314.

⁶⁸⁰ Ibid.


⁶⁸¹ al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 3423.

⁶⁸² Perbincangan lanjut berkenaan hukum penerimaan ganti rugi daripada harta tidak patuh syariah, sila rujuk: Zaharuddin Abdul Rahman, "Perlukah Memulangkan Wang Sumbangan kerana Ia Hasil Judi?", <http://www.zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/963-memulangkan-wang-sumbangan-kerana-ia-hasil-judi-.html>, dicapai pada 5 Februari 2013 dan "Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal dan Institusi Islam Lain", laman sesawang Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penyaluran-harta-tidak-patuh-syariah-ke-baitulmal-dan-institusi-islam-lain>, dicapai pada 14 Mac 2013.

berfungsi secara berasingan.⁶⁸³ Baitulmal di Malaysia dalam konteks baitulmal pada zaman pemerintahan Islam hanyalah *bayt al-māl al-fai'* yang perolehannya mencakupi harta am yang terbatas selain zakat. Ini kerana urusan zakat diasingkan melalui pusat pungutan zakat negeri-negeri dengan matlamat meningkatkan keberkesanannya.⁶⁸⁴

Walau bagaimanapun, perolehan sebenar Baitulmal di Malaysia adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan *bayt al-māl al-fai'* kerana hanya mempunyai bidangkuasa kutipan ke atas orang Islam sahaja. Justeru, lebih tepat lagi ia boleh diistilahkan sebagai *bayt al-māl al-fai' al-muslimin*.⁶⁸⁵ Gambaran kedudukannya berbanding *bayt al-māl* pada zaman awal Islam adalah seperti berikut:

Rajah 7.2: Kedudukan Baitulmal di Malaysia Berbanding *Bayt Al-Māl* pada Zaman Pemerintahan Islam



Sumber: Ilustrasi penulis

⁶⁸³ Hailani Muji Tahir, "Baitulmal: Hubungan dengan Dasar Belanjawan dan Pembangunan Negara" dalam Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan (2009), 41.

⁶⁸⁴ "Perbezaan Pusat Zakat dengan Baitulmal" dalam Ruangan Bicara Zakat Lembaga Zakat Selangor, Utusan Malaysia, 29 Jun 2012.

⁶⁸⁵ Abdul Monir Yaacob, "Ke Arah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia: Isu-isu Berkaitan Perundungan" (makalah, Seminar ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan, 26-27 Jun 2001), 3. Sebagai contoh, Bahagian Harta Baitulmal di Selangor yang kini dikenali dengan nama Bahagian MAL berfungsi mengurus harta umat Islam yang merangkumi wakaf, wasiat, harta amanah dan harta lebihan harta faraid sahaja. Rujuk "Latar Belakang Harta Baitulmal", laman sesawang Majlis Agama Islam Selangor, http://www.mais.net.my/index.php?option=com_content&view=article&id=231:latar-belakang-bahagian-hartabaitulmal&catid=6:bahgianhartabaitulmal&Itemid=215, dicapai 1 Mac 2015.

Dengan dana perolehan yang terhad, Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri tidak mampu memainkan kembali peranan *bayt al-māl* di zaman pemerintahan Islam sebagai penanggung liabiliti selepas ‘āqilah. Namun, berdasarkan perbincangan yang lepas, dana zakat masih boleh diberikan kepada pelaku salah yang menanggung hutang diat di bawah asnaf *al-ghārimūn*. Zakat ini membantunya menjelaskan hutang diat kepada mangsa.

Di Malaysia, golongan berhutang yang menerima zakat antaranya ialah orang yang menanggung bayaran bil perubatan dan yuran pengajian.⁶⁸⁶ Namun, tafsiran *al-gharimun* oleh pusat pungutan zakat adalah umum iaitu orang yang berhutang untuk bayaran keperluan darurah bagi permasalahan diri atau keluarga.⁶⁸⁷ Golongan yang berhutang ganti rugi kepada mangsa kemalangan jalan raya menepati tafsiran tersebut. Justeru, pengagihan zakat kepada pelaku salah yang berhutang ganti rugi wajar dilakukan demi kemaslahatan mangsa kemalangan jalan raya.

Ini boleh dilakukan jika wujud lebihan dana zakat setiap tahun⁶⁸⁸ khususnya melalui bahagian asnaf *al-riqāb*, *ibn sabīl* dan *al-ghārimūn*. Tafsiran ketiga-tiga asnaf ini tidak diperluaskan, tidak selaras dan diperdebatkan antara negeri-negeri.⁶⁸⁹ Daripada data, lebihan dana zakat di Selangor contohnya, pada tahun 2012 ialah 12.2% bersamaan RM49.2 juta. Daripada 87.8% zakat yang diagihkan pada tahun tersebut, asnaf *al-gharimun* hanya mewakili 8.4% sahaja iaitu sebanyak RM33.8 juta.⁶⁹⁰

⁶⁸⁶ “Program-program Asnaf”, laman sesawang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, http://www.emaiik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=306&Itemid=1199, dicapai 04 Mac 2013.

⁶⁸⁷ Dengan syarat, mereka tidak mampu menjelaskan hutangnya yang diharuskan syarak dan telah sampai masa untuk dijelaskan. “Info Agihan”, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor Majlis Agama Islam Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/info-agihan/asnaf-zakat/>, dicapai 04 Mac 2013.

⁶⁸⁸ Hairunnizam Wahid, et. al, “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada lapan Asnaf: Kajian di Malaysia”, (makalah, Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, 10-11 Februari 2009),13.

⁶⁸⁹ Ibid.

⁶⁹⁰ “LZS Kutip Zakat RM451juta dan agih RM401.8juta tahun 2012”, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor Majlis Agama Islam Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/terkini/lzs-kutip-zakat-rm451-juta-dan-agih-rm401-8-juta-tahun-2012/>, dicapai 04 Mac 2013.

7.5 Penutup

Konsep tanggungan liabiliti beralih sudah lama wujud dalam perundangan Islam. Keringanan diberikan kepada pemandu cuai melalui peralihan liabiliti menjelaskan ganti rugi kepada ‘āqilah dan *bayt al-māl*. Walau bagaimanapun, tanggungan liabiliti ke atas kedua-duanya adalah secara bersyarat.

Dalam konteks semasa di Malaysia, syarikat takaful adalah alternatif terbaik ‘āqilah bagi kes kemalangan jalan raya. Insurans konvensional pula walaupun telah dihukumkan haram, masih boleh diterima sebagai alternatif terutamanya bagi orang bukan Islam. Baitulmal yang wujud di Malaysia pula tidak mampu berperanan sebagai penanggung liabiliti sepetimana *bayt al-māl* di zaman pemerintahan Islam. Sebagai alternatif, pusat pungutan zakat boleh dilibatkan melalui asnaf *al-gharimūn*, bagi membantu pemandu cuai menjelaskan ganti rugi kepada mangsa kemalangan jalan raya.

Walau bagaimanapun, sebagai alternatif, institusi-institusi moden ini tidak terikat dengan segala hukum-hakam yang disyaratkan seperti aspek keanggotaan, skop tanggungan dan sebagainya. Ini bermakna, syarikat-syarikat takaful dan BPIM masih boleh memainkan peranannya tanpa wajib meminda segala aspek berkenaan. Bab seterusnya merupakan analisis perbandingan persamaan dan perbezaan antara undang-undang Malaysia dan perundangan Islam.

BAB 8

PENYELESAIAN KES KEMALANGAN JALAN RAYA: ANALISIS PERBANDINGAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA DAN PERUNDANGAN ISLAM

8.1 Pendahuluan

Bab ini membuat perbandingan penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia dan perundangan Islam. Persamaan dan perbezaan bagi kedua-dua perundangan dikenalpasti. Perbandingan undang-undang dalam kajian ini dilakukan khususnya pada konsep. Ini kerana perundangan Islam belum dikodifikasi dan digunakan sebagai undang-undang dalam menyelesaikan kes kemalangan jalan raya semasa. Persamaan yang dimaksudkan dalam perbincangan ini pula ialah konsep dalam undang-undang tort yang harmoni dan tidak bertentangan dengan perundangan Islam.

Seterusnya, perbezaan penyelesaian kes kemalangan menurut perundangan Islam, dibincangkan sebagai pilihan penyelesaian bagi kes-kes kemalangan jalan raya semasa di Malaysia. Perbincangan fokus kepada masalah dan kritikan yang dibangkitkan dalam penulisan terdahulu terhadap penyelesaian berdasarkan undang-undang di Malaysia. Masalah dan kritikan tersebut adalah kelewatan penyelesaian kes akibat proses penentuan liabiliti, rayuan berpanjangan terhadap kuantum ganti rugi yang diputuskan dan perlindungan insurans yang tidak menyeluruh terhadap mangsa kemalangan jalan raya.

8.2 Penentuan Liabiliti

Perbincangan mengenai penentuan liabiliti melibatkan beberapa perkara. Pertama, elemen-elemen yang menimbulkan liabiliti dan pengecualian liabiliti. Kedua, pembahagian liabiliti ke atas pihak-pihak yang terlibat.

8.2.1 Elemen Liabiliti

Undang-undang Malaysia dan perundangan Islam menyelesaikan kes kemalangan jalan raya melalui proses yang sama. Penyelesaian bermula dengan penentuan liabiliti ke atas pihak-pihak yang terlibat. Kedua-dua perundangan berpegang pada prinsip tiada liabiliti tanpa kesalahan. Kesalahan atau kecuaian yang membentuk liabiliti menurut kedua-dua perundangan diringkaskan melalui jadual berikut:

Jadual 8.1: Elemen-elemen Liabiliti Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Bil	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
1.	Wujud kewajipan berjaga-jaga	
2.	Melanggar kewajipan berjaga-jaga	Pencerobohan hak dan kerosakan
3.	Kerosakan adalah akibat pelanggaran kewajipan berjaga-jaga	Kerosakan adalah akibat pencerobohan hak

Melalui jadual di atas, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa kedua-dua perundangan mempunyai elemen pembentukan liabiliti yang sama. Pembuktian ketiga-tiga elemen liabiliti di atas pula diringkaskan melalui jadual di bawah:

Jadual 8.2: Pembuktian Liabiliti Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Elemen liabiliti	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Wujud kewajipan berjaga-jaga	<p>Ujian kejiranan</p> <p>1) Tindakan pihak yang didakwa mestilah sesuatu yang dapat dijangkakan boleh menimbulkan kerosakan.</p> <p>2) Mangsa merupakan seseorang yang dapat dijangkakan boleh terjejas secara langsung.</p> <p>Tidak semua pihak terjejas adalah ‘jiran’ dan berhak mendapat ganti rugi.</p>	<p>Kaedah fiqh:</p> <p>“Perbuatan yang diharuskan adalah terikat pelaksanaannya dengan keadaan selamat.”</p> <p>“Tidak boleh memudaratkhan dan tidak boleh membala kemudarat.”</p> <p>Kewajipan berjaga-jaga ke atas semua pengguna jalan raya.</p>
Pelanggaran kewajipan berjaga-jaga	Tindakan yang menyalahi kewajipan berjaga-jaga oleh seorang lelaki yang munasabah.	Perbuatan yang melanggar hak dan melampaui had.
Kerosakan adalah akibat pelanggaran kewajipan berjaga-jaga	<p>Kerugian yang dialami mesti dibuktikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kecuaian pelaku tort dan tidak di luar duga. Dua ujian digunakan:</p> <p>Ujian akibat langsung: pelanggaran tanggungjawab berjaga-jaga adalah penyebab sebenar kerosakan.</p> <p>Ujian pralihat munasabah: pelanggaran tanggungjawab berjaga-jaga adalah penyebab undang-undang- bentuk perbuatan tidak menjadi persoalan utama tetapi kerosakan mestilah sesuatu yang boleh dipralihat sebagai akibat daripada kecuaian tersebut dan bukan di luar jangka. Ini merupakan ujian yang lebih diutamakan dalam amalan semasa mahkamah.</p>	<p>Pencerobohan hak adalah penyebab sebenar kerosakan yang berlaku.</p> <p>Bentuk perbuatan yang mempunyai hubungan sebab akibat dengan kerosakan adalah :</p> <p>1-Perbuatan secara langsung (<i>mubāsyarah</i>).</p> <p>Tanggungan tegas jika berlaku pencerobohan hak dalam kawalan pelaku dan kerosakan.</p> <p>2-Perbuatan secara tidak langsung melalui perantaraan (<i>tasabbub</i>)</p> <p>Tanggungan dengan syarat wujud perbuatan salah.</p>

Jadual 8.2 di atas menunjukkan maksud dan kaedah pembuktian bagi ketiga-tiga elemen liabiliti dalam undang-undang Malaysia dan perundangan Islam. Elemen

pertama, wujud kewajipan berjaga-jaga. Menurut undang-undang Malaysia, kewajipan ini wujud hanya kepada ‘jiran’. Justeru, perkara pertama yang mesti ditentukan oleh mahkamah ialah adakah mangsa merupakan ‘jiran’ kepada pihak yang didakwa. Dalam erti kata lain, adakah perbuatan pelaku boleh diandaikan mendatangkan kerosakan dan adakah mangsa merupakan pihak yang boleh terjejas secara langsung. Ini bermakna, tidak semua mangsa berhak mendapatkan ganti rugi daripada pihak yang dituntut walaupun mengalami kecederaan dan kerosakan akibat kemalangan.

Bagi memudahkan perbandingan, kes *Abdul Malek*⁶⁹¹ dirujuk. Dalam kes ini, mangsa mengalami kecederaan dan kerosakan pada kenderaannya. Ini berlaku akibat pertembungan dengan kenderaan Waja yang dipandu bertentangan arus oleh seorang penjenayah yang sedang melarikan diri. Dalam tuntutannya, mangsa telah menyaman anggota polis yang mengejar Waja tersebut untuk bertanggungan secara vikarius. Hujahnya ialah pengejaran patut dihentikan apabila Proton Waja tersebut dipandu melulu kerana membahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Mahkamah Sesyen dalam kes ini, memutuskan bahawa perbuatan anggota polis mengejar Proton Waja tersebut boleh dijangkakan secara munasabah boleh menyebabkan kemalangan. Justeru, mahkamah memutuskan anggota polis tersebut bertanggungan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi yang mendengar rayuan memutuskan sebaliknya. Ini kerana mangsa bukan merupakan merupakan ‘jiran’ atau pihak yang terjejas secara langsung akibat perbuatan anggota polis tetapi ‘jiran’ kepada pemandu Waja.

Keputusan Mahkamah Tinggi ini bertepatan dengan perundangan Islam. Walau bagaimanapun, proses penentuan liabiliti dalam perundangan Islam adalah lebih mudah. Pertama, kewajipan berhati-hati dipikulkan ke atas semua pengguna jalan raya.

⁶⁹¹ Supra, nota 115.

Penggunaan jalan awam adalah hak bersama dengan syarat mengambil langkah-langkah keselamatan terhadap pengguna yang lain. Ini bermakna semua pengguna jalan raya adalah ‘jiran’ yang mesti dilindungi haknya. Jadi, fokusnya ialah kepada penentuan pihak yang bertanggungan.

Kedua, pengenaan liabiliti ke atas beberapa pihak dalam perundangan Islam dibuat berdasarkan bentuk perbuatan. Berdasarkan kaedah fiqh, liabiliti ditanggungkan ke atas pelaku secara langsung, kecuali perbuatannya lahir disebabkan perbuatan pelaku secara tidak langsung. Berkenaan pelaku tidak langsung pula, kaedah fiqh menetapkannya tidak berliabiliti, kecuali jika perbuatannya cuai. Dalam kes *Abdul Malek* ini, pelanggaran berlaku secara langsung daripada pemandu Waja. Tindakan anggota polis terhadap kemalangan pula adalah secara tidak langsung. Menurut kaedah di atas, liabiliti ditanggungkan ke atas pemandu Waja jika perbuatannya memberi kesan sepenuhnya terhadap kemalangan dan tindakan anggota polis secara berasingan tidak menyumbang kepada kemalangan. Liabiliti hanya boleh dikenakan sepenuhnya ke atas anggota polis jika perbuatannya menjadi punca terhadap kerosakan sepenuhnya melalui perantaraan pemandu Waja.

Penentuan liabiliti bagi kes ini juga boleh diputuskan berdasarkan kaedah fiqh berikut:

إِذَا اتَّسَبَ الضَّرَرُ إِلَى فَعَلَيْنِ أَحَدُهُمَا مَأْذُونٌ فِيهِ وَالآخَرُ غَيْرُ مَأْذُونٍ فِيهِ أُضِيفَ الضَّرَرُ
إِلَى الْفَعْلِ الْغَيْرِ المَأْذُونِ فِيهِ⁶⁹²

Terjemahan: “Apabila sesuatu kemudaratan dinisbahkan kepada dua perbuatan, yang satu daripadanya perbuatan yang diharuskan dan satu lagi tidak diharuskan, maka kemudaratan itu disandarkan kepada perbuatan yang tidak diharuskan melakukannya.”

Daripada perbincangan ini, prinsip penentuan liabiliti menurut perundangan Islam adalah lebih jelas berbanding prinsip ‘jiran’. Kaedah fiqh menetapkan panduan

⁶⁹²Şâlih Muhammâd Aḥmad al-Luhâibî, *al-Mubâsyir wa al-Mutasabbib*, 100.

yang standard. Tanpa panduan yang tetap dalam undang-undang Malaysia, prinsip ‘jiran’ iaitu orang yang begitu rapat dan boleh terjejas secara langsung serta tindakan yang boleh diramal, mudah mengundang tafsiran yang berbeza, menyebabkan rayuan dan kelewatan dalam penyelesaian kes.

Elemen kedua, iaitu melanggar kewajipan berjaga-jaga menurut perspektif kedua-dua perundangan pula adalah harmoni. Melanggar kewajipan berjaga-jaga menurut undang-undang Malaysia merangkumi kecuaian dan pelanggaran kewajipan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Ini selari dengan perundangan Islam yang mentakrifkan pencerobohan hak sebagai perbuatan yang dilakukan tanpa hak dan melampaui had. Perbuatan tanpa hak bermaksud perbuatan yang menyalahi syarak, merangkumi undang-undang lalu lintas yang ditetapkan oleh kerajaan. Melampaui had pula ialah melakukan perbuatan yang dibenarkan, tetapi melampaui kebiasaan sehingga menyebabkan kerosakan kepada pihak lain. Perundangan Islam tidak menetapkan bentuk kebiasaan tertentu sebagai kayu ukur had yang dibenarkan. Ia bergantung pada uruf.

Dalam hal ini, undang-undang Malaysia menggunakan ujian orang yang munasabah sebagai kayu ukur pelanggaran kewajipan berjaga-jaga. Maksudnya ialah panduan pertimbangan yang biasanya mengawal hal ehwal manusia. Tindakan pemandu yang menyalahi petimbangan biasa ini adalah satu pelanggaran kewajipan berjaga-jaga.

Dalam kes *Jag Singh v. Toong Fong Omnibus Co Ltd*⁶⁹³ dinyatakan seperti berikut:

“Jika kebarangkalian bahaya berlaku adalah jelas, maka mengabaikan tindakan berjaga-jaga merupakan suatu kecuaian; tetapi jika kebarangkaliannya hanyalah kebarangkalian semata-mata yang tidak pernah terlintas di fikiran lelaki yang munasabah, maka tidak mengambil tindakan berjaga-jaga dalam hal ini tidak dianggap cuai.”

⁶⁹³ [1962] 1 MLJ 78.

Pengakiman di atas menjelaskan bahawa seseorang mestilah mengambil tindakan berjaga-jaga terhadap sebarang kebarangkalian kemalangan sebagaimana yang difikirkan oleh lelaki yang munasabah. Ini selari dengan perbincangan fuqaha yang menetapkan jangkaan kerosakan oleh kebanyakan manusia biasa sebagai pertimbangan dalam mengenakan ganti rugi. Ini tidak bermaksud perundangan Islam mensyaratkan kebolehjangkaan terhadap kerosakan bagi menimbulkan liabiliti. Apa yang dimaksudkan adalah liabiliti akan timbul jika kebanyakan orang secara adatnya boleh menjangka kemudaratan akan berhasil akibatnya, walaupun pelaku tidak menjangkakannya. Tetapi, jika kerosakan yang berlaku tidak dapat dijangka secara kebiasaan atau jarang berlaku, liabiliti tidak dikenakan. Dalam hal ini, pelaku tidak dianggap melakukan pencerobohan hak yang mewajibkan ganti rugi.⁶⁹⁴

Melalui kes-kes yang diputuskan di Malaysia, pertimbangan kebiasaan yang mengawal hal ehwal manusia adalah merangkumi semua aspek. Bermula dengan penjagaan dan pengurusan kenderaan,⁶⁹⁵ pengawalan kenderaan ketika pemanduan,⁶⁹⁶ jangkaan dan kewaspadaan pemandu terhadap kemungkinan berlakunya kemalangan⁶⁹⁷ serta tindakan mengelak apabila berlakunya kemalangan.⁶⁹⁸ Semua ini selari dengan konsep dalam perundangan Islam yang menetapkan kewajipan berjaga-jaga ke atas semua pengguna jalan raya dalam semua aspek yang boleh dikawal.

Elemen ketiga liabiliti menurut kedua-dua perundangan ialah kerosakan adalah akibat pelanggaran kewajipan berjaga-jaga. Secara asas, perundangan Islam menetapkan kewujudan hubungan sebab akibat di antara pelanggaran kewajipan berjaga-jaga dan kerosakan melalui bentuk perbuatan. Hanya perbuatan secara langsung

⁶⁹⁴ Muḥammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-‘Udwān*, 140 – 142.

⁶⁹⁵ Seperti yang dinyatakan dalam kes IB Drennan v RF Geer [1975] 23 MLJ 77.

⁶⁹⁶ Seperti menyesuaikan kelajuan kenderaan dengan keadaan jalan seperti yang diputuskan dalam kes Wong Chin Yong, supra, nota 123. Antara lagi memandu dalam jarak yang selamat dan membuat belokan mengikut kaedah yang telah ditetapkan seperti yang diputuskan dalam kes Balvinder, supra, nota 126.

⁶⁹⁷ Seperti yang dinyatakan dalam kes Chang Kan Nan, supra, nota 123.

⁶⁹⁸ Seperti yang diputuskan dalam kes Loh Chee Keong, supra, nota 125.

dan tidak langsung sahaja yang boleh dikenakan liabiliti ganti rugi. Pelaku langsung diutamakan dalam pengenaan liabiliti kerana hubungan sebab akibat antara perbuatan secara langsung dengan kerosakan adalah kuat. Ini menyamai undang-undang Malaysia melalui ujian akibat langsung bagi membuktikan penyebab sebenar kepada kerosakan yang berlaku.

Walau bagaimanapun, undang-undang Malaysia menurut amalan semasa pula, lebih mengutamakan penyebab undang-undang. Kerosakan mestilah sesuatu yang boleh dipr alihat sebagai akibat daripada kecuaian tersebut dan bukan di luar jangka. Menggunakan ujian pralihat munasabah, bentuk perbuatan tidak menjadi persoalan utama sama ada secara langsung atau tidak. Ujian ini menentukan kewujudan hubungan sebab akibat antara perbuatan dengan kerosakan. Prinsip yang mempengaruhi hubungan sebab akibat dalam undang-undang Malaysia ini dan perbandingannya dengan perundangan Islam diringkaskan melalui jadual di bawah:

Jadual 8.3: Faktor Yang Menentukan Kewujudan Hubungan Sebab Akibat Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Perkara	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Wujud hubungan sebab akibat	Jika perbuatan adalah penyebab sebenar. Jika wujud pencelah, prinsip <i>egg shell</i> atau <i>thin skull</i> menyebabkan pelaku tort berliabiliti terhadap semua kerosakan yang berlaku ke atas mangsa. Ini termasuk kesan yang lebih besar daripada biasa sekiranya kesan tersebut boleh diramal.	Hubungan sebab akibat wujud jika kerosakan berlaku akibat perbuatan tanpa sebarang pencelah. Jika wujud beberapa sebab terhadap sesuatu kerosakan, liabiliti ditanggungkan ke atas penyebab jika menurut uruf, ia boleh menghasilkan kerosakan.
Terputus hubungan sebab akibat	<i>Novus actus interveniens</i> : tindakan atau peristiwa yang memutuskan kaitan antara kesalahan atau jenayah yang dilakukan oleh defendant dengan kejadian yang berlaku kemudiannya iaitu:	Kesan perbuatan pelaku terputus disebabkan wujud pencelah yang memutuskan kesan seperti perbuatan pihak lain yang terkemudian atau lebih dominan kesannya. Pelaku hanya berliabiliti terhadap perbuatannya, bukan

	jika kerosakan adalah sesuatu yang berbeza bentuknya daripada apa yang diramalkan.	kesan akhir kerosakan.
--	--	------------------------

Jadual 8.3 di atas menjelaskan faktor yang mempengaruhi kewujudan dan ketiadaan hubungan sebab akibat menurut kedua-dua perundangan. Daripada jadual, dapat difahamkan bahawa asas kewujudan hubungan sebab akibat adalah jika perbuatan sebagai penyebab kepada kerosakan yang berlaku. Namun, apabila wujud pencelahan antara perbuatan dengan kerosakan, kedua-dua perundangan masih mengenakan liabiliti ke atas pelaku perbuatan dalam keadaan-keadaan tertentu.

Menurut undang-undang Malaysia, prinsip *egg shell* menyebabkan pelaku berliabiliti terhadap segala kesan termasuk kesan yang lebih besar daripada biasa. Dalam kes *Azizi*,⁶⁹⁹ mangsa mengalami pemendekan kaki sebanyak 2.0sm daripada kemalangan ini. Walau bagaimanapun, disebabkan mangsa telah sedia mengalami pemendekan kaki akibat kemalangan lain yang berlaku sebelumnya, defendant dalam kes ini diputuskan berliabititi terhadap kesan pemendekan kaki sebanyak 4.0sm yang dialami mangsa. Contoh lain pemakaian prinsip *egg shell* ialah kes *Pigney*.⁷⁰⁰ Dalam kes ini, pelaku yang menyebabkan kecederaan kepala mangsa, diputuskan berliabiliti apabila mangsa menggantung diri sendiri selepas kemalangan berlaku. Ini kerana mangsa mengalami *anxiety neurosis* kesan daripada kecederaan tersebut. Tindakan mangsa sendiri sebagai kejadian kedua selepas kemalangan tidak dianggap memecahkan rantaian penyebab kepada kecuaian pelaku tort dan kerosakan yang dialami kerana ia adalah sesuatu yang boleh dipralihat.

Menurut perundangan Islam pula, apabila wujud beberapa sebab terhadap satu akibat seperti perbuatan pelaku dan keadaan yang berentetan daripadanya, liabiliti

⁶⁹⁹ Supra, nota 139.

⁷⁰⁰ Supra, nota 141.

dikenakan ke atas pelaku jika perbuatannya merupakan sebab yang dapat dipastikan kesannya melalui akal dan perasaan (*al-‘ilal wa al-asbāb al-hissiyyah*). Dalam kategori ini, pertimbangan sama ada perbuatan pelaku menghasilkan kesan secara langsung atau tidak langsung, tidak diambil kira. Contohnya, seseorang menyalakan api di rumah seseorang dengan niat untuk membunuhnya. Mangsa tersedar apabila api telah merebak. Api yang marak menyebabkannya tidak dapat menyelamatkan diri dan meninggal dalam kebakaran. Kematian mangsa dalam kes ini, ditanggungkan ke atas pelaku yang menyalakan api dan menghasilkan sebab lain kepada kematian mangsa iaitu kebakaran.⁷⁰¹

Selain daripada kategori ini, pelaku boleh ditanggungkan liabiliti jika menurut uruf atau kebiasaan, perlakuannya dan sebab yang berentetan daripadanya boleh menghasilkan kerosakan. Contohnya, seseorang melanggar sebuah bot bertujuan menenggelamkannya. Ini menyebabkan mangsa di dalam bot terjun ke laut untuk menyelamatkan diri, tetapi dia ditelan paus. Dalam contoh ini, ‘Awdah menetapkan pelaku berliabiliti terhadap kematian mangsa walaupun perbuatannya menenggelamkan bot tersebut bukan sebab langsung kepada kematian mangsa.⁷⁰²

Prinsip *egg shell* dalam undang-undang Malaysia, dilihat harmoni dengan konsep dalam perundangan Islam ini. Hubungan sebab akibat masih wujud walaupun terdapat beberapa sebab atau pencelah jika kerosakan mempunyai hubungan yang dapat diprالihat dengan perbuatan pelaku. Ujian ini boleh diterima sebagai uruf atau kebiasaan yang dimaksudkan oleh ‘Awdah. Jadi, menurut konsep dalam perundangan Islam, pelaku yang menyebabkan kecederaan kepala kepada mangsa yang menyebabkannya mengalami masalah psikologi yang mendorongnya menggantung diri, boleh dipertanggungjawabkan lebih-lebih lagi jika ini disokong laporan perubatan. Bagi

⁷⁰¹ ‘Awdah, *al-Tasyrī ‘al-Jinā’I al-Islamī*, 1: 461.

⁷⁰² Sebab ini dikategorikan sebagai *al-asbāb al-‘urfīyyah*. *Ibid*, 462.

kes *Azizi*⁷⁰³ pula, pelaku memang berliabiliti terhadap kecederaan. Berkenaan diat atau *arsh* yang ditanggungkan ke pelaku, ia bergantung kepada kehilangan upaya yang dialami oleh mangsa. Kedua-dua perundangan dalam aspek ini adalah harmoni.

Dalam aspek putus hubungan sebab dan akibat pula, konsep dalam kedua-dua perundangan juga adalah harmoni. Perundangan Islam menetapkan bahawa hubungan sebab dan akibat terputus jika wujud pencelah yang memutuskan kesan perbuatan pelaku menurut kebiasaan. Menurut undang-undang Malaysia, *novus actus interveniens* berlaku sekiranya kerosakan tersebut tidak dapat diramalkan oleh akal manusia. Contohnya, kes *Sivakumaran*.⁷⁰⁴ Akibat kemalangan, mangsa lumpuh. Mangsa kemudiannya mati akibat menggantung diri beberapa bulan selepas itu akibat kemiskinan. Mahkamah memutuskan perbuatan mangsa menggantung diri tidak dapat diramalkan sebagai akibat biasa daripada kecederaan dan justeru, pelaku tort tidak bertanggungjawab terhadap kematianya.

Menurut perundangan Islam, jika hubungan sebab akibat antara perbuatan dan kesan terputus atas faktor perbuatan pihak lain atau faktor semulajadi, pelaku hanya ditanggungkan liabiliti atas perbuatannya sahaja, bukan kesan akhir.⁷⁰⁵ Contohnya, jika seorang (A) mencederakan mangsa kemudian datang seorang yang lain (B) memotong lehernya, maka kematian mangsa ditanggungkan ke atas perbuatan pihak B. A ditanggungkan atas kesalahan mencederakan sahaja.⁷⁰⁶

⁷⁰³ Supra, nota 139.

⁷⁰⁴ Supra, nota 136.

⁷⁰⁵ ‘Awdah, *al-Tasyrī ‘al-Jinā’i al-Islamī*, 1: 463.

⁷⁰⁶ Ibid, 459.


8.2.2 Pembahagian Liabiliti

Kecuaian atau pencerobohan hak menjadi pertimbangan asas menurut kedua-dua perundangan dalam pembahagian liabiliti. Liabiliti dibahagikan ke atas pihak-pihak yang bersalah mengikut kadar kesalahan masing-masing. Pertama, pembahagian ke atas beberapa orang pemandu cuai yang menyebabkan kehilangan nyawa, kecederaan anggota dan kerosakan harta kepada mangsa. Kedua, kecuaian sertaan iaitu pembahagian liabiliti ke atas pemandu cuai dengan mangsa sendiri.

Dalam perundangan Islam, kaedah-kaedah fiqh memberi panduan dalam penentuan liabiliti terhadap beberapa pihak, sama ada pihak-pihak tersebut ditanggungkan liabiliti atau dikecualikan sepenuhnya atau menanggung liabiliti bersama-sama. Walau bagaimanapun, dalam soal pembahagian liabiliti ke atas pihak-pihak, pertimbangannya diserahkan kepada hakim. Disebabkan itu, terdapat contoh pembahagian liabiliti kepada $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$ dan sebagainya dalam perbincangan fiqh. Menurut undang-undang Malaysia pula, liabiliti pihak-pihak dibahagikan mengikut peratusan kecuaian masing-masing berdasarkan fakta kes dan pembuktian yang dikemukakan oleh pihak-pihak. Dalam aspek ini, amalan dalam perundangan Islam dan undang-undang Malaysia adalah harmoni.

Walau bagaimanapun, wujud sedikit perbezaan di antara kedua-dua perundangan. Berkenaan tanggungan secara bersama bagi kes kemalangan yang melibatkan beberapa orang pemandu cuai, perbezaan konsep pembahagian liabiliti di antara kedua-dua perundangan digambarkan melalui rajah berikut:

Rajah 8.1: Perbandingan Konsep Pembahagian Liabiliti di Antara Beberapa Orang Pelaku Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam



Sumber: Ilustrasi penulis

Melalui gambar rajah di atas, perbezaan konsep pembahagian liabiliti di antara beberapa orang pelaku menurut kedua-dua perundangan berlaku selepas pembahagian kadar liabiliti. Berdasarkan prinsip tanggungan bersama dan berasingan (*joint and several liability*), undang-undang Malaysia menanggungkan liabiliti menjelaskan pembayaran kepada salah satu pihak yang cuai. Walaupun pihak tersebut hanya berliabiliti sekadar 10% dalam kemalangan yang berlaku, dia boleh diputuskan untuk menjelaskan keseluruhan ganti rugi kepada mangsa. Ini bermakna pihak ini tidak boleh menjelaskan ganti rugi mengikut kadar liabilitinya sahaja, sebaliknya perlu menjelaskan 100% jumlah ganti rugi yang diputuskan. Dalam hal ini, bayaran 90% ganti rugi yang

telah dibayar bukan akibat liabilitinya, boleh dituntut kemudian daripada pihak cuai yang lain itu. Ini berbeza dengan perundangan Islam yang mewajibkan pembayaran ganti rugi mengikut kadar liabiliti pihak-pihak yang menyumbang sahaja.

Bagi kes kecuaian sertaan pula, perbezaan berlaku pada kecuaian sertaan kanak-kanak. Berbeza dengan undang-undang tort, penglibatan kanak-kanak dalam kes-kes sivil menurut perundangan Islam secara umumnya, tidak mempunyai perbezaan berbanding penglibatan orang dewasa. Ini bermaksud, liabiliti yang akan ditanggungkan ke atas kanak-kanak yang menyumbang kepada kerosakan pada nyawa, tubuh badan mahupun harta benda individu lain adalah sama pertimbangannya sepetimana orang dewasa. Tidak wujud perbezaan pertimbangan terhadap kadar liabiliti kanak-kanak sepetimana dalam undang-undang tort yang mengambil kira umur dan kematangan mereka.⁷⁰⁷ Ketegasan perundangan Islam dalam menjamin hak-hak individu ini bersandarkan kepada prinsip-prinsip yang dipetik daripada hadith-hadith Nabi s.a.w berikut:

كُلُّ مُسْلِمٍ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ⁷⁰⁸

Terjemahan: “Semua Muslim ke atas Muslim yang lain adalah haram menumpahkan darahnya, hartanya dan maruahnya.”

لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ⁷⁰⁹

Terjemahan: “Tidak ada kemudarat dan tidak memudaratkan.”

Daripada hadith-hadith di atas, dapat difahami secara jelas bahawa larangan memudaratkan hak individu lain adalah umum ke atas semua golongan pelaku. Justeru,

⁷⁰⁷ Perbincangan lanjut berkenaan kecuaian sertaan kanak-kanak menurut undang-undang tort di Malaysia, sila rujuk subtopik 2.3.2.1 pada bab 2.

⁷⁰⁸ *Sahīh Muslim*, *Bāb Taḥrīm Zulm al-Muslim wa Khazlihi wa Ḥaqiqārihi wa Dāmihi wa ‘Irḍīhi wa Mālihi*, hadith no. 6706.

⁷⁰⁹ Ibn Majah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Man Banā fī Ḥaqqih Mā Yaḍurru bi Jāriḥ, hadith no. 2340.

para fuqaha bersepakat dalam menanggungkan liabiliti sivil ke atas semua golongan yang menceroboh hak orang lain termasuk kanak-kanak mahupun orang gila demi menjamin hak mangsa yang dipelihara oleh Islam melalui nas tersebut. Pengecualian liabiliti kanak-kanak dalam Islam hanya berlaku dalam kes-kes jenayah yang mengambil kira elemen *mens rea*, berbeza dengan kes sivil yang tidak mensyaratkannya.

8.2.3 Konsep Penentuan Liabiliti Menurut Perundangan Islam bagi Mempercepatkan Penyelesaian Kes

Penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia berdasarkan liabiliti berasaskan kesalahan mendapat kritikan kerana didakwa menyumbang kepada kelewatan penyelesaian.⁷¹⁰ Ini kerana ia dikatakan menuntut pembuktian yang kompleks dan membebankan seperti laporan polis dan laporan perubatan⁷¹¹ yang diperlukan dalam proses perbicaraan untuk menetapkan liabiliti pihak yang terlibat serta jumlah ganti rugi yang boleh diberikan.⁷¹² Oleh kerana itu, cadangan Skim Liabiliti Tanpa Salah pernah ditimbulkan.⁷¹³ Melalui skim ini, penyelesaian kes kemalangan diharap boleh dilakukan segera tanpa melalui proses mahkamah. Pihak-pihak yang

⁷¹⁰ Param Cumaraswamy, “No-Fault Liability in Motor Accident Cases”, 7.

⁷¹¹ Plaintiff perlu menunggu sehingga beberapa tahun untuk kecederaan dan kesannya stabil sebelum laporan perubatan dikeluarkan. Zaleha binti Zamri, “No-Fault Liability in Motor Accident Cases”, 2.

⁷¹² Param Cumaraswamy “No-Fault Liability in Motor Accident Cases”, 7 - 9.

⁷¹³ Cadangan pelaksanaan Skim Liabiliti Tanpa Salah di Malaysia bagi menggantikan sistem penyelesaian kes kemalangan sedia ada sebenarnya telah dikemukakan beberapa kali. Pertama, pada tahun 1971 lagi oleh Mr Dennis Murphy ketika *First Malaysian Law Conference*. Kedua, pada tahun 1975 oleh Tun Mohamed Suffian sekembalinya daripada Konferens Hakim-hakim Komenwel (*Commonwealth Judge Conference*) di New Zealand. Ketiga, oleh Tan Sri Dato’ Harun Mahmud Hashim pada 14 Oktober 1995 dalam syarahannya bertajuk “*Motor Vehicle Accident Claims- The Case For No-Fault Liability*”. Keempat, Namun, oleh Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail pula pada 26 Ogos 2007. Param Cumaraswamy, “No-Fault Liability in Motor Accident Cases”, 1; Harun Mahmud Hashim, *Motor Vehicle Accidents Claims*, 11; Idrus bin Harun, “No-Fault Liability in New Zealand : Lessons for Malaysia”, 2.

terlibat sama ada bersalah atau tidak, boleh menerima ganti rugi dengan cepat untuk mengekalkan taraf hidup semasa tempoh ketidakupayaan.⁷¹⁴

Melalui perbincangan perbandingan di atas, penentuan liabiliti menurut undang-undang Malaysia didapati menggalakkan rayuan oleh pihak-pihak kerana kayu ukur yang ditetapkan bagi elemen liabiliti seperti prinsip ‘jiran’ contohnya, boleh mengundang kekeliruan. Ini seterusnya mengakibatkan kelewatan dalam penyelesaian. Penentuan liabiliti melalui kayu ukur seperti kebolehramalan adalah abstrak. Tafsiran mahkamah yang berbeza menyebabkan kes *Abdul Malek*⁷¹⁵ yang dibincangkan, dirayu ke peringkat seterusnya. Mangsa juga didapati boleh terbeban dalam proses tuntutan ganti rugi kerana pembuktian dituntut dalam segenap perkara. Bermula dengan pembuktian bahawa mangsa adalah ‘jiran’ iaitu golongan yang berhak terhadap kewajipan berjaga-jaga, diikuti dengan pembuktian pelanggaran kewajipan berjaga-jaga dan kerosakan berlaku akibat pelanggaran kewajipan berjaga-jaga bagi seorang pelaku atau beberapa pelaku yang cuai. Seterusnya, pihak defendant pula membuktikan dalihan kecuaian sertaan.

Penyelesaian berdasarkan Skim Liabiliti Tanpa Salah yang dicadangkan bagi menyelesaikan masalah ini, walau bagaimanapun turut mendapat kritikan. Melalui sistem ini, dikhuatiri pemandu menjadi kurang berhati-hati dan bersikap sambil lewa dalam pemanduan. Ini kerana jika berlaku kemalangan, mereka tidak akan dipersalahkan sebaliknya tetap akan menerima ganti rugi.⁷¹⁶ Kesamarataan kedudukan pihak yang bersalah dan tidak bersalah dalam mendapat ganti rugi dalam skim ini juga

⁷¹⁴ Cadangan kepada Skim Liabiliti Tanpa-Salah bagi Tuntutan Kemalangan Jalan Raya yang Melibatkan Kenderaan Bermotor, laman sesawang Jabatan Peguam Negara, dicapai 12/2/2009, <http://www.agc.gov.my/agc/public/paper.htm>.

⁷¹⁵ Supra, nota 115.

⁷¹⁶ Ketiadaan hak untuk menyaman pihak yang bersalah sebagaimana yang wujud dalam sistem tort sekarang ini akan menyebabkan tiadanya sistem yang mendorong kepada pengekangan tingkah laku salah akibat kecuaian yang bukan jenayah. Justeru, dapat disimpulkan bahawa keberkesanan hampir keseluruhan sistem Liabiliti Tanpa Salah ini amat bergantung pula kepada satu sistem pemantauan dan penguatkuasaan terhadap tingkah laku pemandu secara berasingan. Bronwyn Howell et.al, “No-Fault Public Liability Insurance : Evidence from New Zealand”, dalam *Agenda*, jil 9, bil. 2, (2002),135 – 149.

dipertikaikan. Mengapa mangsa yang tidak bersalah terpaksa menerima ganti rugi yang sedikit untuk menampung ganti rugi pihak yang bersalah.⁷¹⁷ Pelaksanaan skim ini juga dikhuatiri akan menyebabkan beban kewangan rakyat meningkat kerana ganti rugi diberikan kepada semua pihak yang terlibat.⁷¹⁸ Kelewatan yang cuba diselesaikan melalui skim ini juga diragui kerana tuntutan ganti ruginya masih memerlukan bukti melalui laporan polis dan laporan perubatan sama seperti keperluan sistem semasa.⁷¹⁹ Justeru, Badan Peguam Malaysia menegaskan langkah yang wajar adalah memperbaiki sistem sedia ada.⁷²⁰

Ini bermaksud mengekalkan liabiliti berdasarkan kesalahan dengan penambahbaikan. Berdasarkan perbandingan dengan konsep dalam perundangan Islam, terdapat beberapa perbezaan yang boleh dipertimbangkan bagi menambahbaik penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa. Cadangan berdasarkan konsep dalam perundangan Islam ini adalah seperti dalam jadual berikut:

⁷¹⁷ G.T.S Sidhu (1977), “Comments On The Paper No-Fault Liability in Motor Accidents Case”(Kertas kerja Fourth Malaysian Law Conference di Kuala Lumpur, 19 – 21 Oktober 1977), 3.

⁷¹⁸ The Sun, September 11, 2007, “Proposed-White Paper on No-Fault Liability” dilampirkan di The Malaysian Bar, <http://www.malaysianbar.org.my>, dicapai pada 19/1/2009.

⁷¹⁹ Isu kelewatan laporan perubatan dan laporan polis yang kadang kala mengambil masa sehingga setahun dibangkitkan dalam forum anjuran Kuala Lumpur Bar Committee yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 10 April 2007. Pihak peguam mempertikaikan mengapa perlu bertukar kepada skim NFL kerana pertukaran tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah kelewatan laporan daripada pihak hospital dan polis. Jika NFL dilaksanakan, pihak mangsa yang tidak berpengalaman pula terpaksa berhadapan sendiri dengan kerenah kelewatan pihak-pihak tersebut untuk mendapatkan dokumen yang relevan bagi tuntutan mereka tanpa bantuan peguam. Richard Wee Thiam Seng (2007), “Don’t Move The Goal Post, Improve The Game”, The Malaysian Bar, <http://www.malaysianbar.org.my>, 22/1/2009.

⁷²⁰ Ibid.

Jadual 8.4: Cadangan Pembuktian Elemen Wujud Kewajipan Berjaga-jaga Berdasarkan Konsep dalam Perundangan Islam

Aspek penentuan liabiliti semasa	Cadangan menurut perundangan Islam
Konsep ‘jiran’ menuntut pembuktian:	Kewajipan berjaga-jaga ke atas semua pengguna jalan raya.
1) mangsa adalah golongan yang rapat dan terjejas secara langsung 2) perbuatan pelaku diramalkan boleh menyebabkan kerosakan	Pelaku secara langsung adalah bertanggungjawab bagi kemalangan yang bukan di luar kawalan. Pelaku secara tidak langsung tidak dikenakan liabiliti kecuali dibuktikan cuai.

Ujian ‘jiran’ dalam jadual di atas adalah pertimbangan pertama mahkamah dalam memutuskan wujud kewajipan berjaga-jaga oleh pihak yang didakwa terhadap mangsa. Seperti yang dibincangkan berdasarkan contoh kes *Abdul Malek*,⁷²¹ kayu ukur ini boleh mengundang kekeliruan. Cadangan penambahbaikan adalah menggunakan kaedah-kaedah fiqh yang ditetapkan dalam perundangan Islam bagi penentuan liabiliti. Kaedah-kaedah ini memudahkan pertimbangan hakim dan mengelakkan kekeliruan dan perbezaan keputusan. Ini kerana kayu ukur penentuan adalah bentuk perbuatan berbanding kebolehramalan dalam ujian ‘jiran’.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perbezaan pandangan boleh berlaku dalam aspek penentuan liabiliti bagi kes kemalangan berantai yang mempunyai beberapa sebab atau pelaku. Ini kerana kewujudan dan ketiadaan hubungan sebab akibat menurut kedua-dua perundangan bergantung kepada fakta kes. Begitu juga pembahagian kadar liabiliti. Namun, perbezaan dalam penetapan kadar dan sebagainya ini tidak membolehkan mahkamah peringkat rayuan mengubah keputusan mahkamah


⁷²¹ Supra, nota 115.

bicara jika keputusan yang dibuat tidak menyalahi prinsip undang-undang.⁷²²

Ketetapan ini juga selari dengan konsep dalam perundangan Islam.

Secara keseluruhan, konsep liabiliti dalam perundangan Islam adalah sederhana berbanding penyelesaian berdasarkan undang-undang sedia ada dan Skim Liabiliti Tanpa Salah yang dicadangkan. Kedudukannya dapat digambarkan seperti berikut:

Rajah 8.2: Perbandingan Konsep Liabiliti Menurut Undang-undang di Malaysia, Perundangan Islam dan Skim Liabiliti Tanpa Salah



Sumber: Ilustrasi penulis

Berdasarkan rajah di atas, konsep liabiliti dalam perundangan Islam dikatakan sederhana kerana pembuktian kecuaianya tidak ketat sepetimana undang-undang Malaysia sehingga membebankan mangsa. Dalam masa yang sama, tidak longgar

⁷²² Rujuk nota kaki 261 dan 307.

seperti yang dicadangkan melalui skim Liabiliti Tanpa Salah yang memberikan ganti rugi kepada semua pihak yang terlibat dalam kemalangan. Konsep liabiliti menurut perundangan Islam adalah gabungan kedua-duanya iaitu liabiliti berasaskan kesalahan (*fault liability*) dan liabiliti tanpa salah (*no fault liability/strict liability*). Pembuktian kecuaian dituntut dalam perundangan Islam bagi pelaku secara tidak langsung. Bagi pelaku secara langsung, kecuaian tidak perlu dibuktikan kerana pelaku adalah bertanggungan jika pencerobohan hak ke atas mangsa berlaku dalam situasi boleh kawal.

Perbezaan kedua yang ditunjukkan dalam rajah di atas adalah dari aspek penanggungan liabiliti menjelaskan ganti rugi. Undang-undang Malaysia mengenakan liabiliti menjelaskan keseluruhan ganti rugi ke atas mana-mana pemandu cuai tanpa mengambil kira kadar liabiliti mereka bagi memastikan mangsa mendapat keseluruhan penghakiman. Dalam keadaan-keadaan tertentu, pihak yang berliabiliti menjelaskan penghakiman ini gagal mendapatkan kembali baki penghakiman daripada pihak yang sama-sama cuai dalam kes kemalangan tersebut.

Skim Liabiliti Tanpa Salah pula memberikan hak menuntut pampasan secara sama rata ke atas pihak yang terlibat dalam kemalangan tanpa membezakan di antara mangsa dan pemandu cuai. Melalui skim ini, semua pihak yang terlibat dalam kemalangan jalan raya boleh membuat tuntutan pampasan bagi kecederaan dan kerugian yang dialami mereka kepada badan khas. Skim ini dikritik kerana menyebabkan mangsa turut sama-sama menampung pampasan yang dituntut oleh pihak yang cuai itu melalui sumbangan mereka kepada tabungan skim.

Konsep dalam perundangan Islam pula adalah sederhana dalam memelihara hak pihak-pihak yang terlibat, sama ada mangsa atau pemandu-pemandu yang cuai. Ini kerana hanya mangsa yang berhak membuat tuntutan ganti rugi terhadap pihak-pihak

yang cuai. Pihak-pihak yang cuai pula, hanya perlu menjelaskan ganti rugi kepada mangsa berdasarkan kadar liabiliti masing-masing sahaja.

8.3 Penetapan Kuantum Ganti Rugi

Perbincangan mengenai penetapan kuantum ganti rugi menyentuh berkenaan dua perkara. Pertama, bentuk kerosakan yang diberikan ganti rugi. Kedua, kaedah penetapan kuantum ganti rugi.

8.3.1 Bentuk Kerosakan Yang Diberikan Ganti Rugi

Undang-undang Malaysia dan perundangan Islam memperuntukkan ganti rugi bagi kehilangan nyawa, kecederaan tubuh dan kerosakan harta. Ganti rugi bagi kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh menurut perundangan Islam diberikan diat dan *arsh*, manakala ganti rugi kerosakan harta diberikan *damān*. Menurut undang-undang Malaysia pula, kehilangan nyawa dan kecederaan tubuh diperuntukkan dengan ganti rugi am. Kerosakan harta pula diberikan ganti rugi khas.

Kedua-dua perundangan memperuntukkan ganti rugi bagi kehilangan nyawa, kecederaan dan kerosakan material yang telah berlaku dan meninggalkan kesan yang nyata. Namun, berbeza dalam pemberian ganti rugi bagi kerosakan yang abstrak dan bersifat jangkaan. Perbandingan kedua-dua perundangan dalam aspek ini adalah seperti berikut:

Jadual 8.5: Bentuk Kerosakan Yang Diperuntukkan Ganti rugi Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Bentuk kerosakan	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Kerosakan abstrak dan non-material	Antara bentuk ganti rugi yang boleh dituntut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Ganti rugi kehilangan perkhidmatan 2) Ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kenikmatan hidup 	Kerosakan yang bersifat abstrak (<i>ma'nawi</i>) seperti kesakitan dan emosi diperselisihkan sama ada boleh diberikan ganti rugi berbentuk <i>hukumah al-'adl</i> atau hanya boleh dikenakan pembalasan takzir.
Kerosakan pada masa akan datang	Antara bentuk ganti rugi yang boleh dituntut: <ol style="list-style-type: none"> 1) Kehilangan penyaraan 2) Kehilangan pendapatan masa hadapan atau kehilangan keupayaan untuk memperoleh pendapatan 3) Kerugian kewangan di masa hadapan 	Kerosakan mestilah benar-benar berlaku. Ganti rugi tidak diperuntukkan bagi kerosakan yang bersifat jangkaan yang di luar pengetahuan manusia.

Daripada jadual di atas, dapat difahami bahawa perundangan Islam hanya memperuntukkan ganti rugi seperti diat dan *ersh* khususnya bagi kerosakan fizikal. Amalan di Malaysia pula memperuntukkan ganti rugi yang pelbagai bagi kerosakan non-material dan bersifat jangkaan. Bagi kes kemalangan maut, antara ganti rugi yang boleh dituntut adalah ganti rugi kerana kesedihan, ganti rugi kehilangan saraan, ganti rugi kehilangan perkhidmatan dang anti rugi khas. Bagi kes kecederaan pula, mangsa boleh menuntut ganti rugi kesakitan dan penderitaan, ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan, ganti rugi kewangan pada masa hadapan dang anti rugi khas.

Selain daripada ganti rugi am dan khas, undang-undang di Malaysia juga mengenakan bunga ke atas pihak yang bertanggungjawab menjelaskan penghakiman sehingga bayaran dijelaskan kepada mangsa. Ini berbeza dengan perundangan Islam

yang tidak mengenakan bunga walaupun bayaran diat dijelaskan secara ansuran selama tiga tahun.

Walaupun pelbagai ganti rugi diperuntukkan oleh undang-undang Malaysia, semuanya tertakluk kepada syarat-syarat yang digariskan terutamanya melalui Akta Undang-undang Sivil (Pindaan 1984). Dalam keadaan tertentu, mangsa atau keluarga boleh dinafikan pemberian ganti rugi. Contohnya, seorang mahasiswa berumur 24 tahun terlibat dengan kemalangan maut. Ibu bapa mangsa tidak berhak mendapat ganti rugi kerana kesedihan sebanyak RM10,000 akibat kematian anak mereka. Ini kerana syarat tuntutan ganti rugi ini adalah anak mesti berumur 18 tahun ke bawah. Ibu bapanya juga tidak boleh membuat tuntutan ganti rugi kehilangan saraan kerana mangsa tidak pernah bekerja dan tidak memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri. Sebagai mahasiswa, biasiswa yang diterima tidak dianggap sebagai pendapatan. Ganti rugi kehilangan perkhidmatan juga tidak boleh dituntut semata-mata atas kehilangan seorang anak.⁷²³

Dalam contoh kes di atas, ganti rugi yang boleh dituntut hanyalah ganti rugi khas. Antaranya perbelanjaan-perbelanjaan yang dikeluarkan seperti kerosakan harta benda, kos pengebumian dan sebagainya. Jumlah ini dianggarkan hanya beberapa ribu ringgit Malaysia sahaja berbanding kehilangan nyawa seorang anak yang cemerlang. Sebagai perbandingan dengan perundangan Islam, kehilangan nyawa diberikan satu diat iaitu nilai RM terhadap 1,000 dinar emas atau 4250 gram emas 916 mengikut nilai semasa. Pemberian diat bagi kehilangan nyawa akan diberikan kepada waris mangsa sekiranya kematianya berlaku tanpa hak. Begitu juga dengan *arsh* apabila kecederaan berlaku ke atas mangsa secara salah. *Damān* pula diberikan bagi kerosakan material. Tidak wujud bentuk ganti rugi atau ganti rugi lain dalam perundangan Islam dengan syarat-syarat buatan, yang akhirnya menyebabkan mangsa dinafikan ganti rugi walaupun telah kehilangan nyawa atau cedera.

⁷²³ Bar Council of Malaysia, “Civil Law (Ammendment) Act 1984,” dalam [1984] CLJ 209, 211 – 212.

8.3.2 Kaedah Penetapan Kuantum Ganti Rugi

Kuantum ganti rugi bagi kedua-dua perundangan ditetapkan berdasarkan tiga kaedah yang sama. Namun, terdapat perbezaan dalam pemakaian ketiga-tiga kaedah ini seperti yang diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 8.6: Kaedah Penetapan Kuantum Ganti Rugi Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Kaedah	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Kadar tetap berdasarkan peruntukan	RM10,000 diperuntukkan oleh Akta 1956 bagi ganti rugi kerana kesedihan, dikongsi bersama oleh isteri atau suami dan ibu bapa si mati yang berumur di bawah umur 18 tahun dan belum berkahwin.	Kadar bagi kehilangan dan kecederaan nyawa dan kebanyakan anggota telah ditetapkan berdasarkan hadith Nabi s.a.w. Kehilangan nyawa, anggota atau manfaatnya secara total ditetapkan diat sebanyak 100 ekor unta atau 1000 dinar. Arsh bagi kecederaan dan kehilangan sebahagian, dinisbahkan kepada kadar diat.
Berdasarkan pertimbangan hakim	Semua ganti rugi am diputuskan oleh hakim berdasarkan kes-kes terdahulu dan prinsip pemberian ganti rugi secara munasabah: <ol style="list-style-type: none"> 1) ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup 2) ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan 3) ganti rugi kehilangan saraan 4) ganti rugi kehilangan perkhidmatan 5) kerugian kewangan di masa hadapan 	<i>Hukūmah al-‘adl</i> ditetapkan bagi kecederaan selain daripada yang telah ditetapkan melalui diat dan arsh.
Berdasarkan kepada kerugian sebenar	Kerosakan harta dan kerugian material yang dialami akibat kemalangan sehingga tarikh perbicaraan diberikan ganti rugi khas yang nilaiannya dibuat	Kerosakan harta dan kerugian material akibat kemalangan diperuntukkan dengan ganti rugi yang senilai.

	<p>menghampiri kepada pengiraan matematik yang tepat.</p> <p>Jika tiada bukti perbelanjaan sebenar melalui resit, taksiran kos dilakukan.</p>	
--	---	--

Daripada jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa kaedah penetapan ganti rugi bagi kerosakan harta dan kerugian material menurut kedua-dua perundangan adalah harmoni. Penetapan kuantum dibuat berdasarkan kerugian sebenar yang dialami oleh mangsa. Perbezaan ketara antara kedua-dua perundangan adalah pada ganti rugi bagi kemalangan maut dan kecederaan anggota. Dalam hal ini, perundangan Islam memperuntukkan nilai tertentu bagi kebanyakan bentuk kehilangan dan kecederaan melalui diat dan *arsh*. Pertimbangan oleh hakim dalam menetapkan kuantum adalah pada kecederaan selainnya. Ini berbeza dengan undang-undang Malaysia yang menyerahkan penetapan kesemua bentuk ganti rugi am kepada hakim dengan panduan kepada keputusan kes terdahulu. Kadar yang diputuskan dalam kes terdahulu, tidak mengikat sebaliknya bersifat rujukan kepada kes-kes seumpamanya. Kadar tetap yang diperuntukkan hanyalah bagi ganti rugi kerana kesedihan.

Penetapan kuantum ganti rugi menurut undang-undang di Malaysia seterusnya, bergantung kepada beberapa pertimbangan berikut yang menyebabkan kadar yang diputuskan tidak seragam dan berbeza:

Jadual 8.7: Pertimbangan Hakim dalam Menetapkan Ganti Rugi Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Perkara	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Nilai ganti rugi	Ganti rugi akibat kehilangan nyawa dan kecederaan anggota tubuh	
	Bentuk kecederaan dan kehilangan manfaat anggota. Kejutan saraf dan kesengsaraan emosi akibat kecederaan fizikal juga dipertimbangkan	Bentuk kecederaan dan kehilangan manfaat anggota.
	Nilai ganti rugi diputuskan mengambil kira kejatuhan atau kenaikan mata wang semasa	Medium pembayaran diat berdasarkan emas. Nilainya berubah mengikut harga semasa
	Ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan mendapatkan pendapatan dan ganti rugi kehilangan saraan	Kerugian bersifat jangkaan di masa hadapan tidak diberikan ganti rugi.
	Pendapatan atau saraan bulanan	
Tahun perolehan	Perbelanjaan bulanan mangsa	Kehilangan pendapatan mangsa akibat kecederaan yang benar-benar berlaku, boleh diberikan ganti rugi mengikut kerugian sebenar.
	Umur dan anggaran jangka hayat	
	Perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan	
	Keperluan munasabah	

Daripada jadual di atas, persamaan pertimbangan bagi kedua-dua perundangan adalah pada bentuk kecederaan dan kehilangan manfaat. Bagi kehilangan nyawa dan kecederaan anggota, kadar diat yang disandarkan kepada dinar berubah mengikut harga emas semasa. Pertimbangan terhadap kejatuhan nilai matawang boleh diambil kira oleh kerajaan dengan menetapkan medium pembayaran yang sesuai. Ini berlaku pada zaman awal Islam yang membenarkan pembayaran diat menggunakan unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian mengikut keperluan dan kesesuaian lokaliti. Namun, kadar diat melalui medium-medium tersebut telah ditetapkan dan tidak berubah. Dalam amalan mahkamah di Malaysia, nilai ganti rugi perlu dipertimbangkan oleh hakim berpandukan kes terdahulu dengan mengambil kira nilai matawang semasa.

Undang-undang di Malaysia memperuntukkan ganti rugi bagi ganti rugi pada masa hadapan. Oleh kerana itu, pertimbangan dibuat terhadap dua perkara iaitu nilai ganti rugi dan tahun perolehan. Oleh kerana ganti rugi ini bersifat jangkaan, pertimbangan dalam penetapannya juga bersifat jangkaan seperti jangka hayat, perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan serta keperluan masa pada masa hadapan. Pertimbangan yang abstrak atau subjektif⁷²⁴ ini tidak wujud dalam peundangan Islam yang hanya memperuntukkan ganti rugi bagi kerosakan dan kerugian yang benar-benar berlaku dan dapat dipastikan sahaja.

Walau bagaimanapun, tidak semestinya kuantum ganti rugi dalam perundangan Islam yang membataskan bentuk ganti rugi, adalah lebih kecil berbanding undang-undang Malaysia yang memperuntukkan pelbagai jenis ganti rugi. Kuantum bagi beberapa kecederaan menurut kedua-dua perundangan dibandingkan secara umum melalui jadual berikut:

Jadual 8.8: Kuantum Ganti Rugi bagi Kehilangan dan Kecederaan Anggota Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Anggota	Diat/arsh	Keputusan kes di Malaysia
Kaki	Kehilangan sepasang (kedua-duanya)- Diat penuh (100%) - RM340,000 ⁷²⁵ Kehilangan satu - separuh diat (50%)- RM170,000	<i>Above knee amputation</i> (RM55,000) ⁷²⁶
Jari-jari tangan dan kaki	Hilang kesemua- diat penuh (100%)- RM340,000 1/10 bagi setiap satu – (10%)- RM34,000	<i>Amputation of the left little finger (with negligible reduction of grip strength of non-dominant left hand)</i> RM10,000 ⁷²⁷ <i>Degloving injury to the right</i>

⁷²⁴ Kandiah Cheliah, “Claim for Nursing/Future Care”, lxxxi.

⁷²⁵ Berdasarkan nilai emas pada tahun 2008.

⁷²⁶ *Closed comminuted fracture of the left femur, fracture of neck of the left femur, open fracture of the left tibia and fibula, open fracture of the left ankle, compound weber fracture of the left foot with skin loss, resulting in above knee amputation.* Diputuskan dalam Lai Moi Lan & 6 Ors v Mahari b Maskop & Anor [2008] 1 PIR [16].

⁷²⁷ Mohamed Hassan b Abd Kadir & Anor v Loh Kian Huat & Anor [2008] 1 PIR [17].

		<i>fourth toe and amputation of the right fourth and fifth toe- RM 10,000</i> ⁷²⁸
Penglihatan	Kedua-dua penglihatan – diat penuh (100%) - RM340,000 Satu penglihatan sahaja- diat separuh (50%) - RM170,000	<i>Third cranial palsy with aberrant regeneration and loss of binocular single vision of the right eye- RM80,000.</i> ⁷²⁹
Damighah- luka yang meretakkan tengkorak dan melukakan membran otak	Terdapat dua pandangan dalam hal ini iaitu : <ul style="list-style-type: none"> • ½ diat – RM170,000 • 1/3 diat (33.33%)- RM113,333.33 	<i>Severe head injury with loss of ability to walk normally (right spastic hemiplegic gait), right hemisensory loss, right sided spastic hemiparesis, severe difficulty with communication and speech (severe dysphasia) and severe impairment to memory and cognitive abilities- RM140,000</i> ⁷³⁰
Ma'mūmah – Luka yang sampai ke tengkorak	1/3 diat (33.33%) RM113,333.33	<i>Base of skull fracture with cerebrospinal fluid leak with residual disabilities (loss of memory, recurrent headache, giddiness, loss of sensation over the left side of the face and loss of sense of smell)- RM35,000</i> ⁷³¹ <i>Fracture of the base of the skull- RM30,000</i> ⁷³²
Hāshimah – Luka yang mematahkan tulang	1/10 diat (10%) RM34,000	Jaw <i>Fracture of the left angle of mandible- RM 12,000</i> ⁷³³ <i>Fracture of maxilla- RM20,000</i> ⁷³⁴

Perbandingan yang dibuat dalam jadual di atas adalah perbandingan dengan kes yang diputuskan pada tahun 2008 dan dilaporkan dalam Personal Injury Report (PIR).

⁷²⁸ Siti Nurhasfeeza bt Abdul Kahir v Ahmad Helmy b Abd Rahman & Anor [2008] 1 PIR [48].

⁷²⁹ Mohd Rezal b. Hashim v Wong Kwai Chuen [2008] 1 PIR [7].

⁷³⁰ Amrik Singh a/l Piara Singh v Mohd Fairudz b Abd Malek [2008] 1 PIR [1].

⁷³¹ Noor Hisham b. Mohd Wahi v Mohamad Harbi b Mohamed [2008] 1 PIR [46].

⁷³² Baharuddin b. Sulong & Anor v Hiew Chong Choo [2008] 1 PIR [40].

⁷³³ Rosilawati bt Ismail v Nor Baizura bt Dziyaudin & Anor [2008] 1 PIR [12].

⁷³⁴ Fakruddin b. Zainal Ariffin v Kerajaan Negeri Pahang & Anor [2008] 1 PIR [14].

Oleh itu, nilai diat di atas adalah berdasarkan harga emas pada tahun 2008 iaitu RM340,000.⁷³⁵ Seperti yang dilampirkan dalam bab 6, nilai diat bagi tahun 2014 adalah berbeza iaitu RM651,000.

Daripada jadual perbandingan secara umum di atas, nilai diat bagi kehilangan anggota atau kehilangan manfaat anggota secara total adalah tinggi. Kehilangan sebahagian anggota dan manfaatnya ditetapkan dengan kadar yang mewakili nisbah kecederaan. Perbandingan secara tepat dalam jadual di atas adalah pada kehilangan jari. Kehilangan jari dua kaki dalam kes *Siti Nurhasfeezan bt Abdul Khir v Ahmad Helmy b Abd Rahman & Anor*⁷³⁶ di atas diputuskan dengan ganti rugi sebanyak RM10,000. Perundangan Islam memperuntukkan RM34,000 bagi satu jari. Bagi kehilangan penglihatan pula, kecederaan kepala mangsa yang menyebabkan mangsa kehilangan sebelah penglihatan dalam kes *Mohd Rezal b. Hashim v Wong Kwai Chuen*⁷³⁷ diberikan ganti rugi sebanyak RM80,000. Nilai *arsh* yang diperuntukkan bagi kehilangan manfaat yang sama adalah RM170,000.

Perbandingan secara anggaran bagi keseluruhan penghakiman yang merangkumi pelbagai bentuk ganti rugi dengan perundangan Islam pula adalah seperti berikut:

Jadual 8.9: Perbandingan Kuantum Ganti Rugi dalam Penghakiman Kes Tin Fhui Sze v. Teoh Tun Ching & Ors [2011] MLJU 883 dengan Perundangan Islam

Ganti rugi	RM	Perundangan Islam
<i>Hip injuries:</i> 1) fracture of head of right femur; 2) fracture of acetabulum; 3) dislocation of hip joint.		Penetapan kadar bagi kecederaan <i>ghayr jā'ifah</i> ialah <i>hukūmah al-'adl</i> yang diserahkan kepada pertimbangan hakim.
Kehilangan upaya: 1) tidak boleh bergerak tanpa tongkat;		Kesakitan yang dialami oleh mangsa akibat pergerakan

⁷³⁵ (4250gram emas 916 x RM80 satu gram 2008). Harga emas dikira berdasarkan kadar purata nisab tahunan yang dilampirkan dalam laman sesawang rasmi Pusat Pungutan Zakat Selangor, <http://www.zakat.com.my/info/arkib-nisab-tahunan/>, capaian pada 11/01/2014.

⁷³⁶ Supra, nota 728.

⁷³⁷ Supra, nota 729.

<p>2) susah untuk berdiri lama dan berjalan jauh dan menaiki tangga; 3) tidak boleh mencangkung, melutut dan berlari atau bergerak dari sisi ke sisi; 4) mengalami kesakitan tetap di kanan pinggul walaupun melalui senaman ringan, ketika duduk dan berdiri; 5) tidak boleh tidur mengiring ke kanan 6) mudah jatuh</p> <p>Kebanyakan aktiviti harian tidak boleh dilakukan sendiri tanpa bantuan.</p>		<p>boleh diberikan <i>hukūmah al-adl</i>.</p> <p>Kehilangan manfaat anggota seperti berjalan secara total adalah satu diat. Kehilangan manfaat kaki kanan sahaja secara total ialah $\frac{1}{2}$ diat. Kehilangan sebahagian sahaja manfaat berjalan, diberikan ganti rugi mengikut nisbah kehilangan manfaat tersebut kepada nilai $\frac{1}{2}$ diat (RM266, 241.25)⁷³⁸</p> <p>RM60,000</p> <p>RM60,000/+++</p>
<p><i>Scars:</i></p> <p>1) <i>31 x 15 cm hyperpigmented operative scar on right hip and upper thigh;</i> 2) <i>3.5 x 3 cm hyperpigmented wound scar on right shin;</i> 3) <i>4 cm long hyperpigmented wound scar on back of right heel;</i> 4) <i>2 hyperpigmented pin-track scars on right upper leg averaging 1 cm in diameter;</i> 5) <i>swelling and scars on right hip</i></p>	<p>RM20,000.</p>	<p><i>Hukūmah al-'adl.</i> Kadarnya terpulang kepada pertimbangan hakim</p> <p>RM20,000</p>
<p>Kos untuk 4 kali pembedahan lanjut bagi tujuan pemulihan</p>	<p>RM30,000</p>	<p>RM30,000</p> <p>Kos yang dapat dipastikan akan berlaku secara pasti, dibenarkan ganti rugi menurut pandangan al-Zuhayli.</p>
<p>Kos pembantu rumah dan upah penjagaan sebelum perbicaraan selama 48 bulan (mangsa tidak boleh melakukan aktiviti harian tanpa bantuan)</p>	<p>RM400 x 12bulan x 4tahun = RM19,200</p>	<p>RM19,200</p>
<p>Kos pembantu rumah dan upah penjagaan pada masa hadapan (jangka hidup mangsa dianggarkan selama 76 tahun)</p>	<p>RM200 x 444bulan = RM88,800</p>	<p>-</p>

⁷³⁸ Nilai diat bagi tahun 2011 dianggarkan berdasarkan harga emas ketika itu iaitu RM125.29 segram x 4250gram = RM532,482.50. Rujukan harga emas dibuat melalui nilai nisab zakat 85gram emas bagi tahun 2011 iaitu RM10,650. Rujuk laman sesawang rasmi Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/kadar-nisab>/lembaga zakat Selangor, capaian 19/1/2015

Kos untuk dua pasang kasut khas setahun (sehingga mangsa berumur 76 tahun)	RM3,100 x 18 pasang = RM55,800	-
Ganti rugi khas :		
Kos penerbangan bapa mangsa untuk melawatnya.	RM1,276	-/ RM1,276
Kos rawatan di hospital	RM11,010	RM11,010
Laporan perubatan dan lain-lain	RM922.10	RM922.10

Penghakiman kes *Tin Fhui Sze* di atas adalah bagi kecederaan pinggul yang termasuk dalam kategori *jirah ghayr jā'ifah* menurut perundangan Islam. Perbandingan dengan angka secara tepat tidak dapat dilakukan kerana penetapan kadar ganti rugi bagi kecederaan kategori ini diserahkan kepada pertimbangan hakim. Penetapan kadar diat atau *arsh* bagi kehilangan manfaat berjalan dalam kes ini juga, memerlukan pertimbangan lanjut untuk menentukan peratusan kehilangannya. Begitu juga dengan pertindihan *arsh* dengan kecederaan anggota. Ini boleh ditentukan berdasarkan keterangan pakar perubatan. Walau bagaimanapun, penetapan kadar ini lebih mudah dilakukan kerana berdasarkan kepada nilai penuh diat yang telah ditetapkan. Bagi kecederaan yang diperuntukkan dengan *hukūmah al-‘adl* seperti kecederaan pinggul, kesakitan pinggul dan parut terpulang kepada hakim dan boleh berpandukan kepada kadar yang diputuskan oleh kes-kes sebelumnya di Malaysia.

Daripada jadual di atas juga, perbezaan berlaku pada pemberian ganti rugi pada masa hadapan. Menurut perundangan Islam, kerugian kewangan iaitu kos kasut khas dan pembantu rumah yang dijangka diperlukan sehingga mangsa berumur 76 tahun tidak diperuntukkan ganti rugi. Ini kerana kerugian ini bersifat jangkaan semata-mata dan jangka hayat seseorang tidak dapat dipastikan. Kos penerbangan bapa mangsa untuk menziarahinya, diperuntukkan RM1,276 oleh mahkamah iaitu separuh daripada yang dituntut oleh pihak mangsa berdasarkan pertimbangan mahkamah terhadap keperluan sebenar. Dalam hal ganti rugi khas, perundangan Islam selari dalam

memberikan ganti rugi berdasarkan kerugian sebenar yang berbangkit akibat kemalangan. Pertimbangan dipulangkan kepada hakim untuk menilai keperluan. Oleh kerana itu, dalam jadual di atas RM1,276 boleh diberikan atau tidak diberikan langsung bergantung pada hubungan sebab akibat kerugian kewangan tersebut dengan perbuatan salah pelaku yang perlu diputuskan oleh mahkamah.

Perbandingan seterusnya, melibatkan kecederaan di bahagian kepala yang mempunyai kadar diat tertentu. Justeru, perbandingan bagi penetapan kuantum ganti rugi secara total dapat dibuat dalam kes berikut:

Jadual 8.10: Perbandingan Kuantum Ganti Rugi dalam Penghakiman Yee Kah Bao dan Satu Lagi lwn Lau Choon Hong [2013] 9 MLJ 270 dengan Perundangan Islam

Ganti rugi	Keputusan mahkamah	Perundangan Islam
<i>Severe head injury with skull fracture or intracranial bleeding of subdural types (diffuse axonal injury) and fracture of left temporal and right mastoid bone</i>	RM100,000	<i>Damighah-</i> luka yang meretakkan tengkorak dan melukakan membran otak. Terdapat dua pandangan dalam hal ini iaitu : 1) $\frac{1}{2}$ diat - RM351,623.75 2) $\frac{1}{3}$ diat - RM234,415.80
Kos penjagaan sebelum bicara	(RM450 x 12 x 3 tahun) = RM16,200	RM16,200
Kos penjagaan selepas bicara	(RM450 x 12 x 30 tahun) = RM162,000	-
Kehilangan upaya pendapatan masa akan datang	RM50,000	-
Kos rawatan fisioterapi	(RM15 x 12 sesi sebulan x 6 tahun) = RM12,960	RM6480/++
Total	RM291,160	RM374,303.75/ RM257,095.80++

Kes *Yee Kah Bao* di atas melibatkan kecederaan parah di bahagian kepala yang menyebabkan tengkorak mangsa retak. Bagi kecederaan ini, mahkamah menetapkan ganti rugi sebanyak RM100,000. Menurut perundangan Islam, kecederaan ini dikategorikan sebagai *damighah* yang telah ditetapkan kadarnya. Namun, para fuqaha berselisih pandangan berkenaan kadarnya. Berdasarkan kiraan mengikut harga emas pada tahun 2013 ketika kes ini diputuskan, nilai diat adalah RM703,247.50.⁷³⁹ Jadi, nilai diat bagi *damighah* ialah RM351,623.75 bagi $\frac{1}{2}$ diat atau RM351,623.75 bagi $\frac{1}{3}$ diat. Kedua-dua nilai ini adalah jauh lebih tinggi daripada ganti rugi yang diputuskan oleh mahkamah.

Ganti rugi pada masa hadapan tidak diperuntukkan dengan ganti rugi ini dalam perundangan Islam. Bagi kos fisioterapi pula, kadar yang diberikan oleh mahkamah adalah selama enam tahun iaitu tiga tahun sebelum perbicaraan dan tiga tahun akan datang. Jadi, ganti rugi yang boleh diberikan mengikut persepakatan fuqaha adalah tiga tahun yang berlalu dengan kadar sebenar perbelanjaan iaitu RM6,480. Kadar tambahan sepertimana yang diputuskan oleh mahkamah bagi tiga tahun selepas perbicaraan, boleh diberikan jika rawatan itu dapat dipastikan akan berlaku seperti pandangan al-Zuhaylī.

Daripada jadual, didapati total kuantum ganti rugi menurut perundangan Islam tidak jauh berbeza dengan kuantum yang diputuskan oleh mahkamah. Jika *damighah* diberikan *arsh* sebanyak $\frac{1}{2}$ diat, kuantum ganti rugi yang dianggarkan boleh diberikan adalah RM374,303.75. Kadar ini melebihi kuantum yang diputuskan oleh mahkamah walaupun ganti rugi pada masa hadapan tidak diberikan menurut perundangan Islam. Jika *arsh* yang diberikan sebanyak $\frac{1}{3}$ diat pula, kuantumnya adalah RM257, 095.80, rendah sedikit sahaja daripada kuantum yang diputuskan oleh mahkamah.

⁷³⁹ Nilai satu gram emas berdasarkan nisab zakat Selangor pada tahun 2013 ialah: RM14,065/85 gram = RM165.47. Nilai diat pula ialah 4250 gram x RM165.47= RM703,247.50. <http://jimatcermat.my/zakat-apa-itu-zakat-nisab-dan-cara-pengiraannya/>, capaian pada 19/1/2015.

8.3.3 Penetapan Ganti Rugi Menurut Perundangan Islam bagi Mengelakkan Rayuan Berpanjangan

Kuantum ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia diputuskan berdasarkan amalan dalam undang-undang komon kecuali dalam beberapa aspek yang ditetapkan formulanya melalui Akta Undang-undang Sivil 1956. Penetapan dibuat berdasarkan prinsip pemberian ganti rugi munasabah yang memberikan kuasa pertimbangan kepada hakim. Tidak wujud nilai seragam bagi jenis-jenis kecederaan tertentu walaupun panduan kes-kes terdahulu menjadi rujukan. Ini menjadikan tugas menilai kuantum ganti rugi terutamanya ganti kesakitan dan penderitaan tidak mudah kerana didasarkan kepada kayu ukur kesakitan dan hilang kemudahan hidup yang bersifat abstrak. Dalam kes *Raja Mohktar bin Raja Yaacob v Public Trustee, Malaysia*⁷⁴⁰ Raja Azlan Shah, H menyatakan:

“Sebarang ganti rugi bagi kehilangan kemudahan hidup dan kesakitan dan penderitaan mestilah dibuat. Tiada jumlah yang memadai. tetapi mahkamah mestilah memberikan satu award yang mewakili tahap keseriusan kerugian dan kesakitan secara buatan. Adalah sukar untuk memberikan sebab yang kukuh kepada angka ini atau itu. Seseorang hanya boleh menegaskan.”⁷⁴¹

Daripada penghakiman ini, dapat difahami bahawa nilai ganti rugi bagi ganti rugi kesakitan dan penderitaan serta kehilangan kemudahan hidup sukar untuk diputuskan. Tiada sebab yang kukuh boleh diberikan terhadap angka yang diputuskan terhadap kesakitan dan kehilangan kemudahan hidup yang dialami oleh mangsa. Para hakim meletakkan nilai tertentu yang kemudiannya menjadi trend ganti rugi yang diikuti oleh kes-kes kemudian. Melalui litigasi, pihak plaintiff mengemukakan cadangan

⁷⁴⁰ [1970] 2 MLJ 151.

⁷⁴¹ Terjemahan penulis kepada penghakiman kes Raja Mohktar berikut: “Any compensation for loss of amenities and pain and suffering must be artificial. No sum can be adequate. But the court must give an award which would represent artificially the gravity of the loss and the severity of the pain and suffering. It is hard to give cogent reasons for this figure or that. One can only assert.”

nilai ganti rugi bagi kecederaan yang dialami. Pihak defendant kemudian boleh membuat rayuan jika tidak bersetuju dengan nilai cadangan. Rayuan boleh dipertimbangkan jika penetapan kuantum diputuskan berdasarkan kaedah yang salah atau kuantum yang diberikan adalah tinggi dan tidak mengikut trend pemberian ganti rugi.

Penilaian ganti rugi pada masa hadapan juga tidak mudah kerana melibatkan jangkaan. Walaupun formula tetap diperuntukkan bagi menilai tahun perolehan ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan, hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan dan kehilangan saraan contohnya, keseragaman masih tidak dapat diwujudkan. Ini kerana mahkamah berselisih tentang kaedah penilaian kuantum, sama ada mengambil kira tolakan bagi perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan atau tidak. Justeru, pindaan Akta Undang-undang Sivil yang bertujuan mengurangkan jurang perbezaan dalam keputusan belum dapat dicapai. Perbezaan keputusan pula, menyebabkan rayuan berpanjangan dan kelewatan penyelesaian.⁷⁴²

Berdasarkan perbandingan, perundangan Islam boleh dipertimbangkan sebagai penyelesaian kepada masalah jurang perbezaan keputusan kuantum oleh mahkamah melalui dua aspek yang dibandingkan. Pertama, bentuk kerosakan yang diberikan ganti rugi. Bagi memudahkan penetapan kuantum dan memberikan keadilan kepada pihak-pihak yang terlibat, bentuk kerosakan yang boleh dipampas perlu dipinda. Berdasarkan perundangan Islam, bentuk kerosakan yang diperuntukkan ganti rugi adalah kerosakan yang benar-benar berlaku dan dapat dinilai. Ini bermakna, ganti rugi pada masa hadapan seperti kehilangan pendapatan masa hadapan atau hilang keupayaan mendapatkan pendapatan dan kehilangan saraan yang diperuntukkan mengikut anggaran jangka hayat mangsa perlu dimansuhkan.

⁷⁴² William A. Drier, "Reform of the Personal Injury Damages Delivery System", *Rutgers Law Review* 48, no. 3, (1996), 805.

Pemberian ganti rugi pada masa hadapan pula, dihadkan kepada kerugian kewangan yang dapat dipastikan.⁷⁴³ Dengan itu, penilaian ganti rugi dapat dibuat dengan lebih mudah dan mengelakkan pertikaian antara pihak-pihak tentang sesuatu perkara yang tidak dapat dipastikan. Ini juga dapat memberikan keadilan kepada pihak yang menjelaskan ganti rugi. Ini kerana ganti rugi yang diputuskan berdasarkan jangkaan mungkin kurang atau melebihi kerugian sebenar yang belum pun dialami oleh mangsa. Dalam kes *Yeo Kim Kuan v Hamid*⁷⁴⁴ contohnya, mahkamah memutuskan ganti rugi berdasarkan jangkaan mahkamah bahawa plaintif boleh hidup selama 20 – 25 tahun lagi selepas kemalangan berlaku. Namun, plaintif meninggal dunia lima hari selepas kes diputuskan. Dalam kes *Ngooi Ku Siong*⁷⁴⁵ pula, plaintif menuntut ganti rugi hilang keupayaan untuk memperoleh pendapatan, atas risiko bahawa dia berkemungkinan hilang pekerjaan atau mendapat gaji yang rendah pada masa hadapan. Namun, kebimbangan ini tidak berlaku kerana mangsa berjaya mendapat lesen memandu kapal terbang selepas kemalangan. Dengan itu, prospek pekerjaan yang dimiliki oleh mangsa adalah lebih baik berbanding pekerjaannya sebagai seorang pegawai tadbir di syarikat swasta ketika kemalangan berlaku.

Kedua, perbezaan keputusan mahkamah boleh diatasi melalui kaedah penetapan ganti rugi yang seragam. Dalam perundangan Islam, penetapan ganti rugi bagi kehilangan nyawa dan kebanyakan kecederaan telah ditetapkan dengan nilai siling melalui diat dan *ersh*. Hakim diberikan panduan untuk memutuskan ganti rugi bagi kecederaan kecil dan kehilangan sebahagian manfaat anggota berdasarkan nisbah kepada nilai siling diat atau *ersh* tersebut. Pertimbangan sepenuhnya kepada hakim hanya diberikan bagi kecederaan selain daripada yang telah ditetapkan dengan bantuan pandangan pakar.

⁷⁴³ al-Zuhaylī, *Nazariyyah al-Damān*, 96.

⁷⁴⁴ [1968] 2 MLJ 188.

⁷⁴⁵ Supra, nota kaki 206.

Penetapan nilai yang seragam bagi kecederaan ini bukan satu cadangan yang asing kerana amalan semasa di Malaysia juga merujuk kepada trend pemberian ganti rugi berdasarkan kes-kes terdahulu. Di peringkat antarabangsa juga, ganti rugi berjadual pernah dicadangkan oleh William A. Drier bagi mewujudkan keseragaman dalam pemberian ganti rugi di bawah undang-undang tort.⁷⁴⁶ Bezanya dengan perundangan Islam adalah diat dan *arsh* ditetapkan berdasarkan kecederaan fizikal. Nilainya sama bagi kecederaan yang berlaku tanpa mengambil kira status dan kedudukan mangsa. Ini berbeza dengan undang-undang tort yang meletakkan syarat tuntutan ganti rugi dengan kesakitan yang dirasai oleh mangsa. Selain itu, pertimbangan abstrak seperti kehilangan kemudahan hidup mangsa yang berbeza-beza juga diambil kira. Trend ganti rugi berdasarkan keputusan terdahulu di Malaysia juga bersifat rujukan berbanding kadar diat dan *arsh* dalam perundangan Islam bersifat tetap.

Berdasarkan perbandingan, nilai yang ditetapkan melalui diat dan *arsh* juga adalah lebih tinggi. Dengan itu, kadar yang ditetapkan adalah memadai bagi menggantikan ganti rugi pada masa hadapan yang dimansuhkan dan mengundang kelewatan dalam amalan semasa. Pertimbangan berdasarkan jangkaan bagi ganti rugi ini sering menimbulkan rayuan berpanjangan oleh pihak-pihak walaupun setelah formula tetap diperuntukkan melalui pindaan akta. Ini kerana, perkara pada masa hadapan tidak dapat ditentukan secara muktamad sehingga keputusan yang terhasil disifatkan seperti loteri.⁷⁴⁷

⁷⁴⁶ Cadangan ini dikemukakan oleh William A. Drier (*Presiding Judge, Superior Court of New Jersey, Appellate Division*) seperti berikut: “*In all personal injury cases I would impose scheduled damages to be established by a trier of fact in the areas of pain and suffering and disability. I would draw upon our collective experience in jury verdicts and settlements and establish monetary values for various injuries including pain and suffering and disability awards.*” Beliau mencadangkan agar komponen-komponen dalam ganti rugi diletakkan nilai melalui skala 1 sehingga 10 dengan nilai yang ditetapkan oleh pihak pembuat dasar atau mahkamah. Dalam memutuskan ganti rugi kesakitan dan penderitaan, plaintif yang mengalami kesakitan kesederhanaan “sekali-sekala” contohnya, berada dalam skala dua. Seorang yang mengalami kesakitan yang “berat,” “kerap,” “kekak” pula berada dalam skala 9. William A. Drier, “Reform of The Personal Injury Damages Delivery System”, 800-804.

⁷⁴⁷ Muhammad Altaf Hussain Ahangar, “Dependability of Dependency Claims”, xxxiii.

Namun, ini tidak bermaksud bahawa kerugian kewangan seperti kos rawatan mangsa dalam masa terdekat pada masa hadapan, tidak diperuntukkan ganti rugi sama sekali menurut perundangan Islam. Kos ini boleh dipertimbangkan jika kerugian tersebut benar-benar berlaku kemudian. Berdasarkan konsep dalam perundangan Islam, bayaran diat dan *arsh* boleh dibuat secara ansuran selama tiga tahun. *Damān* bagi kerugian kewangan pula, perlu dijelaskan segera sekaligus. Pembayaran secara ansuran ini, dilihat membolehkan pertimbangan dibuat terhadap kerugian-kerugian lain yang dialami mangsa. Ini lebih adil kepada mangsa dan juga penanggung liabiliti.

Konsep pembayaran ganti rugi secara ansuran ini juga pernah dicadangkan oleh William A. Drier bagi mengatasi masalah penetapan ganti rugi akan datang yang mengundang perbezaan jangkaan. Beliau mencadangkan ganti rugi kesakitan dan penderitaan, perbelanjaan perubatan dan kehilangan pendapatan dibayar secara berkala bagi kerugian yang benar-benar berlaku. Pembayaran dicadangkan tidak dibuat secara sekaligus seperti dalam amalan sedia ada. Berdasarkan cadangan beliau, walaupun kuantum ganti rugi telah diputuskan berdasarkan jangkaan pada masa hadapan, pembayarannya dibuat secara berkala. Jika kecederaan telah sembuh dan mangsa boleh kembali bekerja contohnya, semakan terhadap ganti rugi yang diputuskan boleh dilakukan.⁷⁴⁸ Cadangan ini selari dengan perbincangan fuqaha yang menetapkan tempoh masa menunggu kesembuhan untuk memastikan bentuk kecederaan yang dipampus tidak berlaku.⁷⁴⁹

⁷⁴⁸ William A. Drier, "Reform of The Personal Injury Damages Delivery System", 809.

⁷⁴⁹ rujuk perbincangan dalam sub topic 5.2.2 Kerosakan (al-Darar)

Kesimpulannya, melalui perbincangan dapat disimpulkan bahawa penetapan kuantum ganti rugi dalam perundangan Islam lebih memenuhi ciri ciri yang dinyatakan dalam penghakiman Lord Denning MR dalam kes *Ward v James*⁷⁵⁰ berikut:

“Pengajaran daripada kes-kes kebelakangan menunjukkan kelebihan tiga perkara: Pertama, kebolehnilaian: Dalam kes-kes kecederaan parah, di mana tubuh berkecaci atau otak hancur, adalah sukar untuk menilai ganti rugi yang adil dalam bentuk wang, sangat sukar kerana award mesti berdasarkan angka konvensional, yang diperolehi daripada pengalaman atau keputusan kes-kes terdahulu yang seumpamanya. Kedua, keseragaman: Patut wujud satu bentuk keseragaman dalam award, jadi keputusan yang sama boleh diberikan bagi kes yang serupa; jika tidak akan timbul rasa tidak puas hati yang besar dalam masyarakat, dan banyak kritikan terhadap pentadbiran keadilan. Ketiga, kebolehramalan: Pihak-pihak sepatutnya boleh membuat jangkaan dengan agak tepat terhadap jumlah ganti rugi yang akan diberikan dalam kes-kes tertentu, ini bermakna kes-kes boleh diselesaikan secara damai di luar mahkamah, satu perkara yang sangat baik untuk masyarakat.”⁷⁵¹

Penghakiman di atas menjelaskan kelebihan tiga perkara dalam penyelesaian kes tort iaitu kebolehnilaian, keseragaman dan kebolehramalan. Kewujudan tiga perkara ini boleh mempercepatkan penyelesaian kes di mahkamah bahkan di luar mahkamah. Ciri-ciri ini wujud dalam konsep penetapan ganti rugi menurut perundangan Islam. Justeru, pembaharuan berdasarkan konsep dalam perundangan Islam wajar dipertimbangkan.

8.4 Penanggungan Liabiliti dan Pembayaran Ganti rugi

Perbandingan berkenaan penanggungan liabiliti bagi menjelaskan ganti rugi fokus kepada dua perkara. Pertama, konsep tanggungan liabiliti dan kedua, skop tanggungan pihak-pihak yang berliabiliti menurut kedua-dua perundangan.

⁷⁵⁰ [1966] 1 QB 273.

⁷⁵¹ Terjemahan penulis terhadap penghakiman berikut: “Lessons of recent cases show the desirability of three things: First, assessability: In cases of grave injury, where the body is wrecked or the brain destroyed, it is very difficult to assess a fair compensation in money, so difficult that the award must basically be a conventional figure, derived from experience or from awards in comparable cases. Secondly, uniformity: There should be some measure of uniformity in awards so that similar decisions are given in similar cases; otherwise there will be great dissatisfaction in the community, and much criticism of the administration of justice. Thirdly, predictability: Parties should be able to predict with some measure of accuracy the sum which is likely to be awarded in a particular case, for by this means cases can be settled peaceably and not brought to court, a thing very much to the public good.”

8.4.1 Konsep Tanggungan Liabiliti

Perundangan Islam sudah lama mengiktiraf uruf dalam masyarakat Arab yang menerima konsep tanggungan liabiliti beralih melalui amalan diat. Undang-undang tort pula umumnya hanya menerima konsep ini bagi kes kemalangan jalan raya pada tahun 1930 di England dan 1937 di Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui peruntukan masing-masing.⁷⁵² Melalui konsep tanggungan liabiliti beralih ini, liabiliti menjelaskan ganti rugi bagi kes kehilangan nyawa dan kecederaan khususnya, menurut kedua-dua perundangan dipulkulan ke atas pihak-pihak berikut:

Jadual 8.11: Penanggung Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia dan Perundangan Islam

Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Syarikat insurans/takaful	‘Aqilah
Biro Penanggung Insurans Motor (BPIM)	<i>Bayt al-māl</i>
Pemandu cuai	Pemandu cuai

Melalui jadual di atas, liabiliti menjelaskan ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya menurut kedua-dua perundangan dipulkulan ke atas tiga pihak. Penanggungan liabiliti tidak berlaku secara serentak ke atas ketiga-tiga pihak, sebaliknya bergantian. Institusi awal yang ditanggungkan liabiliti adalah institusi yang mempunyai kedudukan kewangan yang lebih kukuh berbanding pemandu cuai. Pemandu cuai pula menjadi pihak terakhir yang bertanggungan dengan liabiliti kekal sekiranya pihak-pihak penanggung liabiliti sebelumnya tidak dapat menjelaskan ganti rugi.

Asas kepada pemakaian konsep liabiliti beralih bagi kes kemalangan jalan raya menurut kedua-dua perundangan adalah bagi memastikan hak mangsa terjamin.

⁷⁵²Baduyah Obeng, “Insurans Motor : Perlindungan kepada Pengambil Insurans dan Pihak Letiga”, 25.

Berdasarkan perbincangan dalam bab tujuh, instansi insurans khususnya takaful mempunyai persamaan dengan institusi ‘*āqilah* yang terbina atas asas persaudaraan, kesatuan dan saling bantu-membantu dalam kalangan anggota atau peserta. Biro Penanggung Insurans Motor dan *bayt al-māl* pula, sama-sama berperanan menjelaskan ganti rugi sekiranya takaful dan ‘*āqilah* tidak dapat menjelaskan ganti rugi.

8.4.2 Skop Tanggungan Liabiliti Pihak-pihak Yang Bertanggungan

Tanggungan liabiliti beralih menurut kedua-dua perundangan ini adalah bersyarat. Walaupun ‘*āqilah* dan takaful serta BPIM dan *bayt al-māl* mempunyai peranan asas yang sama, skop tanggungan masing-masing mempunyai perbezaan. Perbandingan skop tanggungan institusi-institusi ini diringkaskan melalui jadual di bawah:

Jadual 8.12: Skop Tanggungan Penanggung-penanggung Liabiliti di Malaysia dan Perundangan Islam

Syarat tanggungan	Malaysia		Perundangan Islam	
	Syarikat Insurans	BPIM	‘ <i>Āqilah</i>	<i>Bayt al-māl</i>
Bentuk perbuatan	Kecuaian sahaja.			
Pemandu yang ditanggung liabiliti	Pemegang polisi aktif sahaja dan penama yang dibenarkan dalam polisi	Kenderaan tanpa polisi atau polisi tidak efektif.	Anggota ‘ <i>āqilah</i> sahaja yang disyaratkan sesama agama.	Muslim sahaja
Mangsa yang menjadi liabiliti	Pihak ketiga sahaja	Pihak ketiga yang tidak boleh mendapat ganti rugi kerana ketidaan polisi insurans atau polisi tidak efektif.	Bertanggungan terhadap semua mangsa yang dicerobohi haknya secara salah apabila semua elemen liabiliti dipenuhi.	

Lokasi kemalangan	Jalan awam sahaja		Bertanggungan terhadap semua mangsa yang dicerobohi haknya secara salah apabila semua elemen liabiliti dipenuhi.	
Mangsa langgar lari	Tidak bertanggungan jika pemilik polisi insurans gagal dikenalpasti.	Tidak bertanggungan kerana hanya bertanggungan setelah penghakiman diperolehi daripada mahkamah.	Tidak bertanggungan jika pelaku tidak dapat dikenalpasti.	Bertanggungan sekiranya dapat dipastikan bahawa kemalangan berlaku akibat pencerobohan hak
Kerosakan yang diberikan ganti rugi	Perlindungan wajib adalah terhadap kematian dan kecederaan pihak ketiga sahaja. Perlindungan selebihnya bersifat pilihan.	Saguhati atau elauan berdasarkan budi bicara mutlaknya.	<p>Bertanggungan menjelaskan diat dan <i>arsh</i> bagi kehilangan nyawa dan kecederaan anggota sahaja.</p> <p>Tidak bertanggungan menjelaskan <i>damān</i> kerosakan harta.</p>	
Tempoh masa liabiliti	Dalam masa enam tahun bagi kecederaan dari tarikh tindakan terakru dan tiga tahun selepas kemalangan maut.		Sebahagian fuqaha menghadkan tuntutan bagi kes diat sehingga 15 tahun.	
Kemampuan institusi membayar	Berkewajipan menjelaskan penghakiman berdasarkan seksyen 96 Akta 1987. Dana insurans adalah daripada caruman yang diwajibkan ke atas setiap pemilik kenderaan.	Memberi sagu hati mengikut budi bicara mutlak. Tidak bertanggungan jika syarikat insurans tidak mampu menjelaskan penghakiman.	Tanggungan ke atas anggota ‘ <i>āqilah</i> yang berkemampuan sahaja. Jumlah diat dibahagikan mengikut kemampuan dan boleh dijelaskan secara ansuran selama tiga tahun.	Mengambil alih liabiliti ‘ <i>āqilah</i> yang tidak berkemampuan menjelaskan ganti rugi. Berliabiliti jika wujud lebihan dana <i>al-fai’</i> . Pembayaran boleh dibuat jika tidak menjelaskan fungsinya.

Jadual di atas menyenaraikan syarat-syarat tanggungan liabiliti ke atas penanggungan liabiliti beralih bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia dan menurut perundangan Islam. Kedua-dua perundangan mempunyai asas yang sama dalam menanggungkan liabiliti secara beralih dalam dua aspek. Pertama, kesemua penanggung liabiliti hanya bertanggungan bagi kemalangan yang tidak disengajakan sahaja. Apa-apa tuntutan akibat perbuatan jenayah atau kemalangan yang disengajakan tidak menjadi liabiliti syarikat insurans, BPIM, ‘*āqilah* dan *bayt al-māl* kerana ditanggungkan ke atas pelaku sendiri.

Kedua, tanggungan liabiliti beralih akibat perbuatan pelaku tertentu sahaja. Bagi syarikat insurans dan ‘*āqilah*, pelaku yang memindahkan liabiliti ke atas kedua-duanya hanyalah anggotanya sahaja. Syarikat insurans berliabiliti bagi perbuatan peserta polisinya yang aktif dan ‘*āqilah* pula bertanggungan ke atas anggota ‘*āqilahnya* sahaja. BPIM dan *bayt al-māl* pula sama-sama bertanggungan terhadap perbuatan pelaku yang tidak menjadi liabiliti syarikat insurans dan ‘*āqilah*. Bezanya adalah perundangan Islam mensyaratkan agama dalam penanggungan liabiliti. Keanggotaan ‘*āqilah* disyaratkan sesama agama manakala tanggungan *bayt al-māl* dihadkan ke atas pelaku Muslim sahaja.

Dalam aspek perlindungan terhadap mangsa, liabiliti ‘*āqilah* dan *bayt al-māl* adalah lebih komprehensif merangkumi semua mangsa yang dicerobohi haknya secara salah. Oleh kerana itu, perlindungan merangkumi kemalangan yang berlaku di jalan awam mahupun persendirian. ‘*Āqilah* juga boleh ditanggungkan liabiliti bagi kemalangan yang berlaku di atas jalan persendirian sekiranya kemalangan terhasil akibat perbuatan pemiliknya yang melampaui had.⁷⁵³ Bagi kes langgar lari, walaupun

⁷⁵³ Selain perbuatan tanpa hak iaitu perbuatan yang tidak dibenarkan syarak, maksud pencerobohan (*al-i'tida*) yang mewajibkan liabiliti dalam perundangan Islam termasuklah perbuatan melampaui had yang bermaksud melakukan sesuatu perbuatan yang dibenarkan syarak tetapi secara berlebihan dan menyalahi kebiasaan sehingga mendatangkan kerosakan. Ini kerana pengecualian liabiliti ke atas perbuatan yang

‘*āqilah* tidak bertanggungan, tetapi perundangan Islam memperuntukkan diat kepada mangsa yang dicerobohi haknya secara salah melalui *bayt al-māl*. Perlindungan dalam undang-undang Malaysia pula terhad kepada pihak ketiga sahaja iaitu mangsa kemalangan yang tidak merangkumi penumpang kenderaan persendirian dan pekerja yang digolongkan di bawah kategori “*contract for service*”.⁷⁵⁴ Mangsa yang terkeluar daripada pengertian pihak ketiga tidak berhak menguatkuasakan penghakiman ke atas syarikat insurans dan BPIM. Begitu juga dengan mangsa langgar lari.

Dalam aspek ganti rugi, perundangan Islam menetapkan ‘*āqilah* dan *bayt al-māl* hanya bertanggungan menjelaskan diat dan *arsh* yang bersangkutan anggota tubuh sahaja. Kerosakan harta benda perlu dijelaskan oleh pelaku sendiri. Akta Undang-undang Sivil pula menetapkan kewajipan syarikat insurans untuk menjelaskan keseluruhan penghakiman. Ini merangkumi ganti rugi, bunga dan kos. Jika mangsa gagal mendapatkan penghakiman ini daripada syarikat insurans atas sebab tertentu, hanya saguhati atau elau yang boleh diterimanya daripada BPIM. Jumlahnya bergantung kepada budi bicara mutlak BPIM.

Menurut Akta Had Masa 1953, semua tuntutan ini hanya sah dalam tempoh enam tahun selepas kecederaan dan tiga tahun selepas kematian sahaja. Tindakan ke atas syarikat insurans dan BPIM selepas daripada tempoh ini adalah terhalang. Walaupun hak tuntutan dihadkan oleh sebahagian fuqaha, tuntutan bagi kes diat yang melibatkan kehilangan nyawa dan anggota ini boleh dibuat lebih lama iaitu sehingga 15 tahun. Sebahagian fuqaha lagi tidak menggugurkan hak tuntutan disebabkan tempoh masa.

dibenarkan syarak (*al-fi'l al-mubah*) bukanlah bersifat mutlak. Bahkan pelaksanaan hak yang diharuskan seperti penggunaan jalan raya atau jalan awam yang dikongsi haknya bersama pengguna-pengguna jalan raya yang lain terikat dengan keadaan selamat selari dengan kaedah fiqh (نقيض المباح بوصف السلامة) yang bermaksud Perbuatan yang diharuskan adalah terikat pelaksanaannya dengan keadaan selamat. Muhammad Aḥmad Sarāj, *Dāmān al-'Udwān*, 144.

⁷⁵⁴ Rujuk perbincangan berkenaan pengertian pihak ketiga di subtopik 4.2.1 Syarikat Insurans

Tanggungan liabiliti beralih menurut kedua-dua perundangan dibenarkan menurut kedua-dua perundangan sebagai satu jaminan hak kepada mangsa. Namun, dalam perundangan Islam, keringanan yang diberikan kepada pelaku melalui tanggungan liabiliti beralih ini, tidak dibenarkan sehingga tahap membebankan penanggung liabiliti beralih pula. Oleh kerana itu, tanggungan liabiliti ke atas ‘*āqilah* dan *bayt al-māl* dikenakan bergantung kepada kemampuan kedua-dua institusi ini. Antaranya, kadar sumbangan anggota ‘*āqilah* dibahagikan mengikut kedudukan kewangan mereka masing-masing. Pembayaran diat pula, boleh dibuat secara ansuran selama tiga tahun. Mengikut pendapat majoriti fuqaha pula, liabiliti tidak ditanggungkan ke atas ‘*āqilah sekiranya kadar diat tidak mencapai 1/20 atau 1/3. Liabiliti *bayt al-māl* pula tertakluk kepada kewujudan lebihan daripada dana *al-fai'* dan kekuahan kedudukannya.*

Dalam realiti semasa di Malaysia pula, syarikat insurans bertanggungan terhadap penghakiman. Ketidakmampuan syarikat insurans untuk menjelaskan penghakiman, tidak menyebabkan liabiliti beralih kepada BPIM. BPIM hanya bertanggungan kerana ketiadaan polisi atau polisi tidak efektif, bukan kerana ketidakmampuan syarikat insurans untuk menjelaskannya. Ini kerana dana BPIM diperolehi daripada levi yang dikenakan ke atas sayrikat-syarikat insurans. Berbeza dengan *bayt al-māl al-fai'* yang merupakan perbendaharaan negara yang menerima perolehan yang pelbagai.

8.4.3 Perlindungan Komprehensif Terhadap Mangsa Melalui Pengupayaan Institusi Penanggung Liabiliti

Perlindungan kepada mangsa kemalangan jalan raya dikritik kerana tidak merangkumi semua golongan mangsa. Ini menimbulkan cadangan pindaan undang-undang bagi meluaskan liabiliti syarikat insurans⁷⁵⁵ dan BPIM.⁷⁵⁶ Selain itu, kajian Skim Liabiliti Tanpa Salah juga dilakukan. Melalui skim ini, semua pihak yang terlibat sama ada mangsa atau pemandu cuai berhak mendapatkan ganti rugi. Namun, kajian lanjut berkenaan skim ini tidak diteruskan.

Daripada perbincangan, persamaan konsep tanggungan liabiliti beralih menurut undang-undang Malaysia dan perundangan Islam wujud dalam banyak aspek. Bezanya, perundangan Islam memberikan jaminan perlindungan yang lebih komprehensif terhadap semua golongan mangsa. Namun, dalam masa yang sama tidak membebankan pihak penganggung liabiliti beralih yang tidak berkemampuan. Penanggung liabiliti beralih dalam perundangan Islam bermula dengan ‘*āqilah* yang lebih kukuh kedudukan kewangannya berbanding pelaku dan beralih kepada pertendaharaan negara atau *bayt al-māl* yang lebih kukuh. Disebabkan itu, jaminan perlindungan terhadap mangsa kekal.

Konsep ini boleh diadaptasi ke dalam institusi penanggung liabiliti semasa di Malaysia. BPIM sebagai penanggung liabiliti selepas syarikat insurans sepatutnya diupayakan agar boleh memikul liabiliti bagi golongan mangsa yang tidak mendapat ganti rugi daripada syarikat insurans. Sebagai penanggung liabiliti kedua, skop tanggungannya tidak wajar lebih sempit daripada syarikat insurans yang merupakan penanggung liabiliti pertama. Oleh kerana itu, perjanjian BPIM kali kedua pada tahun

⁷⁵⁵ P.Balan, “Perlindungan Pihak Ketiga”, 112; Baduyah bt.Obeng, “Insurans Motor Pihak Ketiga yang Diwajibkan di Malaysia”, [1998] 1 CLJ Supp I; Chan Shick Chin, *Personal Injury*, vi.

⁷⁵⁶ Chan Shick Chin, *Personal Injury*, vi; Baduyah bt. Obeng, “Insurans Motor: Perlindungan Kepada Pengambil Insurans dan Pihak Ketiga” (Disertasi Sarjana, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, 1995), 261.

1992 yang menyempitkan skop tanggungannya dikritik kerana diibaratkan mundur ke belakang dalam aspek perlindungan mangsa.

Usaha memberikan perlindungan yang komprehensif terhadap mangsa kemalangan jalan raya, dicadangkan melalui beberapa tindakan. Pertama, perluasan skop tanggungan syarikat insurans atau takaful. Semua golongan mangsa termasuk penumpang kenderaan persendirian dan pekerja di bawah kategori “*contract for service*” juga perlu dilindungi seperti mana pihak ketiga. Untuk itu, tabungan syarikat insurans dan takaful perlu ditambah sesuai dengan liabilitinya yang bertambah. Ini perlu supaya syarikat insurans tidak mengalami kerugian, bankrap dan akhirnya dibubarkan kerana dibiarkan menanggung beban menjelaskan semua penghakiman ganti rugi secara mutlak sendirian.⁷⁵⁷

Langkah yang wajar adalah mewajibkan caruman insurans atau takaful ke atas semua pemilik lesen memandu, bukan ke atas kenderaan sahaja seperti amalan semasa. Dengan itu, pemanduan mana-mana kenderaan oleh pemilik lesen memandu akan ditanggung risikonya oleh syarikat insurans. Tidak timbul isu kemalangan tidak dilindungi kerana pemandu kenderaan bukan penama yang dibenarkan di dalam polisi. Dengan cara ini, semua pemilik lesen mempunyai ““*āqilah*” masing-masing yang akan bertanggungan terhadap kehilangan nyawa dan kecederaan kepada mangsa yang tidak bersalah.

Kedua, skop tanggungan BPIM juga perlu diperluaskan. BPIM perlu bertindak sebagai penanggung liabiliti bagi semua golongan mangsa yang tidak menjadi liabiliti syarikat insurans. Ini termasuklah mangsa langgar lari jika kemalangan berlaku akibat pencerobohan hak secara salah. Untuk itu, sumber kewangan BPIM tidak boleh terhad kepada levi yang dikenakan ke atas syarikat insurans yang menjadi anggotanya sahaja.

⁷⁵⁷ Kandiah Chelliah, “The Need for an Accident Claims Court/Tribunal for Fatal/Personal Injury Claims, [1995] 3 CLJ lxix (Aug).

Jika dana diambil daripada tambahan premium insurans, dikhuatiri masyarakat terpaksa menanggung kesan akibat kenaikan premium tersebut.⁷⁵⁸ Dananya wajar ditambah melalui kerjasama dengan beberapa pihak.

Pertama, kerajaan. Melalui Skim Liabiliti Tanpa Salah yang pernah dikaji, wujud cadangan supaya perolehan daripada cukai petrol, bayaran lesen, cukai jalan dan peratusan daripada saman trafik disalurkan sebagai dana, jika skim ini ditadbir oleh kerajaan. Perolehan ini selari dengan perolehan *bayt al-māl al-fai'* dalam perundangan Islam yang menanggung liabiliti menjelaskan ganti rugi bagi mangsa seperti yang telah dibincangkan. Justeru, peranan kerajaan dalam hal ini adalah sangat signifikan bagi memastikan hak mangsa kemalangan jalan raya terbela.

Seterusnya, kerjasama juga boleh dibuat dengan institusi pungutan zakat sekiranya liabiliti menjelaskan ganti rugi kembali kepada pemandu cuai. Ini merupakan usaha terakhir yang boleh dilakukan bagi mengembalikan hak mangsa setelah ganti rugi tidak berjaya diperolehi daripada penanggung liabiliti beralih yang lain. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab tujuh, zakat boleh diberikan melalui asnaf *al-ghārimūn* kepada golongan yang berhutang kerana keperluan. Termasuk dalam keperluan ini adalah menjelaskan hutang diat kepada mangsa kemalangan jalan raya yang tidak berjaya mendapatkannya daripada syarikat insurans atau BPIM. Walau bagaimanapun, cadangan ini terhad bagi pelaku salah Muslim sahaja. Bagi melaksanakannya, cadangan penubuhan Baitulmal Kebangsaan adalah amat disokong. Melalui penubuhannya, segala lebihan perolehan zakat negeri-negeri dapat dipusatkan, diselaraskan dan diagihkan dengan lebih efektif termasuk melalui asnaf *al-ghārimūn* bagi kepentingan mangsa kemalangan jalan raya.

⁷⁵⁸ “FOMCA Di Pentas Media : Memorandum- Implementation Of The No-Fault Liability Scheme In Malaysia”, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, <http://www.fomca.org.my/english>, dicapai pada 19/1/2009.

8.5 Penutup

Perbandingan dalam bab ini dibuat ke atas ketiga-tiga aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya iaitu penentuan liabiliti, penetapan kuantum ganti rugi dan penanggungan liabiliti. Daripada perbincangan, didapati wujud persamaan pada konsep asas antara kedua-dua perundangan terutamanya pada aspek penentuan liabiliti dan penanggungan liabiliti. Kedua-dua perundangan menanggungkan liabiliti berasaskan kesalahan. Penanggungan liabiliti dalam kes kemalangan jalan raya menurut kedua-duanya juga adalah berdasarkan kepada konsep tanggungan liabiliti beralih.

Perbezaan yang besar pula dikenal pasti pada aspek penetapan kuantum ganti rugi iaitu pada bentuk ganti rugi dan juga kaedah penetapannya. Bagi aspek penentuan liabiliti, perbezaan-perbezaan juga wujud pada perincian konsep. Contohnya dalam pembuktian kesalahan. Kaedah pembuktian dalam perundangan Islam didapati lebih jelas berbanding amalan undang-undang Malaysia. Dalam aspek penanggungan liabiliti pula, perbezaan wujud pada skop tanggungan penanggung liabiliti beralih.

Berdasarkan perbezaan ini, bab ini mengemukakan beberapa cadangan bagi menyelesaikan masalah yang dibangkitkan dalam sistem penyelesaian semasa. Sistem semasa yang menggalakkan rayuan berpanjangan dan kelewatan dicadangkan dengan konsep dalam perundangan Islam yang jelas boleh dinilai, seragam dan boleh dijangka. Perlindungan yang tidak komprehensif terhadap mangsa kemalangan pula, dicadangkan dengan konsep tanggungan liabiliti menurut perundangan Islam yang lebih komprehensif.

BAB 9

PENUTUP

9.1 Pendahuluan

Tesis ini membandingkan undang-undang Malaysia dengan perundangan Islam bagi mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada sistem penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia. Sehingga kini, langkah penambahbaikan yang wajar sentiasa dikaji oleh Jabatan Peguam Negara. Pada tahun 2007, kajian dibuat terhadap cadangan pelaksanaan Skim Liabiliti Tanpa Salah. Pada tahun 2013 pula, kajian dilakukan berhubung ganti rugi yang diperuntukkan dalam Akta Undang-undang Sivil, pindaan 1984. Melalui kedua-dua kajian ini, Jabatan Peguam Negara sangat mengalu-alukan respon dan pandangan daripada masyarakat.

Penambahbaikan dikaji bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit dalam proses penyelesaian kes kemalangan jalan raya iaitu penentuan liabiliti, penentapan kuantum ganti rugi dan penanggungan liabiliti. Dalam kajian ini, konsep dalam perundangan Islam dikemukakan sebagai sumber pembaharuan. Bagi mengemukakan penyelesaian kepada masalah sebenar, kajian ini membincangkan ketiga-tiga aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia dan perundangan Islam secara seimbang. Perbincangan juga dibuat secara mendalam berkenaan undang-undang Malaysia pada bab dua, tiga dan empat bagi memahami asas kritikan dan masalah sebenar. Dalam bab lima, enam dan tujuh, aspek yang sama dibincangkan menurut perundangan Islam pula. Perbincangan mengambil kira realiti semasa supaya penyelesaian yang ingin dikemukakan tidak bersifat teoritikal, sebaliknya boleh diadaptasi demi manfaat semua pengguna jalan raya di Malaysia.

9.2 Rumusan dan Dapatan Kajian

Daripada perbincangan yang dilakukan dalam lapan bab terdahulu, dapat disimpulkan bahawa kajian ini mencapai objektif yang digariskan. Pertama, membincangkan penyelesaian kes-kes kemalangan jalan raya berdasarkan undang-undang dan amalan di Malaysia. Kedua, mengkaji konsep penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa menurut perspektif Islam. Ketiga, membandingkan persamaan dan perbezaan dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia dan perundangan Islam. Keempat, mengemukakan penyelesaian bagi masalah berbangkit dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa menurut perundangan Islam. Dapatan bagi setiap objektif ini dijelaskan seperti berikut:

9.2.1 Analisis Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia

Penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia dibuat bersumberkan undang-undang bertulis dan undang-undang kes. Undang-undang bertulis khususnya Akta Pengangkutan Jalan 1987 memandu mahkamah dalam aspek penanggungan liabiliti. Melalui peruntukan, pihak-pihak yang ditanggungkan liabiliti menjelaskan ganti rugi dan skop tanggungannya telah ditetapkan. Secara asas, skop tanggungan ini adalah jelas. Kritikan yang timbul hanyalah kerana perlindungan hak mangsa yang diperuntukkan tidak komprehensif.


Aspek penentuan liabiliti dan penetapan ganti rugi pula, secara umumnya dibuat berpandukan kepada undang-undang kes. Undang-undang kes adalah keputusan kes-kes terdahulu yang dirujuk dan bersifat mengikat berdasarkan doktrin *stare decisis*. Peruntukan undang-undang bertulis berkenaan dua aspek ini terhad kepada perkara tertentu sahaja. Antaranya adalah penegasan tentang kesalahan sebagai asas

pembentukan dan pembahagian liabiliti melalui Akta undang-undang Sivil 1956. Dalam penulisan terdahulu, kritikan dilontarkan terhadap amalan pembuktian kesalahan liabiliti ini kerana membebankan dan mengambil masa yang panjang.

Penetapan ganti rugi oleh mahkamah pula, dikritik kerana menghasilkan keputusan yang berbeza. Disebabkan itu, pindaan dibuat kepada Akta Undang-undang Sivil pada tahun 1984 bagi memandu sebahagian aspek dalam penetapan ganti rugi. Antaranya, syarat tuntutan bagi ganti rugi kehilangan pendapatan masa hadapan dan kehilangan saraan serta kedah penetapan tahun perolehan bagi ganti rugi ini. Seterusnya, nilai RM10,000 ditetapkan bagi ganti rugi kerana kesedihan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tujuan pindaan untuk merapatkan jurang perbezaan yang besar dalam keputusan mahkamah ini, tidak tercapai. Sebaliknya, keputusan mahkamah selepas pindaan memperlihatkan kewujudan dua aliran keputusan. Dua kaedah penetapan ganti rugi yang berbeza ini menghasilkan perbezaan besar pada kuantum ganti rugi. Ini menggalakkan rayuan oleh pihak-pihak yang berlitigasi dan mengundang kelewatan.

Berdasarkan perbincangan dalam bab dua, tiga dan empat, kajian ini mengesahkan kritikan terhadap aspek penentuan liabiliti, penetapan kuantum dan penanggungan liabiliti di atas. Melalui perbincangan mendalam dalam bab-bab tersebut, dapat disimpulkan bahawa rayuan berpanjangan oleh pihak-pihak sehingga mengundang kelewatan berlaku disebabkan undang-undang yang tidak jelas. Ini kerana banyak kayu ukur dan kaedah yang ditetapkan oleh undang-undang kes, bersifat abstrak. Rajah di bawah memperincikan aspek-aspek tersebut:

Rajah 9.1: Aspek Yang Abstrak dalam Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia



Sumber: Ilustrasi penulis

Daripada rajah di atas, dapat dirumuskan bahawa pertimbangan dalam penentuan liabiliti dan penetapan kuantum berdasarkan undang-undang kes banyak berdasarkan jangkaan. Justeru, tiada keputusan muktamad boleh dibuat kerana aspek jangkaan adalah bersifat relatif dan tidak dapat ditentukan secara pasti. Ganti rugi juga dibuat bagi kerugian non-material yang abstrak. Justeru, ia sukar dinilai. Tafsirannya boleh berbeza di antara seseorang dengan seseorang. Oleh kerana itu, ia mengundang pertikaian, rayuan berpanjangan dan akhirnya menyumbang kepada kelewatan penyelesaian kes.

9.2.2 Analisis Penyelesaian Kes-kes Kemalangan Jalan Raya Berdasarkan Perundangan Islam

Kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam melibatkan dua bentuk liabiliti iaitu jenayah dan sivil. Liabiliti jenayah yang diperuntukkan dengan diat timbul daripada perbuatan ke atas nyawa dan anggota tubuh. Manakala liabiliti sivil berbangkit daripada kerosakan harta dan material. Ini merupakan pembahagian dalam penulisan klasik. Walau bagaimanapun, kedua-duanya melibatkan hak individu. Obligasi yang timbul juga melibatkan pembayaran wang kepada pihak mangsa. Justeru, perbincangannya kemudian diketengahkan sebagai tort Islam oleh para sarjana kontemporari. Obligasi kewangan tersebut pula dirangkumkan sebagai *damān* atau ganti rugi.

Penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam dilakukan dengan panduan daripada nas al-Quran, al-hadith, al-ijma' sebagai sumber utama. Nas-nas ini kemudiannya diterjemahkan oleh para fuqaha melalui ijтиhad kepada kaedah-kaedah fiqh. Kebanyakan aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam telah ditetapkan asasnya. Namun, wujud ruang kepada pertimbangan hakim dalam beberapa perkara. Perinciannya dijelaskan melalui jadual berikut:

Jadual 9.1: Sumber Panduan bagi Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya dalam Perundangan Islam

Aspek	Panduan daripada nas syarak dan kaedah fiqh	Pertimbangan Hakim
Penentuan Liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> Kewajipan berjaga-jaga dan pihak-pihak yang dilindungi Kaedah penentuan pihak yang berliabiliti Keperluan pembuktian Penjelasan ganti rugi berdasarkan liabiliti 	Aspek yang perlu diputuskan berdasarkan fakta kes dan uruf: <ul style="list-style-type: none"> Bentuk perbuatan yang melanggar hak dan had Penentuan wujud hubungan sebab akibat dalam kes kemalangan kompleks melibatkan banyak faktor Pembahagian kadar liabiliti pihak-pihak
Penetapan Kuantum Ganti rugi	<ul style="list-style-type: none"> Bentuk kerosakan yang boleh dipampus Kaedah penetapan pampsasan Kadar diat dan <i>arsh</i> bagi kebanyakan kecederaan dan kehilangan anggota 	<ul style="list-style-type: none"> Kadar <i>hukūmah al-'adl</i> bagi kecederaan selain daripada yang diperuntukkan dengan diat
Penanggungan Liabiliti	<ul style="list-style-type: none"> Konsep tanggungan liabiliti beralih Pihak-pihak yang bertanggungan Syarat dan skop tanggungan 	

Daripada jadual di atas, jelas bahawa kebanyakan aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya ditetapkan melalui nas dan kaedah-kaedah fiqh. Pertimbangan hakim diberikan dalam aspek penentuan liabiliti bergantung pada fakta kes. Uruf juga dibenarkan dalam pertimbangan berkaitan liabiliti. Penentuan liabiliti seperti mana yang ditetapkan dalam melalui kaedah fiqh diringkaskan melalui jadual berikut:

Jadual 9.2: Prinsip Penentuan dan Pembahagian Liabiliti Menurut Perundangan Islam

Aspek	Pelaku secara langsung (al-Mubāsyir)	Pelaku secara tidak langsung (al-Mutasabbib)
Penentuan liabiliti di antara beberapa pelaku	Berliabiliti: Dalam situasi yang berada dalam kawalan pemandu, walaupun tidak cuai	
	Tidak berliabiliti: Dalam situasi di luar kawalan seperti bencana alam dan sebagainya	
		Berliabiliti: Jika cuai
	Berliabiliti: Dalam situasi yang berada dalam kawalan pemandu, walaupun tidak cuai	Tidak berliabiliti: Jika tidak cuai
	Tidak berliabiliti: Jika tidak melakukan kesalahan, sebaliknya keterlibatannya disebabkan perbuatan pelaku secara tidak langsung	Berliabiliti: <ul style="list-style-type: none"> • Jika perbuatan pelaku langsung berhasil sepenuhnya akibat perlakuannya
Pembahagian liabiliti	Berliabiliti bersama: <ul style="list-style-type: none"> • Jika pelaku-pelaku sama-sama melakukan kesalahan atau cuai • Jika perbuatan pelaku masing-masing menghasilkan kesan tersendiri terhadap kerosakan 	



Tidak terlibat dalam kemalangan

Daripada jadual 9.2 di atas, dapat dirumuskan bahawa penentuan liabiliti ke atas pihak-pihak yang terlibat menurut perundangan Islam dibuat berdasarkan bentuk perbuatan. Perbuatan yang dikenakan liabiliti hanyalah perbuatan secara langsung dan tidak langsung (*tasabbub*) sahaja. Pengenaan liabiliti ke atas kedua-dua kategori pelaku ini dibuat berdasarkan kaedah-kaedah fiqh dengan syarat yang berbeza. Pembahagian

liabiliti pula diputuskan berdasarkan signifikan perbuatan terhadap kerosakan yang terhasil. Daripada jadual, dapat difahamkan bahawa pembuktian kecuaian dituntut khususnya bagi kes melibatkan pelaku secara tidak langsung sahaja.

Dalam aspek penetapan ganti rugi, pertimbangan hakim dibenarkan dalam memutuskan *hukumah al-'adl*. Selain daripada itu, kuantum ganti rugi ditetapkan melalui nas. Melalui nas, diat dan arsh dietapkan sebagai nilai siling bagi kehilangan dan kecederaan. Walaupun kadar spesifik tidak dinyatakan bagi kecederaan-kecederaan kecil pada anggota-anggota ini, penetapan kadarnya dipandu berdasarkan kaedah-kaedah bersumberkan daripada nas. Antaranya kaedah nisbah dan pemberian secara berasingan atau sekali (*al-tadākhul*). Bagi kerosakan dan kerugian harta pula, kaedah fiqh jelas menetapkan pemberian ganti rugi berdasarkan kerugian sebenar. Panduan dalam perundangan Islam dalam kedua-dua aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya ini, adalah jelas dan seragam. Aplikasi prinsipnya mudah difahami melalui contoh kes kemalangan yang melibatkan haiwan tunggangan yang dibincangkan dalam penulisan fiqh klasik. Begitu juga dengan realiti kemalangan semasa melibatkan kendaraan bermotor.

Dalam aspek penanggungan liabiliti, kesemua aspek asas ditetapkan berdasarkan nas syarak dan kaedah fiqh. Perundangan Islam menerima konsep tanggungan liabiliti beralih yang merupakan uruf masyarakat Arab. Diat dan *arsh* bagi kes kemalangan dipikulkan ke atas ‘*āqilah* sebagai keringan kepada pelaku yang tidak sengaja dan jaminan pembelaan hak mangsa. *Bayt al-māl* pula bertanggungan bagi mangsa yang tidak mendapat pembayaran daripada ‘*āqilah* pelaku. Konsep pembelaan hak mangsa dalam perundangan Islam bersifat komprehensif. Namun, kedua-dua institusi ini tidak lagi wujud dalam realiti semasa. Alternatif bagi kedua-duanya dibincangkan dalam bab tujuh.

Kajian ini menyimpulkan bahawa syarikat insurans atau takaful boleh memainkan peranan ‘āqilah. Namun, dengan operasinya yang berbeza, syarikat takaful bukan qiyas kepada institusi ‘āqilah. Sebaliknya, merupakan alternatif semasa yang tidak terikat dengan hukum-hakam ‘āqilah seperti keanggotaan dan lain-lain. Kajian ini juga membincangkan alternatif kepada institusi *bayt al-māl* yang bertanggungan selepas ‘āqilah dalam menjelaskan diat pada zaman awal Islam. Institusi Baitulmal di Malaysia dengan peranan dan perolehan yang telah dikecilkkan kini, tidak berkeupayaan memainkan peranan yang sama. Daripada perbincangan, didapati peranan ini dipikulkan ke atas sebuah syarikat dengan liabiliti terhad iaitu Biro Penanggung Insurans Motor (BPIM). Namun, skop tanggungan jelas lebih kecil dan tidak komprehensif.

9.2.3 Perbandingan Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-undang Malaysia dan Perundangan Islam

Berdasarkan perbincangan dalam bab lapan, persamaan dan perbezaan ketigatiga aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut undang-undang Malaysia dan perundangan Islam adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 9.3: Persamaan dan Perbezaan Undang-Undang Malaysia dan Perundangan Islam dalam Aspek-Aspek Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya

Aspek	Penentuan liabiliti	Penetapan ganti rugi	Penanggungan liabiliti
	1) Pembuktian elemen melanggar kewajipan berjaga-jaga atau pencerobohan hak-berdasarkan panduan pertimbangan yang biasanya mengawal hal ehwal manusia.	1) Pemberian ganti rugi khas di Malaysia yang berdasarkan kepada kerugian sebenar bagi kerosakan harta dan kerugian kewangan adalah harmoni dengan <i>damān</i> .	1) Pemakaian konsep tanggungan liabiliti beralih.
	2) Pembuktian asas bahawa perbuatan adalah penyebab kepada kerosakan		2) Peralihan liabiliti kepada dua institusi yang lebih kukuh kewangan

Persamaan	<p>adalah melalui penyebab sebenar:</p> <p>*Malaysia- Ujian akibat langsung</p> <p>*Perundangan Islam-bentuk perbuatan sama ada langsung (<i>mubāsyarah</i>) atau tidak langsung (<i>tasabbub</i>).</p>		<p>berbanding pelaku salah untuk memastikan pembelaan hak mangsa:</p> <p>*Malaysia: Syarikat insurans dan BPIM</p> <p>*Perundangan Islam: '<i>Āqilah</i> dan <i>bayt al-māl</i></p>
	<p>3) Pembuktian kewujudan hubungan sebab akibat jika wujud beberapa pencelah: prinsip <i>egg shell</i> dan <i>novus actus interveniens</i> adalah harmoni dengan konsep dalam perundangan Islam.</p> <p>4) Pembahagian liabiliti berdasarkan kadar kecuaian pihak-pihak melalui kecuaian sertaan/cuai sumbangan.</p>		<p>3) Penetapan syarat tertentu bagi tanggungan liabiliti beralih bagi menjaga maslahah penanggung liabiliti.</p>
Persamaan			
Perbezaan	<p>1) Pembuktian elemen kewajipan berjaga-jaga</p> <p>* Malaysia- prinsip jiran</p> <p>* Perundangan Islam-berdasarkan kaedah fiqh yang jelas dan lebih memudahkan.</p> <p>2) Keperluan pembuktian kesalahan</p> <p>* Malaysia: semua kes kecuali <i>res ipsa liquitor</i>⁷⁵⁹</p>	<p>1) Pemberian ganti rugi bagi kerosakan berbentuk abstrak/non material dan kerosakan pada masa hadapan</p> <p>*amalan semasa-diberi</p> <p>* perundangan Islam-tiada</p> <p>2) Penggunaan pertimbangan yang abstrak</p> <p>*Malaysia: ambil kira anggaran jangka</p>	<p>1) Syarat dan skop penanggung liabiliti beralih</p>

⁷⁵⁹ [Benda itu sendiri menjelaskan kedudukan sebenar]. Maksim ini digunakan apabila terdapat ketidakmungkinan berlakunya suatu kemalangan tanpa kecuaian pihak defendant, yang membolehkan para juri yang waras mendapati dan merumuskan tanpa keterangan lanjut bahawa kecuaian telah

	<ul style="list-style-type: none"> * Perundangan Islam pada bentuk perbuatan tertentu sahaja 	<p>hayat, perkara luar jangka dan jatuh bangun kehidupan</p> <ul style="list-style-type: none"> * Perundangan Islam: tiada 	
	<p>3) Penjelasan kadar liabiliti:</p> <p>*Malaysia: Liabiliti secara bersama dan berasingan</p> <p>* Perundangan Islam: mengikut kadar masing-masing</p>	<p>3) Kadar seragam bagi bentuk kehilangan dan kecederaan anggota:</p> <p>*Malaysia: tiada. Kes terdahulu bersifat rujukan trend pemberian sahaja</p> <p>*Perundangan Islam: diat dan <i>arsh</i></p>	

Daripada jadual di atas, kajian ini menyimpulkan bahawa persamaan besar antara undang-undang Malaysia dan perundangan Islam adalah pada aspek penanggungan liabiliti. Perbezaan yang wujud dalam aspek ini hanyalah pada perincian syarat dan skop penanggung liabiliti beralih sahaja. Perbezaan besar pula jelas dilihat pada aspek penetapan kuantum ganti rugi. Dalam aspek ini, persamaan hanya wujud melalui pemberian ganti rugi berdasarkan kerugian sebenar. Dalam aspek penentuan liabiliti, persamaan dan perbezaan dilihat seimbang. Perbezaan dikenal pasti berlaku khususnya pada aspek yang telah ditetapkan dengan nas dalam perundangan Islam. Persamaan pula, pada aspek yang diberikan ruang kepada pertimbangan hakim berdasarkan uruf terhadap fakta kes.

Daripada perbincangan dalam bab-bab terdahulu, seterusnya dapat disimpulkan bahawa perundangan Islam memberikan keadilan yang seimbang kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini kerana semua pihak mangsa diberikan ganti rugi ke atas musibah yang benar-benar berlaku ke atas nyawa, anggota dan harta. Ganti rugi diberikan berdasarkan

dilakukan. Mohd. Razali Masrum, maksim dan Ungkapan Undang-undang, 314. Contoh penerimaan maksim ini dalam kes kemalangan jalan raya di Malaysia ialah kes Sukatno v Lee Seng Kee [2009] 3 MLJ 306.

nilai kerugian sebenar. Pihak pelaku yang sama-sama cuai pula, tidak dibebankan untuk menjelaskan ganti rugi yang tidak menjadi liabiliti mereka. Pembayaran ganti rugi dibuat berdasarkan kadar liabiliti masing-masing. Jangkaan kerugian pada masa hadapan yang tidak dapat dipastikan berlaku juga tidak dibebankan ke atas mereka. Dalam aspek penanggungan liabiliti pula, tanggungan liabiliti beralih tidak dikenakan ke atas ‘*āqilah* jika ‘*āqilah* benar-benar tidak berkemampuan. Ini adalah adil kerana tanggungan ‘*āqilah* atas dasar bantuan keringanan kepada pelaku salah sebenar.

Keadilan dalam amalan dalam undang-undang Malaysia pula kurang seimbang. Dalam aspek penentuan liabiliti contohnya, walaupun liabiliti pihak-pihak telah diputuskan, pembayaran ganti rugi dikenakan keseluruhannya ke atas mana-mana satu pihak yang berliabiliti. Prinsip liabiliti bersama dan berasingan ini boleh menyalimi pihak tersebut demi memastikan mangsa mendapat penghakiman penuh. Ini kerana dalam keadaan tertentu, tuntutan baki pembayaran daripada pihak yang turut berliabiliti gagal diperolehi kembali. Dalam aspek ganti rugi, ganti rugi diperuntukkan bagi kerugian pada masa hadapan yang bersifat jangkaan. Ini boleh menyalimi pihak yang bertanggungan kerana menjelaskan ganti rugi bagi kerugian yang mungkin tidak berlaku sama sekali. Ini berlaku kerana ganti rugi diputuskan merangkumi kerugian pada masa hadapan yang diputuskan berdasarkan anggaran jangka hayat mangsa. Dalam aspek penanggungan liabiliti pula, syarikat insurans berkewajipan menjelaskan penghakiman. BPIM tidak akan bertanggungan sekiranya syarikat insurans bankrap atau tidak mampu menjelaskannya.

Secara keseluruhan, perbandingan antara kedua-dua perundangan dapat dirumuskan melalui ciri-ciri berikut:

Jadual 9.4: Ciri-ciri Umum Undang-undang di Malaysia dan Perundangan Islam dalam Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya

Aspek	Undang-undang Malaysia	Perundangan Islam
Penentuan liabiliti	Keperluan pembuktian yang rumit dan membebankan mangsa	Keperluan pembuktian sederhana
	Abstrak/subjektif, menggalakkan rayuan dan mengundang kelewatan	Kayu ukur yang jelas dan mudah diaplikasi
Penetapan kuantum ganti rugi	Abstrak, tidak seragam, tidak boleh dijangka. Ini menggalakkan rayuan dan mengundang kelewatan	Boleh nilai dan seragam
Penanggungan liabiliti	Tidak komprehensif ke atas semua golongan mangsa	Komprehensif

Daripada jadual di atas, dapat dirumuskan perbandingan keseluruhan aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut kedua-dua perundangan. Dalam aspek penentuan liabiliti, kajian ini mengesahkan kritikan dalam penulisan terdahulu bahawa prosesnya membebankan dan mengambil masa yang panjang. Ini berlaku disebabkan panduannya yang abstrak dan pembuktianya yang rumit. Perundangan Islam pula seperti yang dibincangkan bersifat sederhana kerana pembuktian kesalahan dituntut dalam kes perbuatan secara tidak langsung (*tasabub*) dan tidak dituntut dalam kes secara langsung (*mubāsyarah*). Ini menjadikan konsep liabiliti dalam perundangan Islam unik, pertengahan di antara liabiliti berasaskan kesalahan sepertimana diamalkan di Malaysia dan liabiliti tanpa salah yang pernah dikaji oleh Jabatan Peguam Negara sebagai pembaharuan.

Dalam aspek penetapan ganti rugi, konsep dalam perundangan Islam menepati ciri-ciri terbaik dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya. Dalam satu kes *Ward*,⁷⁶⁰ Lord Denning MR pernah menyatakan kebaikan tiga perkara iaitu kebolehnilaian,

⁷⁶⁰ Supra, nota 750.

keseragaman dan kebolehjangkaan dalam mempercepatkan penyelesaian kes. Daripada perbincangan dalam bab enam dan lapan, dapat dirumuskan bahawa perundangan Islam memenuhi ketiga-tiga ciri tersebut. Ini kerana kerosakan fizikal yang benar-benar berlaku sahaja yang diberikan ganti rugi. Kerosakan bersifat jangkaan seperti mana dalam amalan di Malaysia tidak diperuntukkan ganti rugi kecuali yang dapat dipastikan akan berlaku. Selain itu, kaedah penetapannya juga berdasarkan diat iaitu nilai siling yang seragam dan berdasarkan kerugian sebenar.

Dalam aspek penanggungan liabiliti pula, perbincangan dalam bab lapan mendapati pembelaan hak mangsa menurut konsep tanggungan liabiliti beralih dalam perundangan Islam lebih komprehensif. Walaupun tanggungan liabiliti beralih secara bersyarat, skop tanggungan penanggung liabiliti dalam perundangan Islam lebih luas terhadap semua golongan mangsa. Syarikat insurans di Malaysia pula hanya bertanggungan terhadap pihak ketiga yang tidak merangkumi penumpang kenderaan persendirian dan pekerja di bawah kategori “*contract for service*”. Skop tanggungan *bayt al-māl* sebagai penanggung liabiliti kedua dalam perundangan Islam juga kekal sebagaimana skop tanggungan ‘āqilah. Ini berbeza dengan skop tanggungan BPIM yang semakin mengecil daripada tanggungan syarikat insurans.


9.2.4 Pembaharuan Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya di Malaysia Berlandaskan Perundangan Islam dalam Aspek-aspek Tertentu

Perbincangan lepas merumuskan bahawa ciri-ciri perundangan Islam menepati ciri-ciri terbaik dalam penyelesaian kes kemalangan jalan raya. Penentuan liabiliti dalam perundangan Islam bersifat sederhana. Ini memudah dan mempercepatkan penentuan liabiliti pihak-pihak kerana pembuktian kesalahan adalah jelas dan dituntut dalam kes-kes tertentu sahaja. Amalan penetapan kuantum ganti rugi pula boleh dinilai

dan seragam. Ini boleh mengelakkan rayuan berpanjangan daripada pihak-pihak yang berlitigasi dan mempercepatkan penyelesaian kes. Penanggungan liabilitinya pula komprehensif. Justeru dapat memberikan pembelaan hak sewajarnya kepada pihak mangsa.

Ciri-ciri ini berbeza dengan undang-undang Malaysia. Perbezaan ini disebabkan oleh aspek-aspek penyelesaian yang berbeza menurut kedua-dua perundangan. Oleh itu, aspek perbezaan yang dikenalpasti dalam perbincangan yang lepas, dimanfaatkan sebagai cadangan pembaharuan bagi undang-undang semasa. Cadangan pembaharuan bagi ketiga-tiga aspek penyelesaian kes kemalangan jalan raya semasa disimpulkan melalui rajah 9.2 di bawah:

Rajah 9.2: Cadangan Pembaharuan Aspek-aspek Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya Semasa Berdasarkan Konsep dalam Perundangan Islam



Sumber: Ilustrasi penulis


Dalam aspek penentuan liabiliti, pembaharuan dicadangkan khususnya pada prinsip ‘jiran’ yang sukar untuk ditentukan. Dalam perundangan Islam semua pengguna jalan raya diwajibkan mengambil langkah berjaga-jaga terhadap pengguna jalan raya yang lain. Semua pengguna jalan raya adalah jiran yang sememangnya boleh terjejas dan berhak dilindungi. Cuma, penentuan liabiliti perlu ditentukan ke atas pelaku. Islam menjamin hak individu. Justeru, kaedah fiqh menetapkan bahawa pelaku langsung adalah bertanggungan jika berlaku pencerobohan hak tanpa perlu pembuktian kecuaian.

Kaedah ini muktamad jika perbuatan pelaku langsung adalah sesuatu yang berada dalam kawalannya. Pembuktian kecuaian diperlukan bagi kes yang di luar kawalan pemandu secara langsung. Begitu juga dengan kes melibatkan kemalangan secara tidak langsung dan kemalangan berantai yang melibatkan kecuaian beberapa pihak.

Dalam aspek penetapan ganti rugi, pindaan dicadangkan pada item-item ganti rugi am agar mewakili kerosakan fizikal yang benar-benar berlaku dan boleh dinilai. Jadual ganti rugi yang standard dicadangkan berdasarkan diat dan *arsh* sebagai nilai siling. Kaedah penetapan ganti rugi bagi kecederaan kecil melibatkan anggota-anggota berkenaan pula, dicadangkan menggunakan kaedah nisbah. Dengan itu, pihak-pihak juga dapat menilai dan menjangkakan kuantum ganti rugi sendiri dan mengelakkan pertikaian dan rayuan berpanjangan.

Dalam aspek penanggungan liabiliti, skop tanggungan liabiliti syarikat takaful/insurans dan BPIM dicadang untuk diperluaskan selari dengan perundangan Islam. Cadangan ini tidak mampu dilaksanakan kecuali perolehan kedua-dua institusi ini diperluaskan. Perbincangan dalam bab lapan mencadangkan beberapa tindakan seperti dalam rajah berikut :

Rajah 9.3: Cadangan Pembaharuan Aspek Penanggungan Liabiliti bagi Kes Kemalangan Jalan Raya Semasa Berdasarkan Konsep dalam Perundangan Islam



Skop tanggungan bagi penanggung-penanggung liabiliti dalam rajah di atas diperluaskan selari dengan peranan penanggung liabiliti menurut perundangan Islam. Untuk itu, perolehan tambahan dicadangkan agar penanggung liabiliti ini mampu memainkan peranannya yang semakin luas. Bagi pengukuhan dana syarikat takaful/insurans, caruman dicadangkan agar diwajibkan ke atas semua pemilik lesen

memandu. Dengan ini, risiko akibat pemanduan pemilik lesen tersebut melalui mana-mana kenderaan, dapat ditanggungkan ke syarikat takaful/insurans. Ini bermakna, atas perlindungan yang ditawarkan, bukan lagi hanya kepada pemilik kenderaan dan pemandu yang dimasukkan ke dalam polisi sahaja, tetapi mana-mana pemandu cuai yang memiliki lesen memandu.

Bagi BPIM, peranannya diluaskan dan tabungannya dibesarkan melalui kerjasama dengan pihak kerajaan. Ini lebih menepati konsep *bayt al-māl* dalam perundangan Islam yang merupakan pertubuhan negara. Dengan dana yang besar, pembelaan terhadap mangsa diharap dapat dilakukan. Akhirnya, bagi menjamin hak mangsa, bantuan kepada pemandu yang berliabiliti bagi menjelaskan ganti rugi kepada mangsa kemalangan jalan raya juga dicadangkan. Namun, cadangan ini khusus bagi pemandu cuai Muslim yang tidak berkemampuan sahaja. Hutang ganti ruginya terhadap mangsa boleh dijelaskan melalui peruntukan asnaf *al-ghārimūn*. Ini bergantung kepada kewujudan dana tersebut. Melalui cadangan berdasarkan konsep tanggungan liabiliti yang komprehensif menurut perundangan Islam ini, hak mangsa yang berhak diharap dapat dibela dengan lebih baik.

9.3 Implikasi Kajian

Cadangan pembaharuan sistem penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia melalui kajian ini memberi implikasi kepada beberapa pihak seperti berikut:

9.3.1 Pihak Penggubal Undang-undang

Pihak Jabatan Peguam Negara wajar mempertimbangkan cadangan pembaharuan penyelesaian kes kemalangan jalan raya menurut perundangan Islam.

Keterbukaan pihak Jabatan Peguam Negara yang mengkaji pelaksanaan Skim Liabiliti Tanpa Salah terdahulu, wajar diteruskan demi mencari penyelesaian terbaik kepada permasalahan semasa yang berlaku. Perbincangan lanjut wajar dianjurkan oleh Pihak Jabatan Peguam Negara dengan pakar undang-undang, pengkaji dan pihak-pihak berkaitan. Seterusnya, draf pindaan perlu disediakan untuk perbincangan selanjutnya di peringkat yang lebih tinggi iaitu Parlimen Malaysia. Beberapa akta yang memerlukan pindaan berikut pembaharuan yang dicadangkan antaranya ialah Akta Undang-undang Sivil 1956 (Pindaan 1984), Akta Pengangkutan Jalan 1987, Kanun Keseksaan (Pindaan 1997) dan lain-lain yang berkaitan.

9.3.2 Pihak Kerajaan dan Pelaksana

Pihak kerajaan perlu memainkan peranan dalam meluaskan perolehan dan tabungan BPIM. Dengan pertambahan dana dan tabungan, skop liabiliti BPIM boleh diluaskan terhadap semua golongan mangsa yang terkeluar daripada skop tanggungan syarikat takaful/insurans. Salah satu cara adalah melalui denda dan saman yang diperolehi daripada semua kesalahan trafik. Oleh kerana kesalahan trafik ini banyak memberikan kemudaratkan kepada pengguna jalan raya, denda dan saman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah trafik wajar diperuntukkan buat mana-mana pengguna yang terjejas. Memorandum perjanjian di antara Menteri Pengangkutan dengan Biro Penanggung Insurans Motor Malaysia Barat (BPIM) seterusnya, perlu diperbaharui semula.

9.3.3 Badan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri

Kajian lanjut berkenaan tafsiran semasa asnaf *al-ghārimūn* sebagai pihak yang berhutang ganti rugi terhadap mangsa yang tidak dilindungi insurans dan BPIM, perlu dipertimbangkan. Jika wujud keperluan yang signifikan, cadangan penubuhan Baitulmal Kebangsaan yang bersifat nasional perlu diusahakan. Ini bagi memusatkan lebihan dana zakat atau peruntukan dana asnaf *al-ghārimūn* bagi memudahkan penyalurannya kepada pihak mangsa kemalangan sebagai pembiutang ganti rugi.

9.4 Cadangan Kajian Akan Datang

Berhubung limitasi kajian ini untuk mengupas semua aspek, beberapa kajian lanjutan dicadangkan sebagai kesinambungan. Antara aspek yang wajar diperincikan menerusi kajian akan datang ialah:

- 1) Pelaksanaan diat bagi kes kemalangan jalan raya di beberapa negara Islam yang memperundangkannya. Ini penting bagi mendapatkan contoh aplikasi konsep perundangan Islam dalam realiti semasa.
- 2) Jadual diat dan *arsh* bagi kecederaan dengan rujukan terhadap istilah-istilah perubatan semasa. Tidak dinafikan bahawa kajian ini mahupun kajian-kajian terdahulu telah melampirkan jadual ganti rugi berdasarkan diat mengikut nilai semasa di Malaysia. Namun penyediaan jadual tersebut, dilihat lebih kepada penterjemahan nilai diat kepada nilai RM semasa sahaja dengan merujuk kepada kecederaan dengan istilah-istilah Arab yang asal, tanpa memahami bentuk sebenar kecederaan tersebut dan menghubungkaitkannya dengan istilah perubatan semasa. Jadual ganti rugi lengkap yang dicadangkan ini, sangat wajar disediakan dan seterusnya dibandingkan dengan ganti rugi yang diputuskan oleh

mahkamah seperti yang dijadualkan dalam Personal Injury Reports (PIR).

Hasilnya bukan sahaja boleh menjadi panduan bagi penetapan kuantum ganti rugi bagi kes kemalangan jalan raya, bahkan boleh diguna pakai bagi semua kesalahan lain melibatkan kehilangan nyawa, kehilangan anggota maupun fungsinya dan kecederaan.

- 3) Kajian perbandingan berkenaan maksim yang digunakan dalam kes-kes tort kecuaian menurut undang-undang di Malaysia dan perundangan Islam.
- 4) Prospek pelaksanaan diat sebagai alternatif penyelesaian kes kemalangan jalan raya dan kecederaan diri di Malaysia. Kajian kuantitatif dicadangkan untuk meninjau penerimaan masyarakat terhadap konsep penyelesaian kes kemalangan jalan raya di Malaysia menurut perundangan Islam berbanding penyelesaian semasa.

9.5 Penutup

Kajian perbandingan ini diharap dapat memperlihatkan keindahan Islam sebagai undang-undang yang relevan bagi menangani permasalahan semasa. Diharap usaha ini, menambah nilai kepada disiplin pengajian syariah semasa, khususnya perundangan tort Islam. Pengembangan konsep melalui kajian perbandingan diharap dapat mengarusperdanakan perundangan tort Islam. Cita-cita merealisasikan perundangan Islam di Malaysia yang diterima berdasarkan pendekatan ilmu dan pemahaman, diharap selangkah lebih dekat.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Bahasa Melayu

- Abdul Aziz Bari. "Pelaksanaan Islam Melalui Kerangka Perlembagaan dan Perundangan Malaysia". Dalam *Jurnal Undang-undang IKIM* 3, no. 2, 1999.
- _____. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005.
- Abdul Basir Mohamad dan Noor Huda binti Roslan. "Undang-undang tort di Malaysia: Sejarah Kemasukan." Dalam Isu Syariah dan Undang-undang. Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Basir Mohamad. "Tindakan Kemudaratan Disebabkan oleh Haiwan di Jalan Raya." dalam al-Syariah, jilid 4, 2008.
- _____. *Undang-undang Tort Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Abdul Ghani Azmi Haji Idris. *Himpunan Hadith-hadith Shahih*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2007. Jilid 1.
- _____. *Himpunan Hadith Shahih Mengenai Hukum Hudud*, c.2 Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2007.
- Abdul Monir Yaacob. "Undang-undang Jenayah: Kajian Perbandingan." Makalah, Seminar Perundangan Islam Peringkat Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 8 – 10 Ogos 1981.
- _____. dan Sarina Othman (ed). *Tinjauan kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2000.
- _____. "Ke Arah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia: Isu-isu Berkaitan Perundangan." Makalah, Seminar ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan, 26-27 Jun 2001.
- _____. dan Siti Shamsiah Md. Supi. *Pendakwaan dan Penyiasatan Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003.
- Abdul Rahman Awang. "Pelaksanaan Hukum-hukum Islam Terhadap Orang Bukan Islam di Malaysia". Makalah, Seminar Perundangan Islam Peringkat Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 8 – 10 Ogos 1981.
- Abdullah Alwi Hj Hassan, "Konsep dan Peranan Bayt al-Mal di Zaman Kegemilangan Islam." Makalah, Seminar Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan, 26-27 Jun 2001.
- Abu Bakar Abdullah, *Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai, 1986.

Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi, *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2004.

Ahmad bin Muhammad Husni, et. al, “Kedudukan Insurans Sebagai Pengganti Aqilah Bagi Pembayaran Diyat Dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-Undang Islam.” Dalam *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat* 4, no. 1, 2012.

Ahmad Ibrahim, “Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia, Masalah dan Kemungkinan.” Makalah, Seminar Perundangan Islam Peringkat Kebangsaan, 8 – 10 Ogos 1981, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

_____. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Anita binti Abdul Rahim. *Jenayah Homisid*, cet. 2. Petaling Jaya: International Law Book Services, 2005.

al-Ahkam al-'Adliyyah Undang-undang Sivil Islam, terj. Md. Akhir Haji Yaakob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.

Baduyah bt. Obeng, “Insurans Motor: Perlindungan Kepada Pengambil Insurans dan Pihak Ketiga.” Disertasi Sarjana, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, 1995.

_____. “Hak Pihak Ketiga untuk Membuat Tuntutan dan Menguatkuaskan Penghakiman yang Diawardkan Kepadanya Terhadap Syarikat Insurans Motor (Syarikat insurans).” Dalam [1998] 1 CLJ Supp xxiii.

_____. “Insurans Motor Pihak Ketiga yang Diwajibkan di Malaysia.” Dalam [1998] 1 CLJ Supp I.

Hailani Muji Tahir. *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit UKM, 2007.

_____. “Baitulmal: Hubungan dengan dasar Belanjawan dan Pembangunan Negara” dalam Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, 2009.

Hairunnizam Wahid et al. “Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada lapan Asnaf: Kajian di Malaysia.” Makalah, Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam, 10-11 Februari 2009.

Hapriza Ashari, Khairiah Soehod dan Lekha Laxma. *Prinsip Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003.

H.M Atho Mudzar. *Pendekatan Studi Islam dalam Teori dan Praktek*. t.tp: Pustaka Pelajar, t.t.

H. Moh. Rifai dan A. Qusyairi Misbah. *Terjemah Bulughul Maram Lengkap dengan Penjelasan-penjelasan*. Selangor: Thinkers Library Sdn Bhd, 1989.

Ibnu Qaiyyim al-Jauziyyah. *Fatwa-fatwa Rasulullah saw*, terj. Saifuddin Zuhri. t.tp: Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2000.

Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn Bhd, 2009.

Jalaluddin al-Sayuti. *Asbabun Nuzul Sejarah Turunnya Ayat-ayat al-Quran*, terj. K.H.Q. Saleh et.al. Kuala Lumpur: Victory Agency, 2004.

Kamus Undang-undang. Selangor: Penerbit fajar Bakti Sdn. Bhd, 1995.

Lukman Abdul Mutualib. "Diat Mengikut Realiti Kehartaan dan Kekeluargaan di Malaysia." Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Unievrsti Malaya, 2004.

Norchaya Talib. *Prinsip-prinsip Asas Tort*. Selangor : Sweet & Maxwell Asia, 2006.

Mahinder Singh Sidhu. *Pengambil dan Penanggung Insurans Motor dan Hak Pihak Ketiga*, terj. Asiah Mohd. Yusoff. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid. "Ke Arah Merealisasikan Undang-undang islam di Malaysia." Makalah, Seminar Syariah Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi islam Universiti Malaya, 16 – 17 Jun 1987.

_____. *Undang-undang Jenayah Islam, Konsep dan Asas Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur: Bahagian hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1992.

Mahmud Saedon Hj. Awang Othman. "Syariah Sebagai Satu Sumber Undang-undang Malaysia: Harapan dan Hakikat." Makalah, Seminar Syariah dan Common Law di Malaysia, Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 16 – 17 Mei 1992.

Mat Saad Abdul Rahman. *Pembalasan Kesalahan Jenayah dalam Masyarakat Majmuk (Dengan Penumpuan kepada Peruntukannya Terhadap Bukan Islam)*. Petaling Jaya: Intel Multimedia dan Publication, 2006.

Mahmasani, Subhi Rajab. Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah *Hudūd, Qīṣāṣ dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafā' al-Rāshidīn*. terj. Md Som Sujimon. IIUM Press, 2009.

Mohamed Azam Mohamed Adil. "Faktor-faktor Semasa dalam Menentukan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia: Satu Analisis." Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa IV, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 28 – 29 September 2005.

Mohamed S. El-Awa. *Hukuman dalam Undang-undang Islam Satu Kajian Perbandingan*, terj. Khidmat Terjemahan Nusantara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.

Mohammad Hashim Kamali. *Punishment in Islamic Law An Enquiry into The Hudud Bill of Kelantan* (Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 2005)

Mohd Akhir Ya'akob. *Hukum Hudud Wajib Dilaksanakan* cet. 2. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1987.

Mohd Radzali Masrum. *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Mohd Ridzuan Mat Noor. "Kemalangan Jalan Raya di Malaysia: Analisis Berasaskan Hukum Jenayah Islam." Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Unievrsti Malaya, 2004.

Mokhtar Hj. Mansor, *Siasatan Kemalangan Jalan Raya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Muhammad Najib et al. *Diyat dalam Perundangan Islam*. Nilai: Penerbit USIM, 2012.

Muhammad Sa'id al-Qahthani. *al-Wala' wal Bara' Loyalitas dan Antiloyalitas dalam Islam*, terj. Saifuddin Abu Sayid. Solo: Era Intermedia, 2000.

Nik Abd Rashid Nik Abdul Majid. "Kedudukan Undang-undang Islam di Sisi Perlembagaan Malaysia". Makalah, Seminar Syariah Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, 16 – 17 Jun 1987.

Paizah Haji Ismail. *Undang-undang Jenayah Islam*. Selangor: Tradisi Ilmu sdn Bhd, 2003.

_____. *Status Wanita dalam Undang-undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2004.

_____. *Hudud Hukum & Pelaksanaan*. Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd, 2008.

Pelaksanaan Hukum Hudud di Kelantan. Kota Bharu: Telda Corporation, 1994.

P. Balan, "Perlindungan Pihak Ketiga dalam Undang-undang Insurans Motor." Dalam Makalah Undang-undang Menghormati Ahmad Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Rahmah Ismail, "Kecederaan Tubuh Badan Dalam Kes Kemalangan – Suatu Perbincangan Dari Aspek Gantirugi Yang Boleh Di Tuntut." Dalam terbitan tak berkala, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990.

Rose Ismail. *Hudud in Malaysia The Issues at Stake*. Selangor: Sisters in Islam, t.tp: Sisters In Islam, t.t.

Sa'id Haji Ibrahim. *Pelaksanaan Hukuman Hudud dalam Perundangan Islam Berteraskan Quran dan Hadith*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah. 2000.

Salleh bin Buang. "Ulasan Ke atas Kertas Kerja Undang-undang Jalan Raya di Malaysia – Sejauh Manakah Keberkesanannya Masa Kini. Kajian ke Atas Hak-hak Menuntut Insuran dan Tuntutan Kecederaan Dalam Kemalangan." Makalah, Seminar Undang-undang dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, 5 -6 September 1987.

_____. *Undang-undang Kecuaian di Malaysia*, terj. Asiah Mohd Yusof. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999.

Siti Zubaidah Ismail. "Kemalangan Maut Jalanraya Menurut Perspektif Undang-undang Malaysia dan Islam." Dalam Jurnal Syariah 7, bil. 2, 1999.

- _____. “Kecuaian dan Ganti rugi Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-undang Tort Islam.” Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005.
- _____. “Kecuaian dan Penentuan Liabiliti dalam Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-undang Islam.” Dalam *Malaysian Journal of Syariah and Law* 1, 2009.
- _____. “Kecuaian Perubatan Menurut Undang-undang Tort dan Autoriti Mengenainya Dari Sudut Syariah.” Dalam Jurnal Syariah 19, bil 2, 2011.
- Subhi Mahmasani. *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman Khulafa’ al-Rashidin*. terj. Md Som Sujimon. ttp: IIUM Press, 2009.
- Syed Ahmad S.A Alsagoff. *al-Diyah as Compensation for Homicide and Wounding in Malaysia*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2006.
- Syeikh Ghazali Abd. Rahman. “Pelaksanaan Undang-undang Islam di Negeri-negeri di Malaysia dan Masalah-masalah yang dihadapi”. Makalah, Seminar Syariah Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia, Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya, 16 – 17 Jun 1987.
- Tanzil-ur-Rahman. “Pelaksanaan Syari‘ah dalam Sebuah Negara Islam: Kes Pakistan.” Makalah, Seminar Perundangan Islam Peringkat Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 8 – 10 Ogos 1981.
- Yaakub Haji Mad Sam. “Undang-undang Jalan Raya di Malaysia, Sejauh manakah Keberkesanannya Masa Kini” Makalah, Seminar Undang-undang dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 5 – 6 September 1987.
- Zaini Nasohah et al. *Syariah dan undang-undang Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2004.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010.
- Zulkifly bin Muda. *Jenayah Hudud dan Pembunuhan Menurut Perundangan Islam*. Kuala Terengganu: Penerbit UMT, 2010.

Rujukan Bahasa Arab

- ‘Abd Allāh Muḥammad ‘Abd Allāh, “Ḥawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin*. Jilid 2. t.t.p, 1994.
- ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd. *Fatāwā al-Imām ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd*. al-Qāhirah : Dār al-Ma‘ārif, 1981.
- ‘Abd al-Ḥamīd Kishk. *Fatāwā al-Shaykh Kishk Humūm al-Muslim al-Yaumiyah*. Miṣr: Maktabah al-Nahḍah, 1988.
- ‘Abd al-Raḥmān bin Ṣalīḥ, *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah al-Mutaḍaminah li al-Taysīr*. al-Maktabah al-Syāmilah, versi 3.28.

Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. ed. `Imād Zaki al-Bārūdī. Jilid 2. al-Qāhirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2010.

Abū Dāwūd Sulaymān bin al-`Ash`at, *Sunan Abī Dāwūd*, ed; al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid, `Abd al-Qādir `Abd al-Khayr dan Sayyid Ibrāhīm. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth, 2010.

Aḥmad Badr al-Dīn Haşṣūn, *Mawsū‘ah al-Imām al-Syāfi‘ī al-Kitāb al-Um Silsilat Muṣannafāt al-Imām al-Maṭlabī Muḥammad bin Idrīs al-Syāfi‘ī*. Dimasyq: Dār Qutaybah, 2003.

Aḥmad Fatḥī Bahnaṣī, *al-Diyāt fī al-Syāri ‘ah al-Islāmiyyah*, cet. ke 4. al-Qāhirah: Dār al-Syurūq, 1984.

Aḥmad al-Ḥuṣārī, *al-Qiṣāṣ- al-Diyāt- al- Ḥisyān al-Musalaḥ fī al-Fiqh al-Islāmī* al-Qāhirah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, 1973.

al-Ahwānī, Ḥusām al-Dīn Kāmil. “al-Ittiḥādah li al-Qaḍā’ al-Kuwaitī fī Majāl Ta‘wīd al-Adrār al-Māsyiah ‘an ‘Amal Ghayr al-Masyrū’.” Dalam *Majallah al-Huqūq wa al-Syāri‘ah* 2, no. 1, 1978.

al- ‘Abdari, Muḥammad bin Yūsuf, *al-Tāj wa al-Iklīl li Mukhtaṣar Khalīl*. Maktabah al-Syāmilah versi 3.08.

al- ‘Aisāwī, Najm ‘Abd Allāh Ibrāhīm. *al-Jināyah ‘alā al-Atrāf fī al-Fiqh al-Islāmī*. Dubai: Dār al-Buhūth li al-Dirāsat al-Islāmiyyah wa Ihya’ al-Turāth, 2002.

al-Buhūtī, Manṣūr ibn Yūnus. *Kashshāf al-Qinā‘an Matn al-Iqnā‘*. Jilid 7. Riyād: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003.

al-Anṣārī, Zakariyā ibn Muḥammad. *Asnā al-Maṭālib Sharḥ Rawḍ al-Tālib*. Jilid 4. t.tp: al-Maktabah al-Islāmiyah, t.t.

al-Baghawī, Abī Muḥammad al-Ḥusīn bin Mas‘ūd. *al-Tahdhīb fī Fiqh al-Imām al-Syāfi‘ī*. Jilid 7. Beirut: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, t.t.

al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn bin `Alī. *al-Sunan al-Kubrā*. ed. Muḥammad `Abd al-Qādir `Atā, cet. ke-3. Jilid 8. Beirut: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 2003.

al-Bukhārī, Abū `Abdullah Muḥammad bin Ismā`īl. *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ*. Jilid 4. al-Qāhirah: al-Maṭba`ah al-Salafiyyah wa Maktabatūhā.

al-Dāraqutnī, `Alī bin `Umar. *Sunan al-Dāraqutnī*. ed. `Ādil Aḥmad `Abd al-Mawjūd dan `Alī Muḥammad Mu`awwaḍ. Jilid 3. Beirut: Dār al-Ma`rifah, 2001.

al-Dasūqī, Ibrāhīm. “al-Niẓām al-Qānūnī li al-Mas’ūliyyah al-Madaniyyah ‘an Hawādith al-Sayyārat fī al-Qānūn al-Kuwaitī wa al-Qānūn al-Muqāran.” Dalam *Majallah al-Huqūq wa al-Syāri‘ah* 2, no. 1, 1978.

al-Hājirī, Ḥamad bin Muḥammad al-Jābir. *al-Qawā‘id wa al-Dawābiṭ al-Fiqhiyyah fī al-Dāmān al-Mālī*. Riyad: Dār Kunūz Ishbiliyyah li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2008.

al-Kasānī, ‘Alā’ al-Dīn, *Badā'i‘ al-Ṣanā‘i’ fī Tartīb al-Syarā‘i‘*. Jilid 7. Beirut: Dār al-Kitāb al- ‘Arabi, 1982..

al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān. *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-‘Arba‘ah*. Beirut: Dār al-Irshad, t.t.

al-Jumaylī, Muhsin ‘Abd Farhān Ṣāliḥ. *al-Gharāmah al-Māliyyah fī al-Hudūd wa al-Jināyat ‘alā al-Nafs al-Basyariyyahwa mā Dūnihā fī al-Fiqh al-Islāmi*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006.

al-Juwainī, ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh bin Yūsuf. *Nihāyah al-Maṭlab fī Dirāyah al-Madhab*. Jilid 16. Jeddah: Dār al-Manhāj, 2007.

al-Khasylān, Khālid bin Sa‘ad. *al-Tadākhul bayn al-Aḥkām fī al-Fiqh al-Islāmi*. Jilid 1 dan 2. Riyāḍ: Dār Ishbiliyyā li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 1999.

al-Luhāibī, Sālih Aḥmad Muḥammad. *al-Mubāsyir wa al-Mutasabbib fī al-Mas’uliyyah al-Taqsīriyyah Dirāsah Muqāranah*. Amman: Dār al-Thaqafah li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2004.

al-Maqdisī, Muḥammad bin Muflīḥ. *al-Furū‘ wa Tashīḥ al-Furū‘*. Jilid 6. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1418H.

al-Mardawī, ‘Alī ibn Sulaymān. *al-Insāf fī Ma‘rifat al-Rājiḥ min al-Khilāf ‘alā Madhab al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1998.

al-Marghīnānī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī. *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyat al-Mubtadi*. Miṣr: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t.

al-Marūzī, Ishaq bin Mansūr. *Masā'il al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal wa Ishaq bin Rāhawayh (al-Hudūd wa al-Diyāt)*. al-Balūsyī, Ḥusain bin Maṭr (ed). Jilid 7. Madīnah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, 2004.

al-Mawardī, ‘Alī ibn Muḥammad. *al-Hāwi al-Kabīr fī Fiqh Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī : wa huwa sharḥ Mukhtaṣar al-Muzānī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.

al-Mawṣilī, ‘Abd Allāh Ibn Maḥmūd. *al-Ikhtiyār li Ta‘līl al-Mukhtār*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.

al-Muḥāsanah, Muḥammad Yaḥyā. “Aṣḥāb al-Ḥaq fī al-Ta‘wīd ‘an Darar al-Adabī.” Dalam *Majallah al-Ḥuqūq* 4, no. 2, 2000.

al-Munjid, Muḥammad Ṣāliḥ. *Fatāwā al-Islām Su‘āl wa Jawāb*. Jilid 1. al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28.

al-Muṭī‘ī, Muḥammad Najīb, *Takmilah al-Thāniyah al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*. Miṣr: Maṭba‘ah al-Imām, t.t.

al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah, t.t.

al-Namlah, ‘Abd al-Karīm bin ‘Alī bin Muḥammad. *Taysīr Masā'il al-Fiqh Syarḥ al-Rauḍ al-Murbi‘ wa Tanzīl al-Aḥkām ‘alā Qawā‘idihā al-Uṣūliyyah wa Bayān Maqāsidihā wa Maṣālihihā wa asrāriha wa Asbāb al-Ikhtilāf fīhā*. Jilid 5. Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, 2006.

al-Nawāwī, Abī Zakariyyā Yaḥyā bin Syaraf bin Murrī. *al-Majmū‘ Sharh al-Muhadhdhab*. al-Qāhirah: Maṭba‘at al-‘Āsimah, 1966.

_____. *al-Minhāj: Fī Sharh Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, `Ummān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2010.

al-Qaraḍāwī, Yusuf. *Fatāwā Muṣṭafā al-Zarqā’*. Dimasyq: Dār al-Qalam, 2004.

al-Qawaizānī, ‘Abd Allāh bin Muhammad. *al-Kaffārāt fī al-Syari‘ah al-Islāmiyyah ‘alā Madhāhib al-Arba‘ah*. Riyāḍ: Maṭābi‘ Marāmir, 1403H.

al-Qazwīnī, Abū `Abdullah Muḥammad bin Yazīd. *Sunan Ibn Majja*. ed. `Imād Zākī al-Bārūdī. al-Qāhirah: Dār al-Tawfiqiyah li al-Turāth, 2010.

al-Quḍāh, Zakariyyā. “Ijtīmā‘ al-‘Uqūbah al-Muqaddarah fī al-Fiqh al-Islāmī.” Dalam *Majallah al-Syari‘ah wa al-Dirāsat al-Islāmiyyah* 4, no. 8, 1987.

al-Qurṭubī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Mālik bin Baṭal al-Bakrī. *Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid 8. Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd dalam al-Maktabah al-Syamilah, versi 3.28, 2003.

al-Sarāj, ‘Abbūd. *al-Tasyri‘ al-Jazā’i al-Muqāran fī Fiqh al-Islāmī wa al-Qānūn al-Sūrī*. cet ke 5. Dimasyq: Mansyūrāt al-Jāmi‘ah, 1993.

al-Sarakhsī, Syams al-Dīn , *al-Mabsūt*. Jilid 26 dan 27. Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.

al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir*. al-Maktabah al-Syāmilah, versi 3.28.

al-Syāfi‘ī, Muḥammad ibn Idrīs, *Mawsū‘at al-Imām al-Shāfi‘ī al-kitab al-Umm*, cet. ke 2. Beirut: Dār Qutayba, 2003.

al-Syaikh Niẓām et. al. *al-Fatāwā al-Hindiyah fī madhhāb al-Imām al-a‘zām Abī Hanīfah al-Nu‘mān*. Beirut: Dār Ihyā‘ al-Turāth al-‘Arabi, 2002.

al-Syarbīnī al-Khaṭīb, Muḥammad. *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma‘rifat Ma‘āni Alfāz al-Minhāj*. Misr: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduhu, 1958.

al-‘Ulwānī, Nasywah. *Naẓāriyyah al-Sababiyyah al-Jinā’iyah fī al-Fiqh al-Islāmī Muqāranah bi al-Qānūn al-Wadh’i*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nāsyirūn, 2004.

al-‘Umārī, ‘Abd al-Qādir Muḥammad, “Ḥawādith al-Sair” dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin*. Jilid 2. Jeddah: Majma‘ Fiqh al-Islāmi, 1994.

al-‘Uthmānī, Taqi. “Qawā‘id wa Masā’il fī Ḥawādith al-Sair.” Dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin*. Jilid 2. Jeddah: Majma‘ Fiqh al-Islāmī, 1994.

al-Zarqā’, Muṣṭafā Aḥmad. *al-Fi‘l al-Dār wa al-Dāmān fīhi Dirāsah wa Siyāghah Qanūniyyah*. Dimasyq: Dār al-Qalam, 1984.

al-Zuhaylī, Muḥammad. *Marāji‘ al-‘Ulūm al-Islāmiyyah Ta‘rīfuhā- Tārīkhuhā- A’immatuhā- ‘Ulamā’uhā- Maṣādiruhā- Kutubuhā*. Dimasyq: Dār al-Muṣṭafā, 2010.

al-Zuhailī, Wahbah. *al-Fiqh al-Ḥanbali al-Muyassar bi Adillatihi wa Taṭbiqatihī al-Muāṣirah*. Dimasyq: Dār al-Qalam, 1997.

_____. *Naẓariyyat al-Dāmān aw Aḥkām al-Mas ‘uliyyah al-Madaniyyah wa al-Jinā’iyah fi al-Fiqh al-Islāmi Dirāsah Muqāranah*. Dimasyq: Dār al-Fikr, 1998, c.2.

_____. *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*. Dimasyq: Dār al-Fikr, 2004.

‘Ali Haidar, *Durar al-Hukkam Syarh Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.

‘Alī al-Khafīf, *al-Dāmān fī al-Fiqh al-Islāmi*. al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabi, 2000.

‘Ali bin Nāyif al-Syahūd, *Khulāṣah fī Fiqh al-Aqalliyat*. al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28. Jilid 7.

‘Awdah, ‘Abd al-Qādir, *al-Tasyrī’ al-Jinā’iyah al-Islāmi Muqāranan bi al-Qānūn al-Wadh’ī*, (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 2

Bakr bin ‘Abd Allāh Abū Zayd, *Aḥkām al-Jināyah ‘alā al-Nafs wa Mā Dūnihā ‘Inda Ibn Qaiyyim al-Jawziyyah*. Suriyyah: Muassasah al-Risālah, 1996.

Hai’ah Kibār al-Ulamā’ bi al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah, *Abhāth Hai’ah Kibār al-Ulamā’*. al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28, t.t.

Ḩusnā ‘Abd al-Samī‘ Ibrāhīm, *Mawqif al-Fuqahā’ min Dāmān al-Amwāl fī al-Syārī ‘ah al-Islāmiyyah Dirāsah Muqāranah*. Dimyāt: Maktabah Nanāsī, 2004.

Ibrāhīm Fadhil al-Dabbu. *Dāmān al-Manāfi‘ Dirāsah Muqāranah fī al-Fiqh al-Islāmi wa al-Qānūn al-Madani*. ‘Ammān: Dār ‘Umār, 1998.

Ibrāhīm Said Aḥmad. *al-Darar al-Ma‘nawī Fiqhān wa Qadā’an*. Iskandariah: al-Maktab al-Jāmi‘ī al-Ḥadīth, 2007.

Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amin ibn ‘Umar. *Hāshiyat Radd al-Mukhtār ‘alā al-durr al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Abṣār fī Fiqh Madhab al-Imām Abī Ḥanifah al-Nu‘mān*, cet. ke 2. Mişr: Mustafa al-Babi al-Halabi, 1966.

Ibn Ḥajar al-Haytamī, Aḥmad ibn Muḥammad, *Tuhfat al-Muḥtaṭ bi Sharḥ al-Minhāj*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.

Ibn Ḥanbal, Aḥmad ibn Muḥammad. *Masā’il al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal wa-Iṣḥaq ibn Rahawayh*. Madinah: Wizārat al-Ta‘līm al-‘Ālī, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyah bi al-Madīnah al-Munawwarah, ‘Imādat al-Baḥth al-‘Ilmi, 2004.

Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*.

Ibn Nujaym, Zayn al-Dīn ibn Ibrāhīm, *al-Bahr al-rā‘iq sharḥ kanz al-daqa‘iq fī furū‘ al-Ḥanafiyah lī ‘Abd Allāh ibn Aḥmād ibn Maḥmūd al-ma‘rūf bi Ḥāfiẓ al-Dīn al-Nasafī*. Jilid 8. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.

Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh bīn Aḥmad, *al-Mughnī*. cet. ke-5. Jilid 12. Riyāḍ: Dar ‘Ālam al-Kutub, 2005.

_____. *al-Kāfi fī fiqh al-Imām al-Mubajjal Aḥmad ibn Ḥanbal*, cet. ke-4. Beirut: al-Maktab al-Islāmi, 1985.

_____. ‘Umdat al-fiqh ‘alā Madhab hibr al-ummah wa Nāshir a‘lām al-Sunnah al-‘ālim al-rabbānī wa-al-siddiq al-thānī Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal al-Shaybānī. Beirut: Dar al-`Ibad, t.t.

‘Iwaḍ Aḥmad Idrīs. *al-Diyāt bayn al-‘Uqūbah wa al-Ta‘wid fī al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran*. Beirut: Dār wa Maktabah al-Hilal, 1986.

Mālik bin Anas, *al-Mudawwanah al-kubrā*. Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1994.

Muḥammad ‘Aṭā al-Sid Sid Aḥmad. “Hawādith al-Sair.” Dalam *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī al-Dawrah al-Thāminah al-‘Adad al-Thāmin*. Jilid 2. t.t.p, 1994.

Muḥammad Aḥmad Sarāj. *Dāmān al-‘Udwān fī al-Fiqh al-Islāmī Dirasah Fiqhiyyah Muqāranah bi Aḥkām al-Mas’uliyah al-Taqsīriyyah fī al-Qānūn*. Qāhirah : Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 1990.

Muhammad ‘Abduh, *Fatāwā al-Azhar*. al-Maktabah al-Syāmilah versi 3.28.

Muḥammad ibn Aḥmad, *Sharḥ manh al-Jalīl ‘alā Mukhtaṣar al-‘Āllāmah Khalīl* . Beirut : Dār al-Fikr, 1984.

Muhammad Rasyid al-‘Umar, *Uṣūl al-Taḥqīq al-Jinā‘ī fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah Dirāsa Fiqhiyyah Muqāranah*. Dimasyq: Dār al-Nawādir, 2008.

Muḥammad ‘Uthmān Syabīr, *Fatāwā al-Syeikh Muḥammad Abū Zahrah*. Dimasyq: Dār al-Qalam, 2006.

Mujāhid Muḥammad Abū Rakḥīh. “Hukm al-Ta‘zīr bi Akhdh al-Māl fī al-Islām.” Dalam *Majallah al-Syarī‘ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 2, no. 4, 1985.

Sa‘dī Abū Jīb, *Mawsū‘at al-Ijmā‘ fī al-Fiqh al-Islāmī*. Jilid 1. Damsyik: Dar al-Fikr, 1999.

Şalaḥ al-Dīn Maḥmūd, *al-Fatāwā al-Muhimmah li Faḍīlat al-Syeikh Muḥammad bin Ṣalīḥ al-‘Uthaimīn*. t.p: t.t.p, t.t.

Rujukan Bahasa Inggeris

Abdul Monir Yaacob. “The Implementation of Syariah Law in The Civil and Syariah Courts in Malaysia.” Dalam Jurnal Undang-undang IKIM 2, no. 1, 1998.

_____. “The Position of Dhimmis In Islamic Law”. Dalam *Jurnal Undang-undang IKIM* 3, no. 2, 1999.

Aharon Layish. “Interplay Between Tribal and Sharī‘ī Lāw: A Case of Tibbāwī Blood Money in The Shari‘a Court in Kufra”. Dalam *Islamic Law and Society* 13, no. 1, 2006.

Anthony Clarke (2010), ”Apil Annual Conference 2008 : Keynote Speech, [2010] 1 LNS(A) lv.

Anwarullah, *The Cirminal Law of Islam*, cet. ke-2. Kuala Lumpur: A.S Noordeen, 2002.

Ashgar Ali Ali Mohamed and Farhan Baig Sardar Baig, Civil Claims Involving Motor Vehicle Accidents : Wether Court of Appeal The Apex Court?, [2009] 1 MLJ xxii.

Ashgar Ali Ali Mohamed, "Contract of Service or Contract for Service : With Special Reference to The Status of Graduate Research Assistants in Employment Law", [2010] 2 ILR xxxv.

Bar Council of Malaysia. "Civil Law (Ammendment) Act 1984." Dalam [1984] CLJ 209.

Bibi Afifeh Hamed Dashti. "The Concept of Justice in Islamic Philosophy." Dalam Islam and The Modern Age 39, no. 3, 2008.

Bronwyn Howell et.al, "No-Fault Public Liability Insurance: Evidence from New Zealand", dalam *Agenda*, jil 9, bil. 2, (2002).

Charles Nicholson, "The Law of Damages in Malaysia : Has The Law on Multiplier for the Loss of Dependency been Settled?" , *IIUM Law Journal* 12, No. 1 (2009), 126 - 127.

Chan Shick Chin, *Personal Injury: Law, Practice and Precedents*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal, 2001.

Cornelius J. Peck. "Negligence and Liability Without Fault in Tort Law." Dalam *Washington Law Review* 46, no. 2, 1971.

Debra Gardner, "Justice Delayed Is, Once Again, Justice Denied: The Overdue Right To Counsel in Civil Cases" dalam 37 U. Balt. L. Rev. 59 2007-2008.

G.T.S Sidhu. "*Comments On The Paper No-Fault Liability in Motor Accidents Case.*" Kertas kerja *Fourth Malaysian Law Conference* di Kuala Lumpur, 19 – 21 Oktober 1977.

Gunnar J. Weimann. "Islamic Law and Muslim Governance in Nothern Nigeria: Crimes against Life, Limb and Property in Sharī'a Judicial Practice". Dalam *Islamic Law and Society* 17, no. 3 – 4, 2010.

Harminder Singh Dhaliwal, "Mitigation Of Damage: When Should A Gain Or Benefit (Or Betterment) That Accrues To A Plaintiff Be Taken Into Account In Assessing The Damages Payable By A Defendant", [2004] 4 MLJ xxviii; [2004] 4 MLJA 28.

Harun Mahmud Hashim. *Motor Vehicle Accident Claims – The Case for No-Fault Liability*. Kuok Foundation Berhad, 1995.

Imran Ahsan Khan Nyazee. *Theories of Islamic Law The Methodology of Ijtihad*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 2002.

James A. Henderson, "Why Negligence Dominates Tort" dalam UCLA Law Review, Jilid 50, bil 2 (2002).

Janak Raj Jai, *Motor Accident Claims Law & Procedure*, cet. ke-2. Delhi: Universal Law Publishing Co. Pvt. Ltd, 2000.

Jeffrey O. Connell. "Neo-No-Fault: A Fair-Exchange Proposal for Tort Reform". Dalam *Proceedings of The Academy of Political Science* 31, no. 1, 1988.

Kandiah Chelliah. "The Need for an Accident Claims Court/Tribunal for Fatal/Personal Injury Claims." Dalam [1995] 3 CLJ lxix (Aug).

Kandiah Chelliah. "No Fault Liability for Motor Vehicle Accident Claims : Tan Sri Harun Hashim's Proposal and Other Factors That Need Consideration", [1996] 4 CLJ c.

Kandiah Chelliah. "Claim for Nursing/Future Care of Permanently Disabled/Paralysed Accident Victims: Should The Claim Be For Nursing Care at Home or Be at Private/Professional Nursing Centre." Dalam [1996] 2 CLJ lxxix.

Khoo Guan Huat. "Assessment of Damages." Dalam [1993] 1 MLJ cxxix

K.S Dass. "Contributory Negligence- Who Should Plead?." Dalam [1997] 2 MLJ lxxxii.

_____. *Quantum of Damages in Personal Injury, Parliament v Common Law: A Critical Examination of the Effects of the 1984 Amendments to the Civil Law Act 1956*. Selangor : Legal Circle Books Sdn Bhd, 1997.

K.M Stanton. *The Modern Law of Tort*. London : Sweet and Maxwell, 1994.

Leslie Chew, Colin Ong dan KC Vohrah. "A Comparative Analysis of Various Aspects in The Law of Personal Injuries in Brunei, Malaysia and Singapore." Dalam [2008] 3 MLJ i, vii.

Liaquat Ali Khan Niazi. *Islamic Law of Tort*. Lahore: Research Cell Dayal Singh Trust Library, 1988.

Lim Heng Seng. *Assessment of Damages in Personal Injury and Fatal Accident Claims : Principles and Practice*. Kuala Lumpur : Marsden Law Book Sdn Bhd, 1995.

Marc A. Franklin. *Injuries and Remedies Cases and Materials on Tort Law and Alternatives*. Mineola: The Foundation Press, Inc., 1979.

Mark A. Robinson. *Accident Compensation in Australia- No-fault Schemes*. Sydney: Legal Books PTY. LTD, 1987.

Muhammad Altaf Hussain Ahangar. "Damages For Loss Of Earnings In Malaysia: The Need For A 'Just' Multiplier." Dalam [2003] 3 MLJ lxxxii; [2003] 3 MLJA 81.

_____. "Dependability of Dependency Claims : The Malaysian Perspective." Dalam [2004] 3 MLJ xxii; [2004] 3 MLJA 22.

Mohammad 'Ata-Alsid Sid-Ahmad, "Traffic Accident in Islamic Law", *IJUM Law Journal* 4, no. 1 & 2, 1994.

Mohammad Hashim Kamali. "Shari'ah and Civil Law: Towards A Methodology of Harmonization." Dalam *Islamic Law and Society* 14, no. 3, 2007.

Mohammed Imam. "Malaysian Common Law: Reality and Feasibility." Dalam [1997] 1 CLJ cv.

Muhammad Muslehuddin. *Concept of Civil Liability in Islam and The Law of Torts*. Lahore: Islamic Publications Ltd, 1982.

Nasim Hasan Shah. *Islamization of Law in Pakistan*. Islamabad: Shariah Academy, International Islamic University, 2000.

Norchaya Talib, *Law of Torts in Malaysia*, c. 2. Selangor: Sweet & Maxwell Asia, 2003.

Nuraisyah Chua Abdullah, *Question & Answers on Malaysian Courts, Statutes, Cases & Contract, Tort and Criminal Law*. Selangor: International Law Book Services, 2004.

P. Balan. *Damages for Personal Injuries and Causing Death : A Critical Survey*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004.

P.W.J. Bartrip. "Pedestrian, Motorist, and No-Fault Compensation for Road Accidents in 1930s Britain". Dalam *The Journal of Legal History* 31, No. 1, (2010).

Param Cumaraswamy, "No Fault Liability in Motor Accident Cases." Makalah, *Fourth Malaysian Law Conference*, Kuala Lumpur, 19 – 21 Oktober 1977.

Paul R. Powers. "Offending Heaven and Earth: Sin and Expiation in Islamic Homicide Law." Dalam *Islamic Law and Society* 14, no. 1, 2007.

Puteri Nemie bt Jahn Kassim. "Is 'no-fault' The Answer to Dilemmas Facing Victims of Medical Negligence?." Dalam [2002] 4 MLJ xliv.

S. Gunasegaran. Claiming Medical Expenses Incurred in Private Hospitals in Personal Injury Litigation [1998] 2 MLJ xxv.

_____. "The Admissability and Use of Police Reports in Accident." Dalam [2003] 1 MLJ lxxv.

S. Radhakrishnan. "Quantum of Damages in Personal Injury Claims." Dalam [1995] 3 MLJ xxix; [1995] 3 MLJA 29.

Saul Levmore. *Foundations of Tort Law*. New York: Oxford University Press, 1994.

R.F.V. Heuston and R.A Buckley. *Salmond and Heuston on The Law of Torts*. London: Sweet and Maxwell LTD, 1996.

R.K Nathan. *Practical Approach to Assessment of Liability and damages in Tort*. Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd, 1986.

Robert L. Rabin. *Perspectives on Tort Law*. Toronto: Little, Brown and Company, 1976.

Ronald W. Eades, "Attempts to Federalize and Codify Tort Law", *Tort and Insurance Law Journal* 36, Issue 1 (2000), 2.

Roselle L. Wissler, Patricia F. Kuehn and Michael J. Saks, "Instructing Jurors on General Damages in Personal Injury Cases Problems and Possibilities." Dalam *Psychology, Public Policy and Law*, 6, no. 3, 2000.

Sayed Hassan Amin. *Islamic Law in The Contemporary World: Introduction, Glossary and Bibliography*. Glasgow: Royston Limited, 1985.

Sayed Sikandar Shah Haneef. *Homicide in Islamic Legal Structure and The Evidence Requirements*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen, 2000.

- S. Santhana Dass. *Personal Injury Claims*. Selangor: Alpha Sigma Sdn Bhd, 2000.
- _____. “Chan Chin Min v. Ibrahim Ismail – The Unsettled Dispute as To Wether The Court Has The Authority To Reduce The Statutory Multiplier In Dependency Claims.” Dalam [2006] 3 CLJ i.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. *Research Methodological Cage: Understanding the Qualitative Viewpoint*. Kuala Lumpur: Aaras Publisher, 2012.
- Syed Ahmad S.A Alsagoff, *al-Diyah as Compensation for Homicide and Wounding in Malaysia*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, 2006.
- W. Lawrence Neuman. *Social Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*, ed. ke-7. Boston: Pearson, 2011.
- William A. Drier. “Reform of the Personal Injury Damages Delivery System”, *Rutgers Law Review* 48, no. 3, (1996).
- Zaleha binti Zahari. “No Fault Liability in Motor Accident Cases” Kertas kerja *Fourth Malaysian Law Conference* di Kuala Lumpur, 19 – 21 Oktober 1977.
- ### Laman Sesawang
- Cadangan kepada Skim Liabiliti Tanpa-Salah bagi Tuntutan Kemalangan Jalan Raya yang Melibatkan Kenderaan Bermotor, laman sesawang Jabatan Peguam Negara, dicapai 12/2/2009, <http://www.agc.gov.my/agc/public/paper.htm>.
- “FOMCA Di Pentas Media : Memorandum- Implementation Of The No-Fault Liability Scheme In Malaysia”, laman web Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, <http://www.fomca.org.my/english>, capaian pada 19/1/2009.
- “Hawādith al-Sayyārāt wa Bayān Mā Yatarattab ‘Alayhā bi al-Nisbat li Ḥaq Allāh Ta ‘ala thumma Ḥaq ‘Ibādihi”, laman sesawang al-Lajnah al-Dā’imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’, www.yaqob.com, capaian 22/1/2009.
- “Info Agihan”, laman sesawang Lembaga Zakat Majlis Agama Islam Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/info-agihan/asnaf-zakat/>, dicapai 04 Mac 2013
- Kerry Walk, “How to Write a Comparative Analysis”, laman sesawang Harvard College Writing Center, <http://writingcenter.fas.harvard.edu/pages/how-write-comparative-analysis>, dicapai pada 27 Mac 2013.
- “Latar Belakang Harta Baitulmal”, laman sesawang Majlis Agama Islam Selangor, http://www.mais.net.my/index.php?option=com_content&view=article&id=231:latar-belakang-bahagian-hartabaitulmal&catid=6:bahgianhartabaitulmal&Itemid=215, dicapai 1 Mac 2013.
- Lembagi Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/kadar-nisab/lembaga-zakat-selangor>, capaian 19/1/2015.
- “LZS Kutip Zakat RM451juta dan agih RM401.8juta tahun 2012”, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor Majlis Agama Islam Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/kadar-nisab/lembaga-zakat-selangor>

zakat.com.my/terkini/lzs-kutip-zakat-rm451-juta-dan-agih-rm401-8-juta-tahun-2012/, , dicapai 04 Mac 2013.

Munir Ahmad Mughal, “Islamic Concept of Baytu'l-Mal”, <http://ssrn.com/author=1697634>, h. 39-40, dicapai 11 September 2013.

National Consumer Complaints Center (NCCC), <http://nccc.org.my>, capaian pada 19/1/2009.

“Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah ke Baitulmal dan Institusi Islam Lain”, laman sesawang Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penyaluran-harta-tidak-patuh-syariah-ke-baitulmal-dan-institusi-islam-lain>, dicapai 14 Mac 2013.

PIAM Annual Report, Persatuan Insurans Am Malaysia,<http://www.piam.org.my/annual/2007/b005.htm>, 22/1/2009.

Pusat Pungutan Zakat Selangor, <http://www.zakat.com.my/info/arkib-nisab-tahunan/>, capaian pada 11/01/2014.

“Program-program Asnaf”, laman sesawang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, http://www.emaik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=306&Itemid=1199, dicapai 04 Mac 2013.

Richard Wee Thiam Siang (2007): “Lawyers unanimously not supporting the No-Fault Liability Scheme”, The Malaysian Bar, <http://www.malaysianbar.org.my>, capaian pada 19/1/2009.

Zaharuddin Abdul Rahman, “Perlukah Memulangkan Wang Sumbangan kerana Ia Hasil Judi?”, <http://www.zaharuddin.net/sejarai-lengkap-artikel/3/963-memulangkan-wang-sumbangan-kerana-ia-hasil-judi-.html>, dicapai 5 Februari 2013.

<http://jimatcermat.my/zakat-apa-itu-zakat-nisab-dan-cara-pengiraannya/>, capaian pada 19/1/2015.

Akhbar

“Perbezaan Pusat Zakat dengan Baitulmal” dalam Ruangan Bicara Zakat Lembaga Zakat Selangor, Utusan Malaysia, 29 Jun 2012.

The Sun, September 11, 2007, “Proposed-White Paper on No-Fault Liability” dilampirkan di The Malaysian Bar, <http://www.malaysianbar.org.my>, dicapai pada 19/1/2009.

Temu bual

Farah Nina binti Zainal Abidin, Peguam, Dass, Jainab & Associates, Advocates & Solicitors, pada 15 Januari 2009.

Dr Hashim bin Mehat, Profesor Madya Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 8 Jun 2009.

Dr Abdul Basir bin Haji Mohamad, Profesor Madya Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 8 Jun 2009.

Dato' Sheikh Abdul Halim bin Abdul Kadir, Persatuan Ulama Malaysia, pada 7 Julai 2009.

Dr Abdul Halim el-Muhammady, pada 14 Julai 2009.

Dr Md Khalil bin Ruslan, Profesor Madya, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, pada 17 Julai 2009.

Dr Lukman Abdul Mutalib, Pensyarah, Jabatan Pendidikan, Bahasa dan Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia, pada 21 Julai 2009.